

SIRI JEJAK KEHIDUPAN
MENGEMUDI
PANDANGAN
DUNIA

BERDASARKAN ALKITAB

Panduan untuk remaja melangkah ke alam dewasa -
membina asas yang kukuh dalam iman



Mulakan perjalanan anda hari ini



SIRI JEJAK KEHIDUPAN

MENGEMUDI

PANDANGAN

DUNIA

BERDASARKAN ALKITAB

EDITOR PERUNDING:
REV DR HERBERT TAN

PETER C. T. LIM

KATA PENGANTAR OLEH:
PR ANN WAN KUAN
PASTOR-IN-CHARGE DUMC

Hak cipta



Pertama kali diterbitkan di Malaysia pada 2025 oleh Pristine World Sdn Bhd

Hak Cipta © 2025 Pristine World Sdn Bhd

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem simpanan semula, atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau melalui sebarang cara, sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman, pengimbasan atau lain-lain, tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pemilik hak cipta.

Kecuali dinyatakan sebaliknya, semua visual, foto dan ilustrasi dalam buku ini adalah hak milik Pristine World Sdn Bhd.

Petikan ayat Alkitab diambil daripada Alkitab Versi Borneo © Hak cipta 2015 oleh Borneo Sabda Limited. Digunakan dengan kebenaran Zondervan.
Hak cipta terpelihara.

Penghargaan

Penulis: Peter C. T. Lim

Mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda (Ekonomi & Sains Komputer) dari Monash University, Clayton, dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari University of NSW. Beliau merupakan pengarah pengasas Pristine World, sebuah syarikat penerbitan pendidikan Kristian dengan lebih daripada 100 judul yang telah diterjemahkan kepada pelbagai bahasa di Malaysia.

Editor Perunding: Rev Dr Herbert Tan

Mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains, Universiti Malaya; Sarjana Divinity, Trinity Evangelical Divinity School, Illinois; PhD, Northwestern University, Illinois. Beliau pernah menjadi pensyarah di Seminari Teologi Malaysia (STM) dalam bidang Pendidikan Kristian dan telah berkhidmat dalam Lembaga Methodist pelayanan belia selama beberapa tahun.

ISI KANDUNGAN

Kata Pendahuluan	4
Penghargaan	4

Bahagian 1: Memahami Asas dalam Pandangan Dunia Berdasarkan Alkitab

1. Apakah itu Pandangan Dunia?	6
2. Memulakan Perjalanan Sebagai Orang Kristian – Kepentingan Doa, Alkitab, dan Persekutuan Kristian yang Akrab	14
3. Krisis Identiti – Siapakah Tuhan dan Siapakah Saya?	24
4. Kewibawaan dan Kepentingan Alkitab sebagai Sebuah Dasar bagi Pandangan Dunia Kristian	31
5. Apakah itu Dosa dan Akibat-akibat Dosa?	40
6. Rancangan Penyelamatan Tuhan dan Bertumbuh dalam Iman	47
7. Memahami Pandangan Dunia yang Berbeza dan Mempertahankan Kepercayaan Kita	60

Bahagian 2: Pendekatan Langkah Demi Langkah bagi Aplikasi Pandangan Dunia Berdasarkan Alkitab

8. Hubungan dengan Keluarga dan Rakan-rakan	78
9. Memadankan Iman berdasarkan Alkitab dengan Sains – Adakah Wujud Apa-apa Konflik?	87
10. Pandangan Dunia Berdasarkan Alkitab tentang Bagaimana Kita Menjaga Diri Kita dan Sumber-sumber yang Kita Miliki	100
11. Penggunaan Teknologi dan Pemuridan Secara Digital	110
12. Beberapa Perkara yang Perlu Diperhatikan dalam Kehidupan Manusia	125
13. Pandangan Alkitab tentang Seksualiti	136
14. Pandangan Alkitab tentang Ketagihan	147
15. Bagaimanakah Orang Kristian Menjawab Soalan-soalan yang Sukar?	158
16. Mengaplikasikan Pandangan Dunia Berdasarkan Alkitab dalam Kehidupan Sehari-hari	171

Kata Pendahuluan

Kita sedang melalui masa yang menentukan arah masa depan gereja. Semua di sekeliling kita, budaya sedang berubah, nilai sedang berkembang, dan kebenaran semakin dianggap sebagai satu pilihan. Pada masa-masa ini, Tuhan tidak memanggil umat-Nya untuk mundur dalam ketakutan, tetapi untuk bangkit dalam iman dan keberanian, berpegang teguh dalam Firman-Nya yang tidak berubah dan dipimpin oleh kebenaran-Nya yang tak tergoncangkan. Kerana itulah mengapa sumber tentang pandangan dunia berdasarkan alkitab ini bukan hanya penting – ianya diperlukan.

Sama ada kamu ialah orang percaya yang masih muda yang sedang mengemudi laluan kamu, seorang ibu bapa yang membentuk generasi seterusnya, atau seorang pemimpin yang membimbing orang lain dalam kebenaran, buku ini adalah untuk kamu. Biarlah ia mencabar pemikiran kamu, menggoncang roh kamu, dan menguatkan keyakinan kamu. Kita akan hidup dengan berbeza apabila kita mula melihat dunia melalui mata Tuhan. Dan apabila kita hidup dengan berbeza, kita boleh membuat perubahan yang sebenarnya dan yang bertahan lama.

Melalui karya ini, Peter telah melakukan satu pelayanan yang cemerlang kepada Gereja di Malaysia. Doa saya adalah supaya buku ini akan menjadi asas keyakinan kamu, menajamkan penilaian kamu, dan menyalakan kasih kamu bagi Firman Tuhan. ketika kamu membaca, merenungkan, dan bergumul dengan kebenaran-kebenaran di dalamnya, biarlah kiranya kamu akan bangkit sebagai orang-orang percaya yang berani, berpegang teguh dalam Ayat Alkitab, dan tidak takut untuk hidup melawan budaya untuk Kristus.



Pst. Ann Wan Kuan
Pastor Penyelaras
Gereja Methodist Damansara Utama,
Petaling Jaya, Selangor, Malaysia

Penghargaan

Penulis juga ingin menghargai pertolongan dan nasihat yang diberikan oleh beberapa orang: Saudara Chai Cheng Seng, seorang penatua di Pusat Injil Sunway, Satkunamary daripada Jawatankuasa Kuiz Alkitab Antarabangsa, Jonathan Chin Yee daripada Scripture Union Semenanjung Malaysia, Lilian Jose dan guru-guru sekolah minggu dari Kota Kinabalu, pemimpin-pemimpin sekolah minggu yang lain, pemimpin-pemimpin pelayanan muda-mudi, dan penyemak kami, Eva Hew dan Eleanor Woo.

BAHAGIAN 1:

MEMAHAMI ASAS DALAM PANDANGAN DUNIA BERDASARKAN ALKITAB

APAKAH ITU PANDANGAN DUNIA?

Yesaya 48:17 – “Akulah TUHAN, Allahmu, yang mengajar engkau tentang apa yang berfaedah, yang membimbing engkau di jalan yang patut kautempuh.”

1.1 Apakah Itu Pandangan Dunia?

Sebuah pandangan dunia adalah seperti sepasang cermin mata yang melaluinya kita melihat dunia ini. Ia adalah sebuah penapis yang membentuk pendapat kita dan membantu kita untuk memahami semua yang berlaku di sekeliling kita. Dalam keadaan terbaik, ia dapat membantu kita melihat objek dan warna di dunia sebenar. Ia dapat membantu memperbetul sebarang rabun dekat, rabun jauh, atau apa-apa sahaja masalah penglihatan. Tetapi jika kita menggunakan kanta yang salah, ia dapat mengaburkan pandangan kita, atau memberikan kita pandangan warna yang salah.

Sama ada kita menyedari atau tidak, kita semua mempunyai sebuah pandangan dunia. Kita semua memiliki sifat berat sebelah dalam bentuk-bentuk yang tertentu berdasarkan pada pengalaman kita yang lepas, pengetahuan kita dan orang-orang yang mempengaruhi kita.

Pengetahuan lepas, pengalaman, dan orang-orang yang kita percaya membentuk pandangan dunia kita dan mempengaruhi cara bagaimana kita akan bertindak ke atas cabaran-cabaran kehidupan. Adakah kamu mengetahui pandangan dunia kamu? Bagaimanakah reaksi kamu ketika berhadapan dengan pilihan? Siapakah orang-orang yang paling kamu percayai, atau yang kamu fikirkan mempunyai pengalaman yang paling banyak? Apakah pengalaman yang kamu miliki berkaitan dengan hal-hal yang tertentu. Apakah yang kamu gemari dan tidak



Letakkan sekeping penapis berwarna biru dan kita akan melihat dunia dengan warna yang berbeza daripada warna yang sebenarnya. Sebuah kanta yang baik akan membantu kita melihat dunia dan mentafsirkannya sebagai sebuah objek atau warna yang tepat. *Mazmur 3:5-6 Firman-Mu lampu bagi kakiku dan cahaya bagi jalanku. (Mazmur 119:105)*



- ▲ Sebuah peta yang salah akan menyesatkan kita.

kita laluan atau sekurang-kurangnya menunjukkan kita bagaimana untuk memilih laluan yang betul. Tanpa sebuah peta yang baik, kita mungkin akan kehilangan arah, membuang banyak masa, atau berakhir dengan tidak menuju ke destinasi yang kita inginkan. Peta apakah yang kamu gunakan ketika kamu ingin mencari sebuah lokasi di bandar? Adakah peta itu dapat dipercayai? Sejauh manakah peta yang kamu gunakan dapat dipercayai dalam membuat pilihan yang penting seperti pemilihan karier, pemilihan sahabat, dan seorang bakal pasangan hidup?


Sebuah pandangan dunia yang berasaskan pada kepercayaan dan fakta dapat membantu kita melihat peristiwa-peristiwa dalam hidup kita dari sebuah gambaran yang besar. Ia dapat membantu kita menapis bahagian-bahagian kecil peristiwa sementara dalam hidup kita tentang bagaimana dan mengapa hal-hal tertentu terjadi. Seperti teka-teki jigsaw, jika kita tidak memiliki gambaran yang besar, yang biasanya ditunjukkan pada penutup kotak itu, maka kita akan mempunyai sedikit peluang untuk menyusun kepingan-kepingan jigsaw yang kecil itu untuk menjadi gambar yang lengkap.

gemari? Adakah perkara-perkara ini akan mempengaruhi cara bagaimana kamu melihat peristiwa-peristiwa atau persoalan-persoalan dalam hidup?

Pandangan dunia kita juga adalah seperti sebuah peta. Ketika kita perlu memilih satu laluan, atau membuat keputusan, kita akan merujuk pada pandangan dunia kita. Walaupun jika kita tidak mempunyai pengetahuan tentang pilihan-pilihan yang kita hadapi, kita akan mencari maklumat atau merujuk pada orang-orang yang kita kenali. Tetapi pandangan dunia kita akan mempengaruhi tentang bagaimana kita mencari maklumat atau kepada siapa kita berbicara.

Sebuah peta yang baik, akan

menunjukkan



- ▲ Persoalan-persoalan kehidupan boleh menjadi sangat mengelirukan.

Sebuah pandangan dunia yang dapat dipercayai boleh membantu kita untuk menyusun kepingan-kepingan itu untuk membentuk sebuah gambar yang cantik
Yesaya 48:17 – “Akulah TUHAN, Allahmu, yang mengajar engkau tentang apa yang berfaedah, yang membimbing engkau di jalan yang patut kautempuh.”

Adakalanya kita merasakan seperti kita diberikan beberapa kepingan teka-teki jigsaw, dan kita perlu belajar bagaimana cara untuk menyelesaikannya. Bagaimana kita memahami semua kepingan-kepingan ini: Mengapa ibu bapa saya menghantar saya ke sekolah, kolej atau universiti ini? Bagaimana akhirnya saya bersama kumpulan sahabat ini? Adakah terdapat sebuah tujuan untuk semua ini? Mengapa saya diberikan anugerah dalam bidang ini, bagaimana saya dapat menggunakannya untuk membantu diri saya dan keluarga saya?’

1.2 Apakah yang paling mempengaruhi cara kamu berfikir dan memahami sesuatu?

Ketika kanak-kanak membesar, beberapa faktor mula untuk membentuk bagaimana mereka melihat dan memahami dunia. Pengaruh-pengaruh ini sering kali datang daripada keluarga, sekolah, budaya, dan media yang mereka gunakan. Dengan menjadi peka akan pengaruh-pengaruh ini, orang-orang muda boleh menjadi lebih memilih tentang bagaimana mereka membentuk pandangan dunia mereka. Berikut adalah pecahan-pecahan untuk pengaruh utama di antara umur 6 tahun sehingga 17 tahun:

Ibu Bapa dan Keluarga (Umur 6 – 17)

Ibu bapa memainkan peranan yang penting, terutamanya pada umur-umur yang muda. Mereka memupuk kepercayaan, nilai, dan moral asas, membentuk teras bagi pandangan dunia seorang kanak-kanak. Tradisi keluarga, perbualan tentang etika, agama dan pengalaman harian, semuanya membantu untuk meneguhkan kepercayaan-kepercayaan ini. Ahli keluarga besar, seperti datuk dan nenek serta sepupu, juga menyumbang dengan mengukuhkan tradisi dan nilai budaya yang dikongsikan semasa perkumpulan keluarga.

Nota: Ibu bapa sangat berpengaruh dalam membentuk pandangan dunia semasa waktu kecil, tetapi ketika anak-anak semakin dewasa, mereka mula membina asas yang telah ditetapkan oleh ibu bapa mereka dan mungkin membuat perubahan berdasarkan pada pengalaman-pengalaman yang baru.

Guru di Sekolah dan Rakan Sebaya (Umur 6 – 17)

Sekolah menyediakan pendidikan formal, yang melebarkan pemahaman seorang anak tentang dunia melalui subjek-subjek seperti sejarah, sains, dan sastera. Guru, terutamanya di antara umur 6 dan 12, adalah teladan yang paling penting, yang menawarkan bimbingan dalam hal akademik dan etika. Ketika kanak-kanak mencapai sekolah pertengahan dan sekolah menengah (umur 13-17), pengaruh rakan sekelas dan rakan sebaya meningkat. Rakan-rakan dan rakan sekelas boleh membentuk perilaku, sikap, dan identiti, terutamanya dalam persekitaran sosial.

Tip: Pengaruh rakan sebaya menjadi semakin kuat ketika remaja, oleh itu ianya penting untuk memikirkan semula tentang bagaimana persahabatan dan interaksi sosial membentuk perspektif seseorang.

1 Korintus 15:33 – “Jangan kamu biarkan dirimu disesatkan orang. ‘Kebiasaan yang baik musnah kerana pergaulan yang buruk.’” Ayat ini mengingatkan orang muda untuk berhati-hati tentang pengaruh yang mereka benarkan dalam hidup mereka, sama ada melalui sahabat atau media, kerana ia dapat membentuk kepercayaan dan tindakan mereka. Ia menekankan kepentingan kebijaksanaan dalam memilih apa dan siapa untuk didengarkan.

Media dan Media Sosial (10 – 17)

Televisyen, filem, dan muzik mempunyai pengaruh yang besar ke atas cara orang muda melihat dunia. Watak dan cerita yang mereka lihat mampu menggalakkan atau mencabar kepercayaan sedia ada mereka. Ketika anak-anak itu menjadi semakin dewasa (dari umur 10 – 17), platform-platform seperti Instagram, TikTok, dan YouTube mula memberikan kesan yang lebih besar. Platform-platform media sosial ini mendedahkan para remaja kepada pelbagai pendapat, tren, dan idea-idea, yang adakalanya berlawanan dengan apa yang mereka telah pelajari daripada keluarga atau sekolah.

Nota: Media sosial mempunyai pengaruh yang besar dalam membentuk identiti dan kepercayaan, tetapi tidak semua isi yang ditunjukkan dalam platform-platform ini dapat dipercayai atau bermanfaat.

Filipi 4:8 – “Akhir sekali, saudara-saudaraku, apa sahaja yang benar, apa sahaja yang mulia, apa sahaja yang adil, apa sahaja yang suci, apa sahaja yang indah, apa sahaja yang dipandang tinggi — jika ada sesuatu yang baik dan jika ada sesuatu yang terpuji — tumpukan fikiran kepadanya.” Ayat ini menggalakkan untuk menumpukan pada perkara-perkara yang baik, suci, dan bermanfaat, yang penting dalam melayari media dan platform sosial yang sering kali memaparkan campuran isi yang bermanfaat dan berbahaya.

Tradisi dan Budaya Komuniti (6-17)

Bagi kanak-kanak yang dibesarkan dalam komuniti yang tegas atau kumpulan keagamaan, kepercayaan dan kebiasaan yang lebih besar dalam komuniti itu juga membentuk pandangan dunia mereka. Ini mungkin termasuklah upacara keagamaan, acara-acara komuniti, dan kebiasaan-kebiasaan budaya. Warisan etnik dan budaya juga membantu mengukuhkan naluri identiti dan pemilihan.

Tip: Tradisi komuniti dapat memberikan satu naluri kesinambungan dan hubungan dengan warisan sesuatu, tetapi orang muda juga mungkin ingin memikirkan kembali bagaimana tradisi ini selari dengan kepercayaan peribadi mereka.

Amsal 22:6 – “Didiklah seorang anak di jalan yang patut dilaluinya, maka pada masa tuanya pun dia tidak menyimpang dari laluan itu.” Ayat ini menekankan kepentingan untuk membimbing kanak-kanak pada awal hidup mereka, untuk membantu mereka melahirkan satu asas yang kuat dalam nilai dan kepercayaan yang akan membentuk tindakan dan pandangan dunia mereka untuk masa akan datang.

Internet dan Pengisian Atas Talian

Apabila kanak-kanak menjadi semakin dewasa, mereka mula meneroka internet dengan lebih berdikari, sering kali menemukan idea-idea yang baru melalui enjin carian, blog-blog, dan forum atas talian. Dari umur 12 sehingga 17, para remaja mungkin menemukan pelbagai jenis maklumat yang sama ada menyokong atau mencabar pandangan dunia yang mereka ada sekarang. Permainan video dan interaksi atas talian juga membentuk bagaimana orang muda berfikir dan bertindak.

Tip: Internet menawarkan pelbagai maklumat, yang baik dan juga yang buruk. Penting bagi orang muda untuk berfikir secara kritikal tentang apa yang mereka temui di atas talian.

1 Korintus 15:33 – “Jangan kamu biarkan dirimu disesatkan orang. ‘Kebiasaan yang baik musnah kerana pergaulan yang buruk.’” Ayat ini mengingatkan orang muda untuk berhati-hati dengan pengaruh-pengaruh yang mereka benarkan dalam hidup mereka, sama ada melalui sahabat atau media, kerana ia dapat membentuk kepercayaan dan tindakan mereka. Ia menekankan kepentingan kebijaksanaan menilai dalam memilih apa dan siapa untuk didengarkan.

Universiti dan Pendidikan Tinggi

Semasa para remaja bersedia untuk kursus universiti atau pra-universiti, perbincangan akademik dan pengajaran falsafah menggalakkan pemikiran secara kritikal. Kelas-kelas dalam subjek seperti falsafah, etika, dan sains politik mendedahkan para remaja yang lebih matang kepada idea-idea yang baru, membantu mereka untuk membentuk dan mengembangkan pandangan dunia mereka ketika mereka beralih kepada fasa dewasa muda.

Tip: Pendidikan tinggi menyediakan peluang-peluang untuk meneroka perspektif-perspektif yang baru, tetapi ianya penting untuk mengekalkan keseimbangan di antara meneroka idea yang baru dengan tetap setia pada nilai teras seseorang.

Amsal 2:6 – “Kerana TUHAN sajalah yang mengurniakan hikmah, dan daripada mulut-Nyalah datang pengetahuan serta pengertian.” Ayat ini mengingatkan para remaja bahawa kebijaksanaan dan pemahaman yang sejati datang daripada Tuhan, biarpun mereka menemukan idea-idea yang baru dan mengembangkan pengetahuan mereka dalam persekitaran akademik.

Ringkasan untuk Pengaruh-pengaruh berdasarkan Umur:

- **Umur 6 – 12:** Ibu bapa, keluarga, dan guru mempunyai pengaruh yang terbesar. Media dan hiburan juga mula memainkan peranan, tetapi pengaruh ini sering kali dihadkan dengan bimbingan ibu bapa.
- **Umur 13 – 17:** Sahabat-sahabat, media sosial, dan internet menjadi lebih mempengaruhi, biarpun keluarga dan sekolah mula untuk memainkan peranan. Pada masa ini, para remaja sering kali mula mempersoalkan dan membentuk semula pandangan dunia mereka berdasarkan pada maklumat-maklumat dan pengalaman-pengalaman baru.

Secara ringkasnya, biarpun ibu bapa dan keluarga menyediakan asas permulaan bagi pandangan dunia seorang kanak-kanak, pengaruh-pengaruh yang lain seperti sekolah, rakan-rakan, media, dan internet mempunyai peranan yang lebih besar semasa remaja. Ketika mereka mencapai 17 tahun, kebanyakan remaja telah terdedah kepada lebih banyak idea. Pada peringkat ini, penting bagi orang-orang muda untuk bersifat lebih memilih tentang apa yang mereka benarkan untuk membentuk pandangan dunia, untuk memastikan mereka selari dengan nilai-nilai yang ingin mereka pegang.

Rujukan untuk 1.2: Penyelidikan oleh American Worldview Inventory dan tanggapan yang dikongsikan oleh Pusat Penyelidikan Budaya di Majlis Penyelidikan Keluarga Universiti Kristian Arizona (ACU)

1.3 Mengapakah Mengembangkan Pandangan Dunia Berdasarkan Alkitab Penting bagi Orang Kristian dan Bagaimana Kita Harus Melakukannya?

Seperti yang kita telah lihat daripada bahagian-bahagian sebelum ini, sama ada kita suka atau tidak, kita dipengaruhi dengan banyak faktor dalam mengembangkan pandangan dunia kita, penapis kita atau kanta kita yang melaluinya kita mentafsir perkara-perkara yang kita lihat di dunia.

Mengapa ianya penting bagi orang Kristian untuk mempunyai sebuah peta yang boleh dipercayai yang dapat membimbing mereka ke destinasi mereka?




Mengapakah Perlunya Sebuah Pandangan Dunia Berdasarkan Alkitab

Jika kita tidak sedar tentang bagaimana pandangan kita dipengaruhi, maka kita mungkin mengembangkan pendapat atau kepercayaan yang pada asalnya bukanlah niat kita. Kepercayaan dan pendapat seperti itu kemudiannya akan memberi kesan kepada cara kita bertindak ke atas situasi-situasi yang mungkin kita sesali selepas itu, kerana ia tidak menunjukkan asas kepercayaan kita. Oleh itu, mengapa ianya penting bagi orang Kristian untuk mengembangkan pandangan dunia kita berdasarkan Alkitab?

- Kita semua mempunyai satu pandangan dunia dan ia sentiasa berkembang, sama ada kita menyedarinya atau tidak. Setiap hari kita mendapatkan maklumat yang baru daripada orang lain, internet, dan pengalaman dan ini mempengaruhi pandangan dunia kita, untuk menjadi semakin baik atau semakin buruk. Maka, kita seharusnya lebih bersungguh-sungguh tentang apa yang menjadi dasar bagi pandangan dunia kita.


BAB 1: APAKAH ITU PANDANGAN DUNIA?



Orang Kristian perlu menggunakan Alkitab sebagai satu kanta untuk menapis nilai dan memimpin perkembangan pandangan dunia mereka.

Roma 12:2: "Janganlah ikut cara dunia, sebaliknya berubahlah menurut pembaharuan fikiranmu. Dengan demikian, kamu dapat memastikan apa kehendak Allah itu, apa yang baik, yang diredai-Nya dan yang sempurna."

- Sama seperti kita menggunakan peralatan tertentu untuk menapis berita yang benar daripada berita yang palsu, kita memerlukan kanta untuk menapis nilai-nilai yang baik daripada nilai-nilai yang buruk. Kita memerlukan satu kanta untuk memerhati, mempelajari, dan menapis maklumat yang baru dan melihat sama ada maklumat baru itu secara moralnya selari dengan nilai-nilai asas kita.



Selama beribu-ribu tahun Bible telah memberi kesan positif kepada kehidupan orang ramai.

- Alkitab seperti yang kita ada sekarang, telah menjadi alat untuk memimpin orang Kristian lebih daripada 2,000 tahun yang lepas. Ia dapat dipercayai. Walaupun kebenaran yang diajarkannya tidak berubah selama beribu-ribu tahun, namun aplikasinya berkembang sesuai dengan keperluan manusia pada masa ini.

1.4 Bagaimanakah Kita Mengetahui Bahawa Alkitab ialah Firman Tuhan?

Mengapakah Alkitab seharusnya menjadi panduan yang paling penting? Kerana ia bukan sekadar buku biasa – Ia adalah firman Tuhan. Bagaimanakah kita mengetahuinya? Selama beribu-ribu tahun, Alkitab telah mengubah hidup manusia. Ia membawa pengharapan kepada orang-orang yang berputus asa, membantu manusia menjalani hidup yang lebih baik, dan melakukan impak yang positif dalam sejarah. Walaupun pada hari ini, pengajarannya masih membimbing jutaan manusia.

Kamu boleh mempercayai Alkitab kerana hikmatnya telah terbukti berulang-ulang kali. Ia membicarakan kebenaran tentang hidup, yang benar dan yang salah, dan tujuan kita hidup di muka bumi ini. Jika kamu membina pandangan dunia kamu berdasarkan Alkitab, maka kamu membinanya di atas sesuatu yang kukuh; sebuah asas yang kukuh yang akan membantu kamu melakukan pilihan-pilihan yang bijak dan menjalani hidup yang bermakna.

Sepanjang kita membaca buku ini, kami akan menunjukkan kamu mengapa ajaran-ajaran dalam Alkitab masih terpakai pada hari ini, dan dapat memberikan struktur yang terbaik untuk membina pandangan dunia kamu; sebuah kanta untuk menumpukan pada cabaran yang sukar, sebuah peta untuk mengemudi perjalanan hidup dan gambaran yang lebih besar untuk menyusun cebisan-cebisan dalam kehidupan yang rumit.

1.5 Ringkasan Pelajaran

- Sebuah pandangan dunia adalah seperti sebuah kanta yang melaluinya kita melihat dan mentafsirkan peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam hidup kita. Sebuah pandangan dunia yang baik dapat membantu kita untuk mengemudi hidup ini dan memberikan kita sebuah gambaran yang besar tentang di mana kita berada sekarang dan bagaimana hidup kita dapat memainkan satu peranan dalam dunia yang sulit ini.
- Sama ada kita menyedarinya atau tidak, kita semua dipengaruhi oleh orang lain, peristiwa, pengetahuan, dan pengalaman untuk mengembangkan pandangan dunia kita. Penting untuk menyedari hal ini supaya kita dapat menilai sama ada pandangan dunia kita selari atau mungkin berbeza daripada nilai teras kita.
- Sebagai orang Kristian, penting untuk mengembangkan pandangan dunia kita berdasarkan pada sebuah asas yang kukuh iaitu Alkitab. Alkitab adalah firman Tuhan dan ia telah teruji oleh masa dengan kebenaran yang tidak berubah di tengah-tengah dunia yang dinamik dengan perubahan tren, fesyen, kepercayaan dan teknologi.

BAB 2

MEMULAKAN PERJALANAN SEBAGAI ORANG KRISTIAN - KEPENTINGAN DOA, ALKITAB, DAN PERSEKUTUAN KRISTIAN YANG AKRAB

Kisah Para Rasul 2:42 - “Mereka berpegang teguh pada pengajaran para rasul, dan pada persaudaraan, pembahagian roti dan doa.”



Syurga mengisytiharkan kemuliaan Tuhan

2.1 Bagaimanakah kamu memulakan kehidupan Kristian kamu?

Apakah yang dipercayai oleh orang Kristian? Mari kita mulakan dengan soalan asas: Bagaimana kita menjadi orang Kristian?

Dapatkah kamu mengingat bagaimana kamu memberikan hidup kamu kepada Yesus dan menjadi pengikut-Nya? Seseorang dilahirkan dalam sebuah keluarga Kristian dan telah diajar tentang Yesus sejak kecil. Seseorang daripada kita mempunyai kepercayaan yang berbeza ketika kita masih muda dan tidak mempercayai mana-mana tuhan yang tertentu. Tetapi kita semua perlu melakukan sebuah keputusan secara sadar pada titik-titik tertentu dalam hidup kita sebelum kita dapat menjadi orang Kristian. Apakah langkah-langkah asas untuk melakukan keputusan ini? Kita percaya terdapat satu Tuhan yang menciptakan alam semesta, hidup kita, dan semua hidupan; bahawa Dia adalah Tuhan yang sempurna yang kudus dan memerlukan hal yang sama daripada kita.

- *Mazmur 19:1 "Seluruh langit mengakui kemuliaan Allah; dan cakerawala menunjukkan ciptaan-Nya."*
- *1 Petrus 1:15-16 "Pastikanlah segala perbuatanmu suci, sebagaimana Tuhan yang memanggilmu itu suci. Ada tersurat dalam Kitab Suci, Hendaklah kamu suci, kerana Aku suci."*

Kita mengakui bahawa kita tidak mampu untuk mencapai piawaian kekudusan yang dituntut oleh Tuhan dengan pekerjaan kita sendiri. Sebanyak mana pun pekerjaan baik yang kita lakukan tidak mampu membawa kita kepada piawaian yang dituntut oleh Tuhan

- *Roma 3:23 Kerana semua manusia telah berdosa dan tidak dapat mencapai kemuliaan Allah.*

Kita percaya bahawa Tuhan dalam kasih dan belas kasihan-Nya telah mengutus Anak-Nya, Yesus Kristus untuk mati bagi dosa kita di kayu salib, dan bahawa Dia bangkit semula daripada kematian pada hari yang ketiga. Kita percaya dalam Yesus dan menerima bahawa kematian-Nya di kayu salib telah membayar bagi dosa-dosa kita. Oleh itu, kita telah diampuni oleh rahmat dan melalui iman dalam Yesus.

- *Roma 5:6 Lihatlah, tepat pada masanya, ketika kita masih tidak berdaya, Kristus telah mati untuk orang yang fasiq. ⁷Jarang sekali seseorang mahu mati untuk orang yang benar, meski untuk orang yang baik mungkin ada yang sanggup mati. ⁸Tetapi Allah telah menunjukkan kasih-Nya sendiri terhadap kita dengan demikian: Ketika kita masih berdosa, Kristus telah mati untuk kita.*

Kita telah menjadikan sebuah komitmen untuk bertaubat daripada dosa-dosa kita yang lepas dan secara sadar, menerima Yesus dalam hidup kita, menyerahkan diri kita kepada ajaran-ajaran-Nya seperti yang ditemukan dalam Alkitab.



Yesus bangkit daripada kematian pada hari ketiga



Kita akan membuat komitmen untuk bertaubat daripada masa lalu kita dan untuk mengikut Yesus.

bertumbuh dalam iman kita. Sementara kita hidup di bumi, adakalanya kita jatuh ke dalam godaan. Tetapi kita bertekad untuk menerima pimpinan daripada Alkitab dengan Roh Kudus untuk membimbing kita dan membantu kita untuk terus berpaling daripada dosa.

- *Yohanes 14:16* *Aku akan memohon kepada Bapa dan Bapa akan mengurniaini Penolong yang akan menyertaimu selama-lamanya. ¹⁷Penolong itu Roh Kebenaran. Dunia tidak dapat menerima-Nya kerana tidak dapat melihat atau mengenal-Nya. Tetapi kamu mengenal-Nya kerana Dia tetap di dalammu dan akan ada di dalam dirimu.*

2.2 Adakah Orang Kristian Dipanggil untuk Melakukan Perbuatan yang Baik?

Seperti yang disebutkan di atas, orang Kristian diselamatkan oleh kasih, melalui iman dan bukan melalui perbuatan-perbuatan yang baik. Tetapi adakah itu bermaksud perbuatan-perbuatan yang baik itu tidak penting? Alkitab memberitahu kita bahawa Tuhan merancang kita agar melakukan perbuatan-perbuatan yang baik. Kita diselamatkan bukan oleh perbuatan-perbuatan yang baik, tetapi diselamatkan untuk melakukan perbuatan-perbuatan yang baik.

- *Efesus 2:10* *“Kerana kita ini buatan-Nya, dicipta dalam Kristus Yesus untuk melakukan perbuatan baik, yang telah disediakan terdahulu oleh Allah untuk kita lakukan.”*
- *Yakobus 2:14-17* *Saudara-saudaraku, apa gunanya seorang berkata, “Aku beriman,” jika dia tidak membuktikan imannya melalui perbuatannya? Iman sedemikian tidak dapat menyelamatkannya.*

Katakanlah seorang saudara lelaki atau saudara perempuan memerlukan pakaian dan kekurangan makanan. Apakah gunanya kamu berkata kepadanya, "Selamat jalan, pakailah baju panas dan makanlah secukupnya," jika kamu tidak menghulurkan apa yang diperlukan tubuhnya? Demikian juga dengan iman, jika tidak dinyatakan melalui perbuatan, maka sia-sialah iman itu.

2.3 Pengakuan Iman Nicea

Pengakuan Iman Nicea, yang kemudiannya Pengakuan Iman Rasuli diperolehi.

Pengakuan Iman Nicea dirumuskan ketika Konsili Pertama Nicea pada tahun 325M dan kemudiannya dikembangkan dalam Konsili Pertama Konstantinopel pada tahun 381M untuk menangani pelbagai ajaran sesat. Ia diwujudkan untuk menyatukan doktrin orang Kristian dan memberikan pernyataan yang jelas tentang iman bagi seluruh Gereja Kristian, terutamanya berkaitan dengan sifat Trinitas dan ketuhanan Kristus. Ia merumuskan apa yang kita percaya sebagai orang Kristian.

Pengakuan Iman Nicea, sejak Abad ke-4 Masihi

Kami percaya kepada satu Tuhan,
Bapa yang maha kuasa,
pencipta langit dan bumi,
semua hal yang dapat dilihat dan tidak dapat dilihat.

Kami percaya kepada satu Tuhan, Yesus Kristus,
satu-satunya Anak Tuhan,
diperanakan daripada Bapa sebelum segala abad,
Tuhan daripada Tuhan, Cahaya daripada Cahaya,
Tuhan yang benar daripada Tuhan yang benar,
diperanakan, bukan dicipta;
serupa dengan Bapa.
Melalui-Nya semua hal diciptakan.
Untuk kita dan untuk keselamatan kita
Dia turun dari syurga;
Dia telah menjelma melalui Roh Kudus dan anak dara Maria,
dan dijadikan manusia.
Dia disalibkan bagi kita oleh Pontius Pilatus;
Dia menderita dan dikuburkan.
Pada hari ketiga Dia bangkit kembali, berdasarkan Ayat Alkitab.
Dia naik ke syurga
dan duduk di sebelah kanan Bapa.

Dia akan datang kembali dengan kemuliaan
untuk menghakimi yang hidup dan yang mati.
Kerajaan-Nya tidak akan berkesudahan.

Kami percaya kepada Roh Kudus,
Tuhan, yang memberikan hidup.
Dia datang daripada Bapa dan Anak,
dan bersama dengan Bapa dan Anak disembah dan dimuliakan.
Dia berbicara melalui nabi-nabi.
Kami percaya kepada satu gereja katolik dan rasuli yang kudus.
Kami mengakui satu pembaptisan untuk pengampunan dosa.
Kami menantikan kebangkitan dari kematian,
dan kepada hidup dalam dunia yang akan datang. Amin.

2.4 Bagaimana Kita Belajar untuk Menjadi Pengikut – mengikut Yesus setiap hari

Doa

Tuhan berbicara kepada kita melalui Alkitab, renungan kepada ajaran-ajaran dalam Alkitab, berdoa, dan komuniti Kristian yang akrab.

- *Kisah Para Rasul 2:42: “Mereka berpegang teguh pada pengajaran para rasul, dan pada persaudaraan, pembahagian roti dan doa.”*
- Bagaimana kamu berbicara dengan Tuhan dan bagaimana kamu mendengarkan suara Tuhan? Alkitab memberitahu kita bahawa kita digalakkan untuk berdoa bersama jemaat, dalam kumpulan kecil dan secara peribadi. Setiap daripadanya mempunyai cara tersendiri untuk kita berdoa.
 - o Kita digalakkan untuk berdoa di gereja: Ibrani 10:24-25 *“Marilah kita saling perhatikan satu sama lain untuk menimbulkan kasih dan perbuatan yang baik. Jangan berhenti daripada berhimpun, seperti yang dilakukan oleh setengah-setengah orang. Nasihatilah sesama sendiri, terutamanya setelah kamu sedar Hari Tuhan itu kian hampir.”*
 - o Kita diajarkan untuk berdoa dalam kumpulan-kumpulan kecil: Matius 18:20 *“kerana apabila dua atau tiga orang berhimpun dalam nama-Ku, Aku ada di situ bersama mereka.”*
 - o Yang paling penting, kita diajarkan untuk berdoa secara peribadi kerana dengan itu



Berdoa dalam kumpulan dan secara peribadi membawa kita dalam komunikasi dengan Tuhan

kita dapat memberitahu Tuhan rahsia terdalam dalam hati kita: Matius 6:6:

- o “Tetapi kamu, masuklah ke dalam bilik, tutup pintu dan berdoalah kepada Bapamu yang tidak dapat dilihat dengan mata. Dia mengetahui apa yang kamu lakukan secara tersembunyi dan akan memberikan ganjaran kepadamu.”
- Isi doa kita.

Kita sering kali berfikir doa sebagai masa untuk datang dan meminta daripada Tuhan perkara-perkara yang kita inginkan. Tetapi Alkitab mengajarkan kita bahawa Tuhan menginginkan kita untuk berbicara kepada-Nya melalui beberapa cara. Ketika kita berdoa, kita melakukan lima perkara:

 - **Penyembahan**
 - o *Mazmur 95:6* Marilah, marilah kita menyembah dan tunduk, marilah kita berlutut di hadapan TUHAN Pencipta kita
 - **Pengucapan syukur**
 - o *1 Tesalonika 5:16* Bersukacitalah sentiasa. ¹⁷Berdoalah sepanjang masa. ¹⁸Bersyukurlah dalam segala keadaan kerana inilah yang dikehendaki Allah daripadamu dalam Kristus Yesus.
 - **Syafaat – berdoa untuk orang lain**
 - o *1 Timotius 2:1* Pertama-tama aku menyeru supaya permohonan, doa, syafaat dan kesyukuran dinaikkan untuk semua manusia.
 - **Pengakuan**
 - o *1 Yohanes 1:9* Tetapi jika kita mengakui dosa kita kepada Allah, Dia akan menepati janji-Nya dan berlaku adil. Dia akan mengampunkan dosa kita dan menyucikan kita daripada segala kesalahan.
 - **Berdoa untuk keperluan kita**
 - o *Filipi 4:6* Jangan bimbangkan apa pun. Dalam segala hal, dengan berdoa dan memohon, dengan mengucapkan kesyukuran, beritahulah hasratmu kepada Allah.
 - o *1 Petrus 5:7* Serahkan segala kerunsinganmu kepada Allah, kerana Dia mengambil berat tentangmu.

2.5 Kewibawaan Alkitab

Alkitab ialah firman Tuhan yang tertulis. Di tengah-tengah tren yang berubah-ubah dan falsafah yang berbeza, Alkitab menonjol sebagai kesaksian Ilahi bagi cara bagaimana Tuhan menangani manusia. Ia telah tertulis selama lebih dari dua ribu tahun yang lepas dan ia masih terpakai bagi kita pada hari ini. Kita akan menyelami topik ini dengan perincian yang lebih lagi dalam bab-bab yang seterusnya, tetapi berikut adalah



Kewibawaan Alkitab harus dijadikan rujukan untuk semua panduan yang kita cari. ▲

beberapa ayat sepintas lalu untuk menunjukkan kepentingan menggunakan Alkitab sebagai kewibawaan dalam memimpin pandangan dan pilihan kita.

- 2 Timotius 3:16-17: *"Seluruh Kitab Suci diilhamkan oleh Allah, dan berguna untuk mengajar, menegur, membetulkan dan mendidik ke arah kebenaran. Dengan demikian, tiap-tiap orang yang mengabdikan diri kepada Allah akan dilengkapi sepenuhnya untuk melakukan segala kerja yang baik."*
- Yesaya 40:8: *"Rumput layu dan bunga luruh, tetapi firman Allah kita kekal selama-lamanya."*
- Mazmur 119:105: *"Firman-Mu lampu bagi kakiku dan cahaya bagi jalanku."*
- Kepentingan pembacaan Alkitab secara tetap (Matius 4:4): Yesus menjawab, *"Telah tersurat: 'Manusia hidup bukan dengan roti sahaja tetapi dengan setiap firman yang keluar daripada mulut Allah.'"*

2.6 Peranan Roh Kudus dalam hidup baru kamu



Roh Kudus yang tinggal di dalam setiap orang yang percaya, yang telah menerima Yesus Kristus dalam hidupnya dan bertekad untuk mengikut ajaran-Nya. Tubuh orang Kristian yang setia ialah bait-Nya (1 Korintus 3:16).

Roh Kudus dijelaskan sebagai seorang 'Penasihat' atau 'Penolong'. 'Buah Roh', yang merupakan hasil daripada ketaatan kepada-Nya, adalah "kasih, sukacita, damai sejahtera, kesabaran, kemurahan, kebaikan, kesetiaan, lemah lembut dan penguasaan diri" (Galatia 5:22).

Roh Kudus memberikan anugerah (semulajadi dan adakalanya luar biasa) kepada orang Kristian menurut tujuan-Nya.

▲ Roh Kudus dalam hidup kita

Roh Kudus menegur seseorang tentang keadaannya yang berdosa, membawa mereka kepada pertaubatan dan berpaling semula kepada Tuhan. Dia mengajar dan memimpin orang yang percaya dalam memahami dan menghidupi ajaran-ajaran Yesus Kristus. Ini termasuklah membantu orang yang percaya mentafsir dan mengaplikasikan ajaran-ajaran Alkitab dalam hidup mereka. (Rujukan: <https://www.christianity.com/wiki/holy-spirit/10-roles-of-the-holy-spirit-in-christian-life.html>)

Berikut adalah beberapa ayat Alkitab yang menjelaskan peranan Roh Kudus:

- 2 Korintus 5:17 *“Sesiapa yang ada dalam Kristus adalah ciptaan baru. Hal-hal lama telah lenyap dan segala-galanya baru.”*
- Yohanes 14:26: *“Namun demikian, Penolong, iaitu Roh Kudus yang akan diutus Allah dalam nama-Ku, akan mengajarmu segala-galanya dan mengingatkanmu tentang apa yang telah Kukatakan kepadamu.”*
- Yohanes 16:13: *“Tetapi apabila Dia, iaitu Roh Kebenaran datang, Dia akan membimbingmu ke arah segala kebenaran. Roh itu tidak akan mengatakan sesuatu menurut kehendak-Nya sendiri. Dia akan menyampaikan apa yang didengar-Nya dan memberitahumu apa yang akan terjadi.”*
- Kisah Para Rasul 1:8: *“Tetapi kamu akan menerima kuasa apabila Roh Kudus datang ke atasmu; dan kamu akan menjadi saksi-Ku di Yerusalem, di seluruh Yudea dan Samaria, bahkan sampai ke hujung bumi.”*

2.7 Persekutuan dengan sebuah komuniti orang yang percaya

Persekutuan dengan sebuah komuniti orang yang percaya adalah sangat penting bagi orang Kristian. Ia membantu kita dalam pertumbuhan rohani, kebergantungan, dan galakan sesama. Ketika seseorang berasa kecewa atau memerlukan bantuan, yang lain dapat membantu mereka dan menaikkan semangat mereka.

Ini terutamanya adalah sangat penting bagi orang Kristian yang muda yang akan memerlukan bimbingan lebih daripada orang Kristian yang lebih matang; dalam memahami Alkitab dan dalam mencari kehendak Tuhan ketika melakukan pilihan-pilihan yang sukar.

Persekutuan Membantu Kita Bertumbuh Dengan Lebih Kuat dalam Iman Kita.

Ketika orang Kristian datang bersama-sama, mereka akan saling membantu dalam iman mereka. Persekutuan adalah seperti mempunyai ahli pasukan yang menggalakkan kamu ketika kamu berasa kecewa dan mencabar kamu untuk menjadi lebih baik. Ibrani 10:24-25 berkata, *“Marilah kita saling perhatikan satu sama lain untuk menimbulkan kasih dan perbuatan yang baik... Nasihatilah sesama sendiri.”* Ini menunjukkan bahawa bersama-sama dengan orang-orang percaya yang lain akan membantu kita untuk tetap kuat dalam perjalanan kita bersama Yesus.

Ia adalah Sebuah Tempat untuk Menemukan Sokongan dan Galakan.

Dalam hidup, setiap orang melalui waktu yang sukar. Sebagai contoh, ketika kamu mempunyai keraguan, berhadapan dengan tekanan daripada rakan seagaya, atau berasa keseorangan, rakan-rakan segereja kamu ada bersama untuk mengingatkan kamu tentang kasih Tuhan dan membantu kamu membuat pilihan yang baik. Sama seperti yang dikatakan dalam Amsal 27:17, *“Besi menajamkan besi, demikian juga orang menajamkan sesamanya.”* Berada di sisi orang percaya yang lain akan membantu kita menjadi lebih baik.

Penglibatan yang Aktif dalam Tubuh Kristus.

Tuhan memberikan setiap daripada kita bakat dan kebolehan yang unik. Dalam sebuah komuniti, kamu boleh menggunakan anugerah-anugerah ini untuk membantu orang lain. Sama ada menjadi pendengar yang baik, membantu dengan aktiviti pemuda-pemudi, atau hanya menjadi seorang rakan yang baik, persekutuan memberikan kamu peluang untuk membuat perubahan. 1 Korintus 12 berbicara tentang bagaimana gereja itu adalah seperti satu tubuh, di mana setiap bahagian adalah penting. Kamu mungkin menjadi tangan, orang lain menjadi mata, tetapi kita semua menjadikan gereja itu.



Persekutuan membantu kita menunjukkan Yesus kepada Dunia

Persekutuan Membantu Kita Menunjukkan Yesus kepada Dunia.

Sebuah komuniti Kristian yang penyayang bertindak sebagai saksi yang berkuasa kepada orang-orang tidak percaya. Ketika orang Kristian hidup dengan tidak berpura-pura, jujur, mencintai persekutuan, komuniti gereja mereka menjadi perwakilan yang kelihatan bagi injil, dan menarik mereka yang belum mengenal Yesus Kristus. ^{Yohanes 13:34} *"Inilah perintah baru yang Kuberikan kepadamu: Kasihilah satu sama lain. Sebagaimana Aku telah mengasihimu, kasihilah sesama sendiri.*

³⁵*Daripada sikapmu yang saling mengasihi itu, semua orang akan tahu bahawa kamu murid-Ku."*

- Secara ringkasnya, persekutuan dalam sebuah komuniti orang percaya adalah penting kerana ia memupuk pertumbuhan rohani dan bertindak sebagai saksi kepada dunia. Ia adalah aspek yang penting dalam hidup orang Kristian yang membantu orang percaya tetap terhubung dengan Kristus dan antara satu sama lain.
- Persekutuan dalam sebuah komuniti orang percaya boleh mempunyai pelbagai bentuk:
 - o Kumpulan yang besar seperti gereja (Kolose 3:16)
 - o Kumpulan kecil, persekutuan di rumah, kelompok sel, kumpulan pembelajaran Alkitab (Matius 18:20)
 - o Bimbingan dan pemuridan secara peribadi, satu lawan satu (2 Timotius 2:2)
- Cabaran bagi Persekutuan dan Mengatasinya
 - o Kesibukan dan mencari masa atau mengutamakan masa
 - o Mencari komuniti yang selari dengan ajaran berdasarkan Alkitab

- o Menangani konflik dalam komuniti
- o Mencari pembimbing yang layak dan sanggup meluangkan masa

2.8 Ringkasan Pelajaran

Kini kamu ialah seorang Kristian. Apakah maksudnya?

- Kita telah menerima Yesus ke dalam hidup kita dan bertekad untuk mengikuti ajaran-ajaran-Nya.
- Kita menerima kewibawaan Alkitab
- Kita membenarkan Roh Kudus memimpin kita
- Kita mengikuti persekutuan orang percaya di gereja dan kumpulan kecil seboleh mungkin
- Kita melihat dunia melalui kanta ajaran berdasarkan Alkitab dengan sebaik mungkin yang mampu kita ketahui melalui pembacaan Alkitab, berdoa dan persekutuan dengan orang Kristian yang lain
- Tuhan telah memberikan kita Roh Kudus untuk menguatkan, memimpin dan tinggal dalam orang Kristian yang percaya untuk hidup sesuai dengan kehendak-Nya dan menjadi saksi Injil

BAB 3

KRISIS IDENTITI - SIAPAKAH TUHAN DAN SIAPAKAH SAYA?

Ayub 11:7 – “Dapatkah engkau memahami rahsia Allah? Dapatkah engkau memahami kesempurnaan Yang Maha Kuasa?”



Tuhan berbicara kepada Ayub

3.1 Tuhan ialah pencipta

Alkitab mengajarkan kita bahawa Tuhan ialah pencipta alam semesta, planet di mana kita hidup dan semua yang kita lihat di sekeliling kita. Tuhan memelihara keseimbangan sistem solar dengan hukum fizik, yang telah dicipta-Nya. Tuhan memelihara kehidupan dengan dinamik atom dan molekul kompleks yang bekerja bersama. Sama seperti kita belum memahami semua misteri alam semesta, dan belum memahami semua perkara tentang bagaimana tubuh

kita bekerja, demikian jugalah kita tidak dapat memahami sepenuhnya sifat, kuasa, atau pengetahuan tentang Tuhan. Tetapi Tuhan menunjukkan diri-Nya kepada kita dengan cara yang dapat kita fahami.

Pemahaman progresif

Tanyakan diri kamu sendiri, ketika kamu berusia 4 tahun atau lebih muda, apa yang kamu fahami tentang topik-topik seperti: dari manakah datangnya bayi, bagaimana kapal terbang boleh terbang, mengapa tubuh kita memerlukan air dan makanan, atau mengapa adanya siang dan malam. Kemudian bagaimanakah kita mendapat pemahaman yang lebih baik apabila kita menjadi semakin dewasa?

Pengetahuan kita berkembang tetapi hal ini sendiri membuktikan bahawa kita tidak mengetahui segalanya. Kita telah mendapat banyak pengetahuan tetapi masih terlalu banyak untuk dipelajari.

Bertahun-tahun yang lepas, kita berpendapat bahawa atom ialah objek yang paling kecil. Kemudian kita menemui objek yang lebih kecil seperti proton dan elektron. Kemudian kita menemukan perkara-perkara seperti zarah, lepton, gluon, dan foton yang sekecil atau bahkan lebih kecil daripada elektron.

Pada 1610, Galileo menemui 4 bulan yang mengelilingi Musytari, planet terbesar dalam sistem solar kita. Selepas itu, bilangan bulan itu meningkat kepada 12. Hari ini, terdapat sekurang-kurangnya 95 bulan yang telah dipastikan mengelilingi Musytari. Dapatkah kamu memikirkan pengetahuan saintifik yang sentiasa berubah?

3.2 Siapakah saya? Apakah tujuan saya di bumi?

Memahami Tuhan dalam Pandangan Dunia Kita

Ketika kita membentuk sebuah pandangan dunia yang berdasarkan Alkitab, kita perlu bermula dengan memahami Tuhan dalam Alkitab; sifat-Nya, kuasa-Nya, ciri-ciri-Nya, yang mana terdapat beberapa daripadanya yang melebihi kefahaman kita, tetapi kita dapat memahami apa yang dinyatakan dalam firman-Nya dan dengan bantuan Roh Kudus.

Memahami hubungan kita dengan Tuhan

Ketika kita memerhatikan Alam Semesta yang Tuhan telah ciptakan, siapakah kita untuk dibandingkan dengan pencipta alam semesta yang hebat ini. Ini adalah diakui oleh beberapa orang penulis dalam Alkitab.

Mazmur 8:3-4 Apabila aku melihat langit-Mu, hasil kerja jari-Mu, bulan dan bintang, yang Kautentukan, apakah manusia maka Engkau mengingatnya, dan anak manusia maka Engkau mengendulkannya?

3.3 Ajaran Alkitab tentang Tuhan sebagai Pencipta dan Ciptaan - Ciri-ciri Tuhan

Cara Tuhan lebih tinggi daripada apa yang kita fahami

Seperti yang kita telah lihat di mana kita tidak mampu memahami sepenuhnya kehebatan alam semulajadi dan pengetahuan kita tentang sains masih terhad; ini menunjukkan kita betapa Tuhan yang menciptakan alam semesta ini lebih besar atau lebih hebat. Ini menunjukkan kita bahawa Tuhan itu sangat hebat, dan kita tidak dapat memahami sepenuhnya kuasa pemikiran-Nya. Tuhan hanya akan menunjukkan kepada kita apa yang kita mampu atau perlu fahami untuk hidup kita.



Yesaya 55:8-9 – “Sesungguhnya, rancangan-Ku bukanlah rancanganmu dan jalanmu bukanlah jalan-Ku,” demikianlah firman TUHAN. “Setinggi langit di atas bumi, demikianlah tingginya jalan-Ku daripada jalanmu dan rancangan-Ku daripada rancanganmu.”

▲ “Demikianlah tingginya jalan-Ku daripada jalanmu dan rancangan-Ku daripada rancanganmu.”

Dalam Alkitab, terdapat seorang lelaki benar yang bernama Ayub. Tuhan menunjukkan kepada Ayub bahawa kuasa-Nya adalah melampaui apa yang dapat difahami Ayub. Ayub 38:3-4 “Bersiaplah engkau sebagai seorang lelaki; Aku hendak bertanya kepadamu, dan engkau harus menjawab Aku. Di manakah engkau ketika Aku meletakkan asas bumi? Jawablah jika engkau berpengetahuan.”

Rasul Paulus menjelaskan dalam suratnya kepada Roma, bahawa Tuhan telah menjadikan kita untuk satu tujuan yang istimewa. Tuhan ialah tukang tembikar yang membentuk tanah liat. Kita ialah tanah liat itu. Roma 9:20-21 – “Tetapi siapakah engkau, hai manusia, maka engkau menghujahi Allah? Adakah ciptaan berkata kepada penciptanya, ‘Mengapa kaubuat aku begini?’” Tidakkah tukang tembikar berhak membuat daripada segumpal tanah liat yang sama, beberapa bekas tembikar untuk tujuan mulia dan yang lain untuk kegunaan biasa?”

Ayat-ayat ini menekankan perbezaan yang sangat besar di antara pengetahuan dan kebolehan manusia yang terhad dengan hikmat dan kuasa Tuhan sebagai pencipta yang tidak terhad. Ia menekankan kerendahan hati dan sanjungan yang seharusnya ada dalam hubungan manusia



Tuhan mempersoalkan Ayub?

dengan Yang Maha Kuasa.

Alkitab menjawab persoalan-persoalan seperti: Siapakah saya? Bagaimana kita wujud – kebetulan atau diciptakan untuk sebuah tujuan? Bagaimanakah dunia dan alam semesta wujud – kebetulan atau ciptaan ilahi?

- Kejadian 1:26-27 – “Berfirmanlah Allah, “Baiklah Kita menjadikan manusia menurut gambaran dan rupa Kita. Mereka akan berkuasa atas ikan-ikan di laut dan atas burung-burung di udara dan atas ternakan dan atas seluruh bumi dan atas segala jenis binatang melata yang merayap di muka bumi.” Maka Allah

menciptakan manusia menurut gambaran-Nya.

Menurut gambaran Allah, Dia mencipta mereka, lelaki dan perempuan.”

- Mazmur 139:13-14 – “Kerana Engkau telah membentuk bahagian-bahagian dalamku; Engkau melindungiku di dalam rahim ibuku. Aku akan memuji-Mu, kerana aku dicipta dengan mengagumkan dan menakjubkan; sungguh menakjubkan ciptaan-Mu, dan ini amat diketahui oleh jiwaku.”
- Yeremia 1:5 – “Sebelum Aku membentuk engkau dalam kandungan, Aku telah mengenal engkau, sebelum engkau keluar dari rahim, Aku telah mentahbiskan engkau. Aku telah melantik engkau sebagai nabi kepada bangsa-bangsa.”
- Ibrani 3:4 – “Setiap rumah ada pembinanya, tetapi Dia yang membina segalanya ialah Allah.”

Ayat-ayat ini mengesahkan bahawa manusia diciptakan dengan tujuan oleh Tuhan, dengan tujuan dan identiti yang istimewa, dan bukannya hanya hasil daripada satu kebetulan. Ia juga menekankan nilai dan martabat yang Tuhan telah kurniakan kepada setiap orang.

3.4 Mengapa kita tidak dapat melihat Tuhan? Mengapa Tuhan tidak menunjukkan diri-Nya dan semua rencana-Nya kepada kita?

- Memahami sifat Tuhan
 - o Tuhan ialah Roh. Dia tidak memiliki tubuh fizikal seperti manusia. Dalam Yohanes 4:24, Yesus berkata, “Allah itu Roh, maka orang yang menyembah Dia harus menyembah-Nya dalam roh dan kebenaran.”
 - o Tuhan tidak terikat dengan halangan fizikal yang kita alami, termasuk kelihatan dalam bentuk yang nyata.
- Sifat Tuhan yang tidak terbatas
- Naluri manusia kita terhad dan tidak dapat menghargai sepenuhnya sesuatu yang tidak terbatas.
- Tanpa penerima rangkaian radio, kita tidak dapat mendengar radio. Tetapi gelombang



- radio itu masih berada di situ.
- Bagaimana seekor belalang dapat menghargai Mozart atau seekor semut, menghargai Beethoven, dan Tuhan menciptakan setiap ciptaan untuk membawa kemuliaan kepada Tuhan dengan cara mereka tersendiri.
 - Yesaya 40:22: “Dialah yang bertakhta di atas bulatan bumi, yang penduduknya seperti belalang. Dialah yang membentangkan langit seperti tirai dan merentangkannya seperti khemah kediaman.”
- ▲ Siapakah yang dapat melihat Tuhan? Ini adalah gambaran yang menunjukkan idea bagaimana seekor belalang tidak dapat menghargai bunyi kompleks daripada sebuah simfoni, sama seperti kita tidak dapat memahami sepenuhnya pekerjaan alam semesta, dan ini menggambarkan besarnya perbezaan di antara manusia dengan kefahaman ilahi.

3.5 Tuhan menunjukkan kepada kita hal-hal yang dapat kita fahami dengan kebolehan kita yang terbatas

- Ulangan 29:29 – “Hal-hal yang tersembunyi adalah bagi TUHAN, Allah kita, tetapi hal-hal yang dinyatakan adalah bagi kita dan bagi anak-anak kita untuk selama-lamanya, supaya kita dapat mengikut semua kata dalam hukum Taurat ini.”
- Ayub 11:7-9 – “Dapatkah engkau memahami rahsia Allah? Dapatkah engkau memahami kesempurnaan Yang Maha Kuasa? Tingginya melebihi langit — apa yang dapat kaulakukan? Dalamnya melebihi alam kubur — apa yang dapat kauketahui? Ukurannya lebih panjang daripada bumi dan lebih lebar daripada laut.”



- ▲ Tuhan menunjukkan kepada kita perkara-perkara yang boleh kita fahami dengan pengetahuan kita yang terbatas.

- *Roma 11:33 – “Oh, betapa kaya kebijaksanaan dan pengetahuan Allah! Penghakiman-Nya tidak terduga, dan jalan-jalan-Nya tidak mungkin diselami!”*
- Ayat-ayat ini menyampaikan idea bahawa cara dan pemikiran Tuhan adalah melebihi kefahaman manusia, dan terdapat aspek-aspek daripada rancangan dan sifat-Nya yang mengatasi kefahaman kita. Ia menekankan kelemahan-kelemahan dalam pengetahuan manusia dan kepentingan kepercayaan dan beriman kepada Tuhan, biarpun ketika tujuan-Nya tidak ditunjukkan sepenuhnya kepada kita.

3.6 Tuhan menyatakan diri-Nya kepada kita melalui ciptaan dan melalui Anak-Nya, Yesus

Kita dapat melihat kualiti-kualiti Tuhan melalui ciptaan-Nya

- *Roma 1:20 “Sejak dunia diciptakan, sifat-sifat Allah yang tidak kelihatan, iaitu kuasa-Nya yang kekal dan keilahian-Nya, semuanya jelas ternyata serta difahami melalui segala ciptaan-Nya. Oleh itu, mereka tidak dapat berdalih lagi.”*
- *Mazmur 19:1-2 “Seluruh langit mengakui kemuliaan Allah; dan cakerawala menunjukkan ciptaan-Nya. Hari menyebutkan kepada hari; malam memberitahu kepada malam.”*
- *Ayub 12:7-10 “Tetapi tanyalah kepada haiwan-haiwan, nescaya mereka akan mengajar engkau; kepada burung-burung di udara, nescaya akan mereka memberitahu engkau. Atau, berkatalah dengan bumi, nescaya ia akan mengajar engkau, dan ikan-ikan di laut pun akan mengisytiharkan kepadamu. Siapakah antara semua itu yang tidak tahu bahawa tangan TUHAN yang melakukan hal ini? Dalam tangan-Nyalah nyawa semua yang hidup dan nafas seluruh umat manusia.”*

Tuhan juga menyatakan diri-Nya kepada kita melalui Yesus Kristus, yang datang dari Syurga dan hidup dalam kalangan kita sebagai seorang manusia.

- *Yohanes 1:14 “Firman itu menjadi manusia dan hidup dalam kalangan kita. Kita telah melihat kemuliaan-Nya sebagai Anak Tunggal yang datang daripada Bapa, penuh dengan kasih kurnia dan kebenaran.”*
- *Ibrani 1:1-3 “Allah telah berfirman pada pelbagai zaman dan dengan aneka cara kepada nenek moyang kita melalui nabi-nabi. Tetapi pada akhir zaman ini Allah telah berfirman kepada kita melalui Anak-Nya, yang telah dijadikan-Nya pewaris kepada segala-galanya; melalui Anak-Nya itu Allah telah mencipta alam semesta. Anak itu adalah sinar gemilang kemuliaan Allah dan gambaran sempurna kewujudan-Nya. Dia memelihara segala-segalanya dengan kekuasaan firman-Nya. Setelah menghapuskan dosa kita melalui diri-Nya sendiri, Dia duduk di sebelah kanan Yang Maha Mulia yang bertakhta di syurga.”*

Tuhan juga berbicara kepada kita melalui Alkitab dan Roh Kudus, yang telah diberikan-Nya kepada mereka yang telah menerima Yesus ke dalam hati mereka dan bersedia untuk mengikuti-

Nya.

3.7 Apakah peranan kita dalam penciptaan Tuhan?

- Setiap orang diciptakan dalam gambaran Tuhan, yang memberikan kita nilai dan tujuan yang semulajadi. Kejadian 1:27 menyatakan, *“Maka Allah menciptakan manusia menurut gambaran-Nya. Menurut gambaran Allah, Dia mencipta mereka, lelaki dan perempuan.”* Ini bermaksud bahawa semua orang mencerminkan aspek-aspek dalam ciri-ciri Tuhan dan mempunyai satu peranan yang unik untuk dijalankan.
- Tuhan memberikan manusia tanggungjawab untuk menjaga bumi. Kejadian 2:15 berkata, *“TUHAN Allah mengambil manusia itu dan menempatkannya di dalam Taman Eden untuk mengerjakan serta memelihara taman itu.”*
- Kejadian 1:28 – *“Allah memberkati mereka, lalu Allah berfirman kepada mereka, “Beranakcuculah dan bertambah banyak serta penuhilah dan takluki bumi, berkewenangan atas ikan-ikan di laut dan burung-burung di udara dan atas segala makhluk hidup yang berkeliaran dan yang bergerak di muka bumi.”*
- Mazmur 8:6-8 – *“Engkau telah memberinya kekuasaan atas seluruh ciptaan-Mu; Engkau telah menaklukkan segala sesuatu di bawah kakinya: segala domba dan lembu, segala binatang di padang, burung di udara, dan ikan di laut, serta segala hidupan di lautan.”*
- Ayat-ayat ini menekankan peranan manusia sebagai penjaga ciptaan, dipercayakan oleh Tuhan untuk menjaga dan mentadbir bumi. Ia juga menekankan tujuan kita sebagai seorang individu, diciptakan oleh Tuhan untuk pekerjaan-pekerjaan yang baik dan untuk memberi kemuliaan kepada-Nya.

3.8 Bagaimanakah mengenal ciri-ciri Tuhan dapat memimpin pandangan dunia kita?

- Melalui cara apakah Tuhan menyatakan diri-Nya kepada kamu?
- Luangkan sedikit masa untuk memikirkan kembali minat, kesukaan, dan perkara-perkara yang membawa sukacita kepada kita. Apakah kebolehan semulajadi kamu? Apakah aktiviti yang membuatkan kamu bersemangat dan berpuas hati?
- Pertimbangkan bahawa perkara-perkara ini mungkin adalah antara tujuan anda diciptakan untuk dilaksanakan dalam rancangan besar Tuhan?
- Kita akan terus meneroka topik ini dalam bab-bab di hadapan.

3.9 Ringkasan Pelajaran

Ciptaan Tuhan adalah luar biasa. Ia menunjukkan kebesaran-Nya, dan juga kesempurnaan. Tindak balas yang sesuai adalah untuk menyembah-Nya dan hidup seturut dengan kehendak-Nya.

BAB 4

KEWIBAWAAN DAN KEPENTINGAN ALKITAB SEBAGAI SEBUAH DASAR BAGI PANDANGAN DUNIA KRISTIAN

2 Timotius 3:16 – “Seluruh Kitab Suci diilhamkan oleh Allah, dan berguna untuk mengajar, menegur, membetulkan dan mendidik ke arah kebenaran.”



Pandangan dunia orang Kristian adalah berdasarkan pada Alkitab

4.1 Apakah dasar pandangan dunia Kristian

Adakah menjadi seorang Kristian adalah hanya tentang mengikuti naluri kita atau gerak hati kita tentang yang mana benar dan salah? Sementara setiap orang memiliki sebuah “kompas

untuk moral”, kita perlu bertanya: *Dapatkah pertimbangan kita sentiasa dapat dipercayai?* Budaya dan kepercayaan yang berbeza mempengaruhi apa yang orang-orang rasakan sebagai betul atau salah. Jadi, apakah yang seharusnya membimbing kita?

Sebagai orang Kristian, kita percaya bahawa Tuhan ialah Pencipta kita. Dia telah memberikan kita Alkitab – bukan sekadar untuk memberitahu kita tentang keselamatan tetapi untuk mengajar kita bagaimana untuk hidup dengan cara yang benar. Ini menjadikan pemahaman tentang kewibawaan Alkitab adalah sangat penting bagi sesiapa sahaja yang ingin mengikuti Yesus.

Tuhan memberikan semua manusia naluri

- *Roma 2:14-15 – “Apabila orang bukan orang Israel, yang tidak mempunyai hukum Taurat, secara tabii melakukan perkara-perkara yang terkandung dalam hukum Taurat, maka mereka ini adalah hukum bagi diri mereka sendiri. Hukum itu tersurat dalam hati mereka dan hati nurani mereka juga naik saksi. Fikiran mereka menuduh atau membela mereka.”*

Tetapi kerana pengaruh dosa, pertimbangan kita tidak selalunya boleh diharapkan. Dosa dapat menjadikan ianya sukar bagi kita untuk secara konsisten melakukan pilihan yang tepat, yang menyebabkan kita tidak dapat hanya bergantung pada perasaan atau naluri kita. Mengakui realiti dosa dalam hidup kita adalah langkah pertama yang penting untuk hidup dengan cara yang benar. Jika kita tidak mengakui bahawa kita memerlukan bantuan, maka kita akan terus-melakukan pilihan yang salah. Kerana itulah pimpinan daripada Tuhan sangat penting.

Alkitab sangat jelas tentang hal ini:

- *Roma 7:18 “Aku tahu bahawa tidak ada sesuatu yang baik dalam hidup diriku, iaitu dalam sifat tabiiku yang berdosa. Kerana aku hendak melakukan apa yang baik, tetapi aku tidak mampu melaksanakannya.”*

4.2 Tuhan telah menunjukkan kepada kita siapakah Dia melalui Alkitab

Kita mungkin tidak mampu untuk memahami segalanya tentang Tuhan kerana Dia sangat besar berbanding kita, tetapi Tuhan telah memberikan kepada kita Firman-Nya – Alkitab – supaya kita dapat mengetahui apa yang Dia inginkan untuk kita tahu. Fikirkannya seperti sebuah buku panduan daripada Pencipta, yang memimpin kita tentang bagaimana untuk menjalani hidup seperti yang diinginkan-Nya. Kerana itulah Alkitab sangat penting – ia adalah mesej Tuhan kepada kita yang benar dan dapat dipercayai.

- *Ibrani 4:12: “Firman Allah hidup dan berkuasa, lebih tajam daripada pedang dua mata, menembusi ke garis pemisah nyawa dan roh, sendi dan sumsum, serta mengenal antara fikiran dan niat dalam hati.”*
- *Mazmur 119:105: “Firman-Mu lampu bagi kakiku dan cahaya bagi jalanku.”*

4.3 Mempercayai Alkitab sebagai Firman Tuhan

Kita boleh mempercayai Alkitab sebagai Firman Tuhan kerana ia telah membuktikannya sendiri tepat dalam beberapa cara: ketepatan sejarah, nubuatan yang digenapi, dan bukti arkeologi. Alkitab telah ditulis oleh lebih kurang 40 penulis yang berbeza selama 1,500 tahun, namun ia menceritakan satu kisah yang konsisten tentang kasih Tuhan bagi manusia dan keinginan-Nya untuk memulihkan kita kembali kepada-Nya. Keselarasan mesej ini dalam 66 bukunya, ditulis lebih daripada 1,500 tahun, membuktikan penulisannya yang ilahi. Tambahan pula, banyak nubuatan Alkitab yang telah menjadi kenyataan. Sebagai contoh, ramalan tentang Yesus (nubuatan Mesias) digenapi berabad-abad kemudian, yang menunjukkan ketepatan Alkitab (Yesaya 53, Mikha 5:2). Terdapat juga nubuatan tentang bangsa-bangsa, seperti bangun dan jatuhnya sebuah empayar, dan pembuangan dan pemulihan Israel (Yeremia 25:11-12). Yang terakhir, arkeologi menyokong kebenaran Alkitab. Penemuan, seperti Skrol Laut Mati dan kerosakan kota purba, selari dengan peristiwa dalam Alkitab, membuktikan kebolehpercayaan sejarah Alkitab (Mazmur 119:160). Beberapa bukti ini menunjukkan bahawa Alkitab bukan sekadar sebuah buku – ia adalah mesej yang boleh dipercayai daripada Tuhan.

4.4 Bagaimana Alkitab telah Membentuk Sejarah Dunia



Gambaran menunjukkan peranan Alkitab yang berubah dalam sejarah dunia, menekankan kesannya kepada pendidikan, hak-hak manusia, dan keadilan sosial.

Alkitab ialah salah satu buku yang paling berpengaruh dalam sejarah; diterjemahkan kepada ratusan bahasa, dan buku yang paling banyak dipetik dalam sastera moden, dan dalam banyak cara, ia juga yang paling teraniaya! Tetapi biarpun penganiayaan itu, kesannya kepada dunia sangat besar. Alkitab telah mengubah cara manusia memandang dunia dan antara satu sama lain. Ia telah mempunyai kesan yang besar kepada:

- **Maruah Manusia** – Alkitab mengajarkan bahawa setiap orang adalah bernilai kerana mereka dicipta seturut gambar Tuhan. Ini membawa kepada perubahan dalam bagaimana masyarakat melayan antara satu sama lain, memupuk rasa hormat bagi semua orang.
- **Keadilan Sosial** – Ajaran Alkitab menggesa keadilan, kesaksamaan, dan kesamarataan, mencabar kebiasaan-kebiasaan yang tidak adil.
- **Pendidikan** – Alkitab menggalakkan pendidikan, membawa kepada wujudnya sekolah dan universiti awam yang pertama.
- **Rawatan untuk Kanak-kanak dan yang Tidak Berupaya** – Penekanan Alkitab dalam kebaikan membawa kepada penjagaan yang lebih baik untuk kanak-kanak, yang tidak berupaya, dan yang tersisih.
- **Hukum dan Hak-hak Manusia** – Banyak hukum dan perlindungan hak manusia diinspirasi oleh nilai-nilai Alkitab.

Penyebaran Kristianiti yang Pertama di seluruh Empayar Roma, membawa kepada banyak perubahan dan reformasi dalam cara hukum ditulis dan kerajaan dibentuk. Sepanjang zaman, Alkitab memainkan peranan penting dalam membentuk piawaian moral dan etika dalam banyak negara moden, mempengaruhi para pemimpin, hukum, dan bagaimana manusia memilih cara hidup mereka.

Secara kesimpulannya, kita dapat melihat bahawa banyak sistem perundangan yang moden telah dipengaruhi oleh prinsip yang diletakkan dan direkodkan dalam Alkitab.

Berikut adalah beberapa contoh bagi apa yang diajarkan oleh Alkitab dan bagaimana ia membentuk perkembangan undang-undang dan kerajaan:

- *Keluaran 20:1-17: Hukum Sepuluh, yang merangkumi prinsip moral asas seperti larangan ke atas membunuh, mencuri, dan saksi dusta.*
- *Matius 22:37-40: Ringkasan Yesus tentang hukum seperti mengasihi Tuhan dan mengasihi sesama, yang mempengaruhi konsep keadilan dan belas kasihan.*
- *Ulangan 16:18-20: "Hendaklah kamu melantik hakim dan petugas menurut suku-sukumu di kesemua kota yang dikurniakan TUHAN, Allahmu, kepadamu. Hendaklah mereka menghakimi bangsa itu dengan hukum yang adil. Jangan putarbalikkan keadilan, jangan berat sebelah, dan jangan terima rasuah, kerana rasuah membutakan mata orang bijak serta memutarbalikkan perkara orang benar. Kejarlah keadilan semata-mata, supaya engkau dapat hidup dan mewarisi negeri yang dikurniakan TUHAN, Allahmu, kepadamu."*



William Wilberforce: Seorang ahli politik British dan pejuang Kristian yang memimpin kempen untuk menghapuskan perdagangan hamba trans-Atlantik, berpandukan prinsip-prinsip alkitab tentang keadilan dan belas kasihan.

- o Galatia 3:28: “Tiadalah lagi orang Yahudi atau orang Yunani, hamba atau orang merdeka, lelaki atau perempuan, kamu semua menjadi satu dalam Kristus Yesus.”


William Wilberforce



Martin Luther King Jr.: Seorang pendeta Baptis dan pemimpin hak sivil yang falsafahnya tentang penentangan tanpa kekerasan yang berakar sangat berpaksikan kepada iman Kristiannya dan pengajaran Yesus.

- o Yesaya 1:17: “belajarlah berbuat baik. Tuntutlah keadilan, tegurlah orang yang zalim. Belalah hak anak-anak yatim, perjuangkanlah hak-hak balu.”

4.5 Kesan ke atas kesenian, sastera, sains, dan budaya



Kesan Alkitab ke atas Kesenian, Sastera dan Sains

Kebanyakan sastera, kesenian, dan budaya moden barat dapat ditelusuri kepada tema yang ditemukan dalam Alkitab. Alkitab menggalakkan penemuan saintifik. Walaupun pemimpin-pemimpin yang korup menggunakannya untuk menyebarkan ketakutan dan kepercayaan karut, namun mereka tidak memiliki asas Alkitab, dan ketika reformasi berlaku, orang ramai dibenarkan untuk membaca Alkitab untuk diri mereka sendiri, yang membawa kepada pemahaman ayat Alkitab yang lebih baik.

4.6 Aplikasi Alkitab dalam dunia hari ini

Remaja pada hari ini menghadapi pelbagai cabaran moral – tekanan rakan sebaya, media sosial, identiti, perhubungan, dan keadilan. Alkitab adalah relevan kerana ia memberikan panduan moral yang utuh. Ia berbicara tentang kejujuran, kebaikan, keadilan, dan kesucian, yang masih penting pada hari ini. Ia dapat membantu kamu menghadapi sikap-sikap di atas talian, berpegang kepada apa yang benar di sekolah, menangani buli, dan menghadapi gosip. Apakah yang kamu lakukan ketika kamu ditekan untuk menyesuaikan diri atau perlu mempertahankan seseorang yang dikritik dengan tidak adil? Alkitab menawarkan sebuah laluan bagi nilai-nilai seperti integriti, kasih, keadilan, dan belas kasihan.

Contoh-contoh ayat Alkitab yang memberikan kita bimbingan moral yang jelas:

- *“Janganlah ikut cara dunia, sebaliknya berubahlah menurut pembaharuan fikiranmu. Dengan demikian, kamu dapat memastikan apa kehendak Allah itu, apa yang baik, yang diredai-Nya dan yang sempurna.” – Roma 12:2*
- *“Wahai manusia, engkau telah diberitahu apa yang baik. Dan apakah yang dituntut TUHAN daripadamu selain menegakkan keadilan, mencintai kesetiaan, dan hidup dengan rendah hati di hadapan Allahmu?” – Mikha 6:8*

Dapatkah kamu fikirkan ayat-ayat Alkitab yang lain?

Kesaksian-kesaksian dan Contoh-contoh Hidup yang Diubah oleh Firman Tuhan

Kongsikan beberapa cerita remaja atau orang-orang yang kamu kenal, yang hidupnya telah diubah dengan mengaplikasikan prinsip-prinsip berdasarkan Alkitab. Ini mungkin adalah mengatasi cabaran peribadi, mencari tujuan, atau melakukan perubahan positif dalam komuniti mereka. Ingat bahawa Alkitab bukan sekadar tentang iman peribadi, tetapi tentang memperkasa individu untuk melakukan perubahan. Kongsikan beberapa kesaksian hidup sebenar atau kisah-kisah terkenal yang menggambarkan kuasa Firman Tuhan yang mengubah. Fikirkan tentang hidup kamu sendiri dan bagaimana Tuhan telah membantu kamu untuk berubah menjadi yang lebih baik:

- *“Sesiapa yang ada dalam Kristus adalah ciptaan baru. Hal-hal lama telah lenyap dan segala-galanya baru.” – 2 Korintus 5:17*
- *“Aku dapat melakukan segalanya melalui Kristus yang memberiku kekuatan.” – Filipi 4:13*

Aplikasi Pratikal bagi orang Kristian

Alkitab sebagai panduan untuk individu pada masa kini

- o Peranan Alkitab dalam pertumbuhan dan perkembangan rohani
- o Alkitab memberikan penyegaran rohani, membantu individu bertumbuh dalam iman dan hubungan mereka dengan Tuhan
- o Alkitab menyentuh pelbagai situasi hidup, daripada pergumulan peribadi dan perhubungan keluarga sehinggalah keadilan sosial dan kehidupan komuniti.

4.7 Cara yang berkesan untuk mempelajari Alkitab



Alkitab dapat diaplikasikan pada hari ini.

Berbincang dengan pastor kamu, atau orang-orang Kristian yang lebih matang tentang beberapa renungan Alkitab atau kursus Alkitab yang baik yang kamu boleh ikuti. Pastor kamu boleh menasihatkan kamu beberapa kaedah yang baik untuk pembelajaran sendiri atau pembelajaran berkumpulan. Berikut adalah beberapa kaedah yang kamu boleh pertimbangkan:

Pelajaran Kendiri – Renungan

Pelbagai kaedah tersedia di atas talian untuk membantu kamu. Untuk renungan, yang merupakan petikan-petikan Alkitab yang pendek dengan penerangan, refleksi bimbingan, dan doa untuk membantu kamu memulakan corak pembacaan Alkitab harian; Pedoman Harian atau Scripture Union mempunyai beberapa cara yang didatangkan dalam bentuk aplikasi

telefon pintar atau boleh didapati di laman sesawang. Biasanya ia terdapat dalam pelbagai bahasa untuk dipilih.

Pelajaran Kendiri – Kursus Pelajaran Alkitab

Jika kamu mahu mempelajari Alkitab, dengan lebih serius, untuk memahami setiap petikan, bab atau buku yang diajarkan oleh Alkitab kepada kita, maka kamu perlu mempertimbangkan kaedah-kaedah yang lain. Terdapat banyak buku yang boleh dicadangkan oleh pastor kamu; atau kamu boleh mempertimbangkan beberapa kaedah atas talian yang tersedia secara percuma.

Belajar Alkitab Secara Berkumpulan

Bagi orang-orang Kristian yang muda, kamu mungkin berasa agak sukar untuk mencuba memahami petikan-petikan yang sukar dalam Alkitab ketika kamu mempelajarinya berseorangan. Oleh itu, terdapat banyak faedah untuk menyertai sebuah kumpulan mempelajari Alkitab. Cari sebuah kumpulan belajar yang ahli-ahlinya lebih kurang kumpulan umur yang sama, yang mempunyai tahap pemahaman Alkitab yang lebih kurang sama atau mereka yang bersemangat untuk bertemu bersama untuk mempelajari Firman Tuhan. Pastor kamu, atau sahabat-sahabat Kristian yang lebih matang pasti dapat menasihatkan kamu.

Kepentingan Menyertai Sebuah Komuniti Kristian

Dalam banyak situasi di atas, kami telah menasihatkan kamu untuk berbicara dengan pastor kamu dan seorang sahabat Kristian yang lebih matang. Oleh itu, ianya penting bagi anda untuk menyertai sebuah gereja atau komuniti Kristian, supaya kamu dapat mendekati orang-orang Kristian yang lebih matang untuk nasihat.

4.8 Ringkasan Pelajaran

Alkitab adalah kewibawaan yang terpenting bagi orang Kristian kerana ia adalah inspirasi daripada Firman Tuhan. Ia menunjukkan sifat Tuhan, kehendak-Nya, dan rencana-Nya untuk manusia, memberikan asas yang dapat dipercayai bagi memahami kebenaran dan moraliti. Alkitab bukan sekadar satu koleksi kisah purba tetapi sebuah dokumen yang hidup yang berbicara kepada semua bidang kehidupan – membimbing pemikiran, tindakan, dan pilihan. Hikmatnya yang menyeluruh mengatasi batas waktu, memberikan arah yang jelas tentang apa yang betul dan yang salah, yang benar dan yang palsu, yang baik dan yang jahat.

- Alkitab memberikan kerangka moral yang konsisten yang tidak berubah dengan tren dan pendapat
- Ajarannya dapat diaplikasikan pada hari ini untuk membantu kita mengemudi cabaran-cabaran, memimpin perlakuan kita, dan memberikan ketenangan dan harapan

- Ia adalah asas bagi pandangan dunia Kristian – ia membentuk bagaimana kita melihat dunia – segalanya daripada etika sehinggalah tujuan untuk memahami sejarah dan masa depan. Kerana Alkitab ialah Firman Tuhan, kami akan memetik lebih kerap daripadanya sepanjang kami menuliskan buku ini. Ajaran-ajaran Alkitab membentuk asas yang stabil yang di atasnya kita akan membina pandangan dunia kita sambil kita mengemudi banyak isu rumit yang kita hadapi dalam dunia hari ini.
- “Seluruh Kitab Suci diilhamkan oleh Allah, dan berguna untuk mengajar, menegur, membetulkan dan mendidik ke arah kebenaran.” – 2 Timotius 3:16

BAB 5

APAKAH ITU DOSA DAN AKIBAT-AKIBAT DOSA?

Kejadian 1:28 - Allah memberkati mereka, lalu Allah berfirman kepada mereka, “Beranakcuculah dan bertambah banyak serta penuhilah dan takluki bumi, berkewenangan atas ikan-ikan di laut dan burung-burung di udara dan atas segala makhluk hidup yang berkeliaran dan yang bergerak di muka bumi.”



Tuhan menciptakan dunia yang sempurna

5.1 Tuhan menciptakan Dunia dan ianya Baik

Untuk mempunyai pemahaman yang baik tentang bagaimana Alkitab memandang dunia pada hari ini, kita perlu melihat perspektif berdasarkan Alkitab tentang dosa, apakah ia dan bagaimana ia memberi kesan kepada dunia pada hari ini. Untuk melakukan ini, kita perlu kembali kepada kitab Kejadian.

Alkitab memberitahu kita bahawa ketika Tuhan telah menciptakan dunia dan semua dalamnya, Dia mengatakannya baik. Ini bermaksud ia adalah sempurna. Tuhan menciptakan manusia dengan ciri-ciri yang istimewa; dalam Kejadian 1:27, ia berkata Tuhan menciptakan kita dalam gambar-Nya, yang bermaksud kita adalah istimewa bagi-Nya.

Adam dan Hawa, manusia pertama, diciptakan sempurna dan mereka diperintahkan untuk menjaga semua ciptaan Tuhan. Adam dan Hawa juga mempunyai sebuah persekutuan yang intim dengan Tuhan, kerana mereka sempurna dan Tuhan ingin mempunyai persekutuan yang intim dengan pasangan manusia itu.

Kejadian 1:28 berkata, “Allah memberkati mereka, lalu Allah berfirman kepada mereka, “Beranakcuculah dan bertambah banyak serta penuhilah dan takluki bumi, berkewenangan atas ikan-ikan di laut dan burung-burung di udara dan atas segala makhluk hidup yang berkeadilan dan yang bergerak di muka bumi.” Tuhan mengamanahkan manusia itu, yang diberkati dengan gambar wajah-Nya untuk menjaga ciptaan-Nya. Kemudian dia melihat kepada semua yang telah dicipta-Nya dan mengisytiharkannya “sungguh baik” (Kejadian 1:31)

5.2 Apakah situasinya sebelum Adam dan Hawa berdosa dan membawa dosa ke bumi? Mari kita ringkaskannya

- Pasangan manusia itu dicipta dengan sempurna. Manusia dicipta dengan gambaran Tuhan (Kejadian 1:26-27). Manusia telah diberikan ciri-ciri yang unik yang tidak diberikan kepada haiwan-haiwan lain yang merupakan ciptaan Tuhan. Kita mempunyai gambaran Tuhan yang diletakkan-Nya dalam kita. Kita mempunyai pemahaman dan keinginan untuk mempunyai persekutuan dengan Tuhan. Adam memberi nama kepada semua haiwan yang telah diciptakan. Dia berkuasa ke atas semua ciptaan.
- Manusia diperintahkan untuk berkuasa ke atas bumi (Kejadian 1:28-30). Apakah maksud hal ini kepada kita pada hari ini. Manusia, telah diselamatkan oleh Kristus, dipanggil untuk menjaga ciptaan Tuhan. Untuk benar-benar menghargai ciptaan Tuhan, kita dicabar untuk mempelajari dan memahami, alam, sains dan seni.
- Mereka hidup dalam ketulusan dan harmoni. Kejadian 2:25: “Kedua-dua manusia dan isterinya itu bertelanjang bulat tetapi mereka tidak berasa malu.” Ayat ini menonjolkan keadaan ketulusan mereka dan ketiadaan rasa bersalah atau malu. Orang Kristian dipanggil untuk hidup dengan harmoni bersama sesama kita, biarpun bukan Kristian, tetapi terutamanya kepada rakan-rakan kita yang percaya di gereja.
- Mereka diperintahkan untuk bekerja dan menjaga Taman Eden. Biarpun mereka berada di taman syurga, mereka masih mempunyai pekerjaan untuk dilakukan. Pekerjaan mereka adalah untuk menjaga taman, tetapi ia bukan pekerjaan yang sukar. Apakah maksud ini kepada kita hari ini. Biarpun sebagai orang Kristian yang telah diselamatkan oleh Yesus Kristus dan berada dalam persekutuan dengan Tuhan, kita masih dipanggil untuk bekerja dalam apa sahaja tugas yang diberikan kepada kita (Kejadian 2:15)

- Mereka diperintahkan untuk bertambah banyak. Adam dan Hawa diperintahkan untuk mempunyai anak dan memenuhi bumi (Kejadian 1:28).
- Mereka mempunyai akses kepada kehidupan yang kekal kerana mereka boleh makan buah daripada pokok kehidupan (Kej 2:9, 3:22). Sebelum mereka berdosa, Adam dan Hawa tidak perlu takut kepada kematian. Kematian datang selepas mereka berdosa (Kejadian 2:17).
- Mereka menyembah Tuhan dan mempunyai persekutuan yang sempurna dengan-Nya. Kita mengetahui hal ini kerana Tuhan sering berbicara kepada Adam dan Hawa. Apakah yang diberitahukan ini kepada kita tentang pandangan Alkitab tentang dosa? Ia memberitahu kita apa yang difikirkan oleh Tuhan bagi manusia yang diciptakan-Nya sebelum dosa masuk ke dunia. Oleh itu, siapa yang percaya kepada Yesus, dan diselamatkan oleh kasih melalui iman, mempunyai panggilan untuk mengingati apa tujuan manusia diciptakan dalam rencana asal Tuhan.

5.3 Apakah itu Dosa dan Kesannya?

Kejadian bab 2 memberitahu kita betapa Tuhan dengan penuh kasih menciptakan manusia, lelaki dan perempuan dan memberikan mereka tugas untuk menjaga syurga Taman Eden. Adam dan Hawa diberikan kebebasan yang besar tetapi diperintahkan untuk tidak makan buah daripada salah satu pohon tentang pengetahuan akan yang baik dan yang jahat (Kejadian 2:16-17).

Dosa masuk ke dunia ketika Adam dan Hawa memilih untuk menderhaka kepada Tuhan. Ini bukanlah sekadar satu perbuatan ketidaktaatan tetapi perbuatan pemberontakan kepada Tuhan. Keputusan ini membawa akibat yang dahsyat, yang memberi kesan bukan sahaja kepada manusia tetapi kepada seluruh dunia, yang Tuhan telah letakkan di bawah kuasa manusia.

Kejadian bab 3 memberitahu kita bahawa selepas manusia menderhaka kepada Tuhan, Tuhan mengutuk tanah yang akan membuatkan kehidupan sangat mencabar bagi manusia. Tetapi walaupun ketika sedang dalam penghukuman, Tuhan telah menyediakan pakaian yang menghangatkan untuk Adam dan Hawa. Pasangan manusia itu tidak dapat menikmati persekutuan akrab yang pernah mereka miliki bersama Tuhan, walaupun Tuhan masih mengasihi dan memelihara mereka. Tuhan berjanji bahawa satu hari nanti, Dia akan memberikan seorang penyelamat yang akan dilahirkan daripada keturunan manusia, yang akan menebus mereka. Janji ini digenapi oleh Yesus Kristus.

5.4 Bagaimana Alkitab memandang dosa?

Bagaimana kamu memandang dosa? Pada pendapat kamu apakah itu dosa dan bagaimana ia memberi kesan kepada kita? Dalam pandangan Alkitab kita semua berdosa atas dua perkara:

- (a) kerana kita keturunan Adam dan Hawa, kita dilahirkan daripada sebuah keluarga yang dihakimi sebagai orang yang berdosa.
- (b) kerana kita terus menderhaka kepada hukum Tuhan yang sempurna, dan sebagai orang yang dapat mengaku bahawa mereka tidak pernah melakukan apa-apa yang bertentangan dengan hukum Tuhan atau bahkan menentang naluri mereka atau fikiran tentang apa-apa yang buruk, kita dihakimi sebagai orang yang berdosa.

Mari kita ringkaskan bagaimana Alkitab mendefinisikan dosa:

- Ketidaktaatan. Dosa adalah melanggar hukum Tuhan (1 Yohanes 3:4). Selain daripada menggunakan hukum manusia sebagai penanda aras, Alkitab menggunakan hukum Tuhan sebagai garis pembahagi di antara apa yang baik dan diterima bagi Tuhan dan apa yang tidak.
- Kederhakaan: Dosa adalah menderhaka kepada perintah Tuhan (Kejadian 2:16-17; 3:6)
- Pemberontakan: Alkitab menjelaskan dosa bukan sahaja kederhakaan tetapi pemberontak terhadap Tuhan (Yesaya 1:2).
- Terlepas Tanda: Daripada pandangan Alkitab, semua manusia telah kehilangan piawaian Tuhan yang sempurna. “Kerana semua manusia telah berdosa dan tidak dapat mencapai kemuliaan Allah.” (Roma 3:23)
- Pengabaian dan Perbuatan: Mengetahui yang baik dan tidak melakukannya, dan dengan aktif melakukan yang salah (Yakobus 14:7; Matius 5:21-22).
- Akibat-akibat: Hukuman bagi dosa adalah kematian tetapi Tuhan telah menyediakan kita cara untuk keluar daripada hukuman ini, iaitu dengan meletakkan kepercayaan kita dan mengikut Yesus Kristus (Roma 6:23).
- Apa yang kita lakukan ketika kita berdosa, biarpun ketika kita telah menjadi pengikut Kristus: 1 Yohanes 1:9: “Tetapi jika kita mengakui dosa kita kepada Allah, Dia akan menepati janji-Nya dan berlaku adil. Dia akan mengampunkan dosa kita dan menyucikan kita daripada segala kesalahan.” Ini bermaksud bahawa semua orang telah berdosa dan tidak dapat menolong diri mereka sendiri kecuali mereka menerima penyelesaian daripada Tuhan, yang hanya ditemukan dalam Yesus Kristus.

5.5 Akibat dosa kepada umat manusia



Kita mengetahui bagaimana dosa masuk ke dunia, dan kita mengetahui apa yang dipandang oleh Alkitab sebagai dosa, tetapi bagaimanakah ia memberi kesan kepada kita dan dunia di mana kita hidup? Alkitab bukan sekadar menunjukkan bagaimana dosa datang ke dunia tetapi juga

Kesan Alkitab ke atas Seni, Sastera dan Sains

bagaimana dosa telah menjadi semakin teruk dalam generasi-generasi yang kemudiannya.

Apa yang kita lihat pada hari ini adalah kesan dosa apabila manusia menderhaka kepada hukum Tuhan dan saling menyerang antara satu sama lain dengan peperangan, perhambaan, eksploitasi manusia, rogol, bunuh, dan cara-cara jahat yang lain.

Apabila kita melihat jenayah-jenayah yang dilakukan, sama ada pada masa damai atau pada masa peperangan, kita perlu memahami bahawa ianya simulakan daripada dosa pertama, dan penolakan manusia yang berterusan untuk mentaati Tuhan dan menerima penyelesaian-Nya untuk kita, yang hanya tersedia melalui iman dalam Yesus Kristus.

Berikut adalah kesan dosa. Ini adalah ringkasan tentang bagaimana Alkitab menjelaskan bagaimana dosa itu terus bertambah buruk:

- Dosa telah menyebabkan pengasingan di antara manusia dan Tuhan, dan membawa kepada kematian rohani. *Efesus 2:1-3* “Kamu telah mati akibat kesalahan dan dosa yang dahulu kamu lakukan menurut jalan dunia, menurut raja segala kuasa di udara, roh yang sekarang bertindak dalam diri anak-anak derhaka. Kami semua juga pernah hidup sedemikian, memuaskan hawa nafsu, menunaikan kehendak tubuh dan fikiran, dan secara tabii merupakan anak-anak yang dimurkai, seperti yang lain juga.”
- *Kejadian 6:5-6* *Kejahatan dan Penyelewengan* tersebar ke seluruh manusia: “Namun begitu, TUHAN melihat kejahatan manusia besar di bumi, dan segala hasrat dan kecenderungan hati mereka sentiasa tertumpu pada kejahatan sahaja. Maka menyesallah TUHAN kerana Dia telah menjadikan manusia di bumi dan hal itu mendukakan hati-Nya.”
- Manusia beralih kepada rancangan jahat: *Pengkhotbah 7:29*: “Lihatlah, yang hanya kudapati ialah bahawa Allah menjadikan manusia jujur, tetapi manusia sendiri yang banyak rancangan jahatnya.”

Umat manusia kehilangan arah moral mereka. Ini membawa kepada perbuatan dosa yang di luar kawalan. Dosa Kain lebih besar daripada Adam. Dosa keturunan Kain lebih besar daripada dosa Kain. Pada zaman Nuh, seluruh dunia menjadi zalim kepada Tuhan, yang kemudiannya membawa penghakiman dalam bentuk banjir besar.

5.6 Kesan dosa kepada dunia

Akibat umat manusia memberontak terhadap pencipta mereka membawa kepada penghakiman bukan sahaja kepada mereka sendiri, tetapi juga kepada semua ciptaan. Dunia, yang telah diciptakan dengan sempurna, kini di bawah kutuk.

Tuhan meletakkan manusia untuk bertanggungjawab ke atas ciptaan. Apabila manusia memberontak, ia sama seperti jika seorang raja memberontak, dan kerana itu kerajaannya kini berada di bawah penghakiman bersama dengan rajanya. Untuk memahami pandangan berdasarkan Alkitab tentang bencana dunia, kita perlu mempertimbangkan ajaran ini daripada

Alkitab. Umat manusia ditetapkan untuk menjaga ciptaan Tuhan. Umat manusia memberontak. Kini semua ciptaan berada di bawah penghakiman Tuhan.



Ciptaan mengerang kesakitan melahirkan anak menantikan ciptaan yang baru seperti dalam Roma 8:20-22

Ini adalah ringkasan daripada petikan Alkitab yang menunjukkan bagaimana dosa telah mengubah dunia daripada bentuknya sebelum Adam dan Hawa melakukan tindakan ketidaktaatan yang pertama:

- Kejadian 3:17-19 Kutukan bumi dan susah-payah manusia: *“Firman-Nya kepada Adam, ‘Kerana engkau menurut kata isterimu lalu memakan buah daripada pokok yang telah Kuperintahkan kepadamu, ‘Jangan engkau makan buahnya,’ maka terkutuklah tanah kerana kau. Engkau akan bersusah payah mengerjakan tanah dan memakan hasilnya, seumur hidupmu. Tanah akan menumbuhkan duri dan onak untukmu, dan tumbuh-tumbuhan di padang akan menjadi makananmu. Hasil keringatmu itulah engkau kelak mendapatkan rezekimu sehingga kembalinya engkau menjadi tanah, kerana dari tanahlah engkau diambil. Oleh sebab asalmu debu, maka engkau kelak kembali menjadi debu.”*
- Roma 8:20-22 Seluruh ciptaan telah ditundukkan dalam kebuntuan: *“Kerana seluruh ciptaan telah ditundukkan dalam kebuntuan, bukan dengan pilihannya sendiri, tetapi dengan kehendak Dia yang telah menundukkannya, dengan harapan bahawa ciptaan itu sendiri akan dibebaskan daripada belenggu kemusnahan dan dibawa ke dalam kebebasan penuh kemuliaan anak-anak Allah. Kita tahu bahawa sampai ke saat ini seluruh ciptaan mengerang bagaikan sakit melahirkan anak.”*
- Yesaya 24:5-6 : *“Bumi dinajiskan oleh penduduknya, kerana mereka melanggar hukum, mengubah ketetapan, dan mengingkari perjanjian yang kekal. Itulah sebabnya bumi dimamah kutukan dan penduduknya menanggung kesalahan mereka sendiri. Itulah sebabnya penduduk bumi dihanguskan sehingga sedikit sahaja orang yang tertinggal.”*

5.7 Tuhan terus mendekati umat manusia

Tuhan tidak akan meninggalkan umat manusia di bawah penghakiman tanpa sebuah penyelesaian. Kerana Tuhan begitu mengasihi dunia, Dia memberikan Anak-Nya yang tunggal, Yesus Kristus, yang datang dan mati untuk dosa kita, dan bangkit semula, supaya semua orang yang percaya dan meletakkan keyakinan mereka dalam-Nya, akan diampuni daripada dosa-dosa mereka dan kembali kepada persekutuan yang akrab dengan Tuhan. Ini adalah ringkasan petikan dalam Alkitab yang menunjukkan bagaimana Tuhan telah memberikan penyelesaian untuk membawakan kita keselamatan:

Yesus berkata “Aku berdiri di hadapan pintu sambil mengetuk”



- Yesaya 1:18 Pelawaan untuk berperkara bersama Tuhan: “Marilah kita berperkara,” demikianlah firman TUHAN. “Sekalipun dosa-dosamu seperti kain merah tua, semuanya akan menjadi putih seperti salji; sekalipun merah seperti kesumba, semuanya akan menjadi seperti bulu domba.”
- Yohanes 3:16 Kasih Tuhan kepada umat manusia: “Allah begitu mengasihi dunia sehingga menganugerahkan Anak-Nya yang tunggal supaya setiap orang yang percaya kepada-Nya tidak binasa melainkan mendapat hidup kekal.”
- Roma 5:8 Kristus mati untuk kita: “Tetapi Allah telah menunjukkan kasih-Nya sendiri terhadap kita dengan demikian: Ketika kita masih berdosa, Kristus telah mati untuk kita.”
- 2 Korintus 5:18-19 Pelayan Kedamaian: “Semuanya datang daripada Allah, yang telah mendamaikan kita dengan diri-Nya melalui Kristus, dan mengamanahkan kepada kami tugas mulia untuk mengusahakan pelayanan perdamaian itu.”
- Wahyu 3:20 Yesus mengetuk pintu: “Dengarlah! Aku berdiri di hadapan pintu sambil mengetuk. Jika seseorang mendengar suara-Ku dan membuka pintu, Aku akan masuk ke rumahnya. Aku akan makan bersamanya dan dia bersama-Ku.”

5.8 Ringkasan Pelajaran

1. Untuk menyedari apa yang sedang berlaku di dunia pada hari ini, kita perlu memahami apa yang diajarkan oleh Alkitab tentang dosa. Kerana umat manusia telah berdosa terhadap Tuhan, kita melihat akibat dosa dalam dunia pada hari ini: Masalah-masalah sosial dan kemanusiaan – jenayah, perpecahan dalam keluarga, ketidakadilan sosial kerana ketamakan manusia, pembunuhan, peperangan dan jenayah-jenayah dahsyat yang lain
2. Dunia menghadapi bencana alam – ketidakmampuan manusia atau kekurangan keinginan untuk menjaga dunia yang telah Tuhan ciptakan dan alam semulajadi itu sendiri berada di bawah kutuk seperti yang disebutkan dalam Kejadian bab 3.
3. Tetapi biarpun semua ini, Tuhan telah menyediakan satu penyelesaian dan inilah apa yang kita akan baca dengan lebih lagi dalam bab yang seterusnya.

BAB 6

RANCANGAN PENYELAMATAN TUHAN DAN BERTUMBUH DALAM IMAN

Yohanes 3:16 – “Allah begitu mengasihi dunia sehingga menganugerahkan Anak-Nya yang tunggal supaya setiap orang yang percaya kepada-Nya tidak binasa melainkan mendapat hidup kekal.”



Yesus Penebus – Dijanjikan daripada Perjanjian Lama

6.1 Siapakah Yesus dan bagaimana manusia di dunia melihat-Nya pada hari ini?

Orang yang berlainan mempunyai pandangan yang berbeza tentang Yesus pada hari ini. Kebanyakan orang menerima bahawa Yesus hidup dalam sejarah tetapi ramai akan mengatakan bahawa Dia hanya seorang lelaki yang baik, seorang guru yang baik, tetapi tidak melakukan mukjizat-mukjizat yang disebutkan dalam Alkitab. Walaupun jika Dia melakukan beberapa

mukjizat yang hebat, ia tidak membuktikan Dia sendiri adalah seperti yang dinyatakan-Nya sendiri, Ilahi. Orang lain memandang Yesus sebagai seorang nabi, sangat dihormati, tetapi tidak Ilahi.

Alkitab mengajarkan kita bahawa Yesus ialah Anak Tuhan. Sifat-Nya yang kudus dijelaskan berulang-ulang kali dalam Alkitab. Dia juga ialah Mesias, atau Yang Dipilih, yang mati bagi dosa kita, dibangkitkan oleh Tuhan dan kini terus aktif di dunia dan terutamanya dalam kehidupan para pengikut-Nya.

Pemahaman yang baik tentang Alkitab memberitahu orang Kristian bahawa Yesus ialah:

1. Tuhan Anak, yang merupakan pencipta bersama dengan Tuhan Bapa dan Roh Kudus ketika dunia diciptakan.
2. Penebus bagi bangsa manusia. Dia ialah yang dijanjikan daripada masa yang lalu, dalam Kejadian, dan oleh nabi-nabi Perjanjian Lama, yang akan datang dan membayar harga dengan penderitaan dan kematian-Nya di kayu salib bagi dosa umat manusia dan menebus semua yang percaya dan meletakkan keyakinan mereka kepada-Nya.
3. Dia akan datang kembali, pada masa yang ditetapkan oleh Tuhan, untuk menghakimi dunia.

6.2 Nubuatan Perjanjian Lama Digenapi oleh Yesus

Bagaimanakah Alkitab menunjukkan bahawa Dia ialah Mesias, yang akan membawa keselamatan Tuhan kepada mereka yang meletakkan kepercayaan mereka kepada-Nya?

Terdapat banyak nubuatan dalam Perjanjian Lama yang menubuatkan peristiwa-peristiwa di sekitar Mesias. Berikut adalah senarai ringkasan bagi beberapa nubuatan itu.

Yesaya hidup lebih daripada 700 tahun sebelum kelahiran Yesus dan bernubuat tentang keturunan Yesus.

1. Dilahirkan oleh seorang Dara

- **Nubuatan: Yesaya 7:14**

“Oleh sebab itu Tuhan sendiri akan memberikan tanda kepadamu: Sesungguhnya, seorang anak dara akan mengandung dan melahirkan seorang anak lelaki. Dia akan menamainya Immanuel.”

- **Penggenapan: Matius 1:22-23**

“Segala ini berlaku supaya terlaksanalah firman Tuhan melalui nabi-Nya: “Seorang anak dara akan mengandung, dan melahirkan seorang anak lelaki, dan mereka akan menamai Dia Immanuel” yang bererti, Allah menyertai kita dalam bahasa Ibrani.”

Nubuatan lain telah direkodkan oleh Nabi Mikha, yang hidup sekitar zaman Yesaya. Mikha bernubuat di mana Yesus akan dilahirkan.

2. Lahir di Betlehem

- **Nubuatan: Mikha 5:2 (sekitar 700 SM)**

“Tetapi engkau, wahai Betlehem Efrata, yang teramat kecil untuk berada di antara kaum-kaum Yehuda, daripada kamu akan muncul bagi-Ku seorang yang akan menjadi pemerintah di Israel. Asal usulnya sudah sejak zaman dahulu, sejak purbakala lagi.”

- **Penggenapan: Matius 2:1**

“Yesus dilahirkan di Betlehem, di Tanah Yudea, semasa pemerintahan Raja Herodes. Tidak lama kemudian datanglah beberapa orang ahli ilmu bintang dari Timur ke Yerusalem.”



◀ Yesus dilahirkan di Betlehem

Nabi Yeremia, yang hidup lebih kurang 600 tahun sebelum kelahiran Yesus bernubuat bahawa Yesus Mesias adalah keturunan Raja Daud.

3. Daripada Keturunan Daud

- **Nubuatan: Yeremia 23:5 (sekitar 600 SM)**

“Sesungguhnya, waktunya akan datang,” demikianlah firman TUHAN, “bahawa Aku akan menumbuhkan Tunas yang benar bagi Daud. Dia akan bertakhta sebagai raja dan bertindak bijaksana. Dia akan menegakkan keadilan dan perbenaran di negeri ini.”

- **Penggenapan: Lukas 1:32-33**

“Dia akan menjadi mulia dan Dia akan digelar Anak Allah Yang Maha Tinggi. Tuhan Allah akan mengurniakan takhta Daud, nenek moyang-Nya itu kepada-Nya. Dia akan merajai keturunan Yakub selama-lamanya; dan kerajaan-Nya berkekalan.”

Yesaya juga bernubuat tentang beberapa mukjizat yang akan Yesus lakukan.

4. Melakukan mukjizat

- **Nubuatan: Yesaya 35:5-6 (sekitar 700 SM)**
“Pada waktu itu mata orang buta akan dicelikkan dan telinga orang tuli akan dibuka. Pada waktu itu orang tempang akan melompat seperti rusa dan lidah orang bisu akan bersorak-sorai. Sesungguhnya, air akan memancar di belantara dan sungai-sungai di gurun.”
- **Penggenapan: Matius 11:4-5**
“Yesus menjawab mereka, ‘Pulanglah, beritahu Yohanes apa yang kamu dengar dan lihat: Orang buta melihat, orang lumpuh berjalan, orang kusta ditahirkan, orang tuli mendengar, orang mati dihidupkan semula, dan perkhabaran baik disampaikan kepada orang miskin.’



▲ Yesus melakukan mukjizat



◀ Penyaliban Yesus

Terdapat banyak lagi nubuatan tentang hidup Yesus daripada nabi Perjanjian Lama yang lain terutamanya Yesaya. Bagi senarai ringkasan kami di sini, kami telah mengetengahkan nubuatan-nubuatan daripada Mazmur, yang telah ditulis lebih kurang 1,000 tahun sebelum kelahiran Yesus. Jika kamu telah membaca keseluruhan Mazmur 22, ia memberikan perincian tentang bagaimana Mesias akan menderita kerana dosa dunia.

5. Penyaliban

- **Nubuatan: Mazmur 22:16-18 (sekitar 1000 SM)**
“Anjing-anjing telah mengelilingiku; gerombolan orang durjana mengepungku, mereka telah menembusi tangan dan kakiku. Aku dapat membilang semua tulanku; mereka membelalak merenungku. Mereka membahagikan pakaianku antara mereka dan untuk itu mereka membuang undi.”
- **Penggenapan: Yohanes 19:23-24**
“Setelah menyalib Yesus, askar-askar mengambil pakaian-Nya, dibahagi empat, sebahagian untuk setiap askar. Mereka mengambil jubah-Nya juga. Jubah itu tidak berkelim, seluruhnya dianyam dari atas. Oleh itu, mereka berkata-kata sesama sendiri, ‘Janganlah kita koyakkan. Kita buang undi untuk menentukan siapa yang dapat.’”

Pemazmur juga menjelaskan kebangkitan dan pengangkatan Mesias.

6. Kebangkitan

- **Nubuatan: Mazmur 16:10 (sekitar 1000 SM)**
“kerana Engkau tidak akan meninggalkan rohku di alam maut, dan Engkau tidak akan membiarkan Orang Suci-Mu reput.”
- **Penggenapan: Kisah Para Rasul 2:31**
“bahawa roh-Nya tidak akan ditinggalkan di alam maut, dan jasad-Nya tidak akan reput.”

7. Pengangkatan



▲ Yesus dilahirkan di Betlehem

- **Nubuatan: Mazmur 68:18 (sekitar 1000SM)**
“Engkau telah naik ke tempat yang tinggi, Engkau membawa orang tawanan; Engkau menerima persembahan dalam kalangan manusia, malah daripada pemberontak — supaya TUHAN Allah akan tinggal di sana.”
- **Penggenapan: Lukas 24:50-51**
“Kemudian Yesus membawa murid-murid-Nya ke luar kota sehingga Betania. Di situ Dia mengangkat tangan-Nya lalu memberkati mereka. Ketika Dia memberkati mereka, Dia diangkat ke syurga lalu meninggalkan mereka.”

Ini hanyalah beberapa nubuatan berkenaan dengan kelahiran, kehidupan, kematian, dan kebangkitan Yesus yang dinyatakan dalam Perjanjian Lama yang menunjukkan bahawa Yesus ialah Mesias.

6.3 Apakah yang kita perlu lakukan untuk menerima rencana penyelamatan Tuhan?

Sesetengah daripada kamu mungkin memang orang Kristian, sama ada sesetengah lagi mungkin sedang berusaha untuk mengetahui lebih. Bagi kamu yang ingin mengetahui apakah langkah-langkah asas yang termasuk dalam menjadi seorang Kristian, yang berikut adalah ringkasan. Jika kamu ingin mengetahui lebih banyak, kami mencadangkan agar kamu berbicara dengan seorang pastor atau sahabat Kristian.

- Percaya kepada Tuhan. Ini bukanlah sebarang tuhan, tetapi Tuhan yang dijelaskan dalam Alkitab. Pencipta dunia, Tuhan Abraham, Musa, Raja Daud, dan Bapa kepada Tuhan kita Yesus.
- Akui bahawa kamu telah berdosa dan memerlukan seorang Penyelamat. Ini adalah memahami bahawa apa sahaja yang telah kita lakukan atau boleh lakukan dengan usaha kita sendiri tidak akan cukup untuk memenuhi piawaian yang diharapkan oleh Tuhan yang kudus. Kita memerlukan pertolongan Tuhan untuk diterima oleh-Nya.
- Membuat pengakuan bahawa kita telah berdosa dan sanggup untuk bertaubat daripada cara-cara kita yang lepas yang tidak menyenangkan Tuhan. Kita sanggup berpaling daripada masa lalu kita dan mengikuti ajaran-ajaran yang ditemukan dalam Alkitab.
- Menerima anugerah Tuhan. Kita perlu menerima anugerah Tuhan yang percuma, yang bermaksud percaya bahawa Yesus telah mati bagi dosa-dosa kita, hidup pada hari ini, dan menerima-Nya sebagai Tuhan dan Penyelamat kita. Apabila kita telah melakukan ini, Tuhan memberikan kita Roh Kudus untuk terus hidup dalam kita dan membimbing kita, tetapi kita perlu menyedari akan kehadiran-Nya dan mengikut bimbingan yang diberikan kepada kita.
- Selepas menerima Yesus sebagai Tuhan dan Penyelamat kita, kita telah menjadi Kristian dan masuk dalam Kerajaan Tuhan. Kini penting untuk kamu mengikuti sebuah gereja dan terlibat dalam gereja itu. Berbicara kepada pastor kamu atau orang Kristian yang lain tentang bagaimana untuk bertumbuh dalam iman kamu bermula di sini.

Berikut adalah beberapa petikan Alkitab yang berbicara tentang apakah keadaannya untuk menjadi orang yang percaya dan diselamatkan masuk ke dalam kerajaan-Nya:

Yohanes 3:16

- Allah begitu mengasihi dunia sehingga menganugerahkan Anak-Nya yang tunggal supaya setiap orang yang percaya kepada-Nya tidak binasa melainkan mendapat hidup kekal.

Kisah Para Rasul 2:38

- Petrus pun berkata kepada mereka, “Bertaubatlah, dan hendaklah setiap orang daripada kamu dibaptiskan atas nama Yesus Kristus supaya dosa-dosamu diampunkan; dan kamu akan menerima pemberian Roh Kudus.

Efesus 2:8-9

- Kamu telah diselamatkan dengan kasih kurnia-Nya melalui iman — ini bukan daripada kamu sendiri tetapi adalah kurnia Allah — bukan kerana usaha amalmu supaya tiada seorang pun yang dapat bermegah.

1 Petrus 1:8-9

- “Kamu mengasihi-Nya walaupun belum pernah melihat-Nya. Kamu percaya kepada-Nya tanpa melihat-Nya. Oleh itu, kamu merasai kebahagiaan yang tidak terkata dan penuh dengan kemuliaan kerana kamu akan mencapai matlamat imanmu, iaitu penyelamatan jiwamu.”

6.4 Apa yang berlaku kepada mereka yang telah meletakkan iman mereka dalam Yesus Kristus? Apa yang mereka terima daripada Tuhan?



Pelajar sedang mempelajari Alkitab

Terdapat pembalikan daripada apa yang telah berlaku kepada umat manusia apabila dosa datang ke dunia melalui Adam dan Hawa. Mereka yang mengikut Yesus yang meletakkan kepercayaan mereka dalam Yesus boleh mendekati Tuhan dalam doa dan mempunyai persekutuan yang akrab dengan-Nya, dan mengetahui bahawa dosa-dosa mereka telah diampuni. Namun, ia tidak serta-merta membalikkan beberapa kesan akibat dosa tersebut; kerana masih ada kematian secara jasmani, penyelewengan dunia dan masa-masa di mana kita masih tewas kepada godaan-godaan. Tetapi ia tidak mengubah pendirian kita dalam hubungan kita dengan Tuhan.

Berikut adalah beberapa hasil daripada kepercayaan dan iman dalam Tuhan Yesus Kristus.

1. Dosa Kita Telah Diampuni

Kisah Para Rasul 10:43:

- “Semua nabi bersaksi tentang-Nya bahawa setiap orang yang percaya kepada Yesus akan diampuni dosanya dengan nama-Nya.”

Efesus 1:7:

- “Dalam-Nya kita mendapat penebusan melalui darah-Nya, pengampunan dosa, menurut limpah kasih kurnia-Nya.”

2 Korintus 5:21:

- “Allah menjadikan Dia yang tidak mengenal dosa menjadi penanggung dosa untuk kita, supaya dalam Dia kita diperbenarkan oleh Allah.”



2. Kita telah Diterima Sebagai Anak Tuhan

Yohanes 1:12:

- “Namun demikian, Dia memberikan hak menjadi anak Allah kepada mereka yang menerima-Nya dan percaya dalam nama-Nya.”

Roma 8:15:

- “Kerana kamu bukanlah menerima Roh yang menyebabkan kamu diperhamba lagi oleh ketakutan, tetapi telah menerima Roh yang menjadikanmu anak Allah. Dan dengannya kita berseru, ‘Abba, Bapa.’”

Kita telah Diangkat Menjadi Anak-anak Allah

3. Tuhan telah Memberikan Kita Roh Kudus

Efesus 1:13-14:

- “Kamu juga dalam Kristus setelah mendengar kata kebenaran, iaitu Injil tentang penyelamatanmu. Dan dalam-Nya, setelah mempercayai-Nya, kamu telah dimaterai dengan Roh Kudus yang dijanjikan-Nya, yang menjadi jaminan bagi warisan kita hingga penebusan orang yang dimiliki Allah — segala puji bagi kemuliaan-Nya.”

1 Korintus 6:19:

- “Kamu tentu tahu bahawa tubuhmu itu tempat kediaman Roh Kudus yang telah dikurniakan Allah kepadamu. Tubuhmu bukanlah milikmu, tetapi milik Allah.”

4. Kita Dapat Mendekati Tuhan

Efesus 3:12:

- “Yang dalam-Nya kita mendapat kebebasan dan keyakinan menghampiri Allah melalui iman.”

Ibrani 4:16:

- “Oleh itu, marilah kita tampil dengan berani ke hadapan takhta kasih kurnia, supaya kita mendapat belas kasihan dan kasih kurnia untuk menolong kita ketika kita memerlukannya.”

5. Tuhan Melimpahkan Kita dengan Berkah-berkat Rohani

Efesus 1:3:

- “Segala puji bagi Allah, Bapa Tuhan kita Yesus Kristus, yang telah memberkati kita dengan segala berkat rohani di syurga dalam Kristus.”

6. Tuhan Memberikan Kita Warisan dalam Kerajaan-Nya

Roma 8:17:

- “Jika kita anak, maka kita waris-waris Allah, waris bersama dengan Kristus, jika kita benar-benar berkongsi penderitaan-Nya supaya dapat berkongsi kemuliaan-Nya kelak.”

1 Petrus 1:3-4:

- “Puji bagi Allah dan Bapa Tuhan kita Yesus Kristus! Kerana belas kasihan-Nya yang amat besar Dia telah mengurniakan kita kelahiran baru dengan membangkitkan Yesus Kristus daripada kematian. Dengan demikian, kita hidup dengan harapan yang tidak akan binasa, dan kita mengharapkan warisan yang tidak mungkin reput, tercemar atau lenyap — disimpan untukmu di syurga.”



7. Kita Diberikan Hidup yang Kekal dan menjadi Ciptaan yang Baru

Yohanes 3:16:

- “Allah begitu mengasihi dunia sehingga menganugerahkan Anak-Nya yang tunggal supaya setiap orang yang percaya kepada-Nya tidak binasa melainkan mendapat hidup kekal.”

2 Korintus 5:17:

- “Sesiapa yang ada dalam Kristus adalah ciptaan baru. Hal-hal lama telah lenyap dan segala-galanya baru.”

6.5 Yesus Membentuk Permulaan Pandangan Dunia yang Baharu

Bagaimana Pandangan Dunia berdasarkan Alkitab berlainan dengan pandangan dunia yang tidak berdasarkan Alkitab yang mempunyai niat yang baik?

Dalam beberapa aspek, pandangan Kristian tentang perkara-perkara akan masih berbeza daripada pandangan orang bukan percaya yang baik dan bertanggungjawab. Kita akan menyelami beberapa daripadanya dengan lebih terperinci selepas ini. Dengan sangat ringkas, berikut adalah beberapa perbezaan:



Permulaan sebuah hidup baru

- Tindakan-tindakan Kristian berakar dalam keinginan untuk memuliakan Tuhan dan mengikut perintah-perintah-Nya, manakala niat yang baik dalam pandangan dunia yang tidak berdasarkan Alkitab sering kali dicetuskan oleh etika manusia atau norma masyarakat.
- Sumber Kebenaran – Orang Kristian memperoleh kompas moral mereka daripada Alkitab sebagai ukuran mutlak untuk panduan, manakala pandangan bukan berdasarkan Alkitab bergantung kepada pemikiran manusia, budaya atau falsafah
- Pandangan dunia berdasarkan Alkitab menunjukkan hasil yang kekal dan keselarian dengan kehendak Tuhan, manakala pandangan dunia bukan berdasarkan Alkitab, biarpun ia mempunyai niat yang baik, mungkin berfokuskan pada sasaran duniawi atau sementara.

Bagaimanakah pandangan dunia Kristian berbeza daripada mereka yang tidak percaya pada Tuhan yang berdaulat

Kedaulatan Tuhan – orang Kristian percaya kepada satu Tuhan yang berdaulat yang aktif di dalam dunia dan bekerja bagi tujuan-tujuan-Nya tetapi memberikan manusia pilihan bebas. Pandangan dunia sekular biasanya mengakui kuasa-kuasa seperti nasib, takdir, atau karma tanpa melibatkan satu Tuhan yang peribadi.

- Pandangan dunia berdasarkan Alkitab mengakui dunia fizikal dan roh di bawah kawalan Tuhan, manakala pandangan dunia bukan berdasarkan Alkitab sering kali menafikan dunia roh, atau jika mereka percaya kepada dewa, mungkin mengakui beberapa dewa yang ditugaskan kepada dunia-dunia yang berbeza dalam hidup manusia. Contoh dalam budaya Cina, terdapat dewa yang ditugaskan untuk kekayaan, dan yang lain kepada belas kasihan dll.
- Pandangan dunia berdasarkan Alkitab mengajarkan kebertanggungjawaban peribadi kepada Tuhan, manakala pandangan dunia bukan berdasarkan Alkitab cenderung untuk meletakkan tanggungjawab hanya kepada hukum masyarakat atau pilhan perseorangan.
- Tafsiran peristiwa – Pandangan berdasarkan Alkitab tentang cabaran-cabaran dan berkat-berkat kehidupan sebagai sebahagian daripada rencana Allah, berlawanan dengan pandangan bukan berdasarkan Alkitab tentang peristiwa-peristiwa yang memandangnya sebagai kebetulan.



Bagaimanakah pandangan dunia Kristian berbeza daripada mereka yang percaya bahawa kita terus-menerus dipengaruhi oleh kuasa roh-roh yang tidak dapat dilihat?

- Orang Kristian percaya bahawa Yesus Kristus mempunyai kuasa tertinggi ke atas semua kuasa-kuasa roh (Kolose 2:15), membawa kebebasan daripada ketakutan atau kawalan daripada roh-roh yang tidak dapat dilihat.
- Biar pun mengakui kewujudan kuasa roh, Alkitab menekankan kedaulatan mutlak dan perlindungan Tuhan bagi orang-orang yang percaya (Efesus 6:10-18)
- Pandangan dunia Kristian melihat manusia sebagai diciptakan dalam gambaran Tuhan dengan pilihan bebas di bawah kasih karunia Tuhan, bukanlah sekadar buah catur atau kuasa roh.
- Pandangan dunia yang lain mungkin melakukan upacara atau persembahan kepada kuasa-kuasa yang tidak terlihat, tetapi orang Kristian bergantung kepada doa, iman dan Roh Kudus untuk perlindungan dan pimpinan.

6.6 Kepentingan Berjalan bersama Komuniti Orang Percaya, Keluarga, dan Gereja, serta Dibaptis

Apabila kita telah menjadi orang Kristian atau pengikut Yesus, sangat penting untuk menyertai sebuah persekutuan orang yang percaya, atau menyertai sebuah gereja. Mempercayai Yesus dan menerima pengampunan akan dosa kita adalah hanya langkah pertama dalam perjalanan kita bersama Tuhan. Langkah seterusnya adalah untuk menjadi murid Yesus dan bertumbuh dalam iman kita. Mengikuti sebuah gereja akan membantu kita menerima ajaran dan sokongan dalam perjalanan kita untuk menjadi murid Yesus. Semua orang Kristian seharusnya mempertimbangkan untuk dibaptis dan ini biasanya dilakukan dalam sebuah gereja.

Bagaimana untuk Mencari Sebuah Gereja yang Sesuai

Berikut adalah sebuah rumusan ringkas untuk membantu membimbing kamu jika kamu belum mempunyai gereja tetap dan sedang mencari:



Para pelajar di sebuah gereja

- Untuk remaja muda, kami menggalakkan kamu untuk mengikuti ibu bapa kamu ke gereja jika mereka menghadiri mana-mana gereja.
- Minta rakan-rakan Kristian kamu mencadangkan sebuah gereja, atau ikut mereka ke gereja.
- Cari sebuah gereja yang mempunyai ciri-ciri yang baik seperti:
 - o Ajaran dan khutbah yang berasaskan Alkitab
 - o Penjagaan pastoral yang baik

- o Membantu mengembangkan pertumbuhan rohani
- o Berpusatkan Injil
- o Prihatin terhadap khidmat masyarakat
- o Berorientasikan misi
- o Tidak sombong rohani
- o Apakah faedah membina hubungan dengan orang Kristian yang lebih tua dan lebih matang?

Tidak mengapa untuk bertanya soalan.

Pembelajaran adalah berterusan. Kita boleh mencari jawapan dengan membaca Alkitab, berbicara dengan orang-orang Kristian yang lebih tua, ibu bapa atau guru-guru yang boleh dipercayai, dan berdoa.

6.7 Ringkasan Pelajaran

1. Perjanjian Lama telah merekodkan banyak nubuatan tentang kedatangan Yesus, kelahiran, kehidupan, pekerjaan, kematian, dan kebangkitan-Nya. Ini membuktikan bahawa Yesus ialah Mesias yang Tuhan telah janjikan dari masa yang lampau, yang akan menderita kerana dosa-dosa dunia dan membuat satu laluan bagi orang-orang yang percaya untuk menerima pengampunan daripada Tuhan.
2. Kita telah diselamatkan dengan percaya kepada-Nya dan meletakkan kepercayaan kita dan menyerahkan hidup kita kepada-Nya.
3. Apabila kita menjadi pengikut Yesus, dosa-dosa kita akan diampuni dan kita akan dilahirkan semula ke dalam kerajaan Tuhan. Kita menerima banyak berkat rohani dan hidup yang kekal daripada Tuhan.
4. Kita mempunyai sebuah pandangan dunia yang berbeza daripada orang yang tidak mengikuti Yesus Kristus. Pandangan dunia kita adalah berdasarkan pada ajaran dalam Alkitab.
5. Penting untuk mengikuti sebuah gereja dan untuk mempunyai persekutuan dengan orang-orang yang percaya bagi membantu kita dalam perjalanan kita semasa kita bertumbuh dalam iman kita.

Pengenalan kepada Pandangan Dunia Yang Berbeza

Kolose 3:17 – “Segala yang kamu katakan dan lakukan haruslah dengan nama Tuhan Yesus sambil mengucapkan syukur kepada Bapa kita Allah melalui-Nya.”



Manusia dalam dunia dengan pandangan dunia yang berbeza-beza

7.1 Bagaimana kita mengenal pasti pandangan dunia yang berbeza ketika kita melihatnya?

Bagaimana kita memberi respon kepada rakan-rakan dengan pandangan dunia yang berbeza tanpa membuat mereka terasa hati tetapi tanpa mengorbankan pandangan kita sendiri?

Prinsip asas yang membezakan Pandangan Dunia Berdasarkan Alkitab daripada pandangan

dunia sekular atau bukan berdasarkan Alkitab adalah kebergantungan kepada Tuhan dan kepercayaan kepada Firman-Nya yang telah didedahkan. Sebagai seorang yang percaya, yang hidup dalam dunia yang mempunyai pelbagai budaya dan kepercayaan, penting untuk mempunyai sebuah pandangan dunia Kristian sambil mengerti dan memahami pandangan dunia yang lain.

Beberapa daripada pandangan dunia ini mungkin mempunyai nilai moral yang baik. Hal ini tidak luar biasa kerana Tuhan telah meletakkan kata hati dalam semua manusia. Namun, untuk pemahaman yang lengkap tentang apa yang telah direncanakan oleh Pencipta dan yang diinginkan-Nya daripada ciptaan-Nya, ini hanya boleh ditemukan dalam Firman Tuhan, iaitu Alkitab.

Dalam bab-bab yang seterusnya, kita akan meneroka aspek-aspek penting yang lain tentang bagaimana kita melihat dunia dan apakah faktor yang mempengaruhi cara kita menterjemah dan memahami cabaran-cabaran yang kita hadapi. Dalam mempertimbangkan faktor-faktor ini, kita akan meneroka apakah yang dikatakan dalam Alkitab dan untuk menapis pandangan dunia yang bukan berdasarkan Alkitab dan melihat bagaimana ia berbeza daripada pandangan dunia berdasarkan Alkitab.

Berikut adalah rumusan tentang faktor-faktor penting yang membentuk pandangan dunia kita dan mengenal pasti beberapa kunci perbezaan di antara pandangan dunia berdasarkan Alkitab dan yang bukan berdasarkan Alkitab:

7.2 Etika

Pandangan Dunia Berdasarkan Alkitab:

- Asas etika adalah berdasarkan pada ciri-ciri dan prinsip mutlak Tuhan yang tidak berubah seperti yang ditunjukkan dalam Alkitab.
- Prinsip-prinsip moral yang diajarkan dalam Alkitab bukanlah subjektif atau bergantung kepada keadaan tetapi selari dengan ajaran-ajaran dalam Alkitab seperti melayani orang lain dengan kebaikan, kejujuran, hormat, dan melakukan apa yang baik di mata Tuhan.
- Sasarannya adalah untuk memuliakan Tuhan dan menghidupi hidup yang menyenangkan-Nya, tanpa mengira tekanan budaya atau situasi (Kolose 3:17).

Pandangan Dunia yang Lain:

- Etika mungkin berdasarkan kepada pelbagai sumber seperti norma budaya dan tradisi keluarga. Sesetengah daripada kebiasaan ini mungkin tidak menentang prinsip berdasarkan Alkitab dan mungkin dirasakan bermoral tetapi bagi sesetengah yang lain, tidak. Pendapat-pendapat ini akan berbeza merentas masyarakat, tetapi kekurangan piawaian yang mutlak.
- Asas-asas falsafah, seperti mencari kegembiraan yang lebih besar untuk bilangan orang

yang lebih ramai, atau humanisme (mengutamakan harga diri manusia) mungkin menghasilkan tindakan-tindakan yang baik tetapi tidak mengakui kemuliaan Tuhan. Prinsip-prinsip ini mungkin menghasilkan manfaat jangka pendek tetapi jika ia tidak didasari dengan firman Tuhan, mungkin mempunyai akibat negatif dalam jangka masa panjang.

- Suara hati peribadi, sering kali dilihat sebagai pembimbing dalaman, boleh kelihatan baik bagi seseorang individu, tetapi Alkitab menunjukkan bahawa suara hati mungkin boleh menyesatkan (1 Timotius 4:2).
- Rangka ini mungkin menggalakkan perbuatan-perbuatan yang baik tetapi kekurangan perspektif dalaman dan kebergantungan kepada Tuhan yang terdapat dalam pandangan dunia berdasarkan Alkitab.

Petikan tentang Etika Dibanding dengan Sekular

Ayat Alkitab:

- Etika Berdasarkan Alkitab:
 - o “Apa yang kamu mahu orang lakukan kepadamu, lakukanlah demikian juga kepada mereka.” (Lukas 6:31)
 - o “Lakukan segala kerja dengan sebulat hatimu untuk Tuhan, bukan untuk manusia,” (Kolose 3:23)
 - o “Takut akan TUHAN permulaan kebijaksanaan; pengertian yang sempurna ada pada semua yang mentaati perintah-perintah-Nya. Pujian bagi-Nya kekal selama-lamanya.” (Mazmur 111:10)
- Amaran Tentang Asas-asas bukan berdasarkan Alkitab
 - o “Ada jalan yang dianggap orang lurus, tetapi akhirnya menuju maut.” (Amsal 14:12)
 - o “Mereka merangkul yang palsu dan berpaling daripada kebenaran Allah serta memuja dan menyembah makhluk ciptaan dan bukan Pencipta yang patut dipuji selama-lamanya.” (Roma 1:25)
- Tuhan sebagai Sumber Moraliti:
 - o “Firman-Mu lampu bagi kakiku dan cahaya bagi jalanku.” (Mazmur 119:105)
 - o “Taurat TUHAN sempurna, mengubah jiwa. Peraturan TUHAN pasti, memberi kebijaksanaan kepada orang yang tulus.” (Mazmur 19:7)

Beberapa Petikan yang Bukan berdasarkan Alkitab:

- Pandangan Falsafah tentang Moraliti:
 - o “Jangan membebaskan orang lain dengan apa yang kamu tidak inginkan ke atas diri kamu sendiri” – Confucius (*Analects* 15:23)
 - o “Kegembiraan adalah kebaikan yang paling tinggi dan sasaran terakhir bagi tindakan manusia.” – Aristotle
- Perspektif Ahli Humanis:
 - o “Manusia ialah ukuran bagi segala sesuatu.” – Protagoras

Rumusan Perbezaan Kunci Perbezaan: Etika		
Aspek	Pandangan Dunia berdasarkan Alkitab	Pandangan Dunia bukan berdasarkan Alkitab
Asas	Berdasarkan ciri-ciri Tuhan yang tidak berubah dan Alkitab	Dibentuk oleh norma budaya, nilai-nilai keluarga, atau pendapat peribadi
Konsistensi	Mutlak dan tidak berubah mengikut waktu	Tidak tetap, berubah-ubah dengan tren masyarakat atau kepercayaan peribadi
Sumber Pimpinan	Firman Tuhan dan kebergantungan kepada-Nya	Pemikiran rasional, naluri, atau piawai budaya
Perspektif Kekal	Menumpukan pada kebenaran kekal dan menyenangkan Tuhan	Menumpukan pada penerimaan sementara, segera, atau masyarakat

7.3 Identiti Jantina

Pandangan Dunia Berdasarkan Alkitab:

- *Maka Allah menciptakan manusia menurut gambaran-Nya. Menurut gambaran Allah, Dia mencipta mereka, lelaki dan perempuan. (Kejadian 1:27)*
- Alkitab menggariskan peranan yang unik dan saling melengkapi bagi lelaki dan perempuan, terutamanya dalam keluarga, gereja, dan masyarakat. Sementara perincian peranan-peranan ini mungkin berbeza secara budaya, namun prinsip tersendiriya masih sama – *Walau bagaimanapun, lelaki dan wanita saling bergantung, di bawah kuasa Tuhan (1 Korintus 11:11).*
- *Itulah maka seorang lelaki meninggalkan ibu bapanya dan bersatu dengan isterinya, lalu mereka berdua menjadi satu (Kejadian 2:24).*

Pandangan Dunia yang Lain:

- Identiti jantina mungkin dianggap sebagai sesuatu yang fleksibel dan dibentuk secara sosial, yang membenarkan satu spektrum untuk ekspresi jantina tanpa mengira norma jantina tradisional, menggalakkan keterangkuman dan penerimaan.
- Pandangan dunia “keterangkuman dan penerimaan” menggalakkan kesamarataan dan penerimaan pelbagai ekspresi jantina. Tumpuannya adalah untuk membentuk sebuah masyarakat di mana manusia boleh mengekspresikan jantina apakah yang mereka boleh dikenal pasti tanpa rasa takut akan diskriminasi atau penghakiman.
- Terdapat sebuah penekanan yang semakin bertumbuh dalam membezakan di antara jantina secara biologi (ciri-ciri fizikal) dan identiti jantina. Ia meninggalkan masalah dalam contoh

realiti jantina secara biologi di mana lelaki transgender mengambil bahagian dalam acara sukan perempuan.

Rumusan Perbezaan Kunci Perbezaan: Identiti Jantina		
Aspek	Pandangan Dunia berdasarkan Alkitab	Pandangan Dunia bukan berdasarkan Alkitab
Definisi Jantina	Diciptakan oleh Tuhan sebagai lelaki dan perempuan (binari)	Tidak tetap, didefinisikan oleh diri sendiri, dan dipengaruhi dengan norma masyarakat
Sumber Kuasa	Ayat Alkitab dan ciptaan Tuhan	Pemikiran manusia, perasaan peribadi, dan nilai budaya
Tujuan	Mencerminkan ciptaan, melaksanakan peranan yang diberikan oleh Tuhan	Menggalakkan keterangkuman, ekspresi diri sendiri, dan penerimaan
Asas	Berasaskan pada ciptaan yang kudus dan tujuan yang kekal	Berasaskan pada autonomi, kesamarataan, dan progresi masyarakat

7.4 Tujuan dalam Hidup



Tujuan dalam Hidup walau di mana pun kamu berada

Pandangan Dunia Berdasarkan Alkitab:

- Tujuan hidup sering kali dilihat sebagai mengenali dan melayani Tuhan, hidup sesuai dengan ajaran-ajaran-Nya, dan membuat satu kesan positif kepada dunia. Hubungan

dengan Tuhan ini adalah asas bagi semua yang lain yang kamu lakukan – *“Yesus menjawab, “Kasihilah Tuhan, Allahmu, dengan sepenuh hatimu, dengan sepenuh jiwamu dan dengan sepenuh fikiranmu.” (Matius 22:37)*

- Alkitab memimpin kita untuk hidup dalam cara yang menunjukkan kasih, hikmat, dan keadilan Tuhan, membantu kita untuk membuat keputusan yang memuliakan-Nya dan memberi manfaat kepada orang lain: *“Wahai manusia, engkau telah diberitahu apa yang baik. Dan apakah yang dituntut TUHAN daripadamu selain menegakkan keadilan, mencintai kesetiaan, dan hidup dengan rendah hati di hadapan Allahmu?” (Mikha 6:8)*
- Tujuan hidup kita di bumi mempunyai kesan yang kekal, terutamanya apabila ia mempengaruhi orang lain untuk mengikuti Yesus dan membawa kemuliaan kepada Tuhan *“Biarlah cahayamu juga bersinar di hadapan orang ramai, supaya mereka melihat perbuatanmu yang baik lalu memuji Bapamu yang di syurga..” (Matius 5:16)*

Pandangan Dunia yang Lain:

- Tujuan dalam hidup mungkin sangat berbeza, dengan sesetengah daripadanya mencari makna di sebalik pencapaian peribadi. Bagi kebanyakan orang, tujuan berkait rapat dengan kejayaan dalam pendidikan, karier, sukan, atau betapa banyaknya harta. Mencapai sasaran boleh dirasakan sebagai sesuatu yang hebat tetapi mungkin meninggalkan rasa kekosongan yang besar tanpa satu tujuan yang lebih mendalam.
- Sesetengah menemukan tujuan dalam hubungan atau sumbangan kepada masyarakat. Perhubungan mungkin bermakna, tetapi boleh membawa perasaan tidak pasti jika ia adalah satu-satunya sumber bagi tujuan itu. Ramai orang ingin menjadikan dunia sebuah tempat yang lebih baik, seperti membantu alam sekitar atau memperjuangkan keadilan. Ini adalah sasaran yang murni tetapi mungkin kurang perspektif akan kekekalan.
- Sesetengah orang mencari kesedaran rohani untuk menemukan tujuan, dengan menumpukan pada ketenteraman dalaman dan pemahaman tentang alam semesta. Tetapi bagaimana jika Tuhan telah pun menunjukkan kita caranya?

Menyimpulkan Pemikiran dan Refleksi:

Pandangan hidup berdasarkan Alkitab memberikan kamu satu tujuan yang bukan sahaja memudar seiring dengan waktu, tetapi juga tidak tergoncangkan oleh kegagalan, dan tidak dapat dirampas oleh orang lain. Ia bukan sahaja tentang apa yang kamu lakukan, tetapi tentang siapakah kamu dalam rencana Tuhan – dan ia kekal untuk selama-lamanya. Sementara pandangan dunia yang lain mungkin menawarkan makna yang sementara, Alkitab mengundang kamu untuk menjadi sebahagian daripada sesuatu yang lebih besar: hidup untuk kemuliaan Tuhan dan membuat sebuah impak yang kekal.

Rumusan Perbezaan Kunci Perbezaan dalam Tujuan dalam Hidu		
Aspek	Pandangan Dunia berdasarkan Alkitab	Pandangan Dunia yang Lain
Asas	Mengenali dan melayani Tuhan	Pengalaman peribadi atau pemahaman manusia
Tumpuan	Kesan kekal dan memuliakan Tuhan	Pencapaian atau sumbangan kepada masyarakat yang sementara
Penggenapan	Ditemukan dalam rencana Tuhan	Ditemukan dalam diri sendiri, orang lain, dan dunia
Perspektif Kekal	Berpaksikan pada syurga dan kekekalan	Selalunya terhad pada hidup pada saat ini

7.5 Mendefinisikan Kasih

Pandangan Dunia berdasarkan Alkitab:

- Dalam Alkitab, kasih bermula dengan mengasihi Tuhan terlebih dahulu. Ini bukan sekadar satu perasaan tetapi sebuah komitmen untuk memuliakan dan mentaati-Nya “*Kasihilah Tuhan, Allahmu, dengan sepenuh hatimu, dengan sepenuh jiwamu dan dengan sepenuh fikiranmu.*” (Matius 22:37).
- Alkitab mengajar kita untuk mencontohi kasih Tuhan untuk kita yang berkorban dan tidak mementingkan diri. Ini menyeru untuk mengutamakan orang lain sebelum diri kamu sendiri, biarpun ketika ianya sukar.
- Ia adalah asas bagi apa yang dimaksudkan untuk hidup dengan benar. Tanpa kasih, tindakan yang baik pun akan kehilangan maknanya.



Kasih yang berbentuk romantik

Pandangan Dunia yang Lain:

- Ramai orang melihat kasih hanya sebagai emosi yang romantik yang dikongsikan di antara dua orang. Ini dipopularkan dalam buku-buku, filem-filem, dan muzik-muzik. Tetapi pandangan berdasarkan Alkitab adalah kasih yang romantik hanyalah satu bahagian yang kecil daripada gambaran yang lebih besar tentang apakah kasih itu.

- Kasih kekeluargaan sering kali dilihat sebagai salah satu bentuk kasih dalam banyak budaya. Ia tentang kesetiaan dan prihatin terhadap mereka yang sangat rapat dengan kamu.
- Beberapa pandangan dunia menekankan kebaikan umum kepada semua orang dan naluri akan kasih yang umum, yang sangat baik tetapi ini sering kali kekurangan asas atau tujuan yang lebih mendalam: mengasihi semua orang kedengaran baik, tetapi tanpa teladan Tuhan, bagaimana kamu mengetahui bagaimanakah rupa kasih yang sebenar?

Rumusan Perbezaan Kunci Perbezaan tentang Kasih		
Aspek	Pandangan Dunia berdasarkan Alkitab	Pandangan Dunia yang Lain
Definisi Kasih	Pengorbanan, tidak mementingkan diri, berakar dalam ciri-ciri Tuhan	Terlalu mengikut perasaan, berkait dengan perhubungan, atau berasaskan falsafah
Sumber Kasih	Tuhan itu kasih (1 Yohanes 4:8); kasih datang daripada-Nya	Budaya, perasaan peribadi, atau nilai-nilai masyarakat
Ekspresi Kasih	Mengasihi Tuhan, orang lain, dan juga musuh (Matius 5:44)	Mengasihi diri sendiri, orang lain, atau dunia pada saat yang betul, adakalanya untuk kepentingan diri
Tujuan	Untuk menunjukkan sifat Tuhan dan memuliakan-Nya	Untuk memperbaiki hubungan atau menciptakan harmoni

7.6 Budaya

Pandangan Dunia berdasarkan Alkitab:

- Dalam pandangan dunia berdasarkan Alkitab, budaya dilihat sebagai sebahagian daripada ciptaan Tuhan untuk manusia, menunjukkan kreativiti, kepelbagaian dan kebolehan untuk bekerja bersama. Ia bukanlah perkara yang buruk pada asasnya. Namun, ia masih harus dipimpin dengan nilai-nilai



Sebuah masyarakat dengan pelbagai budaya

yang selari dengan firman Tuhan, seperti mempercayai Tuhan yang berdaulat dan mempunyai penuh tujuan, keadilan, belas kasihan, dan kebenaran seperti yang didefinisikan dalam Firman Tuhan.

- Alkitab menggalakkan hormat bagi budaya dan latar belakang yang berbeza sementara mengekalkan kebenaran yang tidak berubah tentang prinsip-prinsip Tuhan: *“Tiadalah lagi orang Yahudi atau orang Yunani, hamba atau orang merdeka, lelaki atau perempuan, kamu semua menjadi satu dalam Kristus Yesus.”* (Galatia 3:28)
- Pandangan dunia berdasarkan Alkitab dalam dunia yang pelbagai budaya – para rasul menyesuaikan cara mereka untuk menyampaikan Injil dengan berkesan dalam konteks budaya yang berbeza, namun mereka tidak mengorbankan prinsip-prinsip yang berdasarkan Alkitab: *“Bagi orang Yahudi, aku berlaku seperti orang Yahudi supaya aku dapat menawan hati orang Yahudi. ... Aku menjadi segala-galanya kepada semua orang supaya dengan sedaya upaya aku dapat menyelamatkan seramai mungkin.”* (1 Korintus 9:20-22)

Pandangan Dunia yang Lain:

- Dalam pandangan dunia bukan berdasarkan Alkitab, budaya sering kali dilihat sebagai hasil daripada kemajuan manusia, dipengaruhi dengan faktor-faktor seperti geografi, sejarah, dan perubahan sosial. Moraliti dan perlakuan dibentuk oleh tradisi, dan bukannya piawaian yang umum, yang Tuhan berikan.

Rumusan Perbezaan Kunci Perbezaan: Budaya		
Aspek	Pandangan Dunia berdasarkan Alkitab	Pandangan Dunia yang Lain
Asas	Berdasarkan Firman dan prinsip Tuhan	Dibentuk oleh sejarah manusia, geografi, dan keperluan masyarakat
Tujuan Budaya	Untuk menunjukkan kemuliaan Tuhan dan menggalakkan keadilan, belas kasihan, dan kebenaran	Untuk meraikan kreativiti manusia dan menyesuaikan dengan masa-masa yang berubah
Tindakan kepada Konflik	Menghormati budaya-budaya yang lain, dalam masa yang sama berpegang teguh kepada kebenaran-kebenaran berasaskan Alkitab	Menekankan toleransi, sering kali mengelakkan persoalan-persoalan tentang moraliti

Beberapa kesimpulan tentang budaya untuk direnungkan:

Pandangan dunia berdasarkan Alkitab mengajar kita untuk meraikan kepelbagaian budaya sebagai sebahagian daripada ciptaan Tuhan yang indah tetapi tanpa menggadaikan kebenaran-kebenaran yang ditemukan dalam Alkitab.

Alkitab mengakui bahawa satu hari nanti, syurga akan memiliki orang-orang daripada semua kaum, bangsa, bahasa. *“Selepas itu, aku melihat lagi. Kulihat lautan manusia, tidak terkira banyaknya, daripada segala bangsa, suku, kaum, dan bahasa, berjubah putih dan memegang daun palma. Mereka semua berdiri di hadapan takhta dan Anak Domba.”* (Wahyu 7:9)

7.7 Tradisi Keluarga



Tradisi keluarga dalam pelbagai budaya

Tradisi keluarga boleh memiliki pelbagai manfaat. Orang Kristian digalakkan untuk melihat nilai dalam tradisi-tradisi seperti itu melalui kanta Alkitab dan menyokong atau mengekalkannya apabila ianya membantu dalam memastikan ahli keluarga akrab antara satu sama lain tanpa menggadaikan nilai-nilai berdasarkan Alkitab.

Pandangan Dunia berdasarkan Alkitab:

- Berakar dalam nilai-nilai berdasarkan Alkitab – Dalam pandangan dunia berdasarkan Alkitab, tradisi keluarga sering kali didasari dengan ajaran-ajaran Tuhan dan sering kali diciptakan untuk memuliakan-Nya. Contohnya termasuklah berdoa bersama, pergi ke gereja, membaca Alkitab, dan menyambut hari-hari cuti Kristian seperti Krismas dan Ester. Tradisi-tradisi ini membantu keluarga-keluarga untuk menurunkan iman mereka dan menggalakkan pelajaran-pelajaran moral dan rohani.
- Tradisi yang penuh tujuan – Tradisi keluarga yang berdasarkan Alkitab bertujuan untuk mengingatkan kita tentang kasih, kesetiaan, dan berkat Tuhan. Sebagai contoh, makan malam kesyukuran atau saat teduh harian bersama keluarga menciptakan peluang untuk menyatakan kesyukuran kepada Tuhan dan menghubungkan sebagai satu keluarga. Beberapa tradisi budaya bukan keagamaan seperti menyambut Tahun Baru atau Pesta Menuai mungkin mempunyai nilai yang baik kerana ia menggalakkan kebersamaan keluarga.

- Membina iman merentas generasi – Tradisi-tradisi berdasarkan Alkitab menurunkan pengetahuan tentang Tuhan kepada generasi-generasi masa hadapan, memastikan iman dan nilai-nilai terpelihara: *“Didiklah seorang anak di jalan yang patut dilaluinya, maka pada masa tuanya pun dia tidak menyimpang dari laluan itu.”* (Amsal 22:6)

Pandangan Dunia yang Lain:

- Tradisi yang digerakkan oleh budaya – Dalam pandangan dunia bukan berdasarkan Alkitab, tradisi keluarga sering kali menunjukkan warisan budaya, seperti menyambut pesta-pesta, melihat upacara, atau mengambil bahagian dalam acara yang mempunyai nilai sejarah atau sentimental. Tradisi-tradisi ini tidak semestinya salah bagi orang Kristian untuk melakukannya, selagi ia tidak bertentangan dengan ajaran dan nilai-nilai yang diajarkan dalam Alkitab.
- Soalan: Bagaimanakah kita dapat menyesuaikan tradisi keluarga atau budaya yang tidak berasaskan keagamaan tanpa mengabaikan hukum-hukum berdasarkan Alkitab kita?

Beberapa kesimpulan untuk direnungkan:

Tradisi keluarga boleh menjadi sangat berkuasa – ia menghubungkan kita dengan sejarah kita, membawa kita lebih dekat dengan orang-orang yang kita kasihi, dan memberikan kita alasan untuk merayakan. Tetapi tradisi-tradisi yang dibentuk oleh pandangan dunia berdasarkan Alkitab boleh membawa dengan lebih mendalam lagi. Ia mengingatkan kita tentang kebaikan Tuhan, membantu kita bertumbuh dalam iman kita, dan menunjukkan kita kepada apa yang benar-benar kekal.

Rumusan Perbezaan <i>Kunci Perbezaan: Tradisi Keluarga</i>		
Aspek	Pandangan Dunia berdasarkan Alkitab	Pandangan Dunia yang Lain
Asas	Berakar dalam Firman Tuhan dan diciptakan untuk memuliakan-Nya	Dibentuk oleh budaya, agama, atau pilihan peribadi
Tumpuan	Mewariskan iman, nilai, dan kebenaran yang kekal	Memelihara warisan, mencipta kesatuan, atau berseronok
Ketahanan	Terhubung dengan tujuan yang kekal dan pertumbuhan rohani	Mungkin diubah mengikut kesesuaian, pudar, atau bertukar dengan masa dan tren

7.8 Etika Kehidupan Bekerja dan Pelajar

Pandangan Dunia Berdasarkan Alkitab:

- Integriti dan kejujuran – Dalam sebuah pandangan dunia berdasarkan Alkitab, para pelajar dan pekerja diseru untuk hidup dengan integriti, melakukan apa yang benar biarpun ketika tidak ada yang melihat. *“Orang yang ikhlas akan dipimpin oleh ketulusannya, tetapi orang yang khianat dibinasakan oleh kecurangannya.” (Amsal 11:3)*
- Ketekunan dan kerja keras – Alkitab menggalakkan orang-orang yang percaya untuk bekerja dengan tekun, bukan sahaja untuk kepentingan diri sendiri tetapi untuk memuliakan Tuhan dan melayani orang lain. Bagi para pelajar, ini bermaksud memberikan yang terbaik dalam pelajaran mereka, dan bagi para pekerja, ia bermaksud melakukan tugas mereka dengan sepenuh hati. *“Lakukan segala kerja dengan sebulat hatimu untuk Tuhan, bukan untuk manusia.” (Kolose 3:23)*
- Alkitab mengajarkan hormat kepada guru-guru, ibu bapa, majikan, dan pemimpin sebagai sebahagian daripada menghormati perintah Tuhan (Roma 13:1)

Pandangan Dunia yang Lain:

- Digerakkan oleh pencapaian dan kepuasan diri – Ramai yang dimotivasikan dengan kejayaan peribadi, sama ada dalam pelajaran atau mencapai pekerjaan dengan gaji yang tinggi. Sementara ini adalah sasaran yang baik, ia sering kali menumpukan pada kepenuhan individu dan bukan melayani Tuhan.
- Tekanan rakan sebaya dan budaya – etika bukan berdasarkan Alkitab mungkin sering kali dibentuk oleh tekanan rakan sebaya atau norma sosial, membawa kepada jalan pintas seperti menipu, terlebih bekerja, atau mengabaikan nilai-nilai peribadi untuk berjaya.
- Perspektif Duniawi – Etika bekerja bukan berdasarkan Alkitab sering kali menumpukan pada sasaran segera, seperti mendapat wang atau memperoleh status, tanpa memikirkan kesan kekal atau kebertanggungjawaban. *“Apa gunanya jika seseorang memiliki seluruh dunia tetapi kehilangan hidupnya?” (Markus 8:36)*

Beberapa kesimpulan untuk direnungkan:

Pandangan berdasarkan Alkitab dan bukan berdasarkan Alkitab menghargai kerja keras dan ketekunan, tetapi pandangan dunia berdasarkan Alkitab memberikan kamu tujuan yang lebih mendalam: memuliakan Tuhan dan melayani orang lain.

Pandangan dunia yang lain mungkin menumpukan pada pencapaian peribadi atau penerimaan sosial, tetapi tanpa Tuhan, mereka akan terlepas gambaran yang lebih besar tentang apakah erti sebenar hidup ini. Sebuah moto yang terkenal di sekolah: Tanpa Tuhan, segala-galanya sia-sia.

Rumusan Perbezaan Kunci Perbezaan: Etika Hidup Bekerja dan Pelajar		
Aspek	Pandangan Dunia berdasarkan Alkitab	Pandangan Dunia yang Lain
Tujuan Bekerja/ Belajar	Untuk memuliakan Tuhan, melayani orang lain, dan mengembangkan perwatakan	Untuk mencapai kejayaan peribadi dan kepuasan diri
Sumber Nilai	Berakar dalam Ayat Alkitab dan panggilan Tuhan	Dipengaruhi dengan keinginan peribadi, rakan sebaya, atau norma masyarakat
Perspektif Jangka Panjang	Menumpukan pada kesan yang kekal dan kebertanggungjawapan kepada Tuhan	Menumpukan pada sasaran segera seperti gred, pendapatan, atau status
Integriti dan Hormat	Dipimpin dengan kebenaran Tuhan, menghormati kewibawaan dan perlakuan yang beretika	Dibentuk oleh keadaan-keadaan, tekanan rakanan sebaya, atau tren budaya

7.9 Pilihan Karier



Pandangan Dunia Berdasarkan Alkitab:

- Sebuah karier ialah panggilan daripada Tuhan. Dalam pandangan dunia berdasarkan Alkitab, karier bukan sekadar satu cara untuk mendapatkan wang, biarpun ia mungkin penting – tetapi sebuah peluang untuk memuliakan Tuhan dan melayani orang lain. Setiap pekerjaan boleh mempunyai nilai yang kekal jika dilakukan dengan sikap yang melakukannya untuk kemuliaan Tuhan (Kolose 3:23).
- Gunakan bakat dan anugerah kamu. Tuhan memberikan setiap peribadi bakat dan kebolehan yang unik, dan Dia mahukan kita menggunakannya dengan bijaksana. Memilih sebuah karier adalah sebahagian daripada menjadi pengurus yang baik bagi anugerah-anugerah ini. *“Kita mempunyai kurnia yang berlainan menurut kasih kurnia yang diberikan kepada kita.”* (Roma 12:6)
- Melayani orang lain – karier boleh dilihat sebagai satu cara untuk memberi kesan kepada dunia dengan cara yang positif, menunjukkan kasih Tuhan dengan melayani orang lain. Ini termasuklah profesion-profesional seperti perguruan, penjagaan kesihatan, perniagaan, atau apa-apa pekerjaan yang membantu dan membangkitkan semangat orang lain. *“Setiap orang antaramu telah menerima pelbagai kurnia daripada Allah. Sebagai pengurus yang baik bagi kurnia Allah, gunakanlah kurnia itu untuk kebaikan semua.”* (1 Petrus 4:10)

Pandangan Dunia yang Lain:

- Minat dan citarasa peribadi. Ramai orang memilih karier berdasarkan apa yang mereka gemar lakukan atau apa yang membuat mereka gembira. Ini mungkin baik dalam memotivasikan kamu dalam pelajaran atau pekerjaan kamu, namun tanpa tujuan yang terikat dengan rencana Tuhan, ia tidak akan memberikan kepenuhan yang mendalam dalam menjadi sebahagian daripada gambaran dan rencana Tuhan yang lebih besar.
- Kejayaan dalam kewangan – pemberi motivasi yang biasa berlaku untuk pemilihan karier adalah untuk mendapat wang sebanyak yang mungkin. Tetapi ini boleh membawa kepada mengutamakan wang sebagai faktor yang paling penting dalam pemilihan karier.
- Jangkaan atau status keluarga atau masyarakat. Sesetengah karier dipilih untuk memenuhi tekanan keluarga atau masyarakat, atau untuk menikmati prestij dan pengiktirafan. Ini bertentangan dengan pandangan dunia berdasarkan Alkitab dengan persoalan berikut: Adakah kita mengejar status kita atau rancangan Tuhan dalam hidup kita.

Beberapa kesimpulan untuk direnungkan:

Memilih sebuah karier adalah sebuah keputusan yang penting, dan biarpun ia mempunyai kesan jangka panjang, karier juga boleh berubah. Ia harus difikirkan dalam doa, dibincangkan dengan ibu bapa kamu dan rakan-rakan Kristian yang matang yang mengasihi dan prihatin akan kamu.

Dunia mungkin memberitahu kamu untuk menumpukan pada wang, status, atau kebahagiaan kamu sendiri, tetapi Alkitab menawarkan perspektif yang lebih baik. Karier kamu adalah peluang untuk melayani Tuhan, menggunakan anugerah kamu, dan melakukan perbezaan yang kekal untuk selamanya.

Rumusan Perbezaan Kunci Perbezaan: Pilihan Karier		
Aspek	Pandangan Dunia berdasarkan Alkitab	Pandangan Dunia yang Lain
Tujuan Karier	Untuk memuliakan Tuhan, melayani orang lain, dan membina Kerajaan Tuhan	Untuk mencapai kepuasan peribadi, kekayaan, atau status
Motivasi	Pengurusan bakat dan ketaatan kepada panggilan Tuhan Bertumpu pada kesan kekal dan melayani tujuan Tuhan	Cita-cita peribadi, tekanan budaya, atau keperluan kewangan
Perspektif	perlakuan yang beretika	Bertumpu pada pencapaian sementara atau tren masyarakat

7.10 Lingkungan Sahabat

Pandangan Dunia berdasarkan Alkitab:

- Kita diseru untuk bersahabat dengan semua yang ingin berkongsi dengan kita persahabatan mereka yang ikhlas. Yesus bersahabat dengan mereka yang ditolak oleh masyarakat, pemungut cukai, orang-orang yang berdosa tetapi Dia tidak dipengaruhi oleh mereka. Jika kita hanya bersahabat dengan orang Kristian, maka bagaimana kita dapat mempengaruhi orang-orang yang tidak mempunyai iman seperti kita dan membawa mereka kepada Kristus.
- Selain daripada mempunyai kumpulan sahabat yang meluas, Alkitab menggalakkan orang Kristian untuk mempunyai sekumpulan sahabat yang akan berkongsi iman dan nilai-nilai yang sama. Sahabat-sahabat ini boleh saling menggalakkan untuk bertumbuh lebih dekat dengan Tuhan dan hidup seturut dengan prinsip-prinsip-Nya: *“Besi menajamkan besi, demikian juga orang menajamkan sesamanya.”* (Amsal 27:17)
- Alkitab memberi amaran tentang dipengaruhi oleh rakan yang jahat. Rakan-rakan yang akrab seharusnya dipilih berdasarkan ciri-ciri mereka dan bagaimana mereka dapat mempengaruhi kamu dengan cara yang positif secara emosi dan rohani. *“Jangan kamu biarkan dirimu disesatkan orang. “Kebiasaan yang baik musnah kerana pergaulan yang buruk.””* (1 Korintus 15:33)
- *“Orang yang bergaul dengan orang arif akan menjadi arif, tetapi orang yang berkawan dengan orang bodoh akan menderita.”* (Amsal 13:20)

Pandangan Dunia yang Lain

- Minat yang sama dan ikatan emosi – Banyak persahabatan yang terbentuk berdasarkan hobi, minat, atau aktiviti yang sama yang dapat memberi keseronokan, atau menggalakkan hubungan emosi. Tetapi ikatan-ikatan ini kekurangan keselarian dengan nilai-nilai rohani.

Beberapa kesimpulan untuk direnungkan:

Persahabatan adalah salah satu daripada pilihan yang paling penting yang kamu akan lakukan dalam hidup. Ketika dunia mungkin mengajar kamu untuk memilih rakan-rakan berdasarkan keseronokan atau kemudahan, Alkitab menggalakkan kamu untuk memilih sahabat yang akrab yang akan berjalan bersama kamu dalam iman, menggalakkan kamu untuk bertumbuh, dan memastikan kamu fokus pada apa yang benar-benar penting.

Rumusan Perbezaan Kunci Perbezaan		
Aspek	Pandangan Dunia berdasarkan Alkitab	Pandangan Hidup yang Lain
Asas	Berakar dalam iman yang sama, nilai-nilai moral, dan pertumbuhan rohani	Berdasarkan minat yang sama, ikatan emosi, atau norma masyarakat
Tujuan Persahabatan	Untuk saling menggalakkan untuk memuliakan Tuhan dan bertumbuh secara rohani	Untuk memenuhi keperluan emosi atau sosial, atau mencapai sasaran peribadi
Keboleh-bergantungan	Menggalakkan kebenaran, kebolehbergantungan, dan hidup yang benar	Sering kali mengelak daripada mencabar antara satu sama lain tentang pilihan moral
Perspektif kekal	Membantu bersedia untuk kekekalan dan selari dengan rencana Tuhan	Tertumpu kepada kehidupan semasa dan kegembiraan peribadi

Beberapa Ayat Alkitab untuk Direnungkan

Beberapa Ayat Alkitab untuk dibincangkan:

- *“Orang benar menjadi panduan bagi jirannya, tetapi jalan orang durjana menyesatkan mereka.” (Amsal 12:26)*
- *“Oleh yang demikian, hendaklah kamu saling menggalakkan dan meneguhkan, sebagaimana yang kamu lakukan sekarang.” (1 Tesalonika 5:11)*

- *“Seorang sahabat menaruh kasih setiap waktu, dan seorang saudara lahir untuk masa menghadapi kesukaran.” (Amsal 17:17)*
- *“Kamu adalah cerminan bagi lima orang yang paling banyak kamu luangkan masa bersama.” (– Jim Rohn) Kamu harus cerewet tentang siapa yang kamu pilih untuk menjadi sahabat baik.*
Nota: “Sahabat baik”, bukan kawan sebarang kawan. Kita harus mempunyai ramai sahabat tetapi kita sedang berbicara tentang sahabat baik.

7.11 Ringkasan Pelajaran

Dalam membandingkan pandangan dunia berdasarkan Alkitab dengan pandangan dunia lain yang paling menonjol, penting untuk mengakui bahawa terdapat persamaan dan perbezaan. Kita perlu memahami dan menghormati yang baik dalam pandangan dunia yang lain dan tanpa mengabaikan prinsip-prinsip Alkitab; mengakui bahawa pandangannya adalah berbeza dan melihat kebaikan yang sama dalam bekerja bersama. Pandangan berdasarkan Alkitab tentang banyak hal masih berbeza daripada sesetengah pandangan orang tidak percaya yang bertanggungjawab namun pandangan mereka mungkin mempunyai banyak aplikasi praktikal yang baik yang mana kita dapat belajar daripadanya.

Kunci Perbezaan:

- **Kekuasaan:** Pandangan dunia berdasarkan Alkitab berasal daripada pemikiran manusia atau persetujuan masyarakat.
- **Motivasi:** Etika berdasarkan Alkitab bertujuan untuk memuliakan Tuhan, sementara etika yang bukan berdasarkan Alkitab mungkin menumpukan pada memajukan manusia, kepentingan peribadi, atau kesejahteraan bersama.
- **Konsistensi:** Piawaian moral berdasarkan Alkitab adalah tetap dan tidak berubah, manakala etika bukan berdasarkan Alkitab boleh menjadi tidak konsisten atau bergantung pada norma budaya yang berubah.
- **Perspektif tentang Kekekalan:** Etika berdasarkan Alkitab mempertimbangkan kesan-kesan untuk kekekalan dan kebertanggungjawaban yang kudus, manakalah etika bukan berdasarkan Alkitab sering kali hanya berfokuskan kepada kesan sementara.

BAHAGIAN 2:

PENDEKATAN LANGKAH DEMI LANGKAH BAGI APLIKASI PANDANGAN DUNIA BERDASARKAN ALKITAB

HUBUNGAN DENGAN KELUARGA DAN RAKAN-RAKAN

1 Korintus 12:27 – “Kamu adalah tubuh Kristus, dan setiap daripadamu anggota tubuh itu.”

8.1 Prinsip-prinsip berdasarkan Alkitab bagi hubungan yang sihat – Kasih Tuhan dan sesama kita manusia

- Mengapa mengasihi Tuhan ialah langkah yang pertama? Mengasihi Tuhan dengan sepenuh hati, jiwa, dan minda kamu adalah asas bagi setiap hubungan yang lain dalam hidup kamu. Apabila kamu mengutamakan Tuhan, dia akan mengubah cara kamu melihat dan memberi layanan kepada orang lain.
 - o Ketika Yesus ditanya yang manakah hukum yang terbesar, jawapan-Nya ialah: *Matius 22:37-38 Yesus menjawab, “Kasihilah Tuhan, Allahmu, dengan sepenuh hatimu, dengan sepenuh jiwamu dan dengan sepenuh fikiranmu.” 38 Inilah perintah yang terutama dan terpenting.*
 - o Bagaimanakah rupanya untuk mengasihi Tuhan? Ia adalah untuk meluangkan masa bersama-Nya melalui doa, menyembah Tuhan bersendirian dan di gereja, dan membaca Alkitab untuk lebih mengenal-Nya. Mengasihi Tuhan juga bermaksud kita hidup dengan cara yang memuliakan-Nya dengan mengikuti ajaran-ajaran-Nya dan membuat pilihan yang menyenangkan hati-Nya. *“Jika kamu mengasihi-Ku, kamu akan mematuhi perintah-perintah-Ku.” (Yohanes 14:15)*
 - o Mengasihi Tuhan juga bermaksud mempercayai-Nya, biarpun ketika hidup sukar kerana kita mengetahui bahawa Dia mengambil berat tentang kebaikan kita.
- ³⁹Perintah kedua sama pentingnya: *‘Kasihilah sesama manusia sebagaimana kamu mengasihi dirimu sendiri.’*

- o Ini bermaksud melayani orang lain dengan cara bagaimana kamu ingin dilayani, dengan baik, hormat dan memahami.
- o Mengasihi orang lain penting kerana inilah bagaimana kita menunjukkan kasih Tuhan kepada dunia. Ia adalah tentang menunjukkan teladan kasih Yesus. *“Daripada sikapmu yang saling mengasihi itu, semua orang akan tahu bahawa kamu murid-Ku.”* (Yohanes 13:35)

Bagaimanakah Rupa Kasih yang Berdasarkan Alkitab

- Daripada surat Paulus kepada Roma – Roma 12:10: Hendaklah kamu bersikap baik dan mengasihi sesama sendiri dengan kasih persaudaraan, serta saling menghormati dan mengutamakan. Roma 13:8: Jangan berasa terhutang apa-apa kepada sesiapa pun kecuali kasih-mengasihi, kerana seseorang yang mengasihi sesama manusia telah memenuhi hukum.
- 1 Korintus 13:4-7 - “Kasih itu penyabar dan penyayang. Kasih tidak iri hati, tidak membanggakan diri, dan tidak angkuh. Kasih tidak berkelakuan biadab, tidak memburu kepentingan sendiri, tidak cepat meradang, tidak memperhitungkan kesalahan orang lain. Kasih tidak gembira dengan kejahatan, tetapi gembira meraikan kebenaran. Kasih tahan menderita segala-galanya, percaya akan segala-galanya, berharap akan segala-galanya, terus-menerus menanggung segala-galanya.”

8.2 Hubungan dan tanggungjawab dengan keluarga terdekat – Memuliakan ibu bapa dan adik-beradik dalam Kristus



Memuliakan ibu bapa dan adik-beradik dalam keluarga

Keluarga kamu adalah salah satu daripada bahagian yang terpenting dalam hidup kamu. Di sinilah di mana kamu pertama kali belajar untuk mengasihi, memaafkan, menyokong, dan bertumbuh bersama. Alkitab memberikan kita panduan yang jelas tentang bagaimana melayani ahli keluarga kamu dengan kasih dan hormat, menunjukkan kita bagaimana untuk memuliakan ibu bapa dan adik-beradik kita dalam cara yang menunjukkan hubungan kita dengan Kristus.

Umur kedewasaan

Dalam kebanyakan negara, umur sah dewasa ialah 18 tahun. Ini adalah umur di mana kita dianggap sebagai entiti sah yang bebas menurut undang-undang. Ibu bapa kamu tidak perlu menjawab bagi pihak kamu di mahkamah undang-undang.

- Alkitab mengajar kita untuk mengasihi dan memuliakan ibu bapa kita.
 - o Keluaran 20:12 – *“Hormatilah ibu bapamu, supaya lanjut usiamu di bumi yang TUHAN, Allahmu, kurniakan kepadamu.”*
 - o Kita diperintahkan untuk mengasihi ibu bapa kita; memberikan keutamaan kepada Tuhan tetapi tidak mengambil apa yang sepatutnya milik ibu bapa kita.
 - o Yesus, biarpun Dia ialah Anak Tuhan, mengutamakan ibu bapa-Nya di dunia dengan mentaati mereka sebagai seorang anak (Lukas 2:51).
 - o Kita diseru untuk memberikan Tuhan keutamaan yang tertinggi, tetapi kita juga perlu mengetahui bahawa kehendak Tuhan adalah bagi kita untuk menjaga ibu bapa kita. Baca Matius 15:3-9. Kita tidak boleh mengambil apa yang seharusnya bagi ibu bapa kita dan mengatakan bahawa ia diberikan kepada Tuhan.
 - o Kita harus mengimbangkan Matius 10:37 dengan Matius 15:5-6.
- Alkitab mengajar anak-anak untuk mendengar dan belajar daripada ibu bapa mereka. Ketika kita muda, ibu bapa kita bertanggungjawab untuk kesejahteraan kita. Ketika kita mencapai kedewasaan, kita membuat keputusan sendiri dan menjadi bertanggungjawab untuk diri kita sendiri. Tetapi itu tidak mengambil tanggungjawab kita untuk menjaga ibu bapa kita dan memuliakan mereka.
- Bagaimana kamu mentafsirkan ayat-ayat berikut.
 - o Efesus 6:1-3 ¹ *Anak-anak, turutlah perintah ibu bapamu dalam Tuhan, kerana ini adalah wajar.* ² *“Hormatilah ibu bapamu” — iaitu perintah pertama yang disertai dengan janji —* ³ *“supaya kamu mendapat kebaikan dan umurmu panjang di bumi ini.”*
 - o Amsal 1:8-9 – *“Hai anakku, dengarlah didikan ayahmu, dan jangan lalai ajaran ibumu; kerana segalanya hiasan indah kepalamu, dan kalung bagi lehermu.”*
- Alkitab mengajar adik-beradik untuk saling mengasihi dan menyokong. Kita terlebih dahulu belajar prinsip bertumbuh bersama dalam kasih dan persekutuan bersama adik-beradik kita di rumah. Di sinilah di mana kita belajar bagaimana untuk mengasihi orang lain di luar rumah kita kelak apabila kita menjadi matang. Alkitab mengajar kita untuk mengasihi adik-beradik kita, dalam keluarga dan adik-beradik rohani kita di gereja. *“Hendaklah kamu bersikap baik dan mengasihi sesama sendiri dengan kasih persaudaraan, serta saling menghormati dan mengutamakan.”* (Roma 12:10)

- Mengapa mengasihi adik-beradik itu penting – dalam kebanyakan keadaan, mereka ialah sahabat pertama kamu. Adik-beradik sering kali adalah hubungan pertama yang kamu bina, mengajar kamu bagaimana untuk mengembudi persahabatan dan hubungan-hubungan yang lain. Ia mencerminkan bagaimana Yesus mengasihi kita.

Apakah cara-cara lain yang kamu dapat fikirkan untuk menunjukkan kamu memuliakan ibu bapa dan adik-beradik kamu?

8.3 Hubungan dan tanggungjawab dengan komuniti Kristian dan gereja

Komuniti Kristian dan gereja adalah lebih daripada sekadar sebuah tempat untuk menyembah pada hari Ahad. Mereka ialah keluarga rohani di mana kamu dapat bertumbuh bersama, saling menyokong, dan melayani Tuhan sebagai satu tubuh. Dalam keluarga Tuhan, orang-orang percaya sering kali dipanggil saudara dalam Kristus. Ini kerana, ketika kita ialah orang percaya, kita menjadi anak-anak Tuhan dan saudara dalam Kristus.



Hubungan dalam komuniti dan gereja

Alkitab menjelaskan gereja sebagai “tubuh Kristus” di mana setiap orang percaya mempunyai satu peranan untuk dilakukan. Setiap orang mempunyai anugerah dan bakat yang unik yang menyumbang kepada kesihatan dan pertumbuhan komuniti gereja itu. Mengapakah ini penting? Kamu bukan sekadar menghadiri gereja; kamu adalah sebahagian daripada sesuatu yang lebih besar – keluarga Tuhan. Sama seperti satu tubuh bekerja dengan keadaan yang terbaik apabila semua bahagiannya sihat dan bekerja bersama, demikianlah gereja bertambah maju apabila setiap ahli menyumbang secara aktif kepada pertumbuhannya.

Berikut adalah beberapa ayat Alkitab yang menunjukkan kepentingan dan tanggungjawab setiap ahli dalam sebuah gereja:

- *“Kamu adalah tubuh Kristus, dan setiap daripadamu anggota tubuh itu.” (1 Korintus 12:27)*
- Asas Alkitab bagi kepentingan komuniti ²⁴ *“Marilah kita saling perhatikan satu sama lain untuk menimbulkan kasih dan perbuatan yang baik. ²⁵Jangan berhenti daripada berhimpun, seperti yang dilakukan oleh setengah-setengah orang. Nasihatilah sesama sendiri ... (Ibrani 10:24-25)*
- Tanggungjawab terhadap rakan-rakan yang percaya. *“Tanggung-menanggunglah beban satu sama lain, dan dengan demikian laksanakan hukum Kristus” (Galatia 6:2)*
- Tuhan memanggil kita untuk menggunakan bakat dan kebolehan kita untuk melayani orang lain: *“Setiap orang antaramu telah menerima pelbagai kurnia daripada Allah. Sebagai pengurus yang baik bagi kurnia Allah, gunakanlah kurnia itu untuk kebaikan semua.” (1 Petrus 4:10)*

Menjadi sebahagian daripada gereja bukan sekadar tentang hadir pada setiap hari Ahad – ia tentang membina hubungan, melayani orang lain, dan bertumbuh dalam iman bersama-sama. Tuhan memanggil kita untuk mengasihi, menyokong, dan menggalakkan rakan-rakan Kristian kita sebagai satu tubuh dalam Kristus. Dengan menjadi aktif dan mengasihi ahli dalam komuniti gereja kamu, kamu bukan sahaja menguatkan iman kamu tetapi juga melakukan perbezaan dalam hidup orang lain dan memuliakan Tuhan.

Apakah Beberapa Cara Praktikal Kita Dapat Saling Membantu dalam sebuah Gereja?

Langkah Praktikal untuk Melayani:

- **Luangkan Masa Kamu dengan Sukarela:** Bantu dengan pelayanan kanak-kanak, kumpulan pujian, susun atur teknikal, atau projek khidmat masyarakat.
- **Gunakan Bakat Kamu:** Jika kamu baik dalam muzik, seni, atau pengurusan, tawarkan kemahiran kamu untuk memberkati gereja.
- **Berdoa untuk Gereja:** Bertekad untuk berdoa bagi pastor-pastor kamu, para pemimpin, dan rakan-rakan yang lain.

Langkah Praktikal untuk Menjadi Bertanggungjawab:

- **Mempunyai Perbualan yang Jujur:** Kongsikan pergumulan kamu dan berdoa dengan sahabat-sahabat atau mentor yang boleh dipercayai di gereja.
- **Menggalakkan Pilihan-pilihan yang Baik:** Membantu orang lain membuat keputusan yang memuliakan Tuhan.
- **Menerima Teguran dengan Rendah Hati:** Jika seseorang menegur satu bahagian di mana kamu perlu bertumbuh, dengar dengan hati yang terbuka.

Langkah Praktikal untuk Membina Hubungan:

- **Melibatkan Diri:** Melibatkan diri dalam kumpulan muda-mudi, pelajaran Alkitab, atau acara-acara gereja bersama orang lain yang mempunyai iman yang sama dengan kamu.

- **Menggalakkan orang lain:** Menawarkan kata-kata yang baik atau doa bagi seseorang yang sedang menghadapi masa yang sukar.
 - o *“Oleh yang demikian, hendaklah kamu saling menggalakkan dan meneguhkan, sebagaimana yang kamu lakukan sekarang.” (1 Tesalonika 5:11)*
- **Menyelesaikan Konflik dengan Cepat:** Jika kamu menghadapi ketidaksefahaman dengan seseorang di gereja kamu, tangannya dengan rahmat dan usahakan perdamaian.

Kamu boleh membincangkan cadangan-cadangan di atas atau menambahkannya.

8.4 Hubungan dan tanggungjawab dengan rakan-rakan sekerja dan rakan-rakan bukan Kristian

Membina hubungan dengan rakan sekerja dan rakan-rakan bukan Kristian adalah bahagian yang normal dalam hidup. Alkitab memberikan panduan tentang bagaimana mengemudi interaksi-interaksi ini dengan cara yang memuliakan Tuhan. Sebagai orang Kristian, kita dipanggil untuk menjadi garam dan terang dunia, menunjukkan kasih kepada mereka di sekeliling kita yang belum mengalami kasih Kristus. Bagaimana kita dapat melakukan hal ini jika kita tidak mempunyai rakan yang bukan Kristian. Berikut adalah beberapa keadaan di mana Alkitab memberikan kita panduan secara terus tentang persoalan ini:

- Alkitab mengajar kita untuk melayan orang lain dengan kasih dan hormat, tanpa mengira kepercayaan mereka – *“Apa yang kamu mahu orang lakukan kepadamu, lakukanlah demikian juga kepada mereka” (Lukas 6:31)*
- Yesus sendiri membina hubungan dengan orang-orang daripada semua jenis latar belakang, termasuklah mereka yang tidak mengikuti hukum Tuhan. Dia menunjukkan belas kasihan kepada semua orang *“Anak Manusia datang untuk mencari dan menyelamatkan orang yang hilang.” (Lukas 19:10)*
- Membina hubungan yang kuat dengan rakan-rakan bukan Kristian menunjukkan kasih Tuhan yang tidak bersyarat dan menunjukkan bahawa kita prihatin akan orang lain sebagai individu, bukan sekadar sebagai bakal penganut.
- Orang Kristian diseru untuk mengongsikan Berita Baik, tetapi ini seharusnya dilakukan dengan kelembah-lembutan dan hormat –



Prinsip-prinsip berdasarkan Alkitab untuk hubungan yang sihat

“Hormatilah Kristus sebagai Tuhan dalam hatimu dan sentiasa bersedia memberikan jawapan yang meyakinkan apabila seseorang bertanya asas harapan dalam hatimu. Jawab dengan lembut dan hormat.” (1 Petrus 3:15)

- Sementara kita dipanggil untuk berada di dunia dan membina hubungan dengan orang lain, kita juga perlu melindungi hati kita dan jujur kepada kepercayaan kita. *“Jangan kamu biarkan dirimu disesatkan orang. “Kebiasaan yang baik musnah kerana pergaulan yang buruk.”” (1 Korintus 15:33)*

Membina hubungan dengan rakan sekerja dan rakan-rakan yang bukan Kristian adalah bahagian yang penting dalam menjadi pengikut Kristus. Kita perlu melayan semua orang dengan baik, hormat, ikhlas, dan membina persahabatan yang sejati. Berdoa untuk peluang berkongsi iman kamu dengan kasih dan hikmat. Dalam masa yang sama, kita perlu jujur terhadap kepercayaan kita dan menetapkan had untuk melindungi iman kita. Dengan menjadi terang dalam kehidupan mereka, kita dapat menunjukkan kasih Tuhan dan membuat kesan positif kepada orang-orang di sekeliling kita.

Perbincangan: Perkara Praktikal dalam Berkongsi Iman Kamu

- Orang Kristian diseru untuk berkongsi Berita Baik, tetapi ini harus sentiasa dilakukan dengan kelemah-lembutan dan hormat: *“Hormatilah Kristus sebagai Tuhan dalam hatimu dan sentiasa bersedia memberikan jawapan yang meyakinkan apabila seseorang bertanya asas harapan dalam hatimu. Jawab dengan lembut dan hormat.” (1 Petrus 3:15)*
- Tunggu Waktu yang Tepat: Lihat peluang yang semulajadi untuk mengongsi iman kamu, seperti ketika seorang rakan bertanya mengapa kamu ke gereja atau bagaimana kamu menangani cabaran
- Contoh: Jika seorang rakan sedang bergumul, kamu mungkin boleh berkata “Saya akan berdoa untuk kamu,” dan kongsi bagaimana Tuhan telah membantu kamu dalam situasi yang sama.
- Menghormati: Elakkan daripada menekan atau berdebat dengan rakan kamu tentang iman. Sebaliknya, kongsi pengalaman kamu dan biarkan mereka lihat bagaimana iman kamu memberi kesan kepada kehidupan kamu.
- Doa ialah cara yang berkuasa untuk menunjukkan kasih dan membawa rakan kamu lebih dekat kepada Tuhan.

8.5 Hubungan dengan rakan baik

Persahabatan ialah bahagian yang penting dalam hidup, terutamanya pada masa remaja kita. Dalam kumpulan sahabat ini, kebanyakan orang akan mempunyai kumpulan sahabat yang lebih rapat yang mempunyai minat yang sama. Sahabat rapat adalah orang-orang yang kamu keluar bersama, ketawa bersama, kongsi rahsia, dan selain daripada keluarga terdekat kamu,

mereka adalah yang kamu mungkin hubungi pada masa sukar. Alkitab mengatakan banyak hal tentang membina dan mengekalkan persahabatan yang sihat dan memuliakan Tuhan. Berikut ialah beberapa perkara utama:



Keterangan: Hubungan dengan sahabat rapat

- Pilih Sahabat dengan Bijak, terutamanya sahabat yang dengan mereka kamu meluangkan lebih banyak masa. Orang-orang di sekeliling kamu mempunyai pengaruh yang besar ke atas keperibadian dan pilihan kamu – *“Orang yang bergaul dengan orang arif akan menjadi arif, tetapi orang yang berkawan dengan orang bodoh akan menderita.”* (Amsal 13:20)
- Sahabat sejati setia, mengasihi dan menyokong. Sahabat yang baik memberi inspirasi kepada satu sama lain untuk bertambah dekat dengan Tuhan – *“Seorang sahabat menaruh kasih setiap waktu, dan seorang saudara lahir untuk masa menghadapi kesukaran.”* (Amsal 17:17)
- Jadilah pengaruh yang positif. Sama seperti kamu telah menerima pengaruh yang positif, jadilah pengaruh yang positif juga kepada sahabat kamu. Jadilah sahabat yang membantu orang lain membuat keputusan yang bijak – *“Marilah kita saling perhatikan satu sama lain untuk menimbulkan kasih dan perbuatan yang baik.”* (Ibrani 10:24)
- Pertahankan apa yang betul, biarpun ia bermakna mencabar dengan lembut pilihan seorang sahabat – Jika seorang sahabat mengeluarkan perkataan yang sangat beremosi dan menghakimi tanpa fakta, dengan lemah-lembut bawa perbualan itu ke arah yang lebih positif.
- Tetapkan had yang sihat – biarpun persahabatan adalah penting, ia tidak seharusnya

mengganti tempat atau hubungan kamu dengan Tuhan. Ia juga tidak seharusnya mengabaikan prinsip-prinsip Alkitab kamu, sebagai contoh mempunyai hubungan yang tidak sepatutnya dengan sahabat yang berlawanan jantina atau sama jantina, atau terlibat dengan dadah, alkohol dan bahan-bahan lain yang boleh membahayakan tubuh.

Perkara praktikal untuk mengekalkan sahabat rapat

Berikut adalah beberapa pernyataan tentang memilih dan mengekalkan sahabat rapat. Adakah kamu setuju ataupun tidak setuju. Berikan komen kamu.

- Sahabat rapat membentuk bagaimana kamu berfikir, bertindak, dan bertumbuh. Mengelilingi diri dengan orang-orang yang berkongsi nilai-nilai membantu kamu untuk tetap kuat dalam iman kamu dan membuat keputusan yang bijak.
- Elakkan persahabatan yang menekan kamu untuk mengabaikan nilai-nilai kamu atau terlibat dengan perlakuan yang negatif.
- Tunjukkan sahabat-sahabat kamu bahawa kamu prihatin dengan cara memberikan mereka perhatian yang penuh ketika mereka berkongsi fikiran dan perasaan mereka. Contoh: Meletakkan telefon kamu di tepi ketika sahabat kamu sedang bercakap dan benar-benar mendengar.
- Langkah-langkah Praktikal untuk Penyelesaian Konflik – bercakap tentangnya. Wujudkan perbualan yang jujur dan bersemuka tentang isu-isu tanpa menyalahkan atau menuduh. Contoh: Katakan, “Saya berasa sakit hati ketika perkara ini terjadi tetapi saya mahu menyelesaikannya bersama kamu.”
- Jangan mengabaikan nilai kamu untuk menyenangkan sahabat kamu – bagaimana kita boleh gagal dalam hal ini dan apa yang kita perlu lakukan untuk mengelakkan gagal dalam hal ini.

8.6 Ringkasan Pelajaran

- Mengasihi Tuhan dengan sepenuh hati, jiwa, dan fikiran kamu adalah asas bagi semua hubungan lain dalam hidup kamu. Apabila kamu meletakkan Tuhan terlebih dahulu, Dia akan mengubah cara kamu melihat dan melayan orang lain.
- Sambil kita memberikan Tuhan keutamaan yang tertinggi, kita diperintahkan untuk memuliakan ibu bapa kita. Ini bermakna mengasihi dan menjaga mereka, dan tidak mengambil apa-apa yang selayaknya untuk mereka.
- Kita juga harus mengasihi adik-beradik kita, di rumah dan juga adik-beradik rohani kita. Kita semua adalah sebahagian daripada tubuh Kristus dengan kebolehan yang unik yang kita harus gunakan untuk saling membangun.
- Alkitab menggalakkan kita untuk membina persahabatan yang akan memuliakan Tuhan, mewujudkan kepercayaan, supaya kita dapat saling membangun dan mengongsikan Firman ketika Tuhan memimpin kita.

MEMADANKAN IMAN BERDASARKAN ALKITAB DENGAN SAINS – ADAKAH WUJUD APA-APA KONFLIK?

Yesaya 40:26 – “Layangkanlah pandang ke langit dan lihatlah: siapakah yang mencipta benda-benda itu? Dialah yang mengeluarkan cakerawala angkasa menurut jumlahnya dan menyebutkan nama kesemuanya. Kerana besar keperkasaan-Nya dan hebat kuasa-Nya, tidak ada satu pun yang hilang.”

9.1 Pendahuluan



Keterangan: Keagungan ciptaan Tuhan

Bayangkan berdiri di bawah langit malam yang tidak berawan dengan bintang yang tidak terkira yang berkerlipan di hadapan kamu, membentuk buruj dan galaksi yang melampau apa yang dapat dilihat oleh mata kasar. Bintang memenuhi langit kita, dan setiap bintang atau bintik kecil di langit adalah trilion kilometer jauhnya antara satu sama lain.

Atau bayangkan diri kamu sedang berdiri di hadapan laut sedang melihat ombak yang memukul pantai ketika matahari terbenam dan melukiskan awan dengan kanvas berwarna merah dan jingga. Pada saat-saat seperti ini, pernahkah kamu merasakan rasa kagum yang mendalam dan berfikir, “Apakah maksud semua ini? Siapa yang menciptanya, dan mengapa?”

Alkitab memberikan kita satu jawapan. Kejadian 1:1 mengisytiharkan, “Pada mulanya Allah menciptakan langit dan bumi.” Alkitab memberitahu kita bahawa alam semesta dan segala isinya adalah hasil kerja tangan Tuhan yang disengajakan. Dari sekecil-kecil atom sehinggalah ke ruangan angkasa yang luas, semua ciptaan membawa kepada seorang Tuan yang mencipta dan Pencipta.

Bagaimana penemuan sains melengkapi iman kita yang berdasarkan Alkitab seperti usia alam semesta, luasnya angkasa, kecilnya atom, atau kompleksnya DNA? Adakah satu perkara berlawanan dengan satu perkara? Atau mungkinkah sains dan iman adalah dua cara untuk meneroka kebenaran yang sama tentang Pencipta dan ciptaan-Nya?

Dalam bab ini, kita akan meneroka bagaimana kajian sains melengkapi pemahaman kita tentang Alkitab. Dengan melihat pada keagungan alam semesta dan ciptaan di Bumi yang rumit, kita akan melihat bagaimana penemuan saintifik boleh memperdalam ketakjuban kita kepada Tuhan. Oleh itu, mari kita mempunyai minda yang terbuka untuk mengetahui bagaimana Tuhan di dalam Alkitab juga adalah Tuhan yang akan ditunjukkan sains kepada kita, dan bagaimana setiap bintang di langit dan setiap atom do badan kita menunjukkan kepada kebijaksanaan dan kemuliaan-Nya.

9.2 Alkitab Menggalakkan Kita untuk Mempelajari Sains dan Dunia Semulajadi

Ramai orang mempercayai dengan salah bahawa sains dan iman adalah bertentangan, takut bahawa mempelajari dunia semulajadi mungkin membawa kepada pertentangan dengan Alkitab. Bagaimanapun, hal ini jauh daripada kebenaran kerana Alkitab dengan aktifnya menggalakkan kita untuk meneroka ciptaan, dan untuk melihatnya sebagai satu cara untuk memahami kebijaksanaan, kuasa dan keperibadian Tuhan dengan lebih mendalam. Kajian sains dan dunia semulajadi memperbaiki iman kita, dan bukannya mewujudkan perpecahan, dan membantu kita melihat tangan Pencipta dalam segala hal.



Luasnya Angkasa dan Kompleksnya DNA yang kecil

a. Salah Faham: Sains dan Iman Bertentangan

- Ketakutan umum – Sesetengah orang takut sains bertentangan dengan Alkitab, dan membawa kepada kesalahfahaman di mana mempelajari dunia semulajadi boleh melemahkan iman mereka.
- Realiti – Sains yang sejati yang berusaha untuk memahami hukum alam, selari dengan Alkitab, yang menunjukkan Pencipta di sebalik hukum-hukum itu. Tuhan ialah Penulis teragung Alkitab dan hukum alam semesta, oleh itu tidak ada yang bertentangan apabila kedua-duanya difahami dengan benar.
- Jaminan berdasarkan Alkitab – Amsal 3:19: *“Dengan hikmah TUHAN meletakkan asas bumi, dan dengan pengertian Dia menetapkan langit.”* Ini mengingatkan kita bahawa sains menunjukkan hikmah dan kefahaman Tuhan.

b. Alkitab Menggalakkan Kita untuk Mempelajari Dunia Semulajadi

- Terdapat banyak petikan dalam Alkitab yang mencabar kita untuk melihat pada kehebatan ciptaan Tuhan. Ini akan membantu kita memahami betapa besarnya Tuhan itu dan betapa beruntungnya kita untuk dipanggil sebagai anak-Nya dan melayani-Nya.
- Memerhatikan alam semesta adalah satu pelawaan untuk mengagumi kuasa ciptaan Tuhan, menyesuaikan dengan kajian astronomi dan sains-sains yang lain. Yesaya 40:26 *“Layangkanlah pandang ke langit dan lihatlah: siapakah yang mencipta benda-benda itu? Dialah yang mengeluarkan cakerawala angkasa menurut jumlahnya dan menyebutkan nama kesemuanya. Kerana besar keperkasaan-Nya dan hebat kuasa-Nya, tidak ada satu pun yang hilang.”*
- Alkitab memberikan kita tauliah untuk menjaga ciptaan Tuhan. Kejadian 1:28: *“Beranakcuculah dan bertambah banyak serta penuhilah dan takluki bumi.”* Perintah Tuhan untuk *“takluki”* dunia termasuklah mempelajari, memahami, dan menjaga sumber-sumbernya.

- Alkitab menggalakkan kita untuk belajar daripada ciptaan-Nya. *Ayub 12:7-9: “Tetapi tanyalah kepada haiwan-haiwan, nescaya mereka akan mengajar engkau; kepada burung-burung di udara, nescaya akan mereka memberitahu engkau. Atau, berkata-katalah dengan bumi, nescaya ia akan mengajar engkau, dan ikan-ikan di laut pun akan mengisytiharkan kepadamu. Siapakah antara semua itu yang tidak tahu bahawa tangan TUHAN yang melakukan hal ini?”* Ayat-ayat ini menggalakkan kita untuk memerhati dan belajar daripada alam semulajadi sebagai saksi kepada tangan Tuhan dalam penciptaan.
- Mencari pengetahuan adalah memuliakan Tuhan. *Amsal 25:2: “Kemuliaan TUHAN adalah merahsiakan suatu perkara, tetapi kemuliaan para raja adalah menyelidiki suatu perkara.”* Mempelajari sains adalah satu cara untuk memuliakan Tuhan dengan mengungkapkan misteri yang telah dimasukkan-Nya dalam ciptaan ini.

9.3 Sains Memperdalam Kekaguman Kita kepada Tuhan

Bagaimana kita dapat menghargai hebatnya ciptaan, kecuali jika kita mempelajari kerumitan ciptaan Tuhan. Kebesaran alam semesta.



Sains memperdalam kekaguman kita kepada Tuhan

- Jika kita mempunyai sebuah kereta yang boleh bergerak selaju 100 kmj tanpa berhenti, dan jika ada jalan ke Bulan, jasad syurgawi kita yang terdekat, ia akan mengambil masa selama 160 hari. Kereta yang sama akan mengambil masa selama 171 tahun untuk tiba ke Matahari kita. Dan selama manakah bagi kita untuk tiba ke bintang seterusnya yang terdekat dengan kita, Proxima Centauri, yang sejauh 4.2 tahun cahaya? Jika kamu mengira matematikanya, pada 100 kmh, tanpa henti, ia akan mengambil lebih kurang 45.8 juta tahun. Dan itu hanyalah bintang terdekat kita yang seterusnya, selepas Matahari kita. *Mazmur 19:1: “Seluruh langit mengakui kemuliaan Allah; dan cakerawala menunjukkan ciptaan-Nya.”*
- Mempelajari reka bentuk DNA yang rumit. DNA adalah seperti buku panduan yang sangat kecil dalam hampir setiap sel dalam tubuh kita. Ia memberitahu tubuh kita bagaimana untuk bertumbuh, tetap sihat, dan bekerja dengan baik. Fikirkannya seperti pelan asas bagi sebuah bangunan – ia mempunyai “kod” bagi perkara-perkara seperti warna mata kamu, jenis rambut, dan juga bagaimana tubuh kamu melawan penyakit. Itulah sebabnya mengapa kamu kelihatan sedikit seperti ibu bapa kamu, tetapi masih unik, kerana DNA kamu adalah campuran daripada mereka.

- Mazmur 139:13-14 *“Kerana Engkau telah membentuk bahagian-bahagian dalamku; Engkau melindungiku di dalam rahim ibuku. Aku akan memuji-Mu, kerana aku dicipta dengan mengagumkan dan menakjubkan; sungguh menakjubkan ciptaan-Mu, dan ini amat diketahui oleh jiwaku.”*

Semakin kita mempelajari, semakin kita melihat sentuhan tangan Pencipta.

9.4 Sains Membantu Kita Memahami Keperibadian Tuhan dengan Lebih Baik

a. Kuasa dan Kebesaran Tuhan:

- Mengkaji betapa besarnya alam semesta menunjukkan kita sifat Tuhan yang Maha Berkuasa dan tak terbatas

b. Kreativiti dan Hikmat Tuhan:

- Kepelbagaian dan keindahan hidupan di Bumi menunjukkan kreativiti dan hikmat Tuhan.
- Roma 1:20: “Sejak dunia diciptakan, sifat-sifat Allah yang tidak kelihatan, iaitu kuasa-Nya yang kekal dan keilahian-Nya, semuanya jelas ternyata serta difahami melalui segala ciptaan-Nya. Oleh itu, mereka tidak dapat berdalih lagi.”

c. Penjagaan dan Pemeliharaan Tuhan:

- Cara bagaimana ekosistem berfungsi menunjukkan keprihatinan Tuhan kepada ciptaan dan pemeliharaan-Nya bagi semua yang hidup.



9.5 Sains Mempersiapkan Kita untuk Bersama-sama dengan Tuhan dalam Menjaga Ciptaan-Nya

a. Penjagaan Ciptaan:

- Kejadian 2:15: *“TUHAN Allah mengambil manusia itu dan menempatkannya di dalam Taman Eden untuk mengerjakan serta memelihara taman itu.”* Memahami dunia semula jadi akan membenarkan kita untuk menjadi penjaga yang lebih baik, melindungi alam semulajadi dan memperbaiki kehidupan untuk generasi akan datang.

b. Menggunakan Sains untuk Melayani Orang Lain:


- Kemajuan dalam sains, seperti perubatan dan teknologi, membenarkan kita untuk memenuhi perintah Kristus untuk mengasihi sesama kita.

- Pengetahuan saintifik boleh menangani isu-isu seperti perubahan iklim, kemiskinan, dan penyakit, menjadikan dunia sebuah tempat yang lebih baik.

c. Sumbangan kepada Sains yang Diinspirasikan oleh Iman:

- Sepanjang sejarah, orang Kristian seperti Isaac Newton, Johannes Kepler, dan Francis Collins telah menggunakan sains untuk memuliakan Tuhan dan menyumbang kepada umat manusia. Pekerjaan mereka menunjukkan bagaimana iman dan sains boleh bekerja bersama.

9.6 Sains Membantu Kita untuk Menghargai Betapa IndahNya Tuhan telah Menciptakan Planet Kita dan Merekanya untuk Sesuai Mempunyai Hidupan



Rekapipta Bumi yang sempurna untuk menyokong hidupan

Berikut hanyalah beberapa ciri-ciri Bumi yang unik yang menjadikan hidupan dapat hidup di atasnya:

a) Jarak yang Sempurna dari Matahari (Zon Goldilocks)

- Bumi terletak di zon yang boleh didiami, yang sering kali dipanggil “Zon Goldilock,” di mana ianya tidak terlalu panas atau terlalu sejuk – ianya sesuai untuk air dalam bentuk cecair wujud.
- Jika Bumi lebih dekat sedikit dengan Matahari, air akan mendidih. Jika jauh sedikit, ia akan membeku. Air dalam bentuk cecair adalah penting untuk kehidupan seperti yang kita ketahui.

b) Putaran Bumi

- Bumi berputar pada paksinya sekali setiap 24 jam, menciptakan siang dan malam.
- Putaran ini memastikan iklim yang stabil. Jika Bumi berputar terlalu perlahan, satu sisi akan menjadi terlalu panas, dan satu sisi lagi akan menjadi terlalu sejuk. Jika terlalu laju,

angin yang ekstrim akan menjadikan kehidupan sukar.

c) Kecondongan pada Paksi Bumi (23.5°)

- Bumi condong, memberikan kita musim dan iklim yang pelbagai. Kecondongan ini memastikan bahawa bahagian-bahagian planet yang berbeza menerima cahaya matahari yang cukup sepanjang tahun. Ini menjadikan sebahagian besar planet ini sesuai untuk pertanian.

d) Atmosfera yang Melindungi

- Atmosfera Bumi adalah seperti selimut. Ia melindunginya daripada radiasi solar yang berbahaya, memberikan oksigen untuk bernafas dan karbon dioksida untuk tumbuhan. Ia memerangkap haba untuk mengekalkan iklim yang stabil melalui kesan rumah hijau.

e) Pengaruh Bulan

- Besar Bulan Bumi adalah luar biasa bagi sebuah planet dengan saiz planet kita. Kesannya termasuklah:
- Air pasang surut: Pasang surut mengocakkan air lautan, membantu menyebarkan haba dan nutrien.
- Kestabilan: Bulan menstabilkan kecondongan Bumi, mengelakkan daripada perubahan iklim yang luar biasa.
- Perlindungan magnetik: Kesan graviti Bulan membantu teras bumi yang cair menghasilkan sebuah medan magnetik, yang melindungi kita daripada radiasi solar dan kosmik yang berbahaya.

f) Planet-planet Gergasi yang Lain – Musytari, Zuhul, Uranus, dan Neptun

- Planet-planet ini bertindak sebagai pembersih vakuum kosmik. Graviti mereka yang sangat besar menarik atau menolak komet dan asteroid yang berbahaya yang mungkin menghempas bumi.
- Tanpa mereka, Bumi akan sering kali dilanggar serpihan-serpihan di angkasa lepas, menjadikan hidupan dan proses kehidupan mustahil.

g) Saiz dan Graviti Bumi

- Saiz bumi memberikan daya graviti yang sesuai untuk:
- Mengekalkan atmosfera
- Membenarkan air dalam bentuk cecair kekal pada permukaan
- Jika Bumi lebih kecil, gravitinya tidak akan dapat mengekalkan atmosfera. Jika ia lebih besar, ia akan memerangkap gas-gas yang toksik seperti Musytari

h) Komposisi Kimia yang Tepat

- Bumi mempunyai campuran unsur yang tepat:

- Karbon – penting untuk molekul-molekul organik
 - Oksigen – untuk bernafas dan tenaga
 - Air – pelarut universal
 - Nitrogen – asas untuk protein dan DNA
- i) Kitaran Air Bumi yang Dinamik – memastikan air dikitar semula secara konsisten melalui Sejalan, pengewapan, dan mendakan. Ini mengekalkan hidupan dengan menyediakan air untuk diminum dan mengekalkan ekosistem.
- j) **Medan Magnetik Bumi**
- Teras besi cair Bumi menjana medan magnet yang:
 - Memesongkan angin solar dan radiasi kosmik yang berbahaya
 - Melindungi atmosfera kita daripada dimusnahkan (seperti yang berlaku kepada Marikh).

Kebolehan Bumi untuk menyokong bumi bukanlah disebabkan oleh satu ciri-ciri tetapi gabungan sempurna banyak faktor yang diselaraskan dengan baik. Ia seperti sebuah sistem yang direka dengan kepakaran di mana setiap perincian bekerja bersama untuk mewujudkan persekitaran yang stabil dan menyokong pertumbuhan tumbuh-tumbuhan, haiwan, dan manusia. Keseimbangan yang luar biasa ini merujuk kepada Perekacipta yang Hebat yang menciptakan keunikan Bumi dalam besarnya angkasa lepas!

Kita boleh menghargai sains sebagai satu alat untuk mengagumi pekerjaan Pencipta yang rumit dan luar biasa, dan bukannya berasa takut akan percanggahan, yang akan menumbuhkan iman kita sambil kita belajar lebih lagi tentang dunia yang telah diciptakan-Nya.

Renungan Peribadi:

- o Fikirkan tentang detik-detik di mana kamu berasa kagum dan hairan kepada alam semulajadi atau semasa mempelajari sains. Contohnya ketika kamu melihat kepada bintang-bintang, atau bumi yang indah, atau binatang, atau bayi yang kamu dukung di tangan kamu.
- o Fikirkan bagaimana iman kamu membentuk pemahaman kamu tentang alam semesta dan tempat kamu dalam ciptaan Tuhan.

9.7 Perbandingan antara ‘Naturalisme’ (Satu Pandangan Dunia Sekular yang Umum) dengan Pandangan Dunia berdasarkan Alkitab

Satu pendekatan yang biasa dilakukan untuk melihat dunia dan maksud kehidupan adalah sesuatu yang dipanggil naturalisme. Ini adalah sebuah pandangan dunia yang sangat terkenal di dunia barat, yang menegaskan bahawa segalanya yang wujud atau berlaku boleh dijelaskan dengan alasan-alasan yang semulajadi, tanpa perlunya unsur ghaib atau rohani. Naturalisme menolak pandangan dunia berdasarkan Alkitab di mana Tuhan itu wujud, yang berdaulat dan

berminat dengan hal-hal dunia dan umat-Nya. Marilah kita melihat secara ringkas kepada perbandingan naturalisme dan pandangan dunia berdasarkan Alkitab:

a) Asal Alam Semesta dan Kehidupan:

- o Naturalisme: Melihat alam semesta sebagai hasil daripada peluang secara rawak dan proses-proses semulajadi. Ia menekankan teori Big Bang dan teori Darwinian tentang teori evolusi oleh pemilihan semulajadi. Ia melihat kehidupan sebagai muncul melalui proses-proses kimia dan biologi yang tidak dikawal selama berbilion tahun.
- o Pandangan Dunia berdasarkan Alkitab: Alam semesta dan kehidupan telah diciptakan oleh Tuhan seperti yang dijelaskan dalam Alkitab tentang penciptaan (Kejadian 1:1-31). Alam semesta bukanlah sebuah kemalangan tetapi bukti tentang kemuliaan dan reka bentuk Tuhan.

b) Pandangan akan Sifat Manusia:

- o Naturalisme: Manusia adalah hasil daripada evolusi biologikal dan hanya sesuatu fizikal yang tidak mempunyai aspek rohani.
- o Pandangan Dunia berdasarkan Alkitab: Manusia diciptakan dalam gambaran Tuhan, dengan diwarisi maruah, tanggungjawab moral, dan dimensi rohani (Kejadian 1:26-27). Biar pun manusia jatuh ke dalam dosa (Roma 3:23), ia mengekalkan nilai jati dan maruah.

c) Tujuan dan Makna Kehidupan

- o Naturalisme: Tujuan hidup adalah subjektif dan ditentukan oleh peribadi, sering kali merujuk kepada kegembiraan peribadi, ketahanan, atau meninggalkan sebuah legasi. Tidak ada makna rohani atau kekal yang lebih besar.
- o Tujuan dalam Pandangan Dunia berdasarkan Alkitab ditemukan dalam memuliakan Tuhan dan menikmati hubungan dengan-Nya (Yesaya 43:7; Pengkhotbah 12:13). Kehidupan dilihat sebagai sebuah persediaan untuk kekekalan, dengan misi yang diberikan oleh Tuhan untuk mengasihi dan melayani orang lain.

d) Moraliti dan Etika:

- o Naturalisme: Moraliti adalah relatif dan sering kali berdasarkan norma masyarakat, perkembangan budaya, atau pilihan individu. Tidak ada piawaian moral yang tetap.
- o Pandangan Dunia berdasarkan Alkitab: Moraliti didasari dalam keperibadian Tuhan, memberikan piawaian yang tetap tentang yang betul dan salah.

e) Pandangan tentang Sains dan Iman:

- o Naturalisme: Seringkali menganggap sebuah konflik di antara sains dan iman, bergantung sepenuhnya kepada bukti berdasarkan pemerhatian dan menolak penjelasan yang ghaib
- o Pandangan Dunia berdasarkan Alkitab: Menerima sains sebagai satu alat untuk

memahami ciptaan Tuhan (Mazmur 19:1). Iman dan sains adalah saling melengkapi, dengan dunia semulajadi menunjukkan ketertiban dan kebijaksanaan Tuhan.

f) Pandangan tentang Kematian dan Kehidupan Selepas Mati

- o Naturalisme: Kematian adalah pengakhiran kesedaran, dan tidak ada kepercayaan terhadap kehidupan selepas mati atau penghakiman ilahi.
- o Pandangan Dunia berdasarkan Alkitab: Kematian bukan pengakhiran, tetapi peralihan kepada sama ada kehidupan kekal bersama Tuhan atau pemisahan daripada-Nya berdasarkan hubungan seseorang itu dengan-Nya.

g) Etos yang Mendasari

- o Naturalisme: Menganjurkan kebergantungan pada diri. Manusia perlu mencipta tujuan mereka sendiri dalam hidup dan bekerja tanpa bergantung kepada Tuhan dan pencipta.
- o Pandangan Dunia berdasarkan Alkitab: Sains adalah sesuatu yang diciptakan oleh Tuhan. Manusia digesa untuk mengetahui, menghargai, dan menggunakan pengetahuan kita dalam sains untuk memerintah, dan menjaga ciptaan Tuhan. Terdapat keterbergantungan kepada Tuhan.

9.8 Bolehkah iman dan sains berjalan seiring?



Bolehkah iman dan sains bergerak bersama

Dalam pandangan dunia berdasarkan Alkitab, sains dan Alkitab bertindak seiring. Sains memberitahu kita bagaimana perkara-perkara diciptakan dan berfungsi bersama. Alkitab

memberitahu kita tentang Pencipta dan mengapa kita diciptakan.

Sains ialah kajian tentang dunia semulajadi melalui pemerhatian, eksperimen, dan pemikiran logik. Secara asasnya ia berkaitan dengan membongkar mekanisme yang mengawal alam semesta – bagaimana setiap perkara berfungsi dan saling berkaitan. Sementara sains adalah sangat berharga untuk menjelaskan bagaimana setiap perkara berfungsi, ia bekerja dalam ruang lingkup fenomena yang dapat diperhatikan. Ia tidak bertanyakan soalan-soalan yang lebih mendalam tentang kewujudan, makna, atau tujuan.

Iman, terutamanya dalam pandangan dunia berdasarkan Alkitab, meneroka persoalan-persoalan tentang tujuan utama, makna, dan moraliti – bahagian-bahagian yang tidak diukur dan dinilai oleh sains. Kunci perbezaan yang ketara termasuklah:

- Meneroka tujuan – iman bertanya mengapa alam semesta wujud dan mengapa manusia hadir di sini. Sebagai contoh, Alkitab menjelaskan bahawa manusia dijadikan untuk memuliakan Tuhan dan menikmati hubungan dengan-Nya (Yesaya 43:7; Wahyu 4:11).
- Memberikan makna – iman membawa makna kepada kehidupan manusia, melampaui sekadar kelangsungan hidup atau pembiakan. Ia menyentuh kerinduan manusia yang sedia ada tentang makna, mengakui bahawa setiap orang dicipta dalam gambaran Tuhan dengan satu tujuan yang unik.
- Mendefinisikan moraliti – iman memberikan moral yang tetap, berakar dalam keperibadian Tuhan, dan dinyatakan melalui Firman-Nya.
- Sains melalui sifat asalnya, tidak dapat menjawab persoalan-persoalan ini, kerana ia berada di luar dunia fizikal dan yang boleh diperhatikan.

Dengarkan John Lennox: The REASON We Exist & Scientific PROOF Of God: -
Full Interview <https://www.youtube.com/watch?v=DXbcbqOK60>

9.9 Sumbangan Saintis-Saintis yang Ternama dalam Iman Kristian

Berikut adalah senarai ringkas tentang saintis-saintis sejarah dan semasa yang iman dalam Tuhan telah membentuk pekerjaan saintifik mereka:

- **Isaac Newton (1643-1727)**
 - o Beliau ialah bapa kepada fizik klasik, dikenali dengan hukum gerakan dan gravitasi universal. Newton melihat pekerjaannya sebagai mendedahkan hukum yang ditetapkan oleh Tuhan. Dia pernah berkata, “Sistem matahari, planet-planet, dan komet yang paling indah ini hanya boleh wujud hasil daripada nasihat dan kekuasaan satu makhluk yang berakal.”

- **Johannes Kepler (1571-1630):**
 - o Sumbangan: Kepler ialah seorang ahli matematik, ahli astronomi, dan ahli astrologi German yang menemukan hukum gerakan planet. Pekerjaannya menyediakan asas bagi astronomi moden dan fizik, dan dia paling terkenal kerana hukum gerakan planetnya, yang menjelaskan orbit planet-planet di sekeliling matahari.
- **Blaise Pascal (1623-1662):**
 - o Sumbangan: Pascal ialah seorang ahli matematik, ahli fizik, dan ahli falsafah Perancis yang telah melakukan sumbangan yang besar dalam matematik, fizik, dan teori kebarangkalian. Beliau mencipta Pascaline, sebuah kalkulator mekanikal terawal, dan merumuskan hukum Pascal, yang menjelaskan sifat bendalir.
- **Gregor Mendel (1822-1884):**
 - o Sumbangan: Mendel ialah seorang saintis Austrian dan rahib Augustinian yang dikenali sebagai bapa genetik moden. Eksperimennya dengan pokok kekacang membawa kepada penemuan prinsip asas pewarisan, termasuk hukum pengasingan dan pengagihan bebas.
- **Francis Collins (1950-kini):**
 - o Sumbangan: Collins ialah seorang ahli genetik dan doktor terkenal untuk kepimpinan beliau dalam Projek Genom Manusia, yang memetakan dan menyusun keseluruhan genom manusia. Beliau telah memberikan sumbangan yang besar kepada pemahaman kita tentang genetik dan asas genetik dalam penyakit.
- **Katharine Hayhoe (1972-kini):**
 - o Sumbangan: Hayhoe ialah seorang ahli saintis atmosfera dan penyelidik perubahan iklim Kanada-Amerika yang terkenal dengan pekerjaannya dalam komunikasi sains iklim. Beliau telah menjadi suara utama dalam membangkitkan kesedaran tentang kesan perubahan iklim dan menganjurkan tindakan untuk iklim.
- **Michael Faraday (1791-1867):**
 - o Sumbangan: Faraday ialah seorang saintis British yang terkenal untuk penemuan beliau dalam elektromagnetisme dan elektrokimia. Beliau menciptakan motor elektrik dan dinamo, dan pekerjaan beliau menyediakan asas bagi perkembangan teknologi elektrik yang moden.

Saintis-saintis ini bukan sekadar melakukan sumbangan yang besar kepada bidang-bidang mereka masing-masing tetapi juga menunjukkan bagaimana iman dan sains boleh wujud bersama, menginspirasi generasi masa hadapan untuk menjalankan penyelidikan saintifik dengan rasa kekaguman dan penyanjungan terhadap dunia semula jadi.

9.10 Ringkasan Pelajaran

- Alkitab menggalakkan kita untuk mempelajari dan mendapatkan pengetahuan tentang dunia semulajadi kerana ia akan membantu kita untuk menghargai kuasa dan rekabentuk ciptaan Tuhan dengan lebih baik
- Pandangan dunia berdasarkan Alkitab dengan sains memberikan kita pemahaman yang lebih baik bukan sahaja tentang betapa indahnya ciptaan dalam dunia semulajadi, tetapi juga tentang mengapa ia diciptakan dan apakah peranan kita di dalamnya.
- Terdapat ramai saintis pada masa lepas dan pada masa ini yang merupakan pengikut Kristus yang setia
- Secara ringkasannya, Alkitab menggalakkan penemuan saintifik dengan etika dan memberikan kita sebuah kompas moral sebagai panduan.

BAB 10

PANDANGAN DUNIA BERDASARKAN ALKITAB TENTANG BAGAIMANA KITA MENJAGA DIRI KITA DAN SUMBER- SUMBER YANG KITA MILIKI

Mazmur 24:1-2 – “Bumi ini milik TUHAN dengan segala yang di dalamnya, dunia dan semua penghuninya; kerana Dia telah mengasaskannya di atas lautan dan menegakkannya di atas perairan.”



Keterangan: Kita adalah penjaga bagi semua yang kita miliki

10.1 Alkitab memberitahu kita bahawa kita adalah penjaga tubuh, minda, dan roh kita

Semua yang kita punya adalah milik Tuhan dan diberikan kepada kita untuk dijaga. Kita dipanggil untuk memanfaatkan sebaik mungkin peluang yang ada demi kemuliaan Tuhan dan untuk memperluas kerajaan-Nya.

Berikut adalah beberapa petikan Alkitab yang berbicara tentang penjagaan sepenuhnya. Semua yang kita punya adalah milik Tuhan.

- **1 Korintus 6:19-20:** “Kamu tentu tahu bahawa tubuhmu itu tempat kediaman Roh Kudus yang telah dikurniakan Allah kepadamu. Tubuhmu bukanlah milikmu, tetapi milik Allah. Allah telah membelimu dengan harga yang sudah dibayar sepenuhnya. Oleh itu, gunakanlah tubuhmu untuk memuliakan Allah.”
- **Roma 12:1:** “Oleh itu, saudara-saudaraku, aku menyeru kepadamu, demi belas kasihan Allah, supaya mempersembahkan tubuh badanmu sebagai korban yang hidup, yang suci dan diterima oleh Allah; itulah ibadat yang wajar.”

Ayat-ayat ini menekankan kepentingan memuliakan Tuhan dengan tubuh kita, melayaninya seperti bait Roh Kudus, dan menjalani kehidupan yang menggalakkan kesihatan dan kesejahteraan. Ia mengingatkan kita bahawa menjaga tubuh kita adalah satu tindakan penjagaan, menunjukkan kesyukuran kita bagi anugerah kehidupan dan komitmen kita untuk memuliakan Tuhan dalam segala yang kita lakukan. Bayangkan kemuliaan yang kita miliki sebagai penjaga untuk Tuhan yang hidup, pencipta alam semesta. Oleh itu, kita perlu menjaga tubuh, minda, dan roh kita.

10.2. Kita adalah penjaga bagi semua sumber dalam kawalan kita: Sekolah dan Pendidikan

Pendidikan ialah sebuah anugerah dan tanggungjawab. Daripada perspektif berdasarkan Alkitab, persekolahan kita bukan sahaja satu laluan kepada kejayaan peribadi tetapi juga satu laluan untuk memuliakan Tuhan dan melayani orang lain. Berikut adalah beberapa cara kita dapat mempraktikkan penjagaan dalam pendidikan.

- a) Melihat pendidikan sebagai sumber yang diberikan oleh Tuhan. Ia adalah anugerah daripada Tuhan. Setiap peluang untuk belajar adalah peluang untuk mendedahkan kebenaran Tuhan di dunia. Lukas 12:48 berkata, “Kerana sesiapa yang diberikan banyak, banyak pula akan dituntut daripadanya.” Sebagai penerima pendidikan, para pelajar mempunyai tugas untuk menggunakannya dengan bijaksana dan untuk kemuliaan Tuhan.
- b) Cemerlang dengan tujuan. Kolose 3:23 menasihatkan, “Lakukan segala kerja dengan sebulat hatimu untuk Tuhan, bukan untuk manusia.” Berusaha untuk cemerlang dalam akademik menunjukkan sebuah hati yang berdedikasi untuk memuliakan Tuhan dengan kebolehannya. Cemerlang dalam pelajaran seharusnya tidak dikejar kerana prestij dan kekayaan, biarpun itu mungkin adalah hasil sampingan, tetapi sebagai persediaan untuk menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat.
- c) Menggabungkan iman dengan pelajaran. Sama ada kita mempelajari sains, sejarah, atau seni, para pelajar boleh menyedari pekerjaan tangan Tuhan dalam semua bidang. Sebagai

contoh, kita boleh mendedahkan hukum semulajadi Tuhan dalam sains, kedaulatan Tuhan dalam sejarah, keintiman ilahi Tuhan terserlah dalam setiap sentuhan seni seorang pelukis. Penjagaan dalam pendidikan juga merangkumi mengaplikasikan prinsip-prinsip berdasarkan Alkitab apabila berhadapan dengan pilihan-pilihan etika seperti tekanan untuk menipu, meniru, atau bertindak dalam apa-apa perbuatan yang tidak beretika.

- d) Menyesuaikan diri untuk kemuliaan Tuhan – dalam dunia yang pantas berubah ini, pembelajaran berterusan mempersiapkan orang-orang yang percaya untuk mengemudi cabaran-cabaran yang baru sambil mempertahankan nilai-nilai berdasarkan Alkitab.
- e) Menyeimbangkan pendidikan dengan keutamaan-keutamaan Tuhan akan memerlukan para pelajar untuk mengutamakan hubungan mereka dengan Tuhan. pendidikan adalah satu alat, bukan sebuah berhala. Penjagaan bermaksud mengakui bahawa penggenapan dan identiti yang sebenar datang daripada Kristus, bukan pencapaian akademik.

Ketika kita mengurus pendidikan kita dengan usaha yang ikhlas, iman, dan tujuan, kita menunjukkan orang lain bagaimanakah Tuhan itu, menggunakan bakat-bakat yang telah diberikan-Nya kepada kita, dan menyediakan kita untuk melakukan kesan positif di dunia. Menggunakan pendidikan kita dengan bijaksana menunjukkan kebaikan Tuhan dan membantu menyebarkan mesej-Nya.

10.3. Meneroka prinsip-prinsip berdasarkan Alkitab untuk pengurusan kewangan yang bertanggungjawab

Belajar mengurus wang adalah kemahiran hidup yang sangat penting yang menunjukkan sikap kita dan prinsip-prinsip berdasarkan Alkitab bagi pentadbiran. Pengurusan kewangan bukan sahaja tentang angka tetapi tentang menyesuaikan keputusan kewangan kita dengan Firman Tuhan. Bab ini meneroka prinsip-prinsip berdasarkan Alkitab untuk mengurus wang dengan bertanggungjawab, dan menekankan cara-cara yang praktikal untuk memuliakan Tuhan dalam pentadbiran kewangan.

a) Pentadbiran:

- o Mengakui bahawa semua kekayaan adalah milik Tuhan, dan kita adalah pentadbir yang dipercayakan untuk mengurus sumber-sumber-Nya (Mazmur 24:1).

Perspektif ini mengubah kepemilikan peribadi kepada memuliakan Tuhan dengan sumber-sumber kita.



- o Prinsip kunci – memandang wang sebagai alat untuk memuliakan Tuhan dan memberkati orang lain, dan bukannya sumber untuk identiti, prestij, atau jaminan.
- o Aplikasi: Sama ada kamu mendapat wang daripada pekerjaan sampingan, atau menerima elaun, gunakan sumber kamu untuk menunjukkan keutamaan untuk Tuhan dalam hidup kamu.

b) Penyediaan Bajet dan Perancangan yang Bertanggungjawab

- o Penyediaan bajet ialah sebuah cara yang praktikal untuk menguruskan wang. Amsal 21:5 berkata, “Rancangan orang rajin hanya mendatangkan keuntungan.” Menyediakan bajet membantu kamu untuk mengatur kewangan kamu dan melakukan pilihan yang disengajakan yang menunjukkan keutamaan-keutamaan Tuhan. Sebuah contoh yang mudah adalah seperti memperuntukkan 10% untuk menyokong gereja kamu atau untuk tujuan kebajikan, 20% simpanan untuk keperluan masa depan, 70% untuk dibelanjakan setiap hari untuk keperluan biasa dan rekreasi dengan cara yang bertanggungjawab. Peratusan nisbah simpanan kepada perbelanjaan akan berubah mengikut perubahan pendapatan kamu.
- o Untuk pemantauan mudah, kamu boleh menggunakan catatan harian, atau jadual untuk memantau pendapatan dan perbelanjaan kamu. Sesuaikan bajet kamu mengikut perubahan keadaan.

c) Elakkan hutang:

- o Hutang boleh mengehadkan kebebasan dan mewujudkan tekanan. Kamu boleh belajar dengan memulakan kebiasaan menyimpan dan menunda ganjaran jangka pendek. Ini akan memberikan kamu tabiat yang baik untuk masa hadapan. Amsal 22:7 – “Orang kaya menguasai orang miskin, dan si penghutang menjadi hamba kepada si pemiutang.”
- o Contoh, jika kamu mahukan sesuatu yang bernilai RM 100, ambil masa untuk menyimpan untuknya dan bukan meminjam daripada orang lain
- o Prinsip berdasarkan Alkitab – Menjalani hidup dalam cara kamu bermaksud menunjukkan kepercayaan dalam pemeliharaan Tuhan dan mengajarkan disiplin.

d) Memberi:

- o Kemurahan kepada yang miskin menunjukkan keutamaan Tuhan dalam pandangan Alkitab. 2 Korintus 9:7 menggalakkan untuk memberi dengan sukacita, mengingatkan kita bahawa memberi bukanlah satu beban tetapi satu berkat.
- o Contoh praktikal – menderma kepada gereja kamu dan sesuatu yang kamu sayangi
- o Memberi mengajar percaya dalam pemeliharaan Tuhan dan mengubah tumpuan daripada diri sendiri kepada orang lain

e) Simpanan:

- o Menyimpan wang menunjukkan kebijaksanaan dan pandangan jauh. Amsal 6:6-8 memuji semut yang menyimpan makanan untuk persediaan masa sejuk.

BAB 10: PANDANGAN DUNIA BERDASARKAN ALKITAB TENTANG BAGAIMANA KITA MENJAGA DIRI KITA DAN SUMBER-SUMBER YANG KITA MILIKI

- o Amsal 21:20 – “Ada harta yang berharga dan minyak di dalam rumah orang bijaksana, tetapi orang bodoh memboroskan hartanya.”
- o Tips praktikal: Buka sebuah akaun simpanan atau guna sebuah tabung dan mula menyimpan. Mulakan dengan memasukkan jumlah yang kecil secara tetap.

f) Kepuasan hati:

- o Pupuk rasa kepuasan hati dengan apa yang kamu ada, untuk mengelakkan jerat keangkuhan dan materialisme.
- o Ibrani 13:5 – Jagalah hidupmu supaya jangan menjadi pencinta wang; kamu harus berasa cukup dengan apa yang ada padamu. Dia sendiri telah berjanji: “Aku tidak sekali-kali akan meninggalkanmu. Aku tidak sekali-kali akan membiarkanmu.”

g) Melabur:

- o Melabur adalah tentang menggunakan sumber dengan bijak untuk menghasilkan lebih pada masa hadapan. Ia melibatkan disiplin dan mengorbankan kepuasan hati jangka pendek untuk mendapatkan keuntungan jangka panjang.
- o Tips praktikal: Menyimpan untuk alat atau kursus yang boleh membantu kamu mengembangkan satu kemahiran baru, atau menyimpan untuk pendidikan, atau mulakan dengan projek-projek kecil untuk menggandakan sumber kamu.
- o Perspektif berdasarkan Alkitab: Pelaburan yang bijak boleh membantu kita untuk tanggungjawab yang lebih besar pada masa hadapan.

h) Membandingkan Materialisme dengan Nilai-nilai Kristian

Materialisme	Pandangan berdasarkan Alkitab
Mencari kegembiraan daripada apa yang dimiliki	Menemui sukacita dalam Tuhan dan pemeliharaan-Nya
Menggalakkan kepentingan diri	Menggalakkan kemurahan hati dan pelayanan
Menumpukan pada kekayaan sementara	Menumpukan pada harta yang kekal
Mengejar kekayaan hartabenda	Kerja keras diseimbangkan dengan kepuasan

Dengan menggabungkan prinsip berdasarkan Alkitab ini dalam pendekatan kita untuk pengurusan wang, kita dapat memuliakan Tuhan, mentadbir sumber-sumber-Nya dengan

setia, dan mengalami berkat-Nya dalam kehidupan kewangan kita. Prinsip-prinsip ini meletakkan satu asas bagi kesetiaan dan tanggungjawab sepanjang hayat, mempersiapkan kita untuk mengemudi hidup dengan pandangan dunia berdasarkan Alkitab.

10.4. Berjaga-jaga dengan perkara-perkara yang akan memusnahkan

Mempunyai pandangan dunia berdasarkan Alkitab bermaksud mengakui dan mengelakkan tindakan dan kebiasaan yang boleh membahayakan hubungan kita dengan Tuhan, diri kita, dan orang lain. Ketagihan dan kelakuan buruk boleh memusnahkan kehidupan, mencuri sukacita, menghalang kita daripada mencapai potensi kita dan menahan pertumbuhan yang lebih tinggi. Bahagian ini meneroka beberapa cara praktikal untuk berjaga-jaga daripada pengaruh-pengaruh yang berbahaya dan hidup sebagai pentadbir yang baik untuk anugerah-anugerah yang Tuhan telah percayakan kepada kita.



Berjaga-jaga dengan perkara-perkara yang akan memusnahkan

a) Berwaspada terhadap Penyalahgunaan Bahan:

- Berwaspada daripada terlibat dengan penyalahgunaan bahan, seperti dadah atau alkohol, yang boleh membahayakan tubuh kamu dan merosakkan pemikiran kamu. Penyalahgunaan bahan ialah bahaya yang semakin membesar, memberi kesan kepada kesihatan fizikal, kesejahteraan mental, dan kehidupan rohani.
 - o Alkitab mengingatkan kita bahawa tubuh kita adalah bait Roh Kudus. 1 Korintus 6:19-20: “Kamu tentu tahu bahawa tubuhmu itu tempat kediaman Roh Kudus yang telah dikurniakan Allah kepadamu. Tubuhmu bukanlah milikmu, tetapi milik Allah. Allah telah membelimu dengan harga yang sudah dibayar sepenuhnya. Oleh itu, gunakanlah tubuhmu untuk memuliakan Allah.” Kemabukan, penyalahgunaan bahan, dan dadah tidak memuliakan Tuhan dan melemahkan kebolehan kita untuk menggenapi tujuan-Nya.
- Langkah-langkah praktikal untuk berjaga-jaga daripada penyalahgunaan bahan
 - o Didik diri kamu tentang bahaya dadah, alkohol, menghisap vape, dan bahan-bahan lain yang boleh menyebabkan ketagihan
 - o Bersedia dan berlatih mengatakan “Tidak” jika pengaruh rakan sebaya timbul

- o Cari bantuan jika kamu atau seseorang yang kamu kenal berhadapan dengan penyalahgunaan bahan

b) Menolak Godaan:

- Godaan boleh datang dalam banyak bentuk, daripada tabiat yang berbahaya sehinggalah sikap keterlaluan yang tidak sihat. Yakobus 1:14-15 memberi amaran bahawa mengalah terhadap godaan membawa kepada dosa dan, akhirnya, kemusnahan.
- Langkah-langkah praktikal untuk penolakan
 - o Kenal pasti titik-titik kelemahan kamu, di mana kamu dengan mudah digoda dan rancangkan bagaimana untuk mengelakkannya.
 - o Tukar tabiat yang buruk dengan yang baik, seperti bersenam, bermain sukan dengan rakan-rakan, membuat aktiviti sukarela, melakukan sebuah hobi, atau mempelajari sebuah kemahiran baru
 - o Berdoa untuk kekuatan Tuhan. 1 Korintus 10:13 *“Setiap cubaan yang kamu alami memang biasa dihadapi orang. Tetapi Allah setia menepati janji-Nya. Dia tidak akan membiarkan kamu dicubai melebihi kekuatanmu. Sewaktu kamu dicubai, Allah akan memberimu jalan keluar supaya kamu mendapat kekuatan menanggungnya.”*

c) Mengamalkan Pengawalan Diri:

- Membiasakan pengawalan diri dalam semua bahagian kehidupan kamu, termasuklah pemikiran, perkataan, dan tindakan, untuk mengekalkan penjagaan tubuh, minda, dan roh kamu. Galatia 5:22-23 *“Sebaliknya, buah Roh ialah kasih, sukacita, damai sejahtera, kesabaran, kemurahan, kebaikan, kesetiaan, lemah lembut dan penguasaan diri. Tiada hukum yang menentang segala ini.”*
- Bahagian-bahagian yang praktikal untuk mengamalkan dan membina pengawalan diri:
 - o Berhenti dan berdoa sebelum bertindak dengan emosi dan dorongan yang kuat
 - o Membiasakan pengawalan diri dalam tabiat berbelanja dan pilihan gaya hidup, menahan pilihan yang mendadak yang boleh membawa kepada masalah-masalah kewangan.
 - o Tetapkan sempadan yang jelas dalam bahagian-bahagian seperti waktu menghadap skrin, masa bermain, dan hubungan.
 - o Wujudkan tabiat seperti berdoa dan mempelajari Alkitab dengan tetap
 - o Mempunyai pasangan yang dapat diharapkan, seseorang yang boleh kamu percayai, yang kamu boleh bergantung kepadanya.

d) Menjaga Minda Kamu:

- Berhati-hati dengan apa yang kamu dedahkan kepada minda kamu, elakkan pengaruh-pengaruh yang negatif seperti kandungan yang ganas atau tidak sesuai dalam media dan hiburan, media sosial yang



negatif, dan perbandingan-perbandingan yang tidak sihat. Filipi 4:8 “Akhir sekali, saudara-saudaraku, apa sahaja yang benar, apa sahaja yang mulia, apa sahaja yang adil, apa sahaja yang suci, apa sahaja yang indah, apa sahaja yang dipandang tinggi — jika ada sesuatu yang baik dan jika ada sesuatu yang terpuji — tumpukan fikiran kepadanya.”

- Langkah-langkah praktikal untuk menjaga minda kamu:
 - o Menghadkan masa yang diluangkan untuk media sosial
 - o Elakkan atau kurangkan hiburan yang menggalakkan nilai-nilai yang negatif
 - o Luangkan masa untuk membaca dan mendengar Firman Tuhan



e) Elakkan Materialisme

- Materialisme menggalakkan kepercayaan bahawa harta benda akan memberikan kita kegembiraan yang besar. Secara tidak langsung ia membuatkan kita untuk menjaga kepentingan diri sendiri, dan menawarkan hati kita untuk bergantung kepada Tuhan.

Matius 6:19-21 mengingatkan kita untuk menyimpan harta di syurga, bukan di bumi.

- Tindakan-tindakan praktikal yang boleh kita ambil:
 - o Mengakui bahayanya meletakkan terlalu banyak penekanan pada harta material dan kekayaan, yang boleh membawa kepada ketamakan dan ketidakpenuhan.
 - o Ayat Alkitab: 1 Timotius 6:10 “Cinta akan wang punca segala kejahatan. Seseorang orang memburu wang dengan begitu tamaknya sampai tersesat daripada iman dan akhirnya menanggung berbagai-bagai kesengsaraan jiwa.”

f) Berjaga-jaga daripada Hutang:

- o Berhati-hati dengan hutang yang terkumpul melebihi apa yang kamu mampu, kerana ia akan menjadi beban dan menghalang penjagaan kewangan.
- o Ayat Alkitab: Amsal 22:7 – “Orang kaya menguasai orang miskin, dan si penghutang menjadi hamba kepada si pemiutang.”

g) Mendapatkan Orang yang Boleh Dipertanggungjawabkan dan Bimbingan:

- Orang yang boleh dipertanggungjawabkan adalah satu cara yang paling kuat untuk melawan ketagihan dan kelakuan jahat. Amsal 27:17 “Besi menajamkan besi, demikian juga orang menajamkan sesamanya.” Mentor dan sahabat yang boleh dipercayai boleh menggalakkan, membetulkan, dan membimbing kamu dalam perjalanan kamu bersama Yesus Kristus.

- Bagaimana untuk membina kebertanggungjawaban:
 - o Cari seorang sahabat yang kamu boleh percayai untuk menjadi mentor Kristian. Ia mungkin sahabat baik, pastor, atau ibu bapa kamu, atau ketua persekutuan gereja asal kamu.
 - o Sertai kumpulan muda-mudi atau pembelajaran Alkitab untuk sokongan
 - o Bersikap jujur dan terbuka tentang cabaran-cabaran kamu dan sanggup menerima bimbingan.
- h) Mengelakkan Tekanan Rakan Sebaya:**
 - Bertahan dengan tekanan untuk akur kepada tabiat perbelanjaan yang tidak sihat atau pilihan gaya hidup yang dipengaruhi oleh rakan sebaya, dan bukannya menumpukan pada prinsip-prinsip berdasarkan Alkitab tentang pentadbiran.
 - Strategi untuk menolak daripada mengalah kepada tekanan rakan sebaya:
 - o Pilih sahabat yang berkongsi nilai dengan kamu dan menggalakkan iman kamu.
 - o Berlatih untuk mengatakan tidak dengan tegas dan dengan yakin kepada perkara-perkara yang kamu tidak setuju
 - o Fikirkan semula pilihan kamu dan tanyakan, “Adakah ini memuliakan Tuhan?”
- i) Elakkan Membazir Masa**
 - Masa ialah anugerah daripada Tuhan, yang mana kita ialah pentadbirnya. Efesus 5:16 menggalakkan orang-orang yang percaya untuk menggunakan setiap peluang dengan sebaiknya. Membuang masa dengan gangguan-gangguan boleh membawa kepada peluang-peluang yang disia-siakan dalam bertumbuh secara rohani, melayani orang lain, atau mengembangkan kemahiran-kemahiran yang bernilai.
 - Hal-hal yang biasa yang membazirkan masa termasuklah waktu menghadap skrin yang berlebihan, melihat media sosial tanpa henti, atau bertanggung-tanggung.
 - Langkah-langkah praktikal:
 - o Meletakkan had masa untuk hiburan dan media sosial
 - o Mengutamakan tugas-tugas harian, tugas-tugas untuk memenuhi tugas kamu, dan tabiat-tabiat yang sihat. Ubah sedikit masa media sosial untuk bersenam dan masa sukan fizikal yang baik untuk tubuh dan kesihatan mental.
 - o Gunakan perancang untuk menyusun aktiviti-aktiviti yang produktif seperti kerja rumah, hobi, gereja, atau aktiviti-aktiviti kemasyarakatan.
- j) Memupuk Rasa Syukur:**
 - Memupuk satu sikap kesyukuran untuk apa yang kamu miliki, mengakui pemeliharaan Tuhan dan berkat-berkat dalam hidup kamu. *1 Tesalonika 5:18 “Bersyukurlah dalam segala keadaan kerana inilah yang dikehendaki Allah daripadamu dalam Kristus Yesus.”*

10.5 Ringkasan Pelajaran

- Daripada sebuah pandangan dunia berdasarkan Alkitab, semua sumber kita adalah milik Tuhan dan telah diletakkan dalam tangan kita di bawah pentadbiran kita. Penting bagi kita untuk menjadi pentadbir yang baik untuk aset dan sumber yang diletakkan di bawah pentadbiran kita.
- Dengan bersikap berjaga-jaga dan mengaplikasikan prinsip-prinsip pentadbiran berdasarkan Alkitab kepada tubuh, minda, dan roh kita, kita seharusnya terjaga daripada kelakuan-kelakuan dan sikap-sikap yang boleh membahayakan kesejahteraan kita dan menghalang kemampuannya untuk memuliakan Tuhan dalam hidupnya.

PENGGUNAAN TEKNOLOGI DAN PEMURIDAN SECARA DIGITAL

Filipi 4:8 – “Akhir sekali, saudara-saudaraku, apa sahaja yang benar, apa sahaja yang mulia, apa sahaja yang adil, apa sahaja yang suci, apa sahaja yang indah, apa sahaja yang dipandang tinggi – jika ada sesuatu yang baik dan jika ada sesuatu yang terpuji – tumpukan fikiran kepadanya.”



Persilangan di antara Iman dan Teknologi

11.1 Persilangan di antara Iman dan Teknologi

Hari ini, teknologi digital telah mempengaruhi dengan mendalam bagaimana cara kita hidup, belajar, dan berhubung. Internet yang bermula sebagai satu alat untuk menghubungkan

komputer-komputer, telah berkembang menjadi sebuah jaringan yang besar yang penting dalam kehidupan seharian. Setakat pada Oktober 2024, terdapat 5.5 bilion pengguna internet di seluruh dunia, yang bermaksud 67.5% daripada populasi global (Statista statistics).

Di A.S., sebuah tinjauan pada tahun 2022 telah menunjukkan bahawa 95% remaja menggunakan YouTube, dan 67% menggunakan TikTok (Pew Research Center). Statistik ini menunjukkan pengaruh teknologi dan media sosial yang besar dalam membentuk pengalaman bagi orang muda dan juga yang dewasa.

Sumber Statistik

67.5% daripada populasi global ialah pengguna internet

Sumber: https://www.statista.com/statistics/617136/digital-population-worldwide/?utm_source=chatgpt.com

95% daripada remaja di A. S. menggunakan YouTube

67% daripada remaja di A. S. menggunakan TikTok

Sumber: <https://www.pewresearch.org/>

11.2 Teknologi sebagai sebuah Alat untuk Pertumbuhan Rohani

Alam digital menawarkan banyak sumber untuk membantu memperdalam iman seseorang. Aplikasi Alkitab seperti YouVersion dan Logos memberikan akses yang mudah kepada pelbagai terjemahan Alkitab dan alat pembelajaran. Renungan dan siaran radio menawarkan refleksi serta ajaran harian daripada pelbagai pandangan Kristian dengan bahasa-bahasa yang berlainan untuk dipilih. Ini membantu untuk memenuhi keperluan orang Kristian daripada latar belakang budaya dan bahasa yang berlainan.

Teknologi membolehkan perhubungan dengan komuniti seiman tanpa perkumpulan secara fizikal. Sebagai contoh, kumpulan muda-mudi secara online, kumpulan mempelajari Alkitab merentas sempadan boleh bertemu secara maya. Semasa perintah berkurung Covid-19, banyak gereja yang meneruskan ibadah melalui siaran langsung dan pembelajaran Alkitab secara atas talian, dan pertemuan doa diteruskan dalam mesyuarat atau kelas secara atas talian.

Sementara terdapat banyak manfaat daripada teknologi digital, terdapat juga kelemahannya. Kita perlu bertanya kepada diri kita sendiri seberapa banyak masalah yang kita luangkan dalam platform-platform media sosial seperti YouTube, TikTok dan Instagram. Seberapa banyak masalah yang kamu mampu luangkan untuk media sosial? Adakah ini selari dengan Firman Tuhan? Apakah pandangan dunia yang dipromosikan dalam mesej ini? Bagaimana ia memberi kesan kepada pemikiran, kepercayaan, dan tindakan kamu? Mengembangkan

pemahaman tentang media internet berasaskan dalam perspektif Alkitab akan membantu menapis pengaruh-pengaruh berbahaya dan menghargai kandungan yang menginspirasi dan memberi galakan.

11.3 Tindakan Atas Talian yang Beretika dan Bertanggungjawab



Dalam sebuah dunia di mana kebanyakan komunikasi, pembelajaran, dan perkongsian kita berlaku secara dalam talian, dengan orang-orang yang kamu tidak pernah temukan secara fizikal, tindakan-tindakan yang beretika dan bertanggungjawab adalah satu panggilan bagi orang Kristian untuk merenungkan peribadi Tuhan dalam alam digital. Alkitab mengajarkan kita untuk bertindak dengan integriti, baik hati, dan kasih dalam semua yang kita lakukan. Ini termasuklah interaksi dalam talian kita demikian juga dengan pertemuan-pertemuan kita secara berhadapan.

Berikut adalah beberapa aspek penting tentang tindakan atas talian yang beretika dan bertanggungjawab bagi remaja untuk

mengemudi dunia digital dengan mengekalkan pandangan dunia berdasarkan Alkitab.

• Menjaga Kata-kata dan Tindakan-tindakan Kamu di Atas Talian

- o Alkitab menyeru kita untuk menggunakan kata-kata kita untuk membangunkan orang lain. *Efesus 4:29: "Janganlah biarkan kata-kata yang kesat keluar dari mulutmu, tetapi lafazkanlah teguran baik yang membina, mengikut keperluannya, supaya membawa berkat kepada yang mendengar."*
- o Aplikasi-aplikasi Praktikal sebelum memaparkan atau memberikan komen, tanyakan:
 - Adakah ini benar?
 - Adakah ini baik?
 - Adakah ini perlu?
 - Adakah kamu mengatakannya untuk memaklumkan, menggalakkan, dan adakah ia membantu?
 - Atau adakah kamu mengatakannya hanya untuk menunjukkan betapa cerdiknyanya kamu biarpun ia tidak baik atau tidak perlu?
- o Elakkan membuli secara maya, gosip, atau hal-hal yang negatif. Sebaliknya, usahakan untuk menjadi sumber galakan, membangunkan orang lain melalui kelakuan yang bertimbang rasa, baik, dan positif.

- **Lindungi Privasi Peribadi dan Orang Lain**

- o Menghormati orang lain adalah batu penjuru bagi kelakuan yang beretika. *Filipi 2:3-4: "Janganlah lakukan apa pun kerana kepentingan diri sendiri atau keangkuhan. Dalam kerendahan hati biarlah setiap orang menganggap yang lain lebih tinggi daripada dirinya. Tiap-tiap seorang daripada kamu janganlah menjaga kepentingan diri sahaja, jagalah juga kepentingan orang lain."*
- o Aplikasi Praktikal:
 - Berhati-hati tentang berkongsi butiran peribadi di atas talian, seperti lokasi, maklumat perhubungan, atau maklumat keluarga. Butiran peribadi ini mungkin hilang atau dijual kepada penyeleweng
 - Hormati privasi orang lain dengan meminta izin sebelum mengongsikan gambar, video, atau kisah
 - Ambil tahu tentang kesan jangka panjang daripada apa yang kamu kongsi. Kandungan digital boleh disimpan dan digunakan kemudian, bahkan beberapa tahun selepas itu.

- **Elakkan Kandungan yang Berbahaya atau Godaan**

- o Berikut adalah prinsip berdasarkan Alkitab yang boleh menjadi batu asas bagi tindakan kita. *Filipi 4:8: "Akhir sekali, saudara-saudaraku, apa sahaja yang benar, apa sahaja yang mulia, apa sahaja yang adil, apa sahaja yang suci, apa sahaja yang indah, apa sahaja yang dipandang tinggi — jika ada sesuatu yang baik dan jika ada sesuatu yang terpuji — tumpukan fikiran kepadanya."*
- o Aplikasi Praktikal
 - Elakkan berkongsi kandungan yang tidak sesuai, ganas, penuh kebencian, atau menyakiti hati. Elakkan memajukan kandungan-kandungan seperti itu.
 - Gunakan penapis atau perisian yang boleh dipercayai untuk mengelakkan isi-isi yang membahayakan
 - Jauhkan diri daripada perlakuan-perlakuan yang menyebabkan ketagih, seperti menatal tanpa henti, bermain permainan video, atau penggunaan media sosial yang berlebihan, yang boleh melemahkan kamu dari segi kesejahteraan rohani, emosi, dan mental.

- **Kearifan dalam Mengongsikan dan Menggunakan Kandungan**

- o Dalam gereja awal, ramai orang mengakui mempunyai nubuatan. Rasul Paulus menggesa gereja untuk menguji segalanya dan berpegang pada apa yang baik, tetapi menolak semua jenis kejahatan (1 Tesalonika 5:21-22).
- o Aplikasi Praktikal



- Semak fakta sebelum mengongsikan berita, memes, atau cerita-cerita untuk mengelakkan daripada menyebarkan berita palsu
 - Fikirkan secara kritikal nilai-nilai, pandangan dunia, dan niat-niat di sebalik kandungan atas talian. Adakah ianya selari dengan Firman Tuhan? Apakah mesej yang disampaikan?
 - Belajar untuk mengenalpasti taktik manipulasi dalam mengiklankan, umpan untuk mengklik sesuatu, atau fahaman-fahaman yang berbahaya yang termasuk dalam tren media
- **Menunjukkan Kebertanggungjawaban dan Ketelusan**
 - o *Amsal 27:27 "Hendaklah engkau bijaksana, hai anakku, dan sukakanlah hatiku supaya aku dapat menjawab kalangan yang mencelaku."* Ini berbicara tentang kepentingan saling bertanggungjawab dalam menajamkan antara satu sama lain. Ini sangat berguna dalam pertumbuhan Kristian.
 - o Aplikasi Praktikal:
 - Kongsikan aktiviti-aktiviti atas talian kamu dengan seorang mentor yang boleh dipercayai, ibu bapa, atau pasangan yang boleh bertanggungjawab
 - Bersikap terbuka kepada teguran jika seseorang memberitahu perbuatan-perbuatan atas talian yang tidak baik atau tidak sesuai
 - Nilai secara tetap aktiviti-aktiviti atas talian kamu dan tanyakan kepada diri kamu, dan dalam doa, sama ada ia menunjukkan apa yang Alkitab ajarkan tentang perbuatan yang baik
 - **Menggunakan Media Sosial untuk Menunjukkan Kasih Tuhan**
 - o *Matius 5:16 "Biarlah cahayamu juga bersinar di hadapan orang ramai, supaya mereka melihat perbuatanmu yang baik lalu memuji Bapamu yang di syurga."* Alkitab menggalakkan orang-orang yang percaya untuk bercahaya di hadapan orang lain, supaya kemuliaan diberikan kepada Tuhan.
 - o Aplikasi Praktikal:
 - Kongsikan ayat Alkitab, kesaksian atau kandungan yang membawa kemuliaan kepada Tuhan
 - Ambil bahagian dalam perbualan dengan lemah-lembut, biarpun ketika berbincang tentang topik yang berkontroversi
 - Jadilah seorang yang memperjuangkan keadilan dan kebaikan, menggunakan apa sahaja yang kamu miliki untuk menggalakkan kebaikan yang sejajar dengan nilai-nilai Alkitab.

11.4 Beberapa Laman Sesawang yang Baik untuk Orang Kristian Lawat dan Mengambil Bahagian

- Internet menawarkan pelbagai sumber bagi orang Kristian untuk gunakan dan bertumbuh

dalam iman mereka. Namun, dengan terlalu banyak laman sesawang dan platform yang tersedia, penting untuk mengenal pasti laman yang boleh dipercayai dan dapat meneguhkan iman percaya yang selari dengan pandangan dunia berdasarkan Alkitab. Berikut adalah senarai beberapa laman sesawang terpilih dan contoh-contoh spesifik yang boleh bertindak sebagai alat yang bernilai bagi remaja Kristian.

- **Laman Sesawang Pelajaran Alkitab dan Renungan.**

Laman-laman sesawang ini menyediakan akses yang mudah kepada Alkitab, alatan belajar, dan renungan yang disesuaikan dengan pelbagai keperluan dan kumpulan umur. Contoh-contohnya adalah:

- o Bible Gateway: menawarkan akses kepada pelbagai terjemahan, ulasan, dan pelan pembacaan. Pergi ke www.biblegateway.com
- o YouVersion: Dikenali untuk Aplikasi Alkitabnya, laman sesawang ini menyediakan renungan, pelan pembacaan Alkitab, dan alat untuk membantu kamu mempelajari Ayat Alkitab setiap hari. Pergi ke www.youversion.com
- o Pergi ke www.alkitabversiborneo untuk akses kepada sebuah versi Alkitab yang diterjemahkan kepada Bahasa Malaysia

- **Podcast dan Platform Media Kristian**

Platform-platform ini memberikan pemahaman terhadap iman, budaya, dan pertumbuhan peribadi. Contoh-contoh termasuklah:

- o The Bible Project – Menawarkan video-video dan podcast-podcast secara visual yang menarik, menjelaskan tema dan kisah berdasarkan Alkitab. Pergi ke www.bibleproject.com dan pergi ke YouTube dan cari pelajaran Bible Project. Terdapat banyak pelajaran Alkitab dalam video-video tersebut.
- o Scripture Union – menyediakan renungan dan bahan pelajaran Alkitab untuk remaja dan dewasa muda. Pergi ke www.su.org.com
- o Wawasan Penabur – menyediakan Sumber Kristian untuk bertumbuhan iman dalam Bahasa Malaysia. Pergi ke www.wawasanpenabur.org
- o Komuniti Digital atau KD adalah sebuah portal kepada pelbagai jenis sumber Kristian dalam Bahasa Malaysia. Pergi ke www.komuniti-digital.com
- o Pristine World – menyediakan sumber pendidikan Kristian bagi kanak-kanak dan remaja dari umur 5 sehingga 17 tahun. Pergi ke www.pristine-world.com

- **Laman Sesawang Apologetik dan Pertahanan Iman**

Berikut adalah beberapa laman sesawang untuk membantu kamu memahami iman kamu dengan lebih baik dan bersedia dengan lebih baik untuk menjawab soalan-soalan yang sukar:

- o www.gotquestions.org – menjawab soalan-soalan biasa tentang Kristianiti dan teologi
- o Pelayanan Apologetik dan Penyelidik Kristian (CARM) ditubuhkan pada 1995 untuk menyediakan banyak artikel, podcast, dan sumber yang menyentuh pelbagai topik

teologikal, ajaran sesat, dan agama-agama dunia. Misinya adalah untuk mempersiapkan orang Kristian dengan maklumat yang cukup untuk mempertahankan iman mereka dengan berkesan. Pergi ke www.carm.org

• **Komuniti Kristian Atas Talian**

- o Laman-laman sesawang ini menggalakkan persekutuan dan galakan kepada orang-orang percaya yang lain dalam ruang atas talian yang selamat
 - Komuniti Digital
 - Mulakan kumpulan sembang dengan rakan-rakan gereja kamu atau kumpulan persekutuan tempat asal kamu

Melayari laman sesawang yang baik membantu remaja untuk bertumbuh secara rohani, sentiasa mengetahui maklumat, dan berhubung dengan komuniti Kristian global. Dengan memilih platform-platform yang berdasarkan Alkitab, para remaja boleh menguatkan iman mereka, memperdalam pemahaman mereka tentang Firman Tuhan, dan memilih ruang digital untuk membawa kesan positif untuk Kristus.

Laman-laman Sesawang untuk Rujukan

a) Pelayanan Apologetik dan Penyelidik Kristian (CARM)

- **Laman Sesawang:** carm.org
- **Gambaran Keseluruhan:** Ditubuhkan pada 1995, CARM ditubuhkan untuk menyediakan banyak artikel, podcast, dan sumber yang menyentuh pelbagai topik teologikal, ajaran sesat dan agama-agama dunia. Misinya adalah untuk mempersiapkan orang Kristian dengan maklumat yang cukup untuk mempertahankan iman mereka dengan berkesan.

b) CrossExamined.org

- **Laman Sesawang:** crossexamined.org
- **Gambaran Keseluruhan:** Diketuai oleh Dr. Frank Turek, CrossExamined.org menumpukan pada apologetik orang Kristian, memberikan bukti yang menyokong kebenaran Alkitab. Organisasi ini menawarkan artikel-artikel, podcast-podcast, dan acara-acara yang bertujuan untuk mempersiapkan orang-orang yang percaya dalam mempertahankan iman mereka.

c) Stand to Reason

- **Laman Sesawang:** str.org
- **Gambaran Keseluruhan:** *Stand to Reason* melatih orang Kristian untuk berfikir dengan jelas tentang iman mereka dan membuat pertahanan yang lemah lembut bagi Kristianiti yang klasikal dan nilai-nilai kepada umum. Laman sesawang ini menawarkan artikel-artikel, podcast-podcast dan video-video tentang pelbagai topik apologetik.

d) Reasonable Faith

- **Laman Sesawang:** reasonablefaith.org
- **Gambaran Keseluruhan:** Ditubuhkan oleh ahli falsafah dan ahli teologi Dr. William Lane Craig, *Reasonable Faith* memberikan artikel-artikel, debat-debat, podcast-podcast, dan sumber-sumber secara sekular bertujuan untuk mempertahankan iman Kristian secara intelektual.

11.5 Tanda-tanda Amaran dalam Alam Atas Talian

Dunia atas talian memberikan banyak peluang untuk belajar, berhubung dengan sahabat lama, membuat rakan baru dan pelayanan. Tetapi ia juga boleh datang dengan risiko. Sebagai orang Kristian dalam meneroka ruangan digital, kita perlu berhati-hati dan berwaspada, peka kepada tanda-tanda amaran tentang perbuatan yang tidak sihat dan bahaya yang ada kepada kesejahteraan kita. Di bawah, kita meneroka beberapa perkara penting yang perlu diambil berat dan langkah-langkah praktikal yang boleh kita ambil.



Tanda-tanda amaran di alam atas talian

a) Membazir Masa dan Masa Menghadap Skrin yang Berlebihan

- o Bahayanya: Masa menghadap skrin di luar pekerjaan sekolah membawa kepada bertanggung-tanggung, pengabaian pelajaran dan hubungan yang terganggu. Tanyakan diri 'kamu, berapa banyak masakah yang kamu habiskan dengan menghadap skrin tanpa keperluan. Sedikit masa untuk berehat tidak mengapa, tetapi seberapa banyak masakah yang sebenarnya diperlukan untuk bahagian-bahagian keutamaan kamu seperti belajar, senaman fizikal, dan hubungan.
- o Pandangan Alkitab: *Efesus 5:15-16 mengingatkan kita untuk menggunakan masa kita dengan baik, "kerana ini zaman durjana."*
- o Tanda Amaran: Mengabaikan kerja sekolah, senaman fizikal dan bersosial, pembacaan Alkitab atau masa bersama keluarga disebabkan oleh masa menghadap skrin. Berasa bersalah atau bimbang tentang masa yang dihabiskan di atas talian
- o Tetapkan had untuk aplikasi dan masa menghadap skrin. Tetapkan masa yang tetap untuk teknologi. Tanyakan kepada diri kamu, "adakah kamu mendapat apa-apa daripada menghadap skrin? Atau, adakah ia membantu kamu mempelajari sesuatu yang akan berguna pada masa hadapan, untuk pelayanan atau perkembangan diri?" Jika tidak, maka mengapa tidak kamu kurangkannya.

b) Melibatkan Diri dengan Kandungan yang Berbahaya

- o Bahayanya: Pendedahan kepada kandungan yang tidak sesuai, ganas, atau tidak bermoral boleh merosakkan nilai, melemahkan iman, dan membawa kepada kelakuan yang tidak sihat.
- o Pandangan Alkitab: Filipi 4:8 menggesa kita untuk tinggal dalam hal-hal yang suci, kudus, dan dipuji.
- o Tanda Amaran: Menonton atau berkongsi kandungan yang menggalakkan masalah moral, kebencian, atau keganasan, dan berasa perlu untuk menyembunyikan aktiviti atas talian kamu daripada orang lain kerana rasa bersalah.
- o Langkah tindakan: Komited untuk hidup saling bertanggungjawab bersama rakan yang dipercayai atau kumpulan persekutuan di gereja kamu.

c) Menyebarkan Maklumat yang Salah atau Berita Palsu

- o Bahaya: Biar pun kita mungkin memang berniat untuk melakukannya, namun menerima dan berkongsi maklumat yang tidak sah sering kali membawa kepada ketakutan, menghasut kebencian, dan kehilangan kebolehpercayaan sebagai orang Kristian yang diseru untuk mempertahankan kebenaran.
- o Pandangan Alkitab: *Amsal 12:22 mengingatkan kita “Bibir dusta adalah kekejian bagi TUHAN, tetapi orang yang melakukan apa yang benar adalah kesukaan-Nya.”*
- o Tanda Amaran: Seronok berkongsi tajuk-tajuk yang sensasi dan berkontroversi tanpa memastikan sumbernya. Seronok dengan perhatian yang dimilikinya bukan hanya terhadap berita itu, tetapi terhadap diri kita sendiri.
- o Langkah Tindakan: Semak fakta menggunakan sumber-sumber yang boleh dipercayai sebelum berkongsi. Kita akan berbicara lebih lagi tentang laman web-laman web untuk menyemak fakta ini dalam bab yang kemudian. Semak semua maklumat daripada Firman Tuhan.

d) Buli Siber dan Konflik Atas Talian

- o Bahaya: Buli siber boleh bersifat kejam dan berbahaya. Banyak kes bunuh diri yang boleh dikaitkan dengan siber buli. Terlibat dalam perdebatan atas talian yang hangat merosakkan hubungan dan mencemarkan kesaksian kamu sebagai seorang pengikut Kristus.
- o Pandangan Alkitab: *Amsal 15:1 berkata, “Jawapan yang lemah lembut meredakan murka, tetapi perkataan yang tajam membangkitkan amarah.”*
- o Tanda Amaran: Menerima atau menghantar mesej yang tidak baik, mengejek, dan bersifat bermusuhan. Tertarik kepada pergaduhan atas talian yang semakin memuncak.
- o Langkah Tindakan: Elakkan bertindak kepada hal-hal negatif, atau mesej yang berbaur permusuhan. Sekat atau laporkan pengguna yang menyalahgunakan dan cari sokongan jika diperlukan.

e) Pemangsa Atas Talian, Manipulasi Emosi, dan Pemujukan Secara Halus

- o Bahaya: Pemangsa boleh menggunakan manipulasi, penipuan, atau hubungan yang palsu untuk memanfaatkan pengguna yang mudah menjadi mangsa. Ini boleh membawa kepada jenayah yang serius dan serangan ke atas kesejahteraan mental.
- o Pandangan Alkitab: *Amsal 22:3 memberi amaran, "Orang yang bijaksana melihat bahaya lalu bersembunyi, tetapi orang betul bendul berjalan terus lalu menderita akibatnya."*
- o Tanda Amaran: Berhati-hati dengan mesej yang mencurigakan terutamanya dalam kumpulan-kumpulan perbualan yang besar, kumpulan perbualan permainan atas talian dan kumpulan-kumpulan terbuka yang lain di mana kamu tidak mengenali orang lain secara peribadi. Menerima mesej peribadi yang mencurigakan daripada orang yang tidak dikenali yang meminta butiran peribadi. Orang-orang yang tidak dikenali berpura-pura menjadi orang lain dan mencuba untuk membina hubungan dengan kamu dengan cara yang mencurigakan. Ditekan kepada tindakan yang penuh kerahsiaan dan di luar kebiasaan.
- o Langkah Tindakan: Jangan kongsi maklumat peribadi atau berjumpa dengan kenalan atas talian tanpa pengetahuan penjaga. Wajah yang cantik atau kacak di internet, mungkin adalah penjenayah yang kejam. Sekat kenalan dan laporkan apa-apa tindakan yang mencurigakan kepada ibu bapa, rakan yang boleh dipercayai, atau kepada pihak berkuasa.

f) Penipuan Dalam Talian, Pancingan Data, dan Kebimbangan Privasi

- o Bahaya: Penipu boleh memerangkap pengguna untuk mengongsikan maklumat peribadi, membawa kepada kecurian identiti dan kerugian kewangan yang serius
- o Pandangan Alkitab: *Amsal 13:11 memberi amaran, "Harta hasil penipuan akan susut dengan cepat, tetapi orang yang mengumpulkan sedikit demi sedikit akan melipatgandakannya."*
- o Tanda Amaran: Emel atau mesej yang menjanjikan ganjaran yang besar dan tidak realistik. Mesej ini sering kali meminta tindakan yang segera. Adakalanya penipu itu licik dan sanggup membina hubungan dengan mangsa, melalaikan mangsa dan mewujudkan keyakinan yang palsu sehingga mereka bersedia untuk menyerang. Pautan-pautan daripada penghantar yang tidak diketahui atau laman sesawang-laman sesawang yang meminta kamu untuk memberikan maklumat peribadi. Adakalanya hanya sebuah mesej daripada penghantar atau laman sesawang yang meminta kamu menekan satu butang, yang kamu tidak kenali, yang memberikan akses kepada butiran peribadi kamu.
- o Langkah Tindakan: Sahkan sumber sebelum menekan pautan-pautan atau mengongsikan maklumat. Gunakan kata laluan yang kuat. Pastikan kamu mempunyai pengesahan dua langkah dengan bank atau institusi kewangan kamu. Kongsi hanya maklumat yang perlu dan sesuai dengan laman sesawang yang kamu kenali. Biarpun ketika menggunakan laman sesawang perbankan – simpan pautan itu sebagai kegemaran kamu dan gunakan pautan itu ketika kamu ingin mengakses bank tersebut. Elakkan pautan-pautan daripada emel-emel yang bertujuan untuk menghubungkan bank kamu dengan menekan pada pautan yang mereka sediakan.

g) Ketagihan kepada Pengiktirafan dan Penerimaan Sosial

- o Bahaya: Obses tentang menerima 'like' atau tanda suka, pengikut, atau komen-komen yang disukai di hantaran-hantaran kamu di media sosial. Ini boleh mewujudkan kegoyahan dan membawa kepada perbandingan yang tidak sihat.
- o Pendapat Alkitab: Galatia 1:10 mengingatkan kita untuk mencari penerimaan Tuhan, bukan manusia.
- o Tanda Amaran: Secara berterusan menyemak pemberitahuan atau pengiktirafan dan berasa bimbang atau sedih ketika hantaran-hantaran tidak menerima respon yang diharapkan.
- o Langkah Tindakan: Ambil rehat yang tetap daripada media sosial. Jika kamu membuat hantaran, atau menulis komen, lakukan hantaran yang positif dengan niat yang jelas bahawa kamu cuba untuk membantu. Jika komen atau hantaran tersebut tidak menerima balasan yang positif, itu adalah kerugian bagi mereka, dan bukan kamu dan kamu tidak perlu berasa sedih kerananya. Pandangan Alkitab adalah kita seharusnya membantu, tanpa mengharapkan pengiktirafan atau ganjaran. Tentang hal ini, Yesus berkata, *"Apabila kamu bersedekah kepada orang miskin, jangan sampai tangan kirimu tahu apa yang dilakukan oleh tangan kananmu. Jangan siapa pun mengetahuinya. Bapamu yang melihat amalmu yang tersembunyi itu akan memberikan ganjaran kepadamu."* (Matius 6:3-4 AVB)

h) Kesan Negatif kepada Kesihatan Mental

- o Bahaya: Pendedahan yang berpanjangan kepada media sosial dan kandungan atas talian yang tidak sihat boleh membawa kepada kebimbangan, kemurungan, dan rasa tidak berkecukupan.
- o Pandangan Alkitab: 2 Timotius berkata, *"Allah tidak memberi kita roh ketakutan, tetapi kuasa, kasih dan tatatertib."*
- o Tanda Amaran: Berasa bimbang, murung, atau terasing selepas berada di atas talian untuk satu masa yang panjang. Membandingkan hidup kamu dengan imej-imej yang sangat terpilih atau orang lain dan berasa bahawa kamu ialah seorang yang kalah, atau FOMO (Takut Ketinggalan).
- o Langkah Tindakan: Hadkan pendedahan kepada kandungan yang mengundang emosi yang negatif. Pupuk hidup yang benar, hubungan sosial yang bersemuka dan amalan-amalan yang menggalakkan kesejahteraan mental. Terlibat dengan sukan yang membawa hubungan sosial yang mesra.

Mengemudi dunia atas talian memerlukan kewaspadaan dan kearifan, terutamanya bagi orang Kristian yang berusaha untuk mengekalkan pandangan dunia berdasarkan Alkitab. Menyedari tanda-tanda amaran dalam dunia digital adalah sangat penting untuk menjaga iman, kesihatan mental dan keyakinan peribadi seseorang.

11.6 Beberapa cadangan untuk menilai kebenaran mesej yang dihantar di media sosial

- **Semak Sumbernya:** Cari sumber maklumat yang bereputasi dan boleh dipercayai. Pertimbangkan penulis atau organisasi di sebalik kandungan itu dan nilai kebolehpercayaan, kepakaran, dan rekod mereka. Elakkan bergantung sepenuhnya pada sumber yang tidak diketahui atau tidak disahkan. Jika mesej itu tentang amaran kesihatan; semak sumbernya untuk melihat jika ia adalah daripada laman sesawang perubatan yang boleh dipercayai. Agensi kesihatan kerajaan atau hospital yang bereputasi lebih dipercayai berbanding dengan seorang pempengaruh.
- **Semak Silang Maklumat:** Mesej yang tepat biasanya disokong dengan beberapa sumber yang boleh dipercayai. Gunakan laman sesawang untuk menyemak fakta untuk mengesahkan konsistensinya.
- **Analisis Bahasa dan Tonanya:** Mesej yang direka untuk memanipulasi sering kali menggunakan bahasa yang dipengaruhi dengan emosi untuk membangkitkan ketakutan, kemarahan, atau keterujaan. Elakkan berkongsi emosi yang ekstrim tanpa bukti atau konteks. Biarpun sekiranya mereka memberikan bukti, semak fakta bukti itu. Fikirkan kembali sama ada mesej itu membangun atau menimbulkan perpecahan dan kebencian. Elakkan mengongsikan hantaran-hantaran yang secara aktifnya meminta kamu untuk memajukannya.
- **Berhenti Sejenak Sebelum Berkongsi:** Kekalutan dalam mengongsikan maklumat yang tidak disahkan boleh membawa kepada penyebaran maklumat yang salah, menggalakkan perpecahan, kebencian, dan mengancam kelayakan kamu sebagai seorang saksi Kristian. Tanyakan diri kamu sendiri:
 - Adakah ini benar?
 - Adakah ini membantu? Adakah kita memerlukan hantaran ini?
 - Adakah ia memuliakan Tuhan?
 - Fikirkan kembali tentang kesan yang mungkin terjadi daripada tindakan kamu kepada orang lain
- **Gunakan beberapa laman sesawang untuk menyemak berita palsu seperti:**
 - Snopes adalah sebuah sumber yang berguna untuk menyemak fakta tentang legenda bandar, khabar angin, dan maklumat palsu. Layari www.snopes.com
 - FactCheck.org adalah baik untuk menyemak pernyataan politik, individu terkenal, dan kandungan yang tular. Layari www.factcheck.org
 - Google Fact Check Explorer adalah sebuah alat yang meringkaskan artikel-artikel semakan fakta daripada pelbagai sumber. Ia membolehkan kamu mencari dakwaan spesifik untuk melihat jika ia telah disemak faktanya terlebih dahulu. Layari Google dan cari Google Fact Check.

Beberapa Laman Sesawang untuk Menyemak Fakta

- Snopes – www.snopes.com
- Factcheck – www.factcheck.org
- Reuters – www.reuters.com/fact-check/
- PolitiFact – www.politifact.com
- AP Fact Check - <https://apnews.com/ap-fact-check>
- Media Bias/Fact Check - <https://mediabiasfactcheck.com/>
- Institut Poynter menawarkan latihan untuk mengesan maklumat palsu dan menilai kebolehpercayaan media. Layari <https://www.poynter.org/>
- Truth or Fiction – Menyemak fakta khabar angin internet, kandungan yang tular dan emel berantai. Layari <https://www.truthorfiction.com/>
- Check your facts ialah pakar dalam membongkar dakwaan palsu. Layari <https://checkyourfact.com/>
- Google Fact Check Explorer – Layari <https://toolbox.google.com/factcheck/explorer/search/list:recent;hl=en>

11.7 Kesan Kecerdasan Buatan (AI), Penggunaan yang Positif dan Perangkap Menggunakan AI

Kecerdasan Buatan (AI) telah menjadi satu langkah perubahan dalam evolusi teknologi, mempengaruhi cara kita belajar, bekerja, dan berkomunikasi. Bagi orang Kristian mengemudi kehidupan dengan sebuah pandangan dunia berdasarkan Alkitab, dengan kebijaksanaan dalam bagaimana menggunakan AI dengan bijaksana, kita boleh menggunakan manfaatnya dan mengelakkan potensi perangkapnya.



Kesan A. I.

- **Pertumbuhan AI**

AI telah bertapak dan berkembang menjadi lebih canggih. Ia kini dapat digunakan untuk melatih komputer bertindak kepada masalah yang semakin rumit. Kita tidak dapat menghentikan tren AI. Ia akan menggantikan pelbagai jenis pekerjaan, tetapi sama seperti pada masa lalu ketika komputer menggantikan beberapa jenis pekerjaan, kemahiran manusia berkembang untuk pekerjaan-pekerjaan lain yang menggunakan komputer. Persaingan dalam pasaran yang terbuka akan membawa kepada perkembangan kemahiran.

- **Potensi Manfaat AI**

Bantuan pendidikan – Aplikasi dan platform pendidikan berasaskan AI boleh menyediakan pengalaman pembelajaran yang diperibadikan, tunjuk ajar adaptif, dan alat pembelajaran interaktif untuk membantu pelajar meningkatkan prestasi akademik mereka serta pemahaman dalam subjek seperti matematik, sains, dan bahasa.

Terjemahan Segera – Aplikasi pada hari ini dapat memberikan terjemahan segera bagi kata kunci atau frasa, biarpun ianya masih belum cukup baik untuk memahami intonasi dan konteks, dan juga menterjemah ayat-ayat yang panjang ataupun perenggan.

Projek-projek kreatif – Para remaja boleh menggunakan alat AI untuk meneroka projek-projek yang kreatif seperti mereka kerja seni digital, mengubah muzik, atau membuat filem pendek. Algoritma AI boleh memberikan inspirasi, menghasilkan idea, dan menawarkan cadangan untuk memperbaiki kreativiti dan percubaan.

Perubahan dalam skop kerja – Pada masa yang lepas, kemajuan teknologi menggantikan pekerjaan-pekerjaan yang tertentu, tetapi mencipta pekerjaan yang baru. Komputer mengurangkan keperluan untuk kerja-kerja pejabat, tetapi mencipta pekerjaan-pekerjaan yang baru. Mesin Juruwang Automatik (ATM) mengurangkan keperluan juruwang untuk hanya mengeluarkan wang tunai, tetapi memperluaskan skop kerja juruwang untuk mengurus pelbagai keperluan pelanggan yang lebih luas.

Bincangkan: Pada pendapat kamu apakah yang akan berlaku kepada para penulis, penggubah lagu dan artis dan bagaimana pekerjaan mereka akan berkembang?

- **Perangkap Menggunakan AI**

Bergantung terlalu berlebihan kepada AI untuk kegunaan harian – seperti menulis surat, membaca Ayat Alkitab, dan merenungkan Firman Tuhan secara peribadi. Kita mungkin menjadi malas dan bergantung kepada AI untuk melakukan semua hal tentang berfikir dan membiarkan otak kita mengambil mudah. Kita seharusnya menyeimbangkan penggunaan cara belajar yang tradisional, contohnya dalam mempelajari Alkitab, untuk meluangkan masa merenungkan sebuah perenggan dan apakah maknanya bagi kita, berdoa dan meminta hikmat kebijaksanaan daripada Roh Kudus.

AI dalam pendidikan

Perkembangan AI membawa perubahan ketara dalam cara pembelajaran dan penyelidikan dijalankan di institusi akademik.

Para pelajar dengan mudah boleh menggunakan AI untuk menulis esei untuk mereka bagi hampir kesemua topik. Adakah sekolah dan institusi pengajian tinggi seharusnya melarang pelajar mereka menggunakan AI. Adakah harus untuk menguatkuasakan larangan sedemikian? Bincangkan bagaimana ahli akademik dapat terlibat dengan kedatangan AI? Bagaimana kita dapat mengambil manfaat daripada teknologi AI untuk melakukan kebaikan dan membawa perubahan yang positif?

AI menawarkan peluang-peluang yang mengujakan untuk pemuridan secara digital, memampukan orang Kristian untuk mengakses sumber-sumber, berkongsi Injil dan membina komuniti tidak seperti yang sebelum ini. Namun, perangkapnya adalah kemalasan rohani, kerisauan akan etika dan Kebergantungan yang berlebihan perlu diuruskan dengan hikmat dan ketelitian. Kolose 3: 17: “Segala yang kamu katakan dan lakukan haruslah dengan nama Tuhan Yesus sambil mengucap syukur kepada Bapa kita Allah melalui-Nya.”

11.8 Ringkasan Pelajaran

Kita telah mempelajari banyak aspek tentang bagaimana teknologi digital boleh memainkan peranan yang positif dalam pertumbuhan rohani kita. Tetapi kita juga harus berwaspada dan berhati-hati untuk mengelakkan perangkap yang wujud dalam dunia atas talian.

BAB 12

BEBERAPA PERKARA YANG PERLU DIPERHATIKAN DALAM KEHIDUPAN MANUSIA

Mazmur 25:16-17 – “Berpalinglah kepadaku, dan kasihanilah aku, kerana aku sepi dan sengsara. Kesusahan hatiku telah bertambah; bawalah aku keluar daripada segala derita ini.”



Perkara-perkara yang perlu diperhatikan dalam keadaan manusia

12.1 Menghadapi Kesunyian

Kesunyian adalah satu perasaan yang kita semua rasakan pada satu masa. Kita mungkin dikelilingi oleh orang-orang di tengah kota yang sibuk namun berasa tidak dilihat dan tidak terhubung. Dunia media sosial pada hari ini boleh membantu mengurangkan masalah itu atau

adakalanya ia menjadikannya lebih teruk. Pada masa lepas, rakan-rakan kita boleh mengadakan perkumpulan dan meninggalkan kita tanpa kita mengetahuinya langsung. Hari ini, dengan media sosial, peluangnya adalah kita mengetahuinya ketika kita tidak termasuk.

Alkitab mengakui kesakitan kesunyian dan menekankan pentingnya pergaulan dan komuniti. Tuhan sendiri hadir bersama kita sentiasa, menawarkan ketenangan dan kebersamaan, dan Dia menginginkan kita untuk saling menyokong dan menjaga antara satu sama lain.

Berikut adalah beberapa perkara yang boleh kita lakukan untuk menghadapi kesunyian, untuk diri kita sendiri dan orang lain.

- **Mengakui Kesunyian**

Adakalanya kita berfikir kesunyian hanyalah tentang kita duduk bersendirian dan tidak mempunyai rakan, tetapi ia boleh menjadi lebih dalam daripada itu. Ia boleh memberi kesan kepada sesiapa sahaja tanpa mengira luaran atau status sosial. Ia sering kali sebuah perasaan seperti tidak difahami atau terasing daripada masyarakat. Ia adalah sebuah perasaan seperti tiada seorang pun yang benar-benar “memahami kita” atau berasa dipinggirkan biarpun kita dikelilingi oleh orang lain. Memahami perkara ini akan membantu kita melihat ketika seseorang sedang bergelut atau ketika kita sendiri mungkin perlu mendapatkan pertolongan dari luar.

- **Cara-cara untuk menolong**

Hadir untuk orang lain. Kita semua tahu betapa membantunya itu ketika seseorang meluangkan masa untuk bersama-sama dengan kita. Kita boleh menjadi orang itu untuk orang lain. Meluangkan masa bersama seseorang yang kelihatan kesunyian – sama ada ia mempelawa mereka untuk bersama-sama dengan rakan kamu, duduk bersama mereka ketika makan tengahari, atau menghantar mesej ringkas untuk bertanya khabar – boleh membantu.

Tetapi peka dengan etika sosial untuk mengelakkan kesalahfahaman, contohnya, jika kamu seorang lelaki, jangan mencuba untuk mengambil kesempatan ke atas seorang perempuan yang kesunyian. Lelaki boleh membantu lelaki, atau kamu boleh mempelawa seseorang yang kesunyian untuk mengikuti kumpulan rakan yang kamu luangkan masa bersama, dan sebaliknya.

- **Pelawa Orang Lain untuk Menyertai Sebuah Komuniti**

Baik untuk mempelawa orang yang kesunyian untuk mengambil bahagian dalam aktiviti kumpulan, kelab, atau acara gereja di mana mereka boleh berhubung dengan orang lain dan mempunyai rasa diterima. Sama ada ia adalah kumpulan pemuda-pemudi atau hanya sekadar lepak santai, menjadi sebahagian daripada kumpulan yang lebih besar dapat membantu kita, dan orang lain, mencari rasa diterima dan membina persahabatan yang sejati.

- **Menawarkan Pertolongan yang Praktikal**

Kita seharusnya peka bahawa adakalanya kesunyian datang bersama pergumulan yang lain contohnya, berasa ditenggelami dengan kehidupan. Jika kita menyedari seseorang seperti itu maka cuba untuk fahami apa yang mereka sedang bergumul. Sensitif di mana mereka mungkin tidak mahu kongsi dengan kamu, jika mereka tidak cukup mengenali kamu. Kepercayaan harus didapatkan. Kita juga perlu menghormati hak mereka untuk privasi. Walau bagaimanapun, jika ia adalah sesuatu yang boleh kita bantu, contohnya, jika kita boleh membantu dengan pelajaran mereka, maka menawarkan untuk belajar bersama boleh menjadi sesuatu yang praktikal dan berguna, atau bantu mereka dengan sebuah projek, atau hanya berada di sana ketika mereka perlu kongsi masalah mereka.



Kesunyian

Watak dalam Alkitab yang Menghadapi Kesunyian

Ramai hero Alkitab yang mengalami kesunyian. Daud menulis mazmur yang menyatakan kesunyian. Mazmur 25:16-17: “Berpalinglah kepadaku, dan kasihanilah aku, kerana aku sepi dan sengsara. Kesusahan hatiku telah bertambah; bawalah aku keluar daripada segala derita ini.”

Elia mengalami kesunyian ketika dia diburu oleh Ratu Izebel. Yesus juga merasa kesunyian ketika Dia berada di atas kayu salib. Tuhan memahami kesunyian. Dalam Kejadian 2:18, Dia berkata, “Tidak baik manusia itu bersendirian,” mengingatkan kita betapa pentingnya hubungan itu. Rasul Paulus menulis dalam 2 Korintus 7:6, “Tetapi Allah, yang menghibur orang yang putus asa, menghibur kami dengan kedatangan Titus.” Matius 28:20 Yesus berkata, “Aku akan sentiasa bersamamu, hingga ke akhir zaman.”

- **Kita boleh berdoa untuk mereka.**

Jika mereka mahu, kita boleh mempelawa mereka untuk menyertai sebuah kumpulan gereja di mana kita berkongsi dan berdoa bersama-sama. Doa mengingatkan kita tentang kehadiran Tuhan dan perhatian-Nya bagi kita.

Kita tidak perlu menghadapi kesunyian dengan bersendirian – dan kita juga tidak perlu membiarkan orang lain menghadapinya bersendirian. Bersama-sama, dengan pertolongan Tuhan, kita boleh mewujudkan komuniti yang Dia inginkan untuk kita miliki: di mana tiada seorang pun berasa tidak dilihat atau dilupakan.

12.2 Buli

Membuli adalah sebuah realiti yang kejam bagi kebanyakan remaja, tetapi ia bukan hanya sebuah masalah moden; ia menunjukkan kerosakan keadaan manusia, seperti yang dijelaskan dalam Alkitab. Dosa memberi kesan kepada bagaimana manusia saling melayani antara satu sama lain, membawa kepada perlakuan seperti kekejaman, pemulauan, dan penganiayaan. Daripada pandangan berdasarkan Alkitab, membuli adalah berlawanan dengan ciptaan Tuhan tentang bagaimana kita seharusnya hidup dalam komuniti – dengan kasih, kebaikan, dan hormat bagi setiap orang yang diciptakan serupa gambar-Nya (Kejadian 1:27). Memahami buli dan bertindak ke atasnya berdasarkan cara yang memuliakan Tuhan adalah penting bagi kita sebagai orang yang percaya.



Buli ialah sebuah realiti yang kejam

- **Pandangan berdasarkan Alkitab:**

- o Alkitab mengajar kita untuk menghargai setiap manusia seperti yang dicipta dalam gambaran Tuhan. Kebenaran asas ini bermaksud bahawa tidak ada seorang pun yang selayaknya dilayan dengan cara yang salah, diperkecilkan, atau dipulaukan. Ketika kita melihat pada ajaran Yesus, Dia menyeru kita untuk mengasihi sesama kita seperti diri kita sendiri (Matius 22:39) dan bahkan mengasihi musuh kita (Matius 5:44). Buli, yang berpunca daripada kebencian, keangkuhan, dan ketakutan, berdiri berlawanan secara langsung dengan perintah-perintah ini.
- o Alkitab juga menyebutkan isu hati di sebalik buli. Amsal 6:16-19 menyenaraikan perlakuan-perlakuan yang Tuhan benci, termasuklah “hati yang merancang hal-hal durjana” dan “kaki yang cepat berlari menuju kejahatan.” Buli sering kali berpunca daripada keangkuhan, keraguan, atau keinginan untuk mengawal – semua adalah tanda untuk hati yang penuh dosa. Tetapi Tuhan menyeru kita untuk menjadi berbeza: untuk “haruslah bersifat belas kasih, baik budi, rendah hati, lemah lembut dan sabar” (Kolose 3:12).

- **Memahami Buli:**

- o Buli boleh berlaku dalam pelbagai bentuk dan boleh memberi kesan bukan hanya kepada mangsanya tetapi juga orang yang membuli dan komuniti di sekeliling mereka. Menyedari hal ini akan membantu kita bertindak dengan cara yang menunjukkan kasih Kristus.

- **Bentuk-bentuk Buli:**

- o Buli Fizikal: Memukul, menolak, atau mengejek orang lain secara fizikal.

- o Buli Lisan: Memanggil nama, mencaci, memutar-belitkan sesuatu, atau mengancam
- o Buli Sosial: Menyebarkan khabar angin, memulaukan seseorang daripada kumpulan, atau memanipulasikan persahabatan.
- o Buli Siber: Menggunakan media sosial, teks, atau platform digital yang lain untuk mengganggu, memalukan, atau mensasarkan seseorang
- **Kesan yang Membahayakan:**
 - o Buli sangat menyakitkan mereka yang disasarkan, sering kali meninggalkan parut emosi seperti kebimbangan, kesedihan, dan keyakinan diri yang rendah. Ia boleh membuatkan mangsa berasa terasing, tidak disayangi, dan tidak bernilai. Dalam kes-kes ekstrim ia membawa kepada bunuh diri.
 - o Tetapi ia juga memberi kesan kepada orang yang membuli, menggalakkan kelakuan-kelakuan yang membahayakan dan membawa mereka kepada tindakan yang mungkin mereka akan sangat sesali selama sepanjang hidup mereka
 - o Komuniti yang terkesan dengan buli juga akan menderita, kerana ketakutan, pecah-belah, dan negativiti menggantikan kepercayaan dan kebaikan
- **Cara untuk Membantu:**
 - o Sebagai pengikut Kristus, kita diseru untuk menjadi terang dalam kegelapan, membawa harapan dan kasih ke dalam situasi kesakitan dan kekecewaan. Kita juga harus mengakui bahawa dalam sesetengah situasi di mana kita mungkin perlu mendapatkan bantuan daripada orang lain. Berikut adalah cara-cara yang praktikal di mana kita boleh menangani buli:
 - o 1. Menjadi Seorang Sahabat
Jika kita menyedari seseorang sedang dibuli, salah satu daripada perkara yang sangat mudah tetapi sangat berkuasa yang boleh kita lakukan adalah untuk mendekati mereka. Menyertakan mereka dalam perbualan, mempelawa mereka untuk duduk bersama kita, atau sekadar menunjukkan kebaikan boleh membuat perubahan yang besar dalam kehidupan mereka. Roma 12:15 mengingatkan kita untuk “bergembiralah dengan orang yang bergembira, dan menangislah dengan orang yang menangis.” Menjadi seorang sahabat bermaksud berdiri bersama mereka dalam pergelutan mereka.
 - o 2. Mempertahankan Mangsa
Sering kali, buli berterusan kerana tidak ada yang mengambil langkah untuk menghentikannya. Jika ianya selamat untuk melakukannya, kita boleh mempertahankan seseorang yang dibuli dengan bercakap untuk mereka atau mendapatkan pertolongan daripada seorang dewasa yang boleh dipercayai. Galatia 6:2 memberitahu kita untuk “tanggung-menanggunglah beban satu sama lain,” dan mempertahankan yang dibuli adalah satu cara untuk menanggung beban seseorang yang disakiti. Namun, kita mesti mempraktikkan kebijaksanaan ketika mempertahankan mangsa itu. Panggil orang lain

untuk bantuan, termasuklah orang dewasa, ibu bapa, atau pihak berkuasa yang sesuai jika perlu.

o 3. Menawarkan Sokongan

Bagi mereka yang telah disakiti kerana buli, mendengar, dan menggalakkan mereka boleh membantu mereka untuk sembuh. Kita boleh mengingatkan mereka akan nilai mereka di mata Tuhan dan meyakinkan mereka bahawa mereka tidak bersendirian.

o 4. Menggalakkan Penyertaan

Kita boleh mengusahakan satu persekitaran di mana semua orang berasa diterima dan dihargai. Sama ada ianya di sekolah, gereja, atau di media sosial, menggalakkan penyertaan menunjukkan teladan Yesus dalam mendekati golongan yang terpinggir. Kisah Para Rasul 10:34 mengingatkan kita bahawa Tuhan tidak menunjukkan berat sebelah, dan kita seharusnya melakukan yang sama.

o 5. Berdoa untuk Perubahan

Doa ialah salah satu daripada cara yang paling berkuasa yang kita ada. Kita boleh berdoa untuk orang yang dibuli, meminta Tuhan untuk memberikan kesembuhan dan kekuatan. Kita juga boleh berdoa bagi orang yang membuli, supaya Tuhan akan mengubah hati mereka dan membawa mereka untuk bertaubat. Yakobus 5:16 berkata, “Doa orang yang benar mempunyai kuasa yang hebat,” dan kita boleh dipercayai Tuhan untuk bekerja melalui doa kita.

o 6. Menghidupi Kasih dan Kebajikan

Akhirnya, kita boleh berusaha untuk mewujudkan prinsip kasih, kebaikan, dan belas kasihan yang Yesus ajarkan. Efesus 4:32 memberitahu kita, “Dan berbelas kasihlah satu sama lain, bersikap baik, saling memaafkan, sebagaimana Allah telah mengampunimu dalam Kristus.” Apabila kita memilih kebaikan dalam tindakan dan perkataan kita, kita menciptakan kesan gelombang yang boleh membalas kesan negatif daripada buli.

Buli menunjukkan kerosakan dalam dunia kita, tetapi sebagai orang Kristian, kita boleh membalas dengan kebijaksanaan, kasih, dan kebenaran. Dengan memahami masalahnya, mengakui kesannya, dan mengambil langkah untuk mempertahankannya, kita boleh membawa cahaya ke dalam situasi yang gelap. Yesus memanggil kita untuk menjadi pendamai (Matius 5:9) dan untuk menunjukkan kasih-Nya dalam semua yang kita lakukan.

12.3 Membunuh Diri

Membunuh diri ialah isu yang sangat menyakitkan dan rumit, yang memberi kesan kepada individu, keluarga, dan masyarakat dalam cara yang sangat mendalam. Ia menunjukkan kerosakan dalam keadaan manusia – dunia yang dicemarkan dengan dosa, penderitaan,

dan keputus-asaan. Bagi remaja, cabaran membesar dalam dunia yang bergerak pantas dan sering kali terasing boleh membuatkan perasaan kesia-siaan menjadi lebih membuak-buak. Namun begitu, sebagai Kristian, kita dipanggil untuk menangani isu ini dengan belas kasihan, memahami, dan harapan yang datang daripada Firman Tuhan.

- **Pandangan Berdasarkan Alkitab:**

- o Alkitab mengesahkan kesucian hidup, mengajarkan bahawa setiap manusia diciptakan dalam gambaran Tuhan (Kejadian 1:27). Ini bermaksud hidup kita berharga, bukan kerana apa yang kita lakukan atau bagaimana perasaan kita, tetapi kerana siapa Tuhan itu dan bagaimana Dia menjadikan kita. Mazmur 139:13-14 dengan indah mengingatkan kita, “Kerana Engkau telah membentuk bahagian-bahagian dalamku; Engkau melindungiku di dalam rahim ibuku. Aku akan memuji-Mu, kerana aku dicipta dengan mengagumkan dan menakjubkan; sungguh menakjubkan ciptaan-Mu, dan ini amat diketahui oleh jiwaku.” Setiap kehidupan, termasuklah kehidupan kamu, mempunyai nilai yang sangat besar di mata Tuhan.
- o Alkitab juga mengiktiraf kesukaran dalam hidup dan kekecewaan mendalam yang dapat dirasakan oleh seseorang. Peribadi-peribadi seperti Elia (1 Raja-raja 19:4) dan Ayub (Ayub 3:11) mengalami saat-saat kesedihan yang mendalam sehingga mereka mempersoalkan nilai untuk meneruskan hidup. Namun pada saat-saat itu, Tuhan menemui mereka dengan belas kasihan, keyakinan, dan tujuan. Melalui contoh-contoh ini, kita melihat bahawa Tuhan tidak terlepas pandang atau mengabaikan kesakitan kita; sebaliknya, Dia menawarkan kehadiran-Nya dan harapan dalam masa kegelapan kita.
- o Sementara Alkitab tidak menyebutkan secara langsung tentang bunuh diri, ia dengan konsisten berbicara tentang nilai kehidupan dan keinginan Tuhan bagi kita untuk berpaling kepada-Nya dalam pergumulan kita. Yesus berkata, “Marilah ke sisi-Ku, wahai semua yang jerih lelah dan memikul beban berat; Aku akan memberimu kelegaan” (Matius 11:28). Pelawaan-Nya mengingatkan kita bahawa tidak kira seberat mana pun beban kita, selalu ada harapan di dalam-Nya.

- **Memahami dan Empati:**

- o Salah satu daripada perkara yang paling penting yang boleh kita lakukan untuk seseorang yang bergumul dengan pemikiran tentang bunuh diri adalah untuk mendengar dengan empati dan tanpa menghakimi. Orang-orang yang mengalami perasaan ini sering kali berasa terasing, disalah fahami, atau tiada harapan. Menerima perasaan mereka tidak bermaksud bersetuju dengan idea tentang



bunuh diri, tetapi sebaliknya menunjukkan mereka bahawa kesakitan mereka itu benar dan bahawa mereka tidak bersendirian.

- o Pemikiran tentang bunuh diri boleh berpunca daripada pelbagai faktor:
 - Cabaran kesihatan mental: Keadaan seperti kemurungan atau kebimbangan yang menambahkan perasaan keputusasaan.
 - Trauma: Pengalaman seperti penderaan, pengabaian, atau keganasan boleh meninggalkan parut emosi yang mendalam.
 - Kesedihan atau kehilangan: Kekurangan tujuan atau stres yang berlebihan boleh menjadikan hidup terasa seperti tidak dapat dipikul. Apabila seseorang terbuka tentang perasaan-perasaan ini, penting untuk menganggapnya serius. Mendengar dengan kesabaran dan belas kasihan boleh menjadi tindakan yang mengubah kehidupan – dan bahkan menyelamatkan nyawa.

- **Cara untuk Menolong:**

- Menangani pemikiran tentang bunuh diri memerlukan keberanian, kasih, dan tindakan yang mempunyai niat. Berikut adalah cara-cara kita boleh menyokong seseorang yang sedang bergumul:
- Menyokong
Biarkan mereka tahu kamu ada bersama mereka. Adakalanya, hanya berkata, “Saya ada di sini bersama kamu, dan saya kisah akan kamu,” boleh memberikan ketenangan. Menawarkan ruangan yang selamat bagi mereka untuk mengongsikan fikiran dan perasaan mereka tanpa takut dihakimi.
- Menggalakkan Komunikasi
Bantu mereka terbuka kepada orang dewasa yang boleh dipercayai, seperti ibu bapa, guru, atau kaunselor. Penting bagi mereka untuk tidak membawa beban ini berseorangan. Menggalakkan mereka untuk mencari bantuan boleh membantu membuat perbezaan yang ketara.
- Dapatkan Bantuan Profesional
Jika seseorang yang kamu kenali sedang bergumul, kenalkan mereka dengan seorang yang profesional dengan kesihatan mental atau kaunselor. Orang-orang yang profesional dilatih untuk memberikan sokongan dan alat yang diperlukan untuk mengemudi perasaan-perasaan ini.
- Peka dengan Tanda Amaran
Tumpukan perhatian kepada perubahan perilaku, seperti mengasingkan diri daripada rakan-rakan, bercakap tentang keputusasaan, memberikan hak milik mereka, atau membuat pernyataan seperti, “Semua orang lebih baik jika tanpa saya.” Ini mungkin adalah seruan untuk pertolongan yang memerlukan perhatian yang segera.

- Berdoa untuk Kesembuhan
Berdoa ialah cara yang berkuasa untuk menyokong seseorang yang sedang sakit. Berdoa bagi kesembuhan mereka, bagi ketenangan daripada Tuhan, dan bagi hikmah dalam membantu mereka. Yakobus 5:16 mengingatkan kita bahawa “doa orang yang benar mempunyai kuasa yang hebat.”
- Mewujudkan Kasih dan Kebaikan
Yesus mengajar kita untuk saling mengasihi seperti Dia mengasihi kita (Yohanes 13:34). Tindakan yang kecil dengan kebaikan, galakan, dan penyertaan boleh mengingatkan seseorang tentang nilai mereka dan menunjukkan mereka kasih Tuhan dalam tindakan.
- Sebuah Peringatan yang Serius
 - o Bunuh diri ialah sebuah isu yang serius, dan ia bukanlah sesuatu yang sesiapa sahaja seharusnya cuba untuk menganganinya berseorangan. Jika kamu bergumul dengan pemikiran tentang bunuh diri, tolong berbicara dengan seorang dewasa yang kamu percaya – ibu bapa, guru, pemimpin muda-mudi, atau kaunselor. Bersikap terbuka mungkin sukar, tetapi ia adalah langkah pertama ke arah penyembuhan.
 - o Jika kamu mengenali seseorang yang sedang berfikir tentang bunuh diri, galakkan mereka untuk mencari bantuan dengan segera. Pujuk mereka untuk berbicara dengan seorang dewasa yang boleh dipercayai atau kaunselor yang profesional. Walaupun ianya penting untuk menyokong mereka, kamu tidak seharusnya mencuba untuk menyelesaikan masalah itu sendiri. Ini adalah sebuah situasi yang memerlukan bantuan daripada profesional yang berpengalaman dan sebuah komuniti yang pengasih.

Bunuh diri ialah sebuah isu yang sangat serius. Jika kamu mempunyai pemikiran tentang bunuh diri, beritahu tentangnya kepada seorang dewasa yang lebih tua; atau jika kamu mengetahui seseorang yang kamu kenali yang berbicara tentang membunuh diri, kamu perlu memujuk mereka untuk berbicara kepada seorang kaunselor. **Jangan cuba untuk menyelesaikannya sendiri.**

12.4 Bunuh Diri Secara Berbantu

- **Pandangan Berdasarkan Alkitab:**
 - o Pada masa penderitaan, ianya sesuatu yang biasa untuk mempersoalkan tujuan hidup dan mencari kebebasan daripada kesakitan. Alkitab tidak mengabaikan realiti penderitaan; peribadi seperti Ayub dan Daud berseru kepada Tuhan dalam kesengsaraan mereka. Namun, Ayat Alkitab secara konsisten menunjukkan kepada kita harapan dalam kehadiran Tuhan, walaupun ketika saat-saat kegelapan. Roma 8:28 mengingatkan kita bahawa “dalam semua hal Allah bekerja untuk kebaikan orang yang mengasihi-Nya,” meyakinkan kita bahawa kesakitan kita bukanlah tidak bermakna.

- **Memahami Bunuh Diri Secara Berbantu dan Eutanasia:**

- o Definisi dan Pertimbangan Beretika

Bunuh Diri Secara Berbantu termasuklah memberikan bantuan atau cara bagi seseorang untuk mengakhiri nyawa mereka.

Eutanasia melibatkan tindakan yang dengan sengaja mengakhiri hidup seseorang dengan anggapan untuk menghilangkan penderitaan, biasanya dengan bantuan daripada pakar perubatan.

Sementara kebiasaan ini mungkin dilihat sebagai satu cara untuk meringankan kesakitan dan penderitaan, ia menimbulkan kebimbangan etika dan moral kerana ia terlibat dengan mengakhiri hidup secara sengaja, yang bertentangan dengan prinsip kekudusan hidup yang ditegakkan dalam Alkitab.

- **Penjagaan yang Berbelas Kasihan:**

- o Pendekatan berdasarkan Alkitab menekankan tentang memberikan belas kasihan dan sokongan kepada mereka yang menderita, dan bukannya beralih kepada bunuh diri secara berbantu atau eutanasia.
- o Penjagaan paliatif – menumpukan pada memberi kelegaan daripada kesakitan fizikal dan memperbaiki kualiti kehidupan bagi mereka yang mempunyai penyakit kronik tahap akhir.
- o Pengurusan Kesakitan – merangkumi rawatan perubatan untuk mengurangkan kesakitan dan ketidakselesaan untuk membenarkan seseorang untuk hidup dengan cara yang terbaik, biarpun dalam keadaan yang sukar.
- o Sokongan emosi dan rohani – termasuklah meluangkan masa bersama mereka yang menderita, mendengar ketakutan dan kekecewaan mereka, dan menunjukkan kepada mereka harapan yang ditemukan dalam kasih dan janji Tuhan.

- **Cara untuk Membantu**

- o **Mencadangkan untuk akses kepada penjagaan paliatif** dan sokongan emosi bagi mereka yang menghadapi kesedihan terutamanya yang disebabkan oleh kesakitan tahap akhir, atau biarpun hanya kemurungan yang teruk. Ketahui jika pesakit yang sakit pada tahap akhir menerima semua penjagaan paliatif yang diperlukan, yang merangkumi pengurusan kesakitan jika perlu.
- o **Menyokong** – Orang-orang yang menghadapi kesakitan tahap akhir memerlukan kefahaman dan penjagaan. Kita boleh menunjukkan sokongan dengan hadir, mendengar tanpa menghakimi, dan menawarkan pertolongan yang praktikal. Adakalanya, sekadar duduk bersama seseorang dan membiarkan mereka mengongsikan pemikiran mereka boleh menyembuhkan dengan luar biasa.

- o **Menggalakkan Komunikasi** – Menggalakkan mereka yang sedang bergumul untuk berbicara tentang perasaan mereka dengan ahli keluarga yang boleh dipercayai, sahabat, atau kaunselor. Perbualan boleh membantu mereka berasa kurang tersisih dan mengingatkan mereka tentang nilai mereka dan bahawa mereka masih dikasihi.
- o **Doa** ialah cara yang berkuasa untuk membawa kehadiran Tuhan dalam situasi yang terdesak atau menyakitkan. Berdoa bagi kesembuhan fizikal, kedamaian emosi, dan pembaharuan rohani. Berdoa supaya Tuhan memberikan ketenteraman dan hikmah kepada mereka yang bergumul dan bagi mereka yang menjaganya.

Bunuh diri secara berbantu dan eutanasia mencabar kita untuk berfikir dengan mendalam tentang nilai kehidupan dan bagaimana kita meresponi kepada penderitaan. Alkitab menyerus kita untuk memuliakan kedaulatan Tuhan, mempercayai tujuan-Nya, dan saling menjaga antara satu sama lain dengan belas kasihan dan kasih. Usahakan rawatan perubatan yang terbaik tetapi jangan lupakan aspek emosi dan rohani bagi mereka yang sedang menderita.

PANDANGAN ALKITAB TENTANG SEKSUALITI

Kejadian 2:24 – “Itulah maka seorang lelaki meninggalkan ibu bapanya dan bersatu dengan isterinya, lalu mereka berdua menjadi satu.”

13.1 Pandangan Berdasarkan Alkitab tentang Seksualiti dalam Rencana Tuhan



Seksualiti dalam Rencana Tuhan

Tuhan menciptakan seks untuk menjadi sesuatu yang indah dan berkuasa, diciptakan untuk perkahwinan di antara seorang lelaki dan seorang perempuan. Dalam perkahwinan, ia membantu seorang suami dan isteri semakin rapat, membina kepercayaan, dan juga membawa hidup yang baru ke dunia melalui anak-anak.

Tetapi di luar perkahwinan, seks boleh menyebabkan banyak masalah dan kesakitan. Kerana itulah Alkitab mengajar kita untuk menunggu sehingga kita telah berkahwin. Menunggu bukan sekadar tentang mengikuti sebuah peraturan – ia adalah tentang melindungi diri kamu dan rencana yang luar biasa yang Tuhan miliki untuk kamu. Apabila seks disimpan untuk perkahwinan, ia menjadi satu cara untuk menunjukkan cinta, komitmen, dan hormat kepada

bakal pasangan kamu. Ciptaan ini disebutkan dalam Kejadian 2:24, di mana ia berkata, *“Itulah maka seorang lelaki meninggalkan ibu bapanya dan bersatu dengan isterinya, lalu mereka berdua menjadi satu.”* Tujuan Tuhan untuk seksualiti adalah untuk memperdalam ikatan dalam perkahwinan, menciptakan hidup yang baru, dan menunjukkan kasih perjanjian-Nya.

- **Memahami Sempadan:**

Sempadan adalah perlu untuk melindungi diri kita dan memuliakan rencana Tuhan untuk seksualiti. Ia bertindak sebagai penjaga, membantu kita mengelakkan situasi yang berbahaya dan kekal selari dengan ciptaan Tuhan. Dalam 1 Tesalonika 4:3-4, Paulus menggalakkan orang-orang yang percaya untuk “menjauhkan diri daripada perbuatan cabul” dan untuk mengawal tubuh mereka dalam kekudusan dan kemuliaan. Menetapkan sempadan, seperti mengawal pemikiran kamu dan mengelakkan situasi-situasi yang berbahaya, adalah sebuah cara untuk menunjukkan hormat kepada diri kamu sendiri, orang lain, dan rencana Tuhan yang sempurna. Tanpa sempadan, akan ada kesan yang negatif:

- o Kehamilan yang tidak diingini – Mempunyai seorang bayi sebelum kamu bersedia boleh mengubah hidup kamu menjadi tidak teratur
- o Penyakit jangkitan seksual (STD) – Ini boleh membahayakan tubuh dan masa depan kamu
- o Kesakitan emosi – Aktiviti sosial di luar rencana Tuhan boleh membawa kepada penyesalan, rasa bersalah, dan hubungan yang rosak.

Sempadan wujud bukan untuk merosakkan keseronokan kamu; ia wujud untuk membantu kamu mengalami yang terbaik yang Tuhan telah rancangkan untuk kamu.



Memahami sempadan

- **Menghormati Rekaan Tuhan untuk Tubuh Kamu**

Tubuh kamu istimewa kerana Tuhan yang menciptakannya. Dia menyebutkan tubuh kamu bait bagi Roh-Nya (1 Korintus 6:19-20), yang bermaksud ia kudus dan layak dilindungi. Menghormati tubuh kamu bermaksud tidak memperlakukannya seperti sesuatu yang murah atau memberikan sesuatu yang bernilai kepada seseorang yang tidak serius dengan kamu dalam perkahwinan.

Jika kita tidak mengikuti rencana Tuhan, kita berisiko untuk menyakiti diri kita sendiri:

- o Akibat Fizikal – Penyakit, kandungan yang tidak diingini, atau bahkan merosakkan tubuh kamu.

- o Kesakitan Emosi – Seks di luar perkahwinan boleh membuatkan kamu berasa dipergunakan, ditolak, atau keliru akan nilai kamu.
- o Kemusnahan Hubungan – Keintiman yang tidak matang boleh merosakkan kepercayaan dan membuatkan hubungan pada masa hadapan menjadi lebih sukar.

Menghormati rekaan Tuhan untuk tubuh kamu membantu kamu memuliakan-Nya dan melindungi diri kamu daripada bahaya.

- **Menolak Tekanan Rakan Sebaya dan Godaan**



Menolak tekanan rakan sebaya

Tidak mudah untuk berdiri teguh ketika semua orang di sekeliling kamu kelihatan sedang melakukan sesuatu yang berbeza. Tekanan rakan sebaya boleh membuatkan kamu berasa seperti kamu harus menyesuaikan diri atau membuktikan diri sendiri. Dan perasaan dan keinginan kamu sendiri mungkin kuat. Berikut adalah beberapa cara untuk tetap kuat:

- o Ketahui Nilai Kamu – Ingat, kamu ialah anak Tuhan, dan nilai kamu adalah daripada-Nya, bukan daripada apa yang orang lain fikirkan.
- o Fikirkan Tentang Masa Hadapan – Keputusan yang kamu lakukan sekarang akan memberi kesan kepada hubungan masa hadapan, perkahwinan, dan kesihatan kamu.
- o Jauhkan diri daripada keadaan-keadaan, orang-orang, atau media tertentu yang menggoda kamu untuk mengabaikan nilai kamu. Adakalanya, perkara yang terbaik untuk dilakukan ialah melarikan diri, daripada percubaan, seperti yang dilakukan oleh Yusuf ketika dia digoda oleh isteri Potifar.
- o Cari Sokongan – Berbicara kepada orang dewasa atau rakan yang boleh dipercayai yang berkongsi kepercayaan dengan kamu. Kebertanggungjawaban boleh membantu kamu untuk kekal di jalan yang benar.
- o Berdoa untuk Kekuatan – Ketika godaan terasa terlalu banyak, minta pertolongan daripada Tuhan. Dia berjanji untuk memberikan kamu kekuatan untuk melakukan apa yang benar. Tidak mengapa untuk mengakui perasaan kamu. Itu adalah sebahagian daripada sifat manusia. Tetapi kamu tidak perlu membiarkan perasaan kamu mengawal kamu.

- **Kasih dan Pengampunan Tuhan**

Mungkin kamu telahpun merentasi beberapa sempadan, atau mungkin kamu telah bergumul dengan percubaan. Berita baiknya adalah Tuhan mengasihi kamu walau apapun keadaan. Jika kamu telah melakukan kesilapan, kamu boleh datang kepada-Nya, meminta pengampunan, dan mulakan semula. Alkitab berkata, “Tetapi jika kita mengakui dosa kita kepada Allah, Dia akan menepati janji-Nya dan berlaku adil. Dia akan mengampunkan dosa kita dan menyucikan kita daripada segala kesalahan” (1 Yohanes 1:9).

Tuhan bukan sekadar mengampuni – Dia juga membantu kamu untuk terus melangkah. Apabila kamu meminta pimpinan-Nya, Dia akan memberikan kamu kekuatan untuk membuat pilihan yang lebih baik dan hidup sesuai dengan rencana-Nya.

- **Menghidupi Rencana Tuhan untuk Perhubungan**

Hidup menurut rencana Tuhan mungkin terasa mencabar pada masa ini, tetapi ia berbaloi. Kamu melindungi diri kamu dan menetapkan pentas bagi masa hadapan yang penuh dengan kepercayaan, hormat, dan kasih. Ingatlah, Tuhan tidak meminta kamu melakukan hal ini bersendirian. Dia selalu bersama kamu, bersedia untuk memimpin dan menguatkan kamu dalam setiap langkah di jalan kamu. Luangkan masa dalam doa, membaca Firman-Nya, dan kelilingi diri kamu dengan orang-orang yang menggalakkan kamu untuk memuliakan Dia. Dengan pertolongan Tuhan, kamu boleh mengemudi cabaran-cabaran ini dan mengalami sukacita hidup dalam ciptaan-Nya yang sempurna.

13.2 Pengguguran dalam Pandangan Dunia berdasarkan Alkitab

Pengguguran adalah sebuah topik yang sensitif dan serius, dan ianya penting untuk memahaminya daripada pandangan berdasarkan Alkitab. Bab ini bertujuan untuk membantu kamu berfikir tentang pengguguran dengan kebenaran, belas kasihan, dan kasih, demikian juga memahami nilai dalam membuat pilihan yang bijaksana untuk memuliakan Tuhan dan mengelakkan kehamilan yang tidak diingini.



Sokongan keluarga dan komuniti diperlukan bagi kehamilan yang tidak dirancang

- **Pandangan Berdasarkan Alkitab:**

Alkitab mengajar kita bahawa hidup ialah anugerah yang kudus daripada Tuhan. mazmur 139:13-16 memberitahu kita bahawa Tuhan menciptakan dengan teliti setiap peribadi:

“Kerana Engkau telah membentuk bahagian-bahagian dalamku; Engkau melindungiku di dalam rahim ibuku.” Ini menunjukkan bahawa kehidupan bermula bahkan sebelum kelahiran dan semua orang berharga bagi Tuhan.

Perintah “Jangan membunuh” (Keluaran 20:13) menekankan bahawa kehidupan adalah untuk dilindungi dan dihargai. Daripada pandangan dunia berdasarkan Alkitab, pengguguran secara umumnya dilihat sebagai membunuh, yang bertentangan dengan rekaan dan tujuan Tuhan untuk umat manusia. Namun begitu, kita juga perlu menghadapi topik ini dengan hikmat dan rahmat, memahami kerumitan kehidupan dalam dunia yang musnah.

- **Kepentingan Memahami dengan Belas Kasihan**

Alkitab menekankan kekudusan hidup. Namun begitu, ketika membincangkan pengguguran, penting untuk menangani topik ini dengan belas kasihan. Sesetengah orang mungkin menghadapi kehamilan yang tidak dirancang, adakalanya tidak diingini dan berasa takut, malu, atau tertekan untuk mengambil keputusan yang sukar. Sebagai pengikut Kristus, kita diseru untuk menunjukkan kasih, bukannya penghakiman. Yesus menunjukkan belas kasihan kepada mereka yang memerlukan dan kepada mereka yang melakukan kesilapan, menawarkan pengampunan dan harapan (Yohanes 8:1-11).

Belas kasihan bermaksud mendengar, menyokong, dan memahami pergumulan yang menyebabkan seseorang itu memikirkan tentang pengguguran. Dengan melakukan ini, kita menunjukkan kasih Tuhan dan membantu orang lain melihat bahawa sentiasa ada harapan dan jalan yang lebih baik di hadapan.

- **Memperjuangkan Kehidupan**

Memperjuangkan kehidupan bermaksud mengakui nilai setiap manusia, termasuklah yang belum lahir, dan mempertahankan perlindungan mereka. Para remaja boleh membuat perbezaan dengan:

- o Belajar untuk Mengatakan “Tidak” – Mengelakkan situasi yang membawa kepada kehamilan yang tidak dirancang dengan memilih untuk menghalang diri daripada seks sehingga perkahwinan. Ini adalah salah satu daripada cara yang paling berkuasa untuk memuliakan Tuhan dan melindungi masa hadapan kamu.
- o Berkongsikan Kebenaran – Dengan lembut bantu orang lain untuk memahami nilai kehidupan daripada pandangan berdasarkan Alkitab.
- o Alternatif Sokongan – Galakkan pilihan seperti pengambilan anak angkat atau keibubapaan dan berdiri bersama organisasi yang membantu wanita dalam masalah-masalah kehamilan.

Memperjuangkan kehidupan adalah tentang menjadi suara bagi yang tidak dapat bersuara

sementara turut menyokong kesejahteraan ibu-ibu yang berhadapan dengan keputusan-keputusan yang sukar.

- **Mewujudkan Persekitaran yang Selamat dan Tidak Menghakimi**

Orang-orang yang berhadapan dengan kehamilan yang tidak dirancang memerlukan sebuah tempat yang selamat di mana mereka dapat mengongsikan ketakutan mereka dan mencari sokongan tanpa berasa dihakimi. Kamu boleh membantu mewujudkan persekitaran ini dengan:

- o Mendengar Tanpa Kritikan – Menawarkan kefahaman dan empati kepada seseorang yang memerlukan.
- o Menunjukkan Sumber – Mencadangkan organisasi, kaunselor, atau mentor yang boleh membantu dalam memberikan sokongan dan bimbingan. Minta nasihat daripada pastor kamu tentang sumber-sumber untuk membantu kehamilan yang tidak diingini.
- o Menjadi seorang Sahabat – Tunjukkan kebaikan dan ingatkan mereka bahawa mereka tidak bersendirian. Berdoa bersama mereka dan untuk mereka. Berjalan di sisi mereka semasa mereka mencari kesembuhan dan ketenangan.

Dengan mencipta ruang yang selamat dan mengasihi, kita membenarkan orang lain membuat keputusan yang lebih baik dan mengalami kasih Tuhan melalui tindakan kita.

- **Di Dalam Keadaan Apakah Pengguguran Mungkin Dipertimbangkan dalam Pandangan Dunia Berdasarkan Alkitab?**

Sementara sebuah pandangan dunia berdasarkan Alkitab sangat menghargai kehidupan, terdapat situasi-situasi yang jarang dan rumit di mana orang Kristian mungkin dengan doa mempertimbangkan pengguguran. Ini termasuklah:

- o Ketika Hidup Ibunya Berada pada Risiko yang Serius – Dalam kes-kes di mana kehamilan besar kemungkinan membawa kepada kematian ibu, sesetengah orang percaya dengan moralnya bertanggungjawab untuk mengutamakan untuk menyelamatkan nyawa ibunya, mengakui wujudnya tragedi kehilangan nyawa untuk salah satunya. Jika ibunya meninggal dunia, kedua-dua nyawa akan hilang.
- o Keadaan Perubatan yang Teruk – Situasi-situasi di mana anak yang belum dilahirkan mempunyai satu keadaan yang tidak sesuai untuk hidup di luar rahim (cth., anensefali) yang mungkin membawa kepada keputusan yang sukar yang sangat perlu didoakan. Tiada penyelesaian yang jelas. Sering kali sasarannya adalah untuk mengurangkan penderitaan bagi bayi dan juga ibu.
- o Dalam Beberapa Kes yang Ekstrim – Dalam beberapa situasi seperti Rogol, keputusan mungkin adalah sangat sukar. Rujuk kes-kes seperti itu kepada ibu bapa, doktor perubatan, dan / atau pastor. Berdoa untuk pimpinan. Tumpukan untuk memberikan perhatian dan sokongan yang berbelas kasihan untuk membantu ibu membuat keputusan yang berasaskan pemulihan dan harapan.

Keadaan-keadaan ini memerlukan doa yang mendalam, nasihat yang bijaksana, dan kebergantungan kepada pimpinan Tuhan. Penting untuk menangani situasi-situasi ini dengan kerendahan hati dan sebuah hati yang ingin memuliakan Tuhan dalam masa yang sama mengakui kerumitan penderitaan manusia. Sebagai seorang remaja, kami berharap kamu tidak terpanggil untuk melakukan keputusan sedemikian. Jika kamu atau seorang sahabat berhadapan dengan keputusan seperti itu, sila hubungi ibu bapa kamu atau pastor kamu untuk nasihat.

- **Galakan Terakhir**

Pengguguran adalah sebuah topik yang berat, tetapi ia adalah sesuatu yang perlu ditangani dengan kebenaran, belas kasihan, dan kasih. Ciptaan Tuhan adalah untuk kehidupan, dan Dia memanggil kita untuk membuat keputusan yang melindungi dan memuliakan kehidupan yang telah dicipta-Nya.

13.3 Homoseksualiti dalam Pandangan Dunia Berdasarkan Alkitab

Sebagai pengikut Kristus, penting untuk memahami ciptaan Tuhan untuk seksualiti dan bagaimana ia diaplikasikan kepada isu-isu seperti tarikan di antara jantina yang sama. Ini boleh menjadi sebuah topik yang sensitif, dan kita perlu menanganinya dengan kebenaran dan juga kasih. Mari kita meneroka apakah yang Alkitab katakan, bagaimana untuk bertindak dengan kasih, dan bagaimana untuk menghidupi iman kita dengan kebaikan dan rasa hormat.

- **Pandangan Berdasarkan Alkitab**

Alkitab mengajar bahawa ciptaan Tuhan untuk seksualiti adalah untuk menunjukkan kasih-Nya dan tujuan bagi umat manusia. Dalam Kejadian 2:24, Tuhan mewujudkan perkahwinan sebagai satu perkongsian seumur hidup di antara seorang lelaki dan seorang perempuan: “Itulah maka seorang lelaki meninggalkan ibu bapanya dan bersatu dengan isterinya, lalu mereka berdua menjadi satu.” Ciptaan ini menggalakkan kasih, keintiman, dan kemungkinan untuk pembiakan.

- **Memahami dengan Belas Kasihan**

Bagi ramai orang, persoalan tentang orientasi seksual mereka boleh menjadi sangat peribadi dan sukar. Sebagai orang Kristian, tindakan pertama kita seharusnya sentiasa adalah kasih. Yesus menunjukkan belas kasihan kepada semua orang, biarpun kepada mereka yang bergumul dan hidup dalam cara yang bertentangan dengan rencana Tuhan. Yohanes 3:17 mengingatkan kita bahawa Yesus datang untuk menyelamatkan, bukan untuk mengutuk.

Belas kasihan bermaksud mendengar, berlaku baik, dan memahami bahawa manusia mungkin mengalami kesakitan, kekeliruan, atau penolakan. Penting untuk mengingat bahawa semua orang dicipta dalam gambaran Tuhan (Kejadian 1:27) dan layak diperlakukan dengan maruah dan hormat, tidak kira permasalahan mereka.

- **Menjelaskan Ajaran Berdasarkan Alkitab**

Penting untuk memahami dan menyampaikan apa yang diajarkan oleh Alkitab tentang seksualiti:

- o Rekaan Tuhan untuk Seksualiti – Alkitab menunjukkan seks sebagai sebuah anugerah untuk dinikmati dalam perkahwinan di antara seorang lelaki dan seorang perempuan. Rekaan ini menggalakkan cinta, keintiman, dan potensi untuk memiliki anak, menunjukkan tujuan Tuhan yang kreatif.
- o Dosa dan Rahmat – Sementara Alkitab menjelaskan kelakuan homoseksual sebagai berdosa, ia juga menekankan pengampunan dan rahmat Tuhan bagi semua yang mencari-Nya. Tidak ada yang di luar jangkauan kasih Tuhan.
- o Harapan dan Penebusan – 1 Korintus 6:11 berkata, “Begitulah kelakuan sebilangan daripadamu dahulu. Tetapi kamu telah dibersihkan, dikuduskan dan diperbenarkan dengan nama Tuhan Yesus Kristus dan dengan Roh Allah kita.” Ini menunjukkan bahawa Tuhan boleh membawa perubahan dan harapan kepada sesiapa sahaja yang berpaling kepada-Nya.

Para remaja seharusnya memahami bahawa Firman Tuhan bukanlah tentang mengutuk manusia tetapi tentang menunjukkan kepada kita yang terbaik daripada-Nya untuk hidup kita.

- **Sokongan dan Pimpinan**

Mengemudi persoalan-persoalan tentang orientasi seksual atau identiti jantina boleh menjadi mencabar. Para remaja yang bergumul – atau mengenali seseorang yang mengalaminya – seharusnya mencari bantuan daripada orang dewasa yang boleh dipercayai, kaunselor Kristian, atau mentor. Individu-individu ini boleh memberikan hikmat, galakan, dan bimbingan berdasarkan Alkitab.

Jika kamu menghadapi persoalan-persoalan ini, ketahuilah bahawa kamu tidak perlu melaluinya bersendirian. Komuniti gereja ada bersama untuk menyokong dan berjalan bersama kamu. Doa, ayat Alkitab, dan nasihat daripada mentor-mentor yang salih boleh membantu kamu untuk mencari penjelasan dan kedamaian dalam kebenaran Tuhan.

- **Hidup dengan Kasih dan Hormat**

Sebagai orang Kristian, kita diseru untuk mengasihi orang lain, biarpun ketika kita tidak setuju dengan pilihan atau kepercayaan mereka. 1 Petrus 3:15 mengingatkan kita untuk mengongsikan iman kita dengan kelemah-lembutan dan hormat. Ini bermaksud:

- o Kebaikan dan Maruah – Memperlakukan semua orang, termasuklah mereka yang mengaku sebagai LGBTQ, dengan kebaikan dan hormat. Elakkan perkataan atau tindakan yang menyakitkan yang mungkin menjauhkan mereka daripada Kristus.
- o Membina Perhubungan – Fokus kepada mewujudkan persahabatan yang sejati berdasarkan rasa saling menghormati dan saling memahami. Perhubungan boleh mewujudkan peluang untuk mengongsikan kasih dan kebenaran Tuhan.

- o Berdiri Teguh dalam Iman – Sambil menunjukkan kasih, adalah penting juga untuk berpegang pada prinsip-prinsip berdasarkan Alkitab. Jangan berkompromi dengan kepercayaan kamu, tetapi kongsikannya dengan kerendahan hati dan lemah-lembut.

Hidup dengan kasih dan hormat tidak bermaksud bersetuju dengan semua yang dilakukan oleh seseorang itu – ia bermaksud prihatin untuk mereka sebagai seorang peribadi sambil tetap benar kepada Firman Tuhan.

- **Galakan Terakhir**

Memahami ciptaan Tuhan untuk seksualiti dalam konteks isu LGBTQ boleh menjadi mencabar, terutamanya dalam budaya pada hari ini. Tetapi ingat, Tuhan memanggil kita untuk menunjukkan kasih dan kebenaran-Nya dalam semua yang kita lakukan. Perlakukan orang lain dengan belas kasihan, berdiri teguh dalam iman kamu, dan bergantung kepada kebijaksanaan Tuhan ketika kamu mengemudi perbualan-perbualan ini. Di atas segalanya, ketahui bahawa kasih Tuhan adalah untuk semua orang. Ketika kamu mempelajari lebih lagi tentang ciptaan-Nya, biarlah tindakan dan perkataan kamu membawa orang lain kepada harapan dan penebusan yang ditemukan dalam Kristus.

13.4 Fahaman Transgender

Topik fahaman transgender adalah rumit, dan ia mencabar untuk dikemudi, terutamanya sebagai remaja. Bahagian ini akan membantu kamu memahami apakah yang dikatakan oleh Alkitab tentang jantina, bagaimana untuk menunjukkan belas kasihan kepada mereka yang bergumul dengan identiti jantina, dan di mana untuk mencari sokongan ketika berhadapan dengan persoalan-persoalan yang sukar. Marilah kita meneroka topik ini melalui kanta kebenaran yang berdasarkan Alkitab dan kasih yang seperti kasih Kristus.

- **Pandangan Berdasarkan Alkitab**

Alkitab mengajar bahawa Tuhan menciptakan manusia dalam gambar-Nya, dengan niat dan tujuan. Kejadian 1:27 berkata, “Maka Allah menciptakan manusia menurut gambaran-Nya. Menurut gambaran Allah, Dia mencipta mereka, lelaki dan perempuan.” Jantina adalah sebahagian daripada ciptaan Tuhan yang baik dan menunjukkan keteraturan dan kreativiti-Nya.

Dalam pandangan berdasarkan Alkitab, jantina berkaitan dengan seks secara biologi. Tuhan menciptakan lelaki dan perempuan untuk melengkapi antara satu sama lain dan menggenapi tujuan-Nya untuk manusia, termasuklah perhubungan, keluarga, dan penjagaan ke atas ciptaan-Nya. Menyimpang daripada ciptaan ini boleh membawa kepada kekeliruan dan cabaran, tetapi ia tidak mengubah kasih Tuhan bagi setiap individu.

Sementara budaya sering kali berkata kita boleh memilih dan mengubah jantina kita, Alkitab mengajarkan bahawa identiti kita datang daripada Tuhan. Mazmur 139:13-14 mengingatkan kita bahawa kita “dicipta dengan mengagumkan dan menakjubkan” oleh-Nya. Memahami jantina sebagai sebahagian daripada ciptaan Tuhan membantu kita melihat keindahan dan tujuan dalam bagaimana Dia menciptakan kita.

- **Memahami dengan Belas Kasihan**

Identiti jantina boleh menjadi sangat peribadi dan pergumulan yang menyakitkan bagi ramai orang. Sebagai Kristian, tindakan kita seharusnya sentiasa bermula dengan belas kasihan.

Berikut adalah bagaimana kita dapat menunjukkan belas kasihan:

- o Mendengar Tanpa Menghakimi – Orang-orang yang bergumul dengan identiti jantina biasanya berasa disalaherti. Ambil masa untuk mendengarkan perasaan dan pengalaman mereka tanpa terus kepada kesimpulan atau menawarkan penyelesaian yang segera.
- o Akui Kesakitan Mereka – Disforia jantina, kemurungan yang dirasakan oleh sesetengah orang kerana identiti jantina mereka tidak sepadan dengan jantina mereka secara biologi, mungkin adalah benar dan menyebabkan kesakitan emosi dan mental yang besar. Akui pergumulan mereka dengan kebaikan dan empati.
- o Perlakukan Mereka dengan Maruah – Setiap orang dijadikan dalam gambaran Tuhan dan layak untuk diperlakukan dengan hormat dan kebaikan, tanpa mengira pergumulan mereka.

Belas kasihan tidak bermaksud bersetuju dengan semua yang seseorang itu percaya, tetapi ia bermaksud mengasihi mereka seperti Kristus.

- **Sokongan dan Bimbingan**

Mengemudi persoalan-persoalan tentang identiti jantina mungkin mengelirukan, terutamanya ketika budaya dan iman kelihatan seperti menawarkan jawapan-jawapan yang berbeza. Jika kamu atau seseorang yang kamu kenali sedang bergumul, berikut adalah beberapa cara untuk mencari sokongan dan bimbingan:

- o Menemui Orang Dewasa yang Boleh Dipercayai – Berbicara kepada ibu bapa, pastor, pemimpin muda-mudi, atau mentor Kristian. Mereka boleh memberikan hikmat dan membantu kamu untuk meneroka apa yang dikatakan oleh Alkitab tentang identiti dan jantina.
- o Berdoa untuk Hikmat – Bawa persoalan dan pergumulan kamu kepada Tuhan dalam doa. Yakobus 1:5 berkata, “Sekiranya seseorang di antaramu kurang bijaksana, dia haruslah berdoa kepada Allah supaya mengurniakan kebijaksanaan kepadanya, kerana Allah memberi dengan murah hati kepada semua orang tanpa memandang kesalahan mereka.” Tuhan mahu membimbing kamu semasa kamu mencari kebenaran-Nya.
- o Terokai Sumber Berdasarkan Alkitab – Cari buku, khutbah, atau artikel yang ditulis oleh seorang pemimpin Kristian yang boleh dipercayai yang menyebutkan tentang identiti

jantina daripada perspektif yang berdasarkan Alkitab. Ini boleh membantu kamu memahami ciptaan Tuhan dengan lebih jelas.

- o Galakkan Kebertanggungjawaban – Kelilingi diri kamu dengan rakan-rakan yang berkongsi iman dengan kamu dan dapat menggalakkan kamu untuk berdiri teguh dalam kebenaran berdasarkan Alkitab.

- **Pemikiran Akhir – Memegang Teguh Kasih dan Kebenaran**

Sebagai orang Kristian, kita diseru untuk mengasihi dan juga memegang kebenaran. Ini bermaksud berdiri teguh dalam apa yang diajarkan oleh Alkitab sambil memperlakukan orang lain dengan kebaikan dan hormat. Tidak mustahil untuk tidak bersetuju dengan kepercayaan atau pilihan seseorang tanpa bersikap tidak baik atau tidak sopan. Yesus menunjukkan ini dengan sempurna, menunjukkan belas kasihan kepada orang yang berdosa sambil menunjukkan mereka kebenaran yang membawa kebebasan.

Ingat, semua orang bergumul dengan sesuatu, dan tidak ada satu pun yang melebihi kasih dan rahmat Tuhan. Dengan memahami ciptaan Tuhan untuk jantina, bertindak dengan belas kasihan, dan mencari pimpinan-Nya, kita boleh membantu mereka yang bergumul dengan cabaran ini dengan cara yang memuliakan Tuhan dan menunjukkan kasih-Nya kepada orang lain.

BAB 14

PANDANGAN ALKITAB TENTANG KETAGIHAN

1 Yohanes 1:9 – “Tetapi jika kita mengakui dosa kita kepada Allah, Dia akan menepati janji-Nya dan berlaku adil. Dia akan mengampunkan dosa kita dan menyucikan kita daripada segala kesalahan.”



Pandangan berdasarkan Alkitab tentang ketagihan

14. Pandangan berdasarkan Alkitab tentang ketagihan

Penyalahgunaan Dadah atau Bahan dalam Pandangan Dunia Berdasarkan Alkitab

Penyalahgunaan bahan adalah sebuah isu serius yang memberi kesan kepada ramai orang, terutamanya remaja. Bahagian ini akan membantu kamu memahami apa yang dikatakan oleh Alkitab tentang menjaga tubuh kamu, risiko penyalahgunaan dadah atau bahan, dan bagaimana untuk membuat pilihan yang sihat dan memuliakan Tuhan. Mari kita terokai topik ini dengan kebenaran, belas kasihan, dan harapan.

- **Pandangan Berdasarkan Alkitab**

Alkitab mengajar kita bahawa tubuh kita adalah anugerah daripada Tuhan dan seharusnya dijaga dan digunakan untuk memuliakan-Nya. Dalam 1 Korintus 6:19-20, Paulus menulis, “Kamu tentu tahu bahawa tubuhmu itu tempat kediaman Roh Kudus yang telah dikurniakan Allah kepadamu. Tubuhmu bukanlah milikmu, tetapi milik Allah. Allah telah membelimu dengan harga yang sudah dibayar sepenuhnya. Oleh itu, gunakanlah tubuhmu untuk memuliakan Allah.”

Menggunakan dadah atau bahan yang berbahaya bukan sahaja merosakkan tubuh kita tetapi juga boleh membahayakan minda, perhubungan, dan kebolehan kita untuk memenuhi tujuan Tuhan bagi hidup kita. Alkitab memberi amaran tentang apa sahaja yang mungkin mengawal kita atau membawa kita menjauh daripada-Nya. Efesus 5:18 berkata, “Dan janganlah mabuk air anggur, yang berupa maksiat. Sebaliknya, penuhi diri dengan Roh.” Ini diguna pakai kepada semua perkara – alkohol, dadah, atau bahan-bahan yang lain – yang boleh merosakkan pemikiran kita dan menjadikan kita mangsa.

- **Memahami dengan Belas Kasihan**

Penting untuk menangani topik tentang penyalahgunaan bahan dengan belas kasihan. Orang-orang sering kali memilih dadah atau bahan lain kerana mereka bergumul dengan tekanan, kesakitan, kesunyian, atau cabaran-cabaran yang lain. Mewujudkan ruang yang selamat untuk mereka terbuka dan berkongsi.

- **Mendidik tentang Akibat-akibatnya**

Dadah dan bahan-bahan lain boleh mempunyai akibat-akibat yang serius yang memberi kesan kepada setiap bahagian dalam hidup seseorang.

Berikut adalah pecahannya:

- o **Akibat Fizikal:** Penggunaan dadah boleh membahayakan tubuh kamu, membawa kepada masalah kesihatan seperti kerosakan otak, isu hati, atau bahkan kematian.
- o **Akibat Emosi:** Penyalahgunaan bahan boleh menambah burukkan perasaan kemurungan, kebimbangan, dan rasa tiada harapan.
- o **Akibat Sosial:** Ia boleh merosakkan perhubungan dengan sahabat dan keluarga dan membawa kepada pengasingan diri atau kepercayaan yang dirosakkan.
- o **Akibat Undang-undang:** Memiliki atau menggunakan dadah yang haram boleh menyebabkan saman, rekod jenayah, atau dipenjarakan, dan memberi kesan kepada peluang kamu pada masa hadapan.
- o **Akibat Rohani:** Penggunaan dadah boleh mengganggu kamu daripada Tuhan, melemahkan iman kamu, dan menyekat kebolehan kamu untuk menghidupi rencana-Nya bagi hidup kamu

Dengan memahami risiko-risiko ini, kamu dapat melakukan keputusan yang berdasarkan maklumat untuk melindungi diri kamu dan memuliakan Tuhan.

- **Menggalakkan Pilihan yang Sihat**

Tumpukan pada membina tabiat yang sihat yang menguatkan minda, tubuh, dan roh kamu.

Berikut adalah beberapa idea:

- o **Cari Jalan Keluar yang Sihat:** Libatkan diri dalam hobi, sukan, atau aktiviti kreatif yang kamu gemari.
- o **Tangani Tekanan:** Pelajari cara yang sihat untuk mengendali tekanan, seperti berdoa, bersenam, atau menulis jurnal.
- o **Kekal Aktif:** Aktiviti fizikal yang tetap boleh menceriakan hati kamu dan menguatkan tubuh kamu.
- o **Berhubungan dengan Orang Lain:** Luangkan masa bersama sahabat dan keluarga yang menggalakkan kamu untuk membuat keputusan yang baik.



Apabila kamu memenuhi kehidupan kamu dengan aktiviti-aktiviti dan perhubungan yang positif, kamu akan kurang berkemungkinan untuk mengambil bahan-bahan yang berbahaya.

- **Menetapkan Sempadan**

Tekanan rakan sebaya boleh menjadi sebuah cabaran yang besar apabila ianya berkaitan dengan mengelakkan dadah atau bahan lain. Berikut adalah bagaimana untuk kekal kuat:

- o **Ketahui Had Kamu:** Putuskan sebelum masanya bahawa kamu tidak akan menggunakan dadah atau bahan lain, walau apapun yang terjadi.
- o **Elakkan Situasi yang Berisiko:** Elakkan tempat atau orang yang boleh mendorong kamu menyimpang daripada nilai hidup kamu.
- o **Latih Diri untuk Mengatakan “Tidak”:** Bersedia untuk mengatakan tidak dengan yakin dan tegas jika seseorang menawarkan dadah kepada kamu.
- o **Cara Pertolongan Tuhan:** Berdoa untuk kekuatan dan pimpinan untuk membuat keputusan yang bijak.

Dengan menetapkan sempadan, kamu melindungi diri kamu dan memuliakan Tuhan dengan pilihan kamu.

- **Menawarkan Sokongan dan Sumber**

Jika kamu atau seseorang yang kamu kenal bergumul dengan penyalahgunaan bahan, penting untuk mencari bantuan. Berikut adalah beberapa sumber:

- o **Kaunselor atau Mentor:** Berbicara kepada orang dewasa yang boleh dipercayai, mentor, atau kaunselor yang boleh memberikan bimbingan dan sokongan.

- o Kumpulan Sokongan: Sertai kumpulan seperti *Celebrate Recovery* atau program lain yang berdasarkan iman yang membantu orang-orang mengatasi ketagihan.
- o Program-program Rawatan: Pusat rawatan profesional boleh memberikan penjagaan perubatan dan emosi bagi mereka yang bergumul dengan ketagihan.

Ingat, mencari pertolongan bukanlah tanda kelemahan – ia adalah satu langkah ke depan untuk kesembuhan dan kebebasan.

• **Galakan Terakhir**

Jika kamu telah melakukan kesilapan atau bergumul dengan penyalahgunaan bahan, ketahuilah bahawa rahmat Tuhan sentiasa tersedia. 1 Yohanes 1:9 berkata, “Tetapi jika kita mengakui dosa kita kepada Allah, Dia akan menepati janji-Nya dan berlaku adil. Dia akan mengampunkan dosa kita dan menyucikan kita daripada segala kesalahan.” Tuhan menawarkan pengampunan, kesembuhan, dan permulaan yang baru kepada sesiapa sahaja yang berpaling kepada-Nya.

Penyalahgunaan dadah dan bahan boleh membawa kepada ketagihan dan banyak akibat yang serius, tetapi akan selalu ada harapan dalam Kristus. Dengan memahami risiko-risikonya, membuat keputusan yang sihat, dan bergantung kepada kekuatan Tuhan, kamu dapat melindungi diri kamu dan menghidupi kehidupan yang memuliakan-Nya. Dan jika kamu atau seseorang yang kamu kenali sedang bergumul, jangan ragu-ragu untuk mencari pertolongan. Rujuk kepada mentor, kaunselor, pakar perubatan, atau kumpulan sokongan, mana-mana yang bersesuaian. Jangan mencuba untuk melakukannya bersendirian. Rahmat Tuhan lebih besar daripada apa-apa kesilapan, dan kasih-Nya boleh membawa kesembuhan dan kebebasan.

14.2 Ketagihan Permainan Komputer atau Permainan Video dalam Pandangan Dunia Berdasarkan Alkitab

Permainan komputer dan video adalah sebahagian besar dalam hidup ramai para remaja. Ia boleh menjadi cara yang menyeronokkan untuk berehat, berhubungan dengan sahabat, dan juga mempelajari kemahiran baru. Namun, seperti apa-apa sahaja, gaming perlu diseimbangkan dengan keutamaan-keutamaan lain dalam hidup. Bahagian ini akan meneroka bagaimana Alkitab membantu kita berfikir tentang gaming, perbezaan di antara gaming dengan cara yang sihat dan tidak sihat, dan bagaimana mengekalkan keseimbangan dan pengawalan diri.

• **Pandangan Berdasarkan Alkitab**

Alkitab tidak menyebut secara spesifik tentang permainan video, tetapi ia memberikan kita prinsip untuk memimpin tentang bagaimana kita menggunakan masa dan sumber kita. Efesus 5:15-16 berkata, “Hiduplah dengan hati-hati — bukan seperti orang tidak arif tetapi sebagai orang bijaksana, dan pergunakanlah setiap peluang dengan sebaiknya kerana

ini zaman durjana.” Ini mengingatkan kita untuk menggunakan masa kita dengan bijaksana dan menumpukan pada apa yang benar-benar penting.

Kita juga dipanggil untuk menjadi pentadbir yang baik bagi sumber-sumber yang telah Tuhan berikan kepada kita, termasuklah masa, tenaga, dan wang kita. 1 Korintus 10:31 menggalakkan kita, “Setiap yang kamu lakukan, baik makan mahupun minum, lakukanlah untuk memuliakan Allah.” Gaming boleh menjadi sebuah hobi yang sihat ketika dilakukan dalam kesederhanaan, tetapi ia tidak seharusnya mengganggu kita daripada perhubungan kita dengan Tuhan atau tanggungjawab dalam hidup.

- **Membezakan Gaming yang Sihat dan yang Menyebabkan Ketagihan**

Gaming itu sendiri tidak merosakkan. Ia boleh menjadi cara untuk berehat, berseronok, dan berhubung dengan orang lain. Namun, ia menjadi tidak sihat apabila ia mengambil alih masa dan tenaga kamu, membawa kepada permasalahan seperti mengabaikan kerja sekolah, terlepas masa bersama keluarga, atau kekurangan tidur.

Berikut adalah beberapa cara untuk membezakannya:

- *Gaming* yang Sihat:
 - o Bermain untuk masa yang sekejap untuk melegakan fikiran atau berseronok.
 - o Menyeimbangkan gaming dengan sekolah, kerja-kerja rumah, keluarga, dan masa bersama Tuhan.
 - o Mengawal tempoh masa yang kamu luangkan dengan permainan itu.
- *Gaming* yang Tidak Sihat:
 - o Menghabiskan masa yang berlebihan dengan gaming dan mengabaikan tanggungjawab.
 - o Berasa cepat marah atau tidak tenang jika kamu tidak dapat bermain.
 - o Kehilangan minat dalam aktiviti-aktiviti lain atau perhubungan.
 - o Berlebihan belanja untuk permainan atau pembelian dalam permainan.

Tuhan mahu kita menikmati hidup, tetapi Dia juga memanggil kita untuk hidup dalam tujuan dan seimbang.

- **Memahami dengan Empati**

Bagi kebanyakan remaja, gaming bukan sekadar sebuah aktiviti yang dilakukan pada masa lapang – ia adalah cara untuk menghadapi tekanan, kesunyian, atau kebosanan. Penting untuk mengakui mengapa seseorang itu mungkin berpaling kepada permainan video secara berlebihan dan untuk mendekati isu ini dengan pemahaman, bukan penghakiman.

Jika kamu atau seorang rakan bergumul dengan ketagihan *gaming*, ambil masa sejenak untuk bertanya, “Apakah yang berlaku di luaran?” Adakalanya, orang bermain permainan ini secara berlebihan kerana mereka mengelakkan emosi atau cabaran yang sukar.

Menunjukkan empati boleh membuka pintu untuk mencari cara yang lebih sihat untuk menangani perasaan ini.

- **Kesan Negatif daripada Ketagihan Gaming**

Gaming yang berlebihan boleh mempunyai akibat yang negatif dalam beberapa bidang kehidupan:

- o Kesihatan Fizikal: Terlalu banyak *gaming* akan membawa kepada postur badan yang tidak baik, ketegangan pada mata, kekurangan senaman, dan masalah tidur.
- o Kesihatan Mental: Ketagihan *gaming* boleh meningkatkan perasaan kebimbangan, kemurungan, dan kekecewaan.
- o Kehidupan Sosial: Meluangkan terlalu banyak masa untuk gaming boleh mengasingkan kamu daripada keluarga dan rakan-rakan.
- o Kehidupan Rohani: Ketagihan boleh mengganggu kamu daripada meluangkan masa dengan Tuhan atau melayani orang lain.
- o Akademik dan Tanggungjawab: Gaming boleh membawa kepada gred yang tidak baik atau mengabaikan tugas-tugas yang penting.



Memahami kesan-kesan ini boleh membantu kamu melihat mengapa keseimbangan sangat penting.

- **Menetapkan Sempadan yang Sihat**

Satu cara untuk menikmati gaming tanpa membiarkannya mengambil alih hidup kamu adalah dengan menetapkan sempadan. Berikut adalah beberapa tips yang praktikal:

- o Menjadualkan Masa Kamu: Tetapkan masa yang spesifik untuk *gaming* dan berpegang dengannya. Gunakan penggera atau peringatn untuk membantu.
- o Mengutamakan Tanggungjawab: Pastikan kerja sekolah, kerja rumah, dan saat teduh bersama Tuhan diutamakan terlebih dahulu.
- o Ambil Masa Rehat: Elakkan sesi *gaming* yang panjang dengan mengambil masa rehat yang tetap untuk bergerak atau melakukan sesuatu yang lain.
- o Cari Alternatif: Seimbangkan *gaming* dengan hobi-hobi yang lain seperti sukan, muzik, membaca, atau meluangkan masa di luar.

Menetapkan sempadan adalah bukan tentang menyekat keseronokan – ia adalah tentang memberikan ruang bagi semua perkara baik yang Tuhan telah rancangkan untuk hidup kamu.

- **Menawarkan Sokongan dan Kebertanggungjawaban**

Jika kamu atau seseorang yang kamu kenali bergumul dengan ketagihan *gaming*, masih ada harapan. Kamu boleh mendapatkan sokongan – berbicara kepada orang Kristian yang lebih matang yang tahu tentang permainan itu dan boleh menasihati kamu. Berbicara kepada rakan atau ahli keluarga yang rapat untuk membantu kamu berpegang pada had *gaming* kamu. Mulakan sebuah hobi yang tidak memerlukan terlalu banyak masa di hadapan komputer atau skrin telefon. Libatkan diri dalam sukan dengan rakan-rakan. Berdoa untuk pertolongan dalam membina pengawalan diri dan mencari keseimbangan.

- **Galakan Terakhir**

Gaming boleh menjadi cara yang baik untuk berehat dan berseronok, tetapi penting untuk menyeimbangkannya dengan bahagian lain dalam kehidupan. Ingat, hidup kamu mempunyai tujuan yang lebih besar daripada apa yang boleh ditawarkan oleh permainan itu. Gunakan masa dan sumber kamu dengan bijak, dan percaya Tuhan akan membantu kamu menjalani hidup yang memuliakan-Nya. Dengan keseimbangan, kesederhanaan, dan sokongan, kamu boleh menikmati *gaming* sebagai satu hobi yang sihat sementara tetap fokus pada apa yang benar-benar penting.

14.3 Ketagihan kepada Pornografi dalam Pandangan Dunia Berdasarkan Alkitab

Ketagihan pornografi ialah sebuah isu yang tersebar luas yang telah memberi kesan kepada ramai orang. Kajian menunjukkan bahawa pendedahan kepada pornografi semakin umum pada lingkungan umur yang muda, dan kesannya kepada kesihatan mental, perhubungan, dan kehidupan rohani adalah sangat mendalam. Bahagian ini akan meneroka apakah yang dikatakan oleh Alkitab tentang kesucian, risiko-risiko ketagihan pornografi, dan langkah-langkah praktikal untuk mengatasinya.

- **Pandangan Berdasarkan Alkitab**

Alkitab memanggil kita untuk menjalani hidup yang suci dan kudus, memuliakan Tuhan dengan fikiran dan tindakan kita. Matius 5:28 berkata, “Tetapi sekarang Aku berkata kepadamu: Sesiapa yang memandang seorang wanita dengan berahi, telah berzina dengannya dalam hati.” Ini mengingatkan kita bahawa fikiran dan tindakan yang berahi adalah berdosa dan memisahkan kita daripada Tuhan.

Pornografi merosakkan ciptaan Tuhan tentang seksualiti, yang mana diinginkan-Nya untuk dinikmati dalam sebuah perkahwinan yang mengasihi dan komited. Ia menjadikan manusia sebagai objek, mengubah keintiman menjadi hanya sesuatu yang fizikal, dan menggantikan piawai Tuhan dengan sebuah versi cinta dan hormat yang palsu. 1 Korintus 6:18-20 menegaskan panggilan untuk mengelakkan diri daripada masalah moral seksualiti dan memuliakan Tuhan dengan tubuh kita.

- **Memahami dengan Belas Kasihan:**

Ketagihan pornografi adalah sebuah pergumulan yang benar-benar berlaku dan menyakitkan bagi ramai orang. Penyelidikan menunjukkan bahawa dianggarkan 64% daripada orang muda yang berusia 13-24 mencari pornografi secara aktif dalam seminggu atau lebih kerap (Barna Group, 2016). Ramai yang berpaling kepada pornografi untuk menangani tekanan, kesunyian, atau rasa ingin tahu, tetapi ini sering kali membawa kepada pergumulan yang lebih mendalam.

Sebagai orang Kristian, tindakan kita seharusnya berbelas kasihan, bukannya menghakimi. Yesus menunjukkan kebaikan dan kefahaman kepada mereka yang bergumul dengan dosa, menawarkan pengampunan dan harapan. Demikian juga, kita boleh:

- o Mendengar Tanpa Menghakimi: Wujudkan satu ruang yang selamat bagi para remaja untuk mengongsikan pergumulan mereka.
- o Mengiktiraf Kesakitan Mereka: Mengakui perasaan malu dan bersalah yang sering kali wujud bersama ketagihan ini.
- o Menawarkan Harapan: Mengingatkan mereka bahawa rahmat Tuhan lebih besar daripada apa-apa pergumulan.

- **Kesan Negatif daripada Ketagihan Pornografi**

Ketagihan pornografi boleh membawa kepada pelbagai akibat yang berbahaya:

- **Kesejahteraan Mental**

- o Penggunaan pornografi dikaitkan dengan peningkatan kebimbangan, kemurungan, dan rasa bersendirian. Sebuah kajian yang diterbitkan dalam *Psychological Bulletin* (2017) menemui bahawa kekerapan pornografi boleh merosakkan keteraturan emosi dan membawa kepada kesan kesihatan mental yang negatif.
- o Ia mengurangkan kepekaan seseorang itu kepada rangsangan seksual, mengurangkan kepuasan dalam perhubungan dalam dunia realiti dan menjadikan ianya lebih sukar untuk membentuk hubungan emosi yang bermakna.

- **Bahaya Rohani**

- o Menonton pornografi mewujudkan perasaan bersalah dan tidak layak, menjadikan ianya sukar bagi seseorang untuk berhubung dengan Tuhan. Ia juga menggalakkan corak kelakuan berdosa yang boleh menghalang pertumbuhan rohani.

- **Kerosakan Hubungan**

- o Ketagihan kepada pornografi menghakis kepercayaan dan keintiman dalam hubungan, membawa kepada konflik dan jarak emosi. Ia juga mewujudkan jangkaan yang tidak masuk akal tentang cinta dan keintiman, yang memberi kesan secara negatif kepada hubungan yang romantik.

- **Kesan Jangka Panjang**

- o Kajian menunjukkan bahawa pendedahan awal kepada pornografi boleh membawa kepada kelakuan yang kompulsif dan kesukaran untuk mengekalkan hubungan yang sihat.

(https://en.wikipedia.org/wiki/Journal_of_Adolescent_Health?utm_source=chatgpt.com, https://en.wikipedia.org/wiki/Media_and_American_adolescent_sexuality?utm_source=chatgpt.com)

- **Menawarkan Sokongan**

Mengatasi ketagihan pornografi memerlukan persekitaran yang menyokong dan tidak menghakimi. Berikut adalah beberapa langkah yang mungkin kamu boleh ambil:

- o Mewujudkan Ruang yang Selamat – Membenarkan remaja berbicara tentang pergumulan mereka tanpa takut akan rasa malu atau dihakimi.
- o Menggalakkan Kebertanggungjawaban – Cari mentor yang boleh dipercayai, pastor, atau kaunselor yang boleh memberikan bimbingan dan doa.

- **Langkah-langkah untuk Menghadapi Ketagihan Pornografi**

Bebas daripada ketagihan pornografi adalah mencabar tetapi tidak mustahil dengan pertolongan Tuhan dan langkah-langkah yang praktikal:

1. Iktiraf Masalahnya – Mengakui isu itu dan bersedia untuk berubah. Berdoa, meminta pengampunan untuk pelanggaran yang lepas, bersedia untuk bertaubat.
2. Cari Sokongan – Berbicara kepada seorang sahabat akrab yang matang dan boleh dipercayai, atau kepada ibu bapa, pastor, atau kaunselor yang boleh memberikan bimbingan. Minta mereka untuk bersedia melindungi privasi kamu.
3. Tetapkan Sempadan – Memasang penapis internet dan tidak ke tempat-tempat di mana kamu akan terdedah kepada pornografi. Dalam dunia iklan-iklan dan pemasaran pada hari ini, hal ini mungkin sukar, tetapi jika kamu menyerahkan pergumulan ini dalam doa kepada Tuhan, Dia akan memberikan kamu kekuatan untuk mengatasinya. Jika adakalanya kamu gagal, maka pergi semula ke langkah 1.
4. Gantikan Tabiat-tabiati yang Negatif – Isikan masa kau dengan aktiviti-aktiviti yang positif seperti senaman, sukan, hobi, gereja, atau aktiviti kemasyarakatan, dan melayani orang lain.



Melakukan hobi-hobi yang sihat

5. Galakkan Pandangan yang Sihat kepada Seksualiti – Belajar tentang ciptaan Tuhan tentang cinta, hormat, dan keintiman.
6. Didik Diri Kamu – Memahami kesan ketagihan pornografi melalui buku-buku dan artikel-artikel.
7. Amalkan Penjagaan Diri – Jaga kesihatan fizikal dan mental kamu untuk membina ketahanan.
8. Tetapkan Sasaran dan Pantau Kemajuan – Raikan kemenangan kecil dan terus melangkah ke depan.
9. Sentiasa Dijaga – Berhubung secara berkala dengan rakan yang menjaga kamu
10. Kekal Terhubung dengan Tuhan – Berdoa, membaca Alkitab, dan cari kekuatan dalam hubungan kamu dengan-Nya

14.4 Ringkasan Pelajaran

Ketagihan pornografi boleh terasa melelahkan tetapi sentiasa ada harapan. Alkitab meyakinkan kita dalam 1 Yohanes 1:9, “Tetapi jika kita mengakui dosa kita kepada Allah, Dia akan menepati janji-Nya dan berlaku adil. Dia akan mengampunkan dosa kita dan menyucikan kita daripada segala kesalahan.”

Statistik menunjukkan bahawa pemulihan boleh berlaku dengan sokongan yang tepat:

- o Kajian mendapati bahawa kebertanggungjawaban meningkatkan kadar kejayaan secara ketara dalam mengatasi ketagihan pornografi (Covenant Eyes, 2021 - https://www.covenanteyes.com/blog/covenant-eyes-accountability-partners-helped/?utm_source=chatgpt.com).
- o Program pemulihan yang berasaskan iman melaporkan tahap kejayaan yang tertinggi kerana penekanan mereka terhadap rahmat, kebertanggungjawaban, dan komuniti yang menyokong.

Rahmat Tuhan adalah lebih besar daripada apa-apa pergumulan. Dengan keazaman, sokongan, dan kepercayaan dalam-Nya, para remaja dapat mengatasi ketagihan pornografi dan menjalani kehidupan yang memuliakan Tuhan. Kamu tidak didefinisikan oleh kesilapan-kesilapan kamu tetapi oleh kasih dan penebusan Tuhan.

BAB 15

BAGAIMANAKAH ORANG KRISTIAN MENJAWAB SOALAN-SOALAN YANG SUKAR?

Roma 8:22 – “Kita tahu bahawa sampai ke saat ini seluruh ciptaan mengerang bagaikan sakit melahirkan anak.”



Bencana Semulajadi dalam Pandangan Dunia Berdasarkan Alkitab

15.1 Bencana Semulajadi dan Penderitaan Manusia dalam Pandangan Dunia Berdasarkan Alkitab

Salah satu daripada persoalan yang sangat sukar yang dihadapi oleh orang Kristian adalah mengapa bencana semulajadi dan penderitaan wujud dalam dunia yang diciptakan oleh Tuhan yang pengasih. Kejadian ini mungkin kelihatan rawak, kejam, dan sia-sia. Namun, Alkitab memberikan jawapan yang membantu kita memahami penderitaan, percaya kepada kedaulatan Tuhan, dan bertindak dengan belas kasihan dan harapan.

- **Memahami Asal-usul Penderitaan dalam Pandangan Berdasarkan Alkitab**

Dalam Kejadian, kita melihat Tuhan pada asalnya menciptakan dunia sebagai baik dan sempurna. Kejadian 1:31 berkata, “Maka Allah melihat segala yang Dia jadikan itu, dan kesemuanya sungguh baik.” Tidak ada kematian, penderitaan, atau kesakitan pada permulaannya. Bencana semulajadi seperti banjir, gempa bumi, dan kebuluran bukan sebahagian daripada rencana penciptaan Tuhan yang asal.

Jadi, mengapa ia wujud sekarang? Alkitab menjelaskan bahawa dosa masuk ke dunia melalui ketidaktaatan manusia. Dalam Kejadian 3, pemberontak Adam dan Hawa terhadap Tuhan telah membawa kutuk kepada ciptaan. Bab itu menjelaskan bagaimana dosa memasuki dunia melalui ketidaktaatan Adam dan Hawa. Penderitaan, termasuklah bencana semulajadi dan kesusahan, menjadi sebahagian daripada pengalaman manusia kerana dosa.

Roma 8:22 menjelaskan realiti ini: *“Kita tahu bahawa sampai ke saat ini seluruh ciptaan mengerang bagaikan sakit melahirkan anak.”* Kemusnahan dunia, termasuklah bencana semulajadi, adalah kesan daripada dosa manusia.



- **Sifat Kejatuhan dalam Ciptaan**

Kejatuhan umat manusia bukan hanya memberi kesan kepada manusia; ia memberi kesan kepada semua ciptaan. Apabila Adam dan Hawa berdosa, keadaan dunia alam semulajadi yang harmoni telah terganggu. Kerana inilah kini kita melihat perkara-perkara seperti gempa bumi, tsunami, dan kemarau.

Bencana semulajadi mengingatkan kita bahawa dunia ini bukanlah seperti apa yang sepatutnya. Ia menunjukkan akibat dosa dan keperluan untuk penebusan Tuhan yang sesungguhnya. Namun, biarpun dalam keadaan yang jatuh, ciptaan masih menunjukkan kemuliaan Tuhan (Mazmur 19:1), dan Dia terus mempertahankannya (Kolose 1:17).

- **Kedaulatan dan Belas Kasihan Tuhan**

Biarpun ketika bencana semulajadi dan penderitaan, Tuhan kekal berdaulat. Ini bermaksud semuanya masih di bawah kawalan-Nya, biarpun ketika kehidupan terasa kacau-balau. Yesaya 55:8-9 mengingatkan kita, “Sesungguhnya, rancangan-Ku bukanlah rancanganmu dan jalanmu bukanlah jalan-Ku,” isytihar Tuhan. Tujuan Tuhan adalah jauh lebih besar daripada apa yang kita fahami.

BAB 15: BAGAIMANAKAH ORANG KRISTIAN MENJAWAB SOALAN-SOALAN YANG SUKAR?

Pada masa yang sama, Tuhan tidak menjauh atau tidak prihatin. Alkitab menunjukkan kita Tuhan yang berbelas kasihan dan dekat kepada mereka yang menderita. Mazmur 34:18 berkata, “TUHAN merapati orang yang patah hati dan menyelamatkan orang yang menyesal.” Ketika bencana menyerang, Tuhan menawarkan ketenteraman, kekuatan, dan harapan kepada mereka yang datang kepada-Nya.



Kita juga melihat belas kasihan-Nya dalam kehidupan Yesus, yang menyembuhkan orang sakit, memberi makan orang yang lapar, dan menenangkan ribut. Tindakan-tindakan ini mengingatkan kita bahawa Tuhan sangat memerhatikan penderitaan manusia dan sedang bekerja di tengah-tengahnya.

• **Penebusan dan Harapan**

Alkitab menjanjikan bahawa bencana semulajadi dan penderitaan tidak akan kekal selamanya. Wahyu 21:4 memberikan kita sekilas pandangan tentang masa hadapan: “Allah akan menghapuskan setiap titik air mata mereka. Tiadalah lagi kematian, kesedihan dan tangisan. Tiada lagi kesakitan, kerana segala yang lama telah lenyap.”

Tuhan sedang bekerja untuk menebus semua ciptaan melalui Yesus Kristus. Roma 8:21 berbicara tentang satu hari di mana ciptaan itu sendiri akan dibebaskan daripada belenggunya kepada kemusnahan. Ini memberikan kita harapan bahawa kekecewaan yang kita alami sekarang adalah sementara dan akan dipulihkan satu hari nanti.

• **Merespon dengan Belas Kasihan dan Tindakan**

Sebagai orang Kristian, kita dipanggil untuk menunjukkan belas kasihan Tuhan dalam penderitaan. Ketika bencana alam semulajadi berlaku, respon kita seharusnya adalah kasih dan tindakan. Yakobus 2:15-16 mencabar kita, “Katakanlah seorang saudara lelaki atau saudara perempuan memerlukan pakaian dan kekurangan makanan. Apakah gunanya kamu berkata kepadanya, “Selamat jalan, pakailah baju panas dan makanlah secukupnya,” jika kamu tidak menghulurkan apa yang diperlukan tubuhnya?”

Berikut adalah cara-cara praktikal bagaimana kita boleh bertindak:

- **Berdoa:** Berdoa bagi mereka yang terkesan, minta Tuhan untuk memberikan penyelesaian, kesembuhan, dan pemulihan.
- **Bantuan:** Menyokong usaha memberi bantuan, menderma kepada organisasi yang boleh

dipercayai, atau memberikan masa kamu secara sukarela untuk membantu mereka yang memerlukan.

- Menggalakkan: Menawarkan harapan dengan mengingatkan orang lain tentang kehadiran dan janji Tuhan. Kongsikan Injil di mana bersesuaian.

Galakan Terakhir

Bencana semulajadi dan penderitaan manusia adalah peringatan yang menyakitkan tentang kemusnahan dunia. Tetapi ia juga menunjukkan kita bahawa kita memerlukan penebusan Tuhan. Sementara kita mungkin tidak memahami mengapa Tuhan membenarkan kejadian-kejadian ini, kita boleh mempercayai kedaulatan-Nya, bergantung kepada belas kasihan-Nya, dan menemukan harapan dalam janji-janji-Nya.

Sebagai anak-anak-Nya, kita mempunyai peranan untuk dilakukan. Dengan meresponi dengan kasih dan tindakan, kita menjadi alat untuk belas kasihan dan cahaya-Nya di dunia yang gelap. Dan ketika kita menantikan hari di mana semua perkara dijadikan baru, kita boleh berpegang kepada kebenaran bahawa Tuhan itu baik, biarpun di tengah-tengah penderitaan.

15.2 Pandangan Berdasarkan Alkitab tentang Peperangan dan Penderitaan Manusia



Peperangan sepanjang zaman

Peperangan dan penderitaan adalah di antara realiti hidup yang paling mencabar, dan ia membangkitkan persoalan-persoalan yang sukar tentang peranan dan tujuan Tuhan. Mengapa peperangan terjadi? Mengapa Tuhan tidak menghentikan mereka? Memahami isu ini melalui pandangan dunia berdasarkan Alkitab boleh membantu kita memahami kejadian-kejadian ini dan menguatkan iman kita, biarpun ketika tragedi itu.

- **Mengapa Terjadinya Peperangan**

Alkitab mengajar bahawa peperangan adalah akibat daripada sifat manusia yang berdosa. Yakobus 4:1-2 menjelaskan, “Apakah punca segala pergaduhan dan pertengkar dalam kalanganmu? Puncanya ialah keinginan hawa nafsu yang sentiasa bergolak dalam dirimu. Kamu berhasrat akan sesuatu tetapi tidak mendapatnya, maka kamu ingin membunuh. Kamu ingin memiliki sesuatu tetapi tidak berjaya, lalu kamu bertengkar dan bergaduh. Kamu tidak mendapat apa yang kamu ingini kerana kamu tidak memohonnya daripada Allah.” Petikan ini menunjukkan pada akar peperangan: ketamakan, kesombongan, dan kepentingan diri sendiri dalam manusia.

Peperangan bukan sebahagian daripada rekaan asal Tuhan. Pada permulaannya, Tuhan menciptakan dunia yang aman dan harmoni (Kejadian 1:31). Namun, dosa masuk ke dunia melalui ketidaktaatan manusia, merosakkan keamanan itu. Sejak itu, konflik muncul daripada pemberontakan umat manusia ke atas Tuhan dan antara satu sama lain.

Contoh dalam dunia sebenar, seperti Perang Dunia Kedua, menunjukkan realiti ini. Pencarian Adolf Hitler akan kuasa dan fahaman Nazi dipacu oleh keangkuhan, ketamakan, dan kebencian – gambaran nyata tentang kejatuhan sifat kemanusiaan akibat dosa.

- **Pilihan Bebas dan Realiti Dosa**

Tuhan memberikan manusia pilihan bebas – kebolehan untuk memilih di antara yang baik dan yang jahat. Pilihan bebas membenarkan kita untuk mengasihi, mentaati, dan menyembah Tuhan dengan bebas, tetapi ia juga datang dengan tanggungjawab. Malangnya, manusia sering kali menyalahgunakan anugerah ini, memilih kepentingan diri sendiri dan keganasan melebihi kedamaian dan kebenaran.

Realiti dosa bermaksud pilihan manusia sering kali membawa kepada konflik dan penderitaan. Roma 3:23 menyatakan, “Kerana semua manusia telah berdosa dan tidak dapat mencapai kemuliaan Allah.” Peperangan adalah satu cara di mana dosa menunjukkan dirinya dalam skala besar, sebagai individu, kumpulan, dan bangsa yang bertindak berdasarkan ketamakan, ketakutan, atau keangkuhan.

- **Kedaulatan Tuhan dan Tanggungjawab Manusia**

Biarpun manusia mempunyai pilihan bebas, Tuhan masih berdaulat. Ini bermaksud Dia mengawal segalanya, biarpun ketika dunia kelihatan kacau-bilau. Amsal 21:1 mengingatkan

kita, *“Hati raja seumpama anak sungai di dalam tangan TUHAN, dialirkan-Nya ke mana sahaja Dia kehendaki.”*

Namun, kedaulatan Tuhan tidak bermaksud Dia memaksa manusia untuk membuat keputusan yang baik. Dia membenarkan kita melakukan pilihan bebas kita, yang adakalanya membawa peperangan dan penderitaan. Ketegangan di antara kawalan Tuhan dan tanggungjawab manusia adalah sukar untuk difahami sepenuhnya, tetapi ia menunjukkan dalamnya kasih-Nya. Tuhan mahukan kita memilih untuk mengikuti-Nya, dan bukannya memaksa kita untuk melakukannya.

- **Misteri Jalan Tuhan**

Salah satu aspek yang paling sukar dalam peperangan dan penderitaan adalah kita tidak selalunya memahami mengapa Tuhan membenarkannya untuk berlaku. Yesaya 55:8-9 mengingatkan kita, *“Sesungguhnya, rancangan-Ku bukanlah rancanganmu dan jalanmu bukanlah jalan-Ku,”* demikianlah firman TUHAN. Terdapat misteri tentang rancangan dan tujuan Tuhan yang mungkin tidak kita fahami dalam hidup ini.

Sementara kita mungkin tidak selalu melihat campur tangan Tuhan dengan cara yang kita harapkan, Alkitab meyakinkan kita bahawa Dia selalu bekerja, membawa kebaikan biarpun dalam situasi yang dahsyat (Roma 8:28). Sebagai contoh, semasa Perang Dunia Kedua, ketakutan kepada Holocaust membawa kepada kesedaran dunia akan keperluan keadilan dan akhirnya membawa kepada penubuhan Israel sebagai sebuah negara, menggenapi nubuatan Alkitab.

- **Janji Penebusan**

Alkitab berjanji bahawa peperangan dan penderitaan tidak akan kekal untuk selamanya. Wahyu 21:4 memberikan kita harapan: *“Allah akan menghapuskan setiap titik air mata mereka. Tiadalah lagi kematian, kesedihan dan tangisan. Tiada lagi kesakitan, kerana segala yang lama telah lenyap.”* Satu hari, Yesus akan kembali untuk menyatakan kerajaan-Nya yang damai.

Pada masa yang sama, kita dipanggil untuk mengusahakan kedamaian dan keadilan, menunjukkan kasih Tuhan kepada dunia yang telah rosak. Matius 5:9 berkata, *“Diberkatilah mereka yang mendamaikan manusia, kerana mereka akan dipanggil anak-anak Allah.”* Sebagai orang Kristian, kita mempunyai peranan untuk membawa harapan dan kesembuhan kepada mereka yang terkesan dengan perang.

- **Meresponi dengan Belas Kasihan dan Tindakan**

Peperangan dan penderitaan adalah peluang bagi orang Kristian untuk menunjukkan kasih Tuhan dalam cara yang praktikal. Sebagai remaja yang masih di bangku sekolah, akan ada cara yang terhad di mana kita dapat meresponi peperangan. Tetapi ini adalah beberapa cara

di mana kita masih boleh melakukan bahagian kita:

- o Berdoa untuk Kedamaian – Berdoa bagi mereka yang terkesan dengan peperangan, untuk para pemimpin melakukan keputusan yang bijaksana, dan untuk kehendak Tuhan agar terlaksana.
- o Belajar tentang Ketidakadilan – Didik diri kamu tentang konflik dunia dan isu-isu yang menyebabkannya.
- o Bantu Mereka yang Memerlukan – Sokong organisasi yang memberikan pertolongan kepada pelarian, mangsa perang, dan lain-lain yang berada dalam krisis.
- o Kongsikan Kasih Tuhan – Tawarkan harapan dan ketenteraman kepada mereka yang terluka, mengingatkan mereka dengan janji Tuhan.

Kewujudan peperangan dan penderitaan adalah kesan daripada sifat manusia yang berdosa, tetapi ia tidak bermakna Tuhan tidak hadir atau tidak prihatin. Sebaliknya, Dia membawa kita untuk percaya kepada kedaulatan-Nya, biarpun ketika kita tidak benar-benar memahami jalan-Nya. Sebagai anak-Nya, kita dipanggil untuk menunjukkan belas kasihan-Nya dan berusaha ke arah kedamaian dalam dunia yang rosak.

Dengan bergelut dalam persoalan-persoalan yang sukar ini, kamu boleh bertumbuh dalam iman dan menjadi terang bagi orang lain, menunjukkan mereka harapan dan penebusan yang hanya boleh ditemukan dalam Kristus.

15.3 Meneroka Respon Berdasarkan Alkitab kepada Penderitaan Peribadi

Penderitaan adalah sesuatu yang dihadapi oleh semua orang, dan ia mungkin terasa melelahkan, terutamanya sebagai seorang remaja. Sama ada ianya kesakitan emosi, kehilangan, penolakan, atau cabaran fizikal, penderitaan sering kali membuatkan kita bertanya, “Mengapa ini terjadi?” Alkitab menyediakan jawapan dan pimpinan, membantu kita untuk melihat kehadiran Tuhan dalam kesakitan kita dan mengajar kita bagaimana untuk bertindak dengan iman dan harapan.

• Mengapa Penderitaan Wujud

Alkitab menjelaskan bahawa penderitaan wujud kerana dosa. Pada permulaannya, Tuhan menciptakan dunia yang sempurna tanpa kesakitan atau kematian (Kejadian 1:31). Namun, ketidaktaatan Adam dan Hawa membawa dosa ke dunia, merosakkan penciptaan dan memperkenalkan penderitaan (Kejadian 3:16-19). Roma 5:12 menjelaskan, *“Oleh itu, sebagaimana dosa memasuki dunia ini melalui seorang manusia, dan dengan demikian kematian menimpa semua manusia, kerana semuanya berdosa.”*

Namun, tidak semua penderitaan adalah kesan langsung daripada dosa peribadi. Kerosakan dunia bermaksud kesusahan adalah sebahagian daripada hidup. Yesus menyentuh ini dalam Yohanes 9:3 di mana Dia menjelaskan bahawa buta seorang lelaki bukanlah kerana dosa tetapi “supaya kuasa Allah dapat dinyatakan melaluinya.” Ini mengingatkan kita bahawa

penderitaan boleh mempunyai tujuan, biarpun ketika ia kelihatan seperti tidak adil.

- **Menyentuh Penderitaan Peribadi yang Mendalam**

Penderitaan sering kali dirasakan secara sangat peribadi dan tidak dapat diselesaikan, tetapi Alkitab memberikan contoh-contoh individu yang bertahan dengan kesakitan yang besar tetapi kekal setia kepada Tuhan.



Ayub berdiri di hadapan Tuhan

Ayub: Setia dalam Penderitaan

Ayub ialah seorang lelaki benar yang kehilangan anak-anaknya, kekayaan, dan harta. Biarpun menderita, Ayub memilih untuk mempercayai Tuhan, dan berkata, “TUHAN yang memberikan; TUHAN yang mengambil, segala puji bagi nama TUHAN” (Ayub 1:21). Biarpun dia tertanya-tanya dan bergumul, Ayub tetap mengakui kedaulatan Tuhan. Pada akhirnya, Tuhan memulihkan harta Ayub dan memberkatinya dengan lebih lagi daripada

sebelumnya, menunjukkan bahawa kesetiaan dalam penderitaan tidak pernah sia-sia.

Yusuf: Menderita untuk Tujuan yang Lebih Besar

Kehidupan Yusuf ditandakan dengan pengkhianatan dan kesukaran. Dijual kepada perhambaan oleh saudara-saudaranya dan dipenjarakan tanpa berbuat kesalahan, Yusuf boleh berputus asa. Namun, dia mempercayai rencana Tuhan. Bertahun-tahun kemudian, Yusuf memberitahu abang-abangnya, “Memang dahulu kamu berniat melakukan kejahatan terhadapku, tetapi Allah memaksudkan perbuatan kamu untuk tujuan yang baik sehingga wujud apa yang terjadi sehingga hari ini, iaitu dengan terpeliharanya kelangsungan hidup ramai manusia” (Kejadian 50:20). Kisah Yusuf mengajar kita bahawa Tuhan boleh menggunakan penderitaan untuk tujuan yang lebih besar yang kita tidak dapat lihat pada masa ini.

- **Tuhan Boleh Menggunakan Penderitaan untuk Membuatkan Kita Orang yang Lebih Baik**

Alkitab menunjukkan bahawa Tuhan boleh menggunakan penderitaan untuk membentuk keperibadian kita dan menguatkan iman kita. Roma 5:3-4 berkata, “*Bukan itu sahaja, tetapi kita juga bersukacita dengan penderitaan kita, kerana kita tahu bahawa penderitaan membina ketabahan. Ketabahan membina budi pekerti; dan budi pekerti membina harapan.*”

Penderitaan boleh:

- o Membantu kita bertumbuh dalam kesabaran, empati, dan kebergantungan kepada Tuhan.

BAB 15: BAGAIMANAKAH ORANG KRISTIAN MENJAWAB SOALAN-SOALAN YANG SUKAR?

- o Mengajar kita untuk mempercayai masa dan hikmat Tuhan.
- o Mempersiapkan kita untuk menenangkan dan menyokong orang lain yang sedang bergumul (2 Korintus 1:3-4).

Kepayahan Yusuf mempersiapkannya untuk memimpin Mesir pada masa kebuluran, dan dugaan Ayub memperdalam pemahamannya tentang kuasa dan kesetiaan Tuhan. demikian juga, penderitaan kamu boleh menjadi alat untuk pertumbuhan dan tujuan

• **Mempercayai Tuhan Ketika Kita Tidak Memahami**

Adakalanya, kita tidak dapat memahami mengapa kita menderita. Pada saat itu, Alkitab memanggil kita untuk mempercayai keperibadian dan janji-janji Tuhan. Yesaya 55:8-9 mengingatkan kita, ““Sesungguhnya, rancangan-Ku bukanlah rancanganmu dan jalanmu bukanlah jalan-Ku,”demikianlah firman TUHAN.” Biar pun ketika kita tidak mempunyai jawapan, kita boleh mempercayai bahawa:

- o Tuhan itu baik dan pengasih.
- o Dia mengawal segalanya, biarpun dalam keadaan yang kacau-bilau.
- o Dia akan membawa kesembuhan dan pemulihan yang nyata (Wahyu 21:4).

Kisah Ayub mengajar kita bahawa kita mungkin tidak akan pernah memahami mengapa kita menderita, tetapi kita boleh mempercayai bahawa rancangan Tuhan itu baik.

• **Mencari Sokongan dalam Komuniti Orang Percaya**

Penderitaan adalah lebih mudah ditanggung ketika kita tidak menghadapinya bersendirian. Tuhan menciptakan kita untuk menjadi sebahagian daripada komuniti di mana kita boleh kongsi beban kita dan mencari galakan. Galatia 6:2 berkata, “*Tanggung-menanggunglah beban satu sama lain, dan dengan demikian laksanakan hukum Kristus.*”

Cara untuk mencari sokongan:

- o Berbicara dengan Orang Percaya: Kongsi pengalaman kamu dengan ahli keluarga, sahabat, atau mentor yang boleh berdoa untuk kamu dan menawarkan galakan.
- o Sertai Kumpulan Gereja: Jadi sebahagian daripada kumpulan muda-mudi atau kumpulan mempelajari Alkitab akan memberikan ruang yang selamat untuk



bertumbuh dalam iman dan mencari sokongan.

- o Dapatkan Doa dan Nasihat: Minta doa daripada gereja kamu atau seorang pemimpin yang dapat dipercayai.

Apabila kamu terhubung dengan orang-orang percaya yang lain, kamu akan mengalami kasih Tuhan dan sokongan melalui orang-orang-Nya.

- **Berpegang pada Iman dan Kepercayaan**

Iman tidak bermaksud mengabaikan kesakitan; ia bermaksud mempercayai Tuhan melaluinya. Ibrani 11:1 mendefinisikan iman sebagai *“kepastian akan perkara-perkara yang diharapkan, keyakinan akan perkara-perkara yang tidak dilihat.”* Keyakinan ini membenarkan kita untuk berpegang pada janji-janji Tuhan, biarpun ketika kehidupan terasa tidak pasti.

Langkah-langkah praktikal untuk berpegang pada iman:

- o Berdoa Setiap Hari: Kongsikan fikiran dan emosi kamu dengan Tuhan, dan minta pimpinan-Nya.



Saat teduh – ialah masa yang diluankan bersendirian bersama Tuhan; membaca dan merenungkan Alkitab, berdoa dan adakalanya menyembah bersendirian

BAB 15: BAGAIMANAKAH ORANG KRISTIAN MENJAWAB SOALAN-SOALAN YANG SUKAR?

- o Membaca Alkitab: Tumpukan pada petikan yang mengingatkan kamu akan kesetiaan Tuhan, seperti Mazmur 23 atau Roma 8:28.
- o Menyembah: Muzik dan penyembahan boleh mengangkat hati kamu dan mengingatkan kamu akan kehadiran Tuhan.
- o Mempercayai Masa Tuhan: Ingat bahawa Tuhan bekerja pada masa-Nya yang tepat, biarpun ketika kita tidak dapat melihat gambaran keseluruhannya.

Penderitaan peribadi tidak pernah mudah, tetapi ia tidak pernah tanpa tujuan. Kisah Ayub, Yusuf, dan yang lain-lain mengingatkan kita bahawa Tuhan hadir dalam kesakitan kita, menggunakannya untuk membentuk kita dan mencapai rencana-Nya yang lebih besar. Ketika penderitaan terasa melelahkan, bersandarlah pada janji-janji Tuhan, cari sokongan daripada komuniti yang mengasihi, dan percaya bahawa Dia sedang bekerja untuk kebaikan kamu. Penderitaan kamu bukanlah pengakhiran bagi kisah kamu. Dengan iman, kepercayaan, dan galakan daripada orang lain, kamu dapat menempuhi penderitaan dengan harapan, dengan mengetahui bahawa kasih dan penebusan Tuhan adalah lebih besar daripada apa-apa percubaan yang kamu hadapi.

15.4 Beberapa Cara Praktikal yang Boleh Kamu Lakukan Untuk Bertindak dan Menyokong Golongan Terpinggir dalam Masyarakat



Cara-cara praktikal untuk membantu

Terdapat ramai orang yang menderita dalam masyarakat kita. Ada yang ketara, ada yang tidak. Kita mungkin tidak mempunyai sumber untuk membantu dengan cara yang bear tetapi kita semua boleh melihat dengan cara yang berbeza di mana kita boleh melakukan bahagian kita dan melakukan perbezaan. Berikut adalah beberapa cara praktikal yang kamu boleh pertimbangkan untuk lakukan dan sokong yang terpinggir dalam komuniti kamu. Empat yang pertama adalah idea yang lebih baik dilakukan bersama kumpulan di gereja kamu sementara yang lain boleh dilakukan secara individu.

1. Menjadi Sukarelawan di Tempat Perlindungan atau Bank Makanan

- Remaja boleh menyumbang masa mereka di tempat perlindungan gelandangan, dapur amal, atau bank makanan dengan menghidangkan makanan, menyusun sumbangan, atau membantu dalam tugas harian.

2. Melawat Warga Emas atau Individu Kurang Upaya

- Lawati warga emas di rumah jagaan atau individu kurang upaya dalam komuniti untuk menenangkan, membantu dengan urusan harian atau melakukan kerja rumah.

3. Sertai Program Pembersihan Komuniti

- Mereka boleh mengambil bahagian dalam acara pembersihan kawasan awam untuk mencantikan persekitaran dan menjadikannya lebih baik untuk semua, termasuk komuniti terpinggir.

4. Menawarkan Khidmat Tuisyen atau Mentoring

- Mereka boleh menawarkan khidmat tuisyen atau mentoring kepada kanak-kanak daripada keluarga berpendapatan rendah atau komuniti pelarian untuk membantu mereka berjaya dalam akademik dan membina keyakinan.

5. Menyokong Badan Amal atau NGO Tempatan

- Remaja boleh menyokong badan amal atau NGO Tempatan yang bekerja secara langsung dengan komuniti terpinggir dengan menyumbangkan wang, menjadi sukarelawan atau menyebarkan kesedaran tentang aktiviti-aktiviti yang dilakukan dalam pekerjaan mereka.

6. Menunjukkan Kebajikan dan Hormat

- Galakkan remaja untuk bersikap baik dan hormat kepada semua orang yang mereka temui, tanpa mengira latar belakang dan keadaan mereka. Perbuatan kebaikan yang kecil, seperti senyuman, sapaan, atau telinga yang mendengar mampu memberi kesan besar.

7. Mendidik Diri dan Orang Lain

- Remaja boleh mendidik diri mereka dan orang lain tentang cabaran yang dihadapi oleh kumpulan terpinggir dalam masyarakat, termasuklah isu yang berkaitan dengan kemiskinan, gelandangan, diskriminasi, dan ketidaksama-rataan.

8. Menjadi Seorang Sahabat

- Galakkan remaja untuk menjadi mesra dan menyambut semua orang, serta berusaha untuk melibatkan mereka yang sering rasa tersisih atau diketepikan.

Pemikiran Terakhir

Kamu tidak perlu menjadi sempurna untuk membuat perubahan yang besar. Bekerja bersama dengan gereja kamu, bekerja dalam kumpulan, atau dalam keadaan-keadaan tertentu, kamu boleh bekerja secara individu. Mulakan dengan tindakan yang kecil dan ringkas yang menunjukkan kasih dan keprihatinan kepada mereka yang memerlukan. Dengan bertindak dalam belas kasihan dan iman, kamu menunjukkan kasih Tuhan dan membantu mereka yang memerlukan.

BAB 16

MENGAPLIKASIKAN PANDANGAN DUNIA BERDASARKAN ALKITAB DALAM KEHIDUPAN SEHARIAN

Roma 12:2 – “Janganlah ikut cara dunia, sebaliknya berubahlah menurut pembaharuan fikiranmu. Dengan demikian, kamu dapat memastikan apa kehendak Allah itu, apa yang baik, yang diredai-Nya dan yang sempurna.”

Menghidupi pandangan dunia berdasarkan Alkitab bermaksud membiarkan kebenaran Tuhan memimpin apa yang kamu fikir, katakan, dan lakukan pada setiap hari. Ia tentang menunjukkan Yesus dalam kehidupan kamu, sama ada di rumah, sekolah, atau bersama kawan. Walaupun ianya tidak selalunya mudah, hidup dengan cara ini membawa tujuan, kedamaian, dan sukacita.



Mengaplikasikan pandangan dunia berdasarkan Alkitab dalam kehidupan sehari-hari

Bagaimana kita dapat mengaplikasikan pandangan dunia berdasarkan Alkitab kita dalam kehidupan setiap hari? Pada fikiran kamu apakah beberapa manfaat dan kesukaran yang kamu akan hadapi ketika cuba untuk mengaplikasikan pandangan dunia berdasarkan Alkitab dalam kehidupan seharian kamu, di rumah, ketika bermain, di sekolah atau dalam perumahan kamu?

Nota Tambahan bagi remaja yang lebih matang yang ingin meneroka dan berbincang tentang Pandangan Dunia Berdasarkan Alkitab untuk Politik. Terokai cara remaja boleh menyumbang dengan makna dalam bidang ini.

- **Politik:**

- o *Pandangan Berdasarkan Alkitab:* Alkitab mengajar bahawa orang Kristian adalah warga kepada kerajaan dunia dan Kerajaan Tuhan (Roma 13:1, Filipi 3:20). Orang Kristian diseru untuk berdoa bagi pemimpin mereka, terlibat dengan kewarganegaraan yang bertanggungjawab, dan menganjurkan polisi yang selari dengan prinsip berdasarkan Alkitab tentang keadilan dan kebenaran (1 Timotius 2:1-2, Amsal 29:2).
- o *Langkah-langkah Tindakan:* Remaja boleh terus mengikuti perkembangan semasa dan isu politik, menyertai perbincangan dengan rakan sebaya dan orang dewasa, berdoa untuk pemimpin kerajaan dan wakil rakyat yang dipilih, serta melaksanakan hak untuk mengundi apabila mencapai umur yang layak.

16.1 Mengasihi Orang Lain Seperti Diri Sendiri

- **Aplikasi:** Kasih orang lain dengan melayani mereka dengan kebaikan, belas kasihan, dan hormat, tidak kira siapa mereka. Jadilah sahabat kepada seseorang yang berasa tersisih, dengarlah apabila orang lain sedang bergelut, atau bantulah sesiapa yang memerlukan.
- **Apa Kata Alkitab:** Yesus berkata, "*Kasihilah sesamamu manusia seperti dirimu sendiri*" (Matius 22:39). Mengasihi orang lain adalah salah satu perintah terbesar yang diberikan oleh Tuhan. Dengan menunjukkan kasih, kita menunjukkan kasih Tuhan kepada dunia.
- **Manfaat:** Dengan menunjukkan kasih Tuhan kepada orang lain, kita boleh mengalami hubungan yang lebih mendalam, empati yang lebih besar, serta rasa kepenuhan dan tujuan dalam hidup mereka.
- **Kesukaran:** Sukar untuk mengasihi orang yang sukar, tidak baik, atau berbeza daripada kamu. Tekanan rakan sebaya atau sikap berat sebelah peribadi mungkin menyukarkan untuk melayani semua orang dengan sama rata. Berdoalah agar Tuhan memberi kekuatan untuk membantu kamu mengasihi seperti mana Dia mengasihi.

16.2 Menganjurkan Keadilan dan Kesamarataan

- **Aplikasi:** Berdirilah untuk apa yang benar dengan mempertahankan orang lain yang diperlakukan secara tidak adil. Bersuara menentang buli, sokong usaha yang mempromosikan keadilan, atau bantu seseorang yang diketepikan.

- **Apa Kata Alkitab:** Mikha 6:8 berkata, “*Dan apakah yang dituntut TUHAN daripadamu selain menegakkan keadilan, mencintai kesetiaan, dan hidup dengan rendah hati di hadapan Allahmu?*” Memperjuangkan keadilan adalah sebahagian daripada hidup mengikut panggilan Tuhan untuk menjaga sesama.
- **Manfaat:** Kita boleh membawa perubahan bermakna, mewujudkan persekitaran yang lebih baik dan adil untuk semua. Kita juga dapat belajar dan bertumbuh dalam keberanian dan belas kasihan ketika membantu orang lain.
- **Kesukaran:** Memperjuangkan keadilan mungkin menyebabkan kita tidak disukai, dan kita mungkin menghadapi kritikan atau disalahfaham. Berdoalah untuk kebijaksanaan dan keberanian, dan ingat bahawa Tuhan bersama kamu ketika kamu berdiri untuk kebenaran.

16.3 Hurlkan Kemaafan dan Rahmat

- **Aplikasi:** Amalkan pengampunan dan hurlkan kasih karunia kepada mereka yang telah menyakiti kamu, jika mereka menyesal. Walaupun mereka tidak layak, pilihlah untuk menunjukkan kebaikan dan lepaskan kepahitan kerana kita sendiri telah diampuni oleh Tuhan.
- **Apa Kata Alkitab:** Efesus 4:32 berkata, “*Dan berbelas kasihlah satu sama lain, bersikap baik, saling memaafkan, sebagaimana Allah telah mengampunimu dalam Kristus.*” Tuhan telah mengampuni kita, maka kita juga dipanggil untuk mengampuni orang lain.
- **Manfaat:** Pengampunan membawa kebebasan dan kedamaian kepada hati kamu. Ia membantu memulihkan hubungan dan membolehkan kamu mengalami kasih karunia Tuhan dengan lebih mendalam.
- **Kesukaran:** Mengampuni boleh menjadi sukar, terutamanya apabila luka itu dalam atau sedang berterusan. Kita mungkin bergelut dengan kemarahan, pengkhianatan atau keinginan membalas dendam, tetapi melalui doa dan kebergantungan kepada kekuatan Tuhan, kita boleh mengatasinya. Minta kekuatan daripada Tuhan untuk mengampuni, dan percayalah bahawa Dia akan membawa pemulihan.

16.4 Membina Komuniti yang Melibatkan Kebenaran Tuhan

- **Aplikasi:** Cipta persekitaran yang mesra di mana semua orang merasa dihargai dan disokong. Sertakan orang daripada latar belakang yang berbeza dan jadilah sahabat kepada mereka yang rasa disisihkan atau dipinggirkan.
- **Apa Kata Alkitab:** Galatia 3:28 berkata, “*Tiadalah lagi orang Yahudi atau orang Yunani, hamba atau orang merdeka, lelaki atau perempuan, kamu semua menjadi satu dalam Kristus Yesus.*” Ayat ini menekankan bahawa dalam kerajaan Tuhan, semua orang dihargai sama rata tanpa mengira latar belakang, status atau identiti.
- **Manfaat:** Dengan memupuk rasa kebersamaan, kita membantu membina komuniti di mana setiap individu daripada semua latar belakang boleh berusaha dan berkembang.

- **Kesukaran:** Mengikutsertakan orang lain mungkin memerlukan kita keluar dari zon selesa atau mencabar pemikiran biasa. Sesetengah orang mungkin menentang perubahan, tetapi dengan berpegang pada kasih dan ajaran Alkitab, kita boleh membawa perbezaan.

16.5 Mencari Hikmat dan Pimpinan daripada Tuhan

- **Aplikasi:** Berdoalah secara konsisten, baca Alkitab, dan berbincanglah dengan mentor atau pemimpin rohani yang dipercayai ketika membuat keputusan. Mohon Tuhan untuk membimbing langkah kamu dan membantu kamu mengikut kehendak-Nya.
- **Apa Kata Alkitab:** Amsal 3:5-6 berkata, “*Percayalah kepada TUHAN dengan sepuh hatimu dan janganlah bersandar kepada pengertianmu sendiri. Ingatlah Dia dalam segala jalanmu, maka Dia akan meluruskan jalanmu.*” Mencari hikmat Tuhan membantu kita kekal di jalan yang benar.
- **Manfaat:** Dengan menyelaraskan hidup kita dengan kehendak dan tujuan Tuhan, kita dapat mengalami kedamaian, kejelasan, dan panduan dalam membuat keputusan serta hubungan.
- **Kesukaran:** Kadangkala sukar untuk mendengar suara Tuhan di tengah gangguan atau keraguan. Teruslah berdoa dengan tekun dan percayalah bahawa Tuhan akan membimbing kamu pada waktu-Nya.



16.6 mempraktikkan Integriti dan Kejujuran

- **Aplikasi:** Bersikap jujur dalam semua perkara yang kamu lakukan. Ini termasuklah jujur ketika ujian, menepati janji, atau mengakui ketika kamu telah melakukan sebuah kesalahan.
- **Apa Kata Alkitab:** Kolose 3:23 berkata, “*Lakukan segala kerja dengan sebulat hatimu untuk Tuhan, bukan untuk manusia.*” Hidup dengan integriti memuliakan Tuhan dan membina kepercayaan dengan orang lain.
- **Manfaat:** Integriti menguatkan keperibadian kamu dan membina rasa hormat daripada orang lain. Ia juga membantu kamu memiliki hati nurani yang tenang dan hubungan yang kuat dengan Tuhan. Rakan baik dan majikan pada masa hadapan akan menghargai sifat ini.
- **Kesukaran:** Bersikap jujur mungkin sukar apabila berasa tertekan untuk mengambil jalan pintas atau ingin diterima orang lain. Ingatlah, Tuhan melihat dan akan membalas kesetiaan kamu.

16.7 Ketika berhadapan dengan persoalan-persoalan dalam kehidupan seharian, seberapa manakah kita bertanyakan

- Apakah yang Alkitab katakan tentang ini?
- Apakah yang akan dilakukan oleh hero-hero dalam Alkitab dalam situasi yang sama?
- Secara keseluruhannya, dalam mengaplikasikan pandangan dunia berdasarkan Alkitab dalam kehidupan mereka seharian, para remaja boleh mengalami pelbagai manfaat ketika mereka berusaha untuk menunjukkan kasih Tuhan kepada mereka yang telah disalahfahamkan atau dipinggirkan dalam masyarakat. Melalui doa, kebergantungan kepada kekuatan Tuhan, dan sokongan daripada komuniti iman mereka, mereka dapat mengatasi kesukaran dan membuat kesan yang positif di dunia sekeliling mereka.

16.8 Memperbaharui Minda – Kuasa Perubahan daripada Roh Kudus, Alkitab, dan Doa



Rasul Paulus menulis: “Janganlah ikut cara dunia, sebaliknya berubahlah menurut pembaharuan fikiranmu. Dengan demikian, kamu dapat memastikan apa kehendak Allah itu, apa yang baik, yang diredai-Nya dan yang sempurna.”

Menghidupi pandangan dunia berdasarkan Alkitab bukan hanya tentang apa yang kita percaya; ia tentang membiarkan Tuhan mengubah kita dari dalam ke luar. Roma 12:2 berkata, “*Janganlah ikut cara dunia, sebaliknya berubahlah menurut pembaharuan fikiranmu. Dengan demikian, kamu dapat memastikan apa kehendak Allah itu, apa yang baik, yang diredai-Nya dan yang sempurna.*” Transformasi ini berlaku melalui karya Roh Kudus, pembelajaran akan Firman Tuhan, dan doa. Mari kita pecahkan ini kepada mengapa ia penting dan bagaimana kita boleh membenarkan Tuhan memperbaharui fikiran kita.

- **Mengapa Mengaplikasikan Pandangan Dunia Berdasarkan Alkitab Itu Penting**

- o **Panduan dan Arah Tujuan**

Alkitab memberikan hikmat untuk setiap aspek kehidupan—bagaimana untuk melayani orang lain, membuat keputusan, dan berkembang secara rohani. Mazmur 119:105 berkata, *“Firman-Mu lampu bagi kakiku dan cahaya bagi jalanku.”* Firman Tuhan membantu kita mengharungi kehidupan dengan jelas dan yakin. Maka, pembelajaran Firman Tuhan yang tetap ialah langkah pertama dalam mengaplikasikan Pandangan Dunia Berdasarkan Alkitab.

- o **Asas Kebenaran**

Dalam dunia yang penuh dengan pelbagai idea dan kepercayaan, pandangan dunia berdasarkan Alkitab memberikan asas kebenaran yang kukuh. Yesus berkata, *“Akulah jalan dan kebenaran dan hidup”* (Yohanes 14:6). Apabila kita mengikut kebenaran-Nya, kita menjadi teguh walau apa pun cabaran yang datang.

- o **Transformasi**

Mengaplikasikan pandangan dunia berdasarkan Alkitab mengubah kita supaya menjadi lebih seperti Yesus. 2 Korintus 5:17 mengingatkan kita, *“Jadi siapa yang ada di dalam Kristus, ia adalah ciptaan baru: yang lama sudah berlalu, sesungguhnya yang baru sudah datang!”*

- o **Saksi dan Kesan**

Apabila kita hidup mengikut prinsip Tuhan, hidup kita mencerminkan kasih dan kasih karunia-Nya kepada orang lain. Matius 5:16 menggalakkan, *“Biarlah terangmu bercahaya di hadapan orang, supaya mereka melihat perbuatanmu yang baik dan memuliakan Bapamu yang di sorga.”*

- **Menerima Kuasa Transformasi Roh Kudus**

- o **Doa**

Doa menghubungkan kita dengan kuasa Tuhan. Minta Tuhan untuk membaharui minda kamu dan memberikan kekuatan untuk menghidupi Firman-Nya. Filipi 4:6-7 berkata, *“Janganlah kamu khuatir tentang apa-apa juga, tetapi dalam segala hal nyatakanlah keinginanmu kepada Allah dalam doa dan permohonan dengan ucapan syukur.”*

- o **Pengkajian Firman**

Alkitab ialah kebenaran Tuhan, dan membacanya secara tetap membolehkan Roh Kudus mengajar dan membimbing kita. Mazmur 1:2-3 berkata, *“Tetapi yang kesukaannya ialah hukum TUHAN, dan yang merenungkan Taurat itu siang dan malam. Ia seperti pohon yang ditanam di tepi aliran air.”*

- o **Persekutuan dan Pemuridan**

Menghabiskan masa bersama orang percaya membantu kita kekal bertanggungjawab dan dikuatkan. Amsal 27:17 berkata, *“Besi menajamkan besi, orang menajamkan sesamanya.”* Menjadi sebahagian daripada gereja, kumpulan muda-mudi, atau kajian Alkitab membolehkan kita bertumbuh bersama dalam iman.



Kuasa Transformasi Roh Kudus

- o **Tunduk kepada Kehendak Tuhan**

Melepaskan rancangan kamu sendiri dan mempercayai arah Tuhan akan membuka ruang bagi karya-Nya dalam hidup kita. Yakobus 4:7 berkata, *“Tunduklah kepada Allah, lawanlah Iblis, maka ia akan lari daripadamu.”*

- o **Berjalan dalam Ketaatan**

Apabila kita mengikuti perintah Tuhan dan teladan Yesus, kita memberi ruang kepada Roh Kudus untuk bekerja dalam diri kita. Yohanes 14:15 berkata, *“Jika kamu mengasihi Aku, kamu akan menuruti segala perintah-Ku.”* Ketaatan adalah kunci untuk mengalami perubahan yang kekal.

Memperbaharui minda kamu bukanlah satu peristiwa yang hanya satu kali berlaku – ia adalah satu proses harian untuk mempercayai Tuhan dan membenarkan-Nya bekerja dalam kehidupan kamu. Seperti yang ditulis oleh penulis Kristian yang terkenal C. S. Lewis, *“Bayangkan dirimu sebagai sebuah rumah hidup. Tuhan datang untuk membina semula rumah itu. Pada awalnya, mungkin kamu faham apa yang Dia lakukan. Tetapi tidak lama kemudian, Dia mula merobohkan dinding dan membina bilik-bilik baru. Kamu fikir Dia hanya akan menjadikanmu sebagai sebuah pondok kecil yang baik: tetapi Dia sedang membina sebuah istana. Dia berniat untuk tinggal di dalamnya sendiri.”*

Dengan berdoa, mengkaji Firman, menghabiskan masa bersama orang percaya, dan berjalan dalam ketaatan, kamu mengundang Tuhan untuk mengubah hati dan minda kamu. Ketika Dia memperbaharui kamu, kamu akan menjadi lebih dekat dengan-Nya dan menunjukkan kasih dan kebenaran-Nya kepada dunia sekeliling.

16.9 Mempunyai persahabatan yang baik

Rakan-rakan yang kamu pilih untuk berada di sekeliling kamu boleh memberi kesan yang besar kepada iman dan cara kamu menjalani kehidupan kamu. Alkitab banyak bercakap tentang pentingnya persahabatan yang baik kerana orang di sekeliling kita mempengaruhi pilihan, kepercayaan, dan sikap kita. Walaupun kita harus menjaga persahabatan dengan mereka yang belum percaya, kita juga perlu rapat dengan sekumpulan orang percaya yang akan mempengaruhi pandangan dunia kita. Mari kita lihat mengapa menjaga persahabatan yang baik itu penting dan bagaimana ia boleh membantu kamu bertumbuh dalam iman:

- **Pengaruh – Rakan Membentuk Siapa Diri Kamu**

Orang yang kamu habiskan masa bersama boleh membentuk cara berfikir dan tingkah laku kamu. Amsal 13:20 berkata, *“Siapa yang bergaul dengan orang bijak menjadi bijak, tetapi siapa yang berteman dengan orang bodoh akan mendapat celaka.”* Rakan yang baik boleh mendorong kamu membuat keputusan bijak, sementara pengaruh buruk boleh menjauhkan kamu daripada Tuhan. Ketika kamu dikelilingi oleh orang-orang yang komited untuk hidup bagi Tuhan, mereka boleh menginspirasi dan mencabar kamu untuk terus setia, biarpun ianya sukar. Mereka akan menggalakkan kamu untuk bertumbuh dalam hubungan kamu dengan Tuhan dan menghidupi iman kamu dengan berani.

- **Tanggungjawab Bersama – Kekal di Landasan Bersama-sama**

Rakan yang baik boleh membantu kamu kekal bertanggungjawab dalam iman. Mereka mengingatkan kamu tentang kebenaran Tuhan dan menggalakkan kamu terus berjuang ketika kamu rasa ingin menyerah. Ibrani 10:24-25 berkata, *“Dan marilah kita saling memperhatikan supaya kita saling mendorong dalam kasih dan dalam pekerjaan baik. Janganlah kita menjauhkan diri dari pertemuan ibadah kita, seperti dibiasakan oleh beberapa orang, tetapi marilah kita saling menasihati.”*

Apabila kamu mempunyai rakan yang berkongsi iman yang sama, mereka boleh dengan penuh kasih memperbetulkan kamu apabila kamu menuju ke arah yang salah dan bersorak bagi kamu apabila kamu melakukan perkara yang betul. Tanggungjawab bersama seperti ini membantu kamu untuk tetap berakar dalam Firman Tuhan dan hidup dengan tujuan.



Rakan yang baik akan terus bertanggungjawab untuk kamu

- **Dorongan – Menyokong Satu Sama Lain Dalam Masa Sukar**

Hidup ini boleh mencabar, tetapi rakan-rakan yang baik boleh membuat perbezaan. Pengkhotbah 4:9-10 berkata, *“Berdua lebih baik daripada seorang diri, kerana mereka menerima upah yang baik dalam jerih payah mereka. Sebab jika mereka jatuh, yang seorang mengangkat temannya, tetapi kasihan orang yang jatuh, yang tidak mempunyai orang lain untuk mengangkatnya.”*

Rakan yang mendoakan dan menjaga kamu dapat memberi kekuatan untuk menghadapi cabaran hidup.

- **Pertumbuhan Rohani – Bertumbuh dalam Iman Bersama**

Sahabat yang baik boleh membantu kamu bertumbuh secara rohani dengan menggalakkan kamu meluangkan masa dalam doa, mempelajari Alkitab, dan mengikut jalan Tuhan. Amsal 27:17 berkata, *“Seperti besi menajamkan besi, demikianlah seseorang menajamkan sesamanya.”* Apabila kamu meluangkan masa bersama sahabat yang serius tentang iman mereka, kamu akan saling belajar, berdoa bersama, dan menjadi lebih dekat dengan Tuhan. Mereka akan mencabar kamu untuk lebih mendalami hubungan kamu dengan Tuhan dan menghidupi iman kamu dengan lebih sepenuhnya.

- **Menghindari Godaan – Tetap Setia dengan Iman Kamu**

Pergaulan yang salah boleh menjauhkan kamu daripada kebenaran Tuhan dan menggoda kamu untuk mengorbankan nilai-nilai kamu. 1 Korintus 15:33 memberi amaran, *“Janganlah kamu tertipu: ‘Pergaulan yang buruk merosakkan akhlak yang baik.’”* Memilih sahabat dengan bijak melindungi kamu daripada dipengaruhi oleh tingkah laku atau sikap yang merosakkan.

Apabila kamu dikelilingi oleh sahabat yang hidup mengikut prinsip Tuhan, mereka membantu kamu untuk kekal fokus kepada perkara yang paling penting. Mereka menggalakkan kamu untuk menghormati Tuhan dalam setiap keputusan kamu dan menjauhi perkara yang boleh menjauhkan kamu daripada-Nya.

Galakan Terakhir

Orang-orang yang kamu pilih untuk meluangkan masa bersama boleh membawa kamu lebih dekat dengan Tuhan atau menarik kamu jauh daripada-Nya. Mempunyai rakan yang baik tidak bermaksud kamu mengelakkan semua orang yang tidak berkongsi iman yang sama dengan kamu, tetapi ia bermaksud mempunyai niat tentang orang-orang yang mempunyai pengaruh yang terbesar dalam hidup kamu. Kelilingi diri kamu dengan rakan-rakan yang menggalakkan kamu untuk mengasihi Tuhan, hidup untuk-Nya, dan bertumbuh dalam iman kamu.



Kelilingi diri kamu dengan rakan-rakan yang menggalakkan kamu untuk mengasihi Tuhan.

16.10 Ringkasan Pelajaran

Menghidupi pandangan dunia berdasarkan Alkitab bermaksud membiarkan iman kamu mempengaruhi pilihan-pilihan yang kamu lakukan setiap hari. Sama ada ia menunjukkan kebaikan kepada orang lain, mempertahankan apa yang benar, mengampuni seseorang, bersahabat dengan orang yang berasa terpinggir, meminta hikmat daripada Tuhan, bersikap jujur, atau membantu mereka yang memerlukan – semua perkara yang kamu lakukan boleh menunjukkan kasih dan kebenaran Tuhan.

Hidup tidak selalunya mudah, dan kamu mungkin menghadapi cabaran. Tetapi ingat, Tuhan sentiasa beserta kamu. Dia akan memimpin dan menguatkan kamu walau apapun, jika kamu terus terhubung dengan-Nya dalam doa dan dengan membaca Firman-Nya. Bersandar juga kepada gereja kamu atau komuniti iman kamu untuk sokongan. Percaya bahawa Dia dapat menggunakan tindakan kamu untuk membuat perbezaan yang sebenarnya dalam dunia ini. Dengan menghidupi iman kamu, kamu dapat menunjukkan kasih dan harapan dalam Yesus kepada orang lain.

1. Sean McDowell, *A Rebel's Manifesto*, Diterbitkan oleh Tyndale, 2022
2. Dr Ralph F. Wilson, *Beginning the Journey, Discipleship and Spiritual Formation*, Diterbitkan oleh Jesus Walk Publications, 2009
3. Janet Ruth, *Finding Your Part in God's Master Story – An exploration of Christian Worldviews*, Diterbitkan oleh Ambassador International, 2021
4. Todd Capp, *I'm a Christian – Now What?* Diterbitkan oleh Lifeway Press, 2012
5. Philip Graham Ryken, *Christian Worldview – A Student's Guide*, Diterbitkan oleh Crossway, 2013
6. Tawa Anderson, Michael Clark, David Naugle, *An Introduction to Christian Worldview*, Diterbitkan oleh Inter-Varsity Press (IVP), 2017
7. Don Carson, *Basics for Believers*, Diterbitkan oleh Inter-Varsity Press (IVP) 1995
8. Hugh Ross, *Why the Universe is the Way it is*, Diterbitkan oleh Baker Books, 2008
9. Elmer Towns, *Core Christianity – What is Christianity all about*, Diterbitkan oleh AMG Publishers, 2007
10. E. Randolph Richard, Brandon J. O'Brien, *Misreading Scripture with Western Eyes*, Diterbitkan oleh Inter-Varsity Press (IVP), 2012
11. Mark L. Ward Jr, *Biblical Worldview Student Text Student Text*, Diterbitkan oleh Bob Jones University (BJU), 2015

SIRI JEJAK KEHIDUPAN
MENGEMUDI
PANDANGAN
DUNIA
BERDASARKAN ALKITAB